

**PEMBEBASAN SEBAGAI TEMA PERJUANGAN:
ANALISIS TERHADAP KARYA KREATIF HAMKA**

YUS'AIMAN JUSOH @ YUSOFF

**IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2014**

Kebenaran Merujuk Tesis

Dalam menyerahkan tesis ini, sebagai memenuhi keperluan pengajian ijazah lanjutan daripada Universiti Utara Malaysia (UUM), saya bersetuju supaya pihak perpustakaan UUM mengedarkan tesis ini bagi tujuan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan, keseluruhan atau sebahagian daripadanya, bagi tujuan akademik mestilah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada penyelia saya, atau, semasa ketiadaan beliau, kebenaran tersebut boleh diperolehi daripada Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences. Sebarang penyalinan, penerbitan atau penggunaan ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini, untuk tujuan pemerolehan kewangan, tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Di samping itu, pengiktirafan kepada saya dan UUM seharusnya diberikan dalam sebarang kegunaan bahan-bahan yang terdapat dalam tesis ini.

Permohonan untuk kebenaran membuat salinan atau kegunaan lain, sama ada keseluruhan atau sebahagiannya, boleh dibuat dengan menulis kepada:

Dean of Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences,
UUM College of Arts and Sciences,
Universiti Utara Malaysia,
06010 UUM Sintok,
Kedah Darul Aman.

Abstrak

Pembebasan adalah antara matlamat utama ajaran Islam seperti yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW. Perjuangan pembebasan ini diteruskan oleh para ulama termasuk Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA). Sebagai ulama tersohor Nusantara, beliau telah menghasilkan sejumlah besar karya merangkumi karya kreatif dan karya ilmiah. Pembebasan merupakan suatu tema penting yang muncul dalam karya beliau terutama dalam karya kreatif. Justeru itu, kajian ini menganalisis tema pembebasan dalam karya kreatif HAMKA. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pembebasan akidah yang terdapat dalam karya kreatif beliau. Selain itu, objektif kajian ini juga adalah untuk mengkaji pembebasan pemikiran dan menganalisis pembebasan sosial dalam karya kreatif yang beliau hasilkan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui teknik analisis kandungan yang dilakukan secara intrinsik dan ekstrinsik. Dua pendekatan turut digunakan iaitu pendekatan moral yang mengutamakan aspek tema dan persoalan dalam karya di samping pendekatan naratif. Semua karya kreatif HAMKA berupa enam novel dan tiga antologi cerpen dianalisis secara terperinci dan komprehensif. Dapatan daripada kajian menunjukkan bahawa karya kreatif HAMKA kaya dengan tema pembebasan merangkumi dimensi pembebasan akidah, pembebasan pemikiran dan pembebasan sosial. Pembebasan akidah memfokuskan kepada usaha pemurnian tauhid. Pembebasan pemikiran melibatkan pembebasan daripada taklid buta, hawa nafsu dan kemaruk kebendaan. Pembebasan sosial pula merangkumi usaha penegakan keadilan, pembebasan daripada adat Minangkabau dan pembebasan golongan terpinggir. Kajian ini juga mendapati tema pembebasan dalam karya kreatif HAMKA menepati Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer yang diaplikasikan dalam kajian. HAMKA dapat menyampaikan tema pembebasan dengan berkesan dalam karya kreatif beliau. Kajian ini membuktikan bahawa pembebasan merupakan teras penting dalam dakwah HAMKA yang dimanifestasikan melalui karya kreatif yang beliau hasilkan. Ia juga memperkayakan kajian dalam korpus ilmu khususnya yang melibatkan genre kesusasteraan Islam Nusantara.

Kata Kunci: Pembebasan sosial, HAMKA, Karya kreatif, Adat Minangkabau, Kesusasteraan Islam Nusantara.

Abstract

Liberation is one of the major objectives in the teaching of Islam as delivered by Prophet Muhammad SAW. The struggle for liberty has been continued by scholars such as Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA). As a renowned Malay Archipelago scholar, he has produced a large number of literary works including those of both creative and scholar in nature. Liberation is an important theme that has emerged in his literatures, especially in his creative works. Therefore, this study analyzes the theme of liberation in HAMKA's creative works. The objective of this study is to identify the liberation of faith found in his creative works. Besides, another objective of this study is to examine the liberation of thinking and analyze the social liberation of creative works that he has produced. The study uses qualitative method focusing on content analysis technique in HAMKA's creative works both intrinsically and extrinsically. Two approaches are used, namely the moral approach that emphasizes on themes and enquiries in the creative works as well as a narrative approach. All of HAMKA's creative works comprise of six novels and three short story anthologies are analyzed thoroughly and comprehensively. The finding of the study shows that HAMKA's creative works are rich with the liberation theme covering liberation in terms of faith, thoughts and social. The liberation of faith focuses on the purification of *tawhid*. In terms of thoughts, it involves the liberation from blind acceptance, materialistic desires and lust. Social liberation, on the other hand, includes the efforts in the implementation of justice, emancipation from Minangkabau customs and the liberation of marginalized groups. The study also finds that the theme of liberation in HAMKA's creative works matches with Asghar Ali Engineer Liberation Theory applied. HAMKA could effectively deliver the theme of liberation in his creative works indeed. This study has proven that liberation is a core component in HAMKA's *da'wah* manifested through creative works that he has produced. It also enriches the study of the corpus of knowledge, especially in the genre of Islamic Malay Archipelago literature.

Keywords: Social liberation, HAMKA, Creative works, Minangkabau customs, Islamic Malay Archipelago literature.

Penghargaan

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadzrat Allah SWT kerana dengan izinNya saya telah dapat menyempurnakan kajian ini. Kajian ini saya lakukan dengan keyakinan dan tesisnya saya tulis dengan jiwa, bukan dengan tangan. Oleh itu, ia adalah pancaran daripada komitmen dakwah yang saya perjuangkan selama ini dengan segala daya-upaya saya.

Saya rakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada penyelia kajian, Profesor Madya Dr. Shukri Ahmad yang bukan sahaja memperlihatkan profesionalisme akademik beliau tetapi juga menunjukkan kualiti seorang sahabat. Demikian juga rasa terhutang budi saya kepada staf Pusat Pengajian Umum dan Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia.

Bimbingan, pandangan dan nasihat daripada rakan-rakan akademik walau sekecil manapun, amat saya hargai. Kepada sesiapa jua yang telah secara langsung mahupun tidak langsung terlibat membantu saya dalam usaha menyiapkan kajian ini, saya doakan semoga jasa kalian diterima sebagai amal soleh dan diberikan pahala yang setimpal oleh Allah SWT.

Kasih sayang dan pengorbanan isteri, Nazila Mohd. Noor telah memungkinan saya berupaya menyiapkan kajian ini. Beliau telah memotivasikan saya untuk berjuang dan menyediakan suasana yang kondusif untuk saya menekuni tanggungjawab akademik ini dengan jayanya. Kepada ibu, Aishah Salim yang tidak putus-putus berdoa untuk kesejahteraan saya, diucapkan “terima kasih mak”. Penghargaan juga kepada keluarga yang telah menyokong usaha saya.

Semoga kajian ini memberikan manfaat kepada pengembangan ilmu dan pementapan idealisme dalam kalangan umat. Tidak ada yang lebih berharga kepada saya sebagai pengkaji melainkan kajian ini dapat meningkatkan keyakinan umat terhadap

kepentingan pembebasan dalam usaha membina umat yang gemilang. Kepada Allah SWT saya berserah.

Yus'aiman Jusoh @ Yusoff
Universiti Utara Malaysia

Jadual Kandungan

Kebenaran Merujuk Tesis	ii
Abstrak	iii
<i>Abstract</i>	iv
Penghargaan	v
Jadual Kandungan	vii
Senarai Jadual	xii
Senarai Rajah	xiii
Panduan Transliterasi	xiv
Senarai Singkatan	xv
BAB SATU PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Penyataan Masalah	8
1.3 Persoalan Kajian	18
1.4 Objektif Kajian	18
1.5 Kepentingan Kajian	18
1.6 Skop Kajian	20
1.7 Definisi Operasional	21
1.7.1 Pembebasan	21
1.7.2 Karya Kreatif	21
1.8 Sorotan Karya	22
1.8.1 Pembebasan	22
1.8.2 Sumbangan HAMKA dalam Disiplin Keagamaan Melalui Penulisan	25
1.8.3 Sumbangan HAMKA dalam Bidang Kesusasteraan dan Kebudayaan	30
1.9 Kerangka Teoritikal	36
1.10 Kerangka Konseptual	40
1.11 Kaedah Kajian	41
1.12 Kesimpulan	47

BAB DUA KONSEP PEMBEBASAN DAN BIOGRAFI HAMKA	49
2.1 Pendahuluan.....	49
2.2 Konsep Pembebasan dan Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer.....	49
2.3 Perjalanan Hidup HAMKA.....	65
2.4 Penglibatan HAMKA dalam Gerakan Islam.....	70
2.5 Kualiti Keperibadian HAMKA.....	76
2.5.1 Kepercayaan kepada Tuhan.....	78
2.5.2 Amanah.....	80
2.5.3 Harga Diri.....	82
2.5.4 Bertanggungjawab.....	84
2.5.5 Hemah Tinggi.....	86
2.5.6 Toleransi.....	88
2.5.7 Berdikari.....	90
2.5.8 Kerajinan.....	90
2.5.9 Kasih Sayang.....	92
2.5.10 Keadilan.....	93
2.5.11 Rasional.....	95
2.5.12 Kesederhanaan.....	96
2.6 Kesimpulan.....	98
BAB TIGA PEMBEBASAN AKIDAH	100
3.1 Pendahuluan.....	100
3.2 Akidah.....	101
3.3 Pembebasan Akidah.....	104
3.3.1 Tanggung Jawab sebagai Hamba Allah SWT.....	106
3.3.2 Tanggung Jawab sebagai Khalifah Allah SWT.....	107
3.3.3 Tanggung Jawab Dakwah.....	108
3.4 Pembebasan Akidah dalam Karya Kreatif HAMKA.....	109
3.4.1 Kepercayaan kepada Allah SWT.....	109

3.4.2	Kekuasaan Allah SWT.....	114
3.4.3	Pergantungan kepada Allah SWT.....	118
3.4.4	Kepercayaan kepada Malaikat.....	120
3.4.5	Kepercayaan kepada Kitab.....	121
3.4.6	Kepercayaan kepada Rasul.....	122
3.4.7	Takdir.....	123
3.4.8	Ketenangan Hati.....	127
3.4.9	Keampunan.....	127
3.4.10	Tahyul.....	128
3.4.11	Persamaan Manusia.....	129
3.4.12	Cinta.....	130
3.4.13	Rezeki.....	133
3.4.14	Kesyukuran.....	135
3.4.15	Hidup Selepas Mati.....	136
3.5	Fokus Akidah dalam Karya Kreatif HAMKA.....	140
3.6	Kesimpulan.....	143
BAB EMPAT PEMBEBASAN PEMIKIRAN.....		144
4.1	Pendahuluan.....	144
4.2	Pembebasan daripada Taklid Buta.....	145
4.2.1	Ketaasuban kepada Bomoh.....	148
4.2.2	Dominasi Lelaki.....	150
4.2.3	Menyerah kepada Takdir.....	153
4.2.4	Fokus Taklid Buta dalam Karya Kreatif HAMKA.....	155
4.3	Pembebasan daripada Hawa Nafsu.....	158
4.3.1	Fokus Hawa Nafsu dalam Karya Kreatif HAMKA.....	171
4.4	Pembebasan daripada Kemaruk Kebendaan.....	174
4.4.1	Fokus Kemaruk Kebendaan dalam Karya kreatif HAMKA.....	181
4.5	Kesimpulan.....	185

BAB LIMA PEMBEBASAN SOSIAL	187
5.1 Pendahuluan	187
5.2 Penegakan Keadilan	188
5.2.1 Fokus Keadilan dalam Karya Kreatif HAMKA	198
5.3 Pembebasan daripada Adat Minangkabau	201
5.3.1 Fokus Adat Minangkabau dalam Karya Kreatif HAMKA	208
5.4 Pembebasan Golongan Terpinggir	212
5.4.1 Fokus Golongan Terpinggir dalam Karya Kreatif HAMKA	223
5.5 Kesimpulan	227
BAB ENAM ANALISIS	228
6.1 Pendahuluan	228
6.2 Tema Pembebasan dalam Karya kreatif HAMKA	229
6.2.1 Pembebasan Akidah melalui Pemurnian Tauhid	230
6.2.2 Pembebasan Pemikiran daripada Taklid Buta	234
6.2.3 Pembebasan Pemikiran daripada Hawa Nafsu	238
6.2.4 Pembebasan Pemikiran daripada Kemaruk Kebendaan	244
6.2.5 Pembebasan Sosial melalui Penegakan Keadilan	248
6.2.6 Pembebasan Sosial daripada Adat Minangkabau	253
6.2.7 Pembebasan Sosial melalui Pembelaan Golongan Terpinggir	258
6.2.8 Kekuatan Karya Kreatif HAMKA	261
6.2.8.1 Kemantapan Cerita	261
6.2.8.2 Kemurniaan Nilai	269
6.2.8.3 Kekuatan Persembahan	274
6.2.9 Kelemahan Karya Kreatif HAMKA	280
6.3 Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer dalam Karya Kreatif HAMKA	287
6.3.1 Gagasan Pertama: Pembebasan Merangkumi Dunia dan Akhirat	287
6.3.2 Gagasan Kedua: Pembebasan Bersifat Anti Kemapanan	289
6.3.3 Gagasan Ketiga: Pembebasan Golongan Terpinggir	292

6.3.4 Gagasan keempat: Pembebasan Melibatkan Takdir dan Usaha yang Saling Melengkapi.....	295
6.4 Prasyarat Pembebasan.....	298
6.5 Kesimpulan.....	317
BAB TUJUH PENUTUP.....	320
7.1 Pendahuluan.....	320
7.2 Rumusan.....	320
7.3 Cadangan Kajian Lanjutan.....	327
7.4 Kesimpulan.....	329
RUJUKAN.....	332

Senarai Jadual

Jadual 1.1: Model Analisis	45
Jadual 3.1: Kekerapan Perkataan berkaitan Akidah dalam Teks	141
Jadual 4.1: Kekerapan Perkataan berkaitan Taklid Buta dalam Teks	156
Jadual 4.2: Kekerapan Perkataan berkaitan Hawa Nafsu dalam Teks	172
Jadual 4.3: Kekerapan Perkataan berkaitan Kemaruk Kebendaan dalam Teks	183
Jadual 5.1: Kekerapan Perkataan berkaitan Keadilan dalam Teks	199
Jadual 5.2: Kekerapan Perkataan berkaitan Adat Minangkabau dalam Teks	210
Jadual 5.3: Kekerapan Perkataan berkaitan Golongan Terpinggir dalam Teks	224

Senarai Rajah

Rajah 1.1: Kerangka Teoritikal: Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer	39
Rajah 1.2: Kerangka Konseptual	40
Rajah 3.1: Kekerapan Perkataan berkaitan Akidah dalam Teks	142
Rajah 4.1: Kekerapan Perkataan berkaitan Taklid Buta dalam Teks	157
Rajah 4.2: Kekerapan Perkataan berkaitan Hawa Nafsu dalam Teks	173
Rajah 4.3: Kekerapan Perkataan berkaitan Kemaruk Kebendaan dalam Teks	184
Rajah 5.1: Kekerapan Perkataan berkaitan Keadilan dalam Teks	200
Rajah 5.2: Kekerapan Perkataan berkaitan Adat Minangkabau dalam Teks	211
Rajah 5.3: Kekerapan Perkataan berkaitan Golongan Terpinggir dalam Teks	225

Panduan Transliterasi

Konsonan

Huruf Arab	:	Transkripsi	Huruf Arab	:	Transkripsi
ء	:	'	ط	:	t
ب	:	b	ظ	:	z
ت	:	t	ع	:	'
ث	:	th	غ	:	gh
ج	:	j	ف	:	f
ح	:	h	ق	:	q
خ	:	kh	ك	:	k
د	:	d	ل	:	l
ذ	:	dh	م	:	m
ر	:	r	ن	:	n
ز	:	z	ه	:	h
س	:	s	و	:	w
ش	:	sy	ي	:	y
ص	:	s	ة	:	h
ض	:	d			

Dalam sistem vokal ‘Arab ada vokal pendek, ada vokal panjang dan diftong:

Vokal Pendek

َ ____ (fathah) a

ُ ____ (dammah) u

____ (kasrah)

◌◌◌

Vokal Panjang

آ : ā

و : ū

ي : ī

Diftong

او : aw

اي : ay

يِ : iy/ī

Berdasarkan Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, cetakan 1988.

Senarai Singkatan

a.s.	: <i>`Alayh al-Salam</i>
HAMKA	: Haji Abdul Malik Karim Amrullah
r.a	: <i>RadiAllah anhu</i>
SAW	: <i>Sallallahu alaihi wasallam</i>
SWT	: <i>Subhanahu wa Ta'ala</i>
ZA'BA	: Zainal Abidin bin Ahmad

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Siddiq Fadzil; seorang cendekiawan dan pendakwah, menegaskan bahawa pembebasan adalah perjuangan yang sentiasa relevan pada setiap masa dan zaman. Hal ini kerana dunia tidak pernah bebas daripada kongkongan dan belunggu penindasan serta kejahatan yang menjerumuskan manusia dan alam kepada kerosakan (Siddiq, 2003: 36). Kerelevanannya dikaitkan dengan pembebasan sebagai misi kerasulan sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka), “Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah *Taghut*.” Maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. Oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasulnya.

(an-Nahl 16: 36)

Pembebasan merupakan tema penting yang mendasari pelbagai bentuk perjuangan kemanusiaan sejak sekian lama. Ia seringkali menjadi sumber yang mengilhami dan menginspirasi para pejuang yang mengabadikan hidup mereka ke arah perubahan dan pembaikan dalam masyarakat.

Persoalan pembebasan merupakan persoalan moral yang asasi dan semestinya mendapat perhatian utama golongan moralis (Hakim, 2011: 12). Mereka yang mengimpikan kehidupan individu dan masyarakat yang bermoral seharusnya

mendampingi dan menekuni usaha-usaha pembebasan. Perbincangan tentang pembebasan merupakan suatu wacana yang serius dan asasi dalam kehidupan.

Tema pembebasan boleh dilihat daripada dua perspektif iaitu perspektif keagamaan dan perspektif Barat. Perspektif keagamaan lebih didominasi oleh Islam dengan sorotan dan ruang lingkungannya yang lebih holistik dan komprehensif (Engineer, 1999: 1-40). Perspektif Barat pula dalam banyak hal lebih dipengaruhi oleh idea-idea kebebasan yang menjurus kepada kebebasan individu seperti yang dijelaskan oleh John Stuart Mill (Gray & Smith, 1991: 1-35). Kajian ini akan memfokuskan kepada perspektif Islam tentang pembebasan kerana keluasan ruang lingkungannya bahkan apa yang cuba diketengahkan oleh Barat itupun sudah terangkum dalam konsepsi Islam tentang pembebasan.

Islam telah meletakkan perjuangan pembebasan di tempat yang sangat penting dan signifikan (Siddiq, 2003: 35). Ia menekankan asas dan kekuatan agama iaitu keupayaannya membebaskan manusia daripada ketundukan dan perhambaan sesama makhluk kepada pengabdian yang mutlak kepada Allah SWT (*min ibadati al-`ibad, ila ibadati Allah*). Pembebasan daripada ketaatan kepada selain Allah SWT akan memberikan kesejahteraan dan keadilan kepada manusia dan alam semesta.

Pembebasan adalah misi Islam. Ia dilakukan melalui usaha penyelamatan, pembelaan dan penegakan keadilan dalam bentuknya yang konkrit dan komprehensif. Islam membebaskan manusia daripada cengkaman penindasan dan ketidakadilan. Hal ini terbukti melalui banyaknya ayat al-Quran yang memerintahkan manusia untuk

melaksanakan keadilan dan menentang kezaliman (Siddiq, 2003: 92-94). Demikianlah juga banyaknya ayat al-Quran yang secara langsung mahupun tidak langsung mengecam ketidakadilan yang tercetus dalam masyarakat. Allah SWT memberi arahan yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

(al-Maa'idah 5: 8)

Asas akidah dan tauhid Islam adalah slogan pembebasan. Ia merupakan suatu keprihatinan dan kepekaan terhadap perjuangan membebaskan para hamba, kaum tertindas, golongan yang kelaparan dan kelompok yang lemah dalam kalangan umat. Ali Shariati (1987a: 17) menegaskan betapa slogan pembebasan ini ditiupkan lebih awal oleh Islam sebelum para sarjana, intelektual dan ahli falsafah menyedarinya. Oleh yang demikian, Islam telah memainkan peranan sebagai pengasas dan pelopor kepada perjuangan pembebasan.

Walau bagaimanapun, akibat kejahilan dan penyelewengan, perjuangan pembebasan dalam Islam seringkali dipencilkan. Sebaliknya, Islam digambarkan sebagai agama spiritual yang bersifat adat dan upacara (*ritual and ceremonial*) semata-mata. Ia digelapkan sebagai agama yang hanya sesuai untuk waktu dan ketika tertentu sahaja. Ia diperangkap di masjid dan surau serta dilemahkan peranannya dalam merubah dan membangunkan masyarakat yang adil dan bebas. Hal ini mengakibatkan kekuatan misi

pembebasannya tidak muncul dan tidak dimanfaatkan. Hakikatnya ialah seperti yang ditegaskan oleh Muhammad Natsir (1980:110) bahawa Islam adalah agama dakwah. Justeru, Islam itu dinamik dan membawa rahmat serta tema pembebasan dalam misi dakwahnya.

Situasi bertambah buruk apabila lahirnya individu serta golongan yang mahu mempertahankan kemapanan (*establishment*), status quo dan elit yang berkuasa (Engineer, 1999: 1-2). Mereka mempergunakan Islam untuk mengekalkan penguasaan dan menghalang pembebasan. Pada tangan mereka, Islam kehilangan daya rubah dan dinamikanya. Islam dieksploitasi melalui tafsiran yang diolah dan disesuaikan dengan kehendak mereka untuk menjamin kelangsungan kuasa dan pengaruh golongan elit. Sekali lagi pembebasan yang merupakan intipati ajaran Islam terabai terutamanya dalam bidang yang berkaitan dengan aspek-aspek akidah, pemikiran dan kehidupan sosial.

Sememangnya pembebasan merupakan tema perjuangan yang penting dan usaha pembebasan selalu digerakkan oleh seseorang tokoh atau sesebuah gerakan. Tokoh dan gerakan sosial yang celik dan cerdas akan menggunakan pelbagai wahana seperti tulisan, pidato dan tindakan sosial untuk mengemukakan idea pembebasan. Antara tokoh gerakan sosial yang tersohor di Nusantara sama ada ketika hayatnya mahupun sesudah matinya ialah Haji Abdul Malik Karim Amrullah atau nama popularnya HAMKA.

HAMKA merupakan seorang pendidik, sasterawan dan ulama tersohor Indonesia dan Nusantara. Tokoh ini dilahirkan pada 17 Februari 1908 bersamaan 14 Muharram

(menjelang 15 Muharram) 1326 Hijrah di Sungai Batang, Maninjau, Sumatera, Indonesia (HAMKA, 1982b: 1-2). Anak ini dinamakan Abdul Malik oleh bapanya, Doktor Abdul Karim Amrullah yang juga dikenali sebagai Haji Rasul. Abdul Malik adalah anak hasil perkahwinan Doktor Abdul Karim Amrullah dengan isteri ketiganya yang bernama Safiah (Abdul Rahman, 2002: 2).

HAMKA tersohor sebagai pendakwah yang karismatik, berwibawa dan kredibel (Siddiq, 2001: 1-19). Perjuangan Islam beliau diwarisi daripada ayahnya. Ucapan dan pidato HAMKA sangat menarik dan memukau. HAMKA turut mewarisi bakat seni ibunya. Justeru, karya kreatif HAMKA amat digemari oleh khalayak. HAMKA telah memadukan segala kebolehannya untuk menjadi seorang yang multi dimensi.

Dalam perjuangan dakwah, HAMKA telah menumpukan kegiatan dalam pertubuhan Muhammadiyah. Selain itu, beliau juga terlibat dalam MASYUMI iaitu singkatan kepada Majlis Syura Muslimin Indonesia. Kedua-dua pertubuhan itu berjuang untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran rakyat terhadap kesejahteraan dan keadilan yang ditawarkan oleh Islam. Dalam hubungannya dengan pemerintah, HAMKA pernah dilantik sebagai Ketua Majlis Ulama Indonesia dari tahun 1975 hingga bulan Mei 1981 (H. Rusydi, 2002: 8).

HAMKA merupakan seorang penulis yang prolific. Ketika hayatnya, beliau telah menghasilkan lebih 100 karya. Mustafa Daud (2001: 47) mencatatkan bahawa HAMKA telah menghasilkan sebanyak 123 karya. Mohammad Redzuan (2001: 37) dan H. Rusydi

(2002: 389) menyatakan bahawa karya HAMKA adalah sebanyak 118 buah. Karya-karya yang dihasilkan muncul dalam pelbagai genre seperti buku ilmiah, kitab tafsir, rencana, novel dan cerpen. HAMKA juga dikenali sebagai sasterawan. Beliau menggunakan wadah kesusasteraan untuk berdakwah (Ali, 2007: 32-39).

Umur yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepadanya telah dimanfaatkan oleh HAMKA untuk berjuang dan berjihad pada jalan Allah. HAMKA kembali ke rahmatullah pada hari Jumaat, 24 Julai 1981 jam 10.41 pagi ketika berusia 73 tahun 5 bulan (Abdul Rahman, 2002: 6). Beliau telah memberikan segala yang terdaya untuk berdakwah dan menyeru umat kepada kebaikan.

HAMKA telah menempatkan dirinya pada posisi yang sangat tinggi. Tun Abdul Razak Husein selaku Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1974 ketika menganugerahi HAMKA Ijazah Doktor Kehormat telah menyatakan, “HAMKA bukan milik rakyat Indonesia sahaja tetapi beliau adalah juga tokoh kebanggaan seluruh bangsa-bangsa di Asia Tenggara” (A. Aziz, 2001: 16).

Di Indonesia, Bapak Muhammad Natsir yang merupakan Perdana Menteri Indonesia yang Pertama menghargai HAMKA sebagai seorang ulama besar yang memiliki keperibadian dan ketokohan yang tinggi. Mukti Ali pula menyifatkan peribadi HAMKA adalah terpuji dan tanpa cela manakala A. Hasymi mengangkat HAMKA setaraf walaupun tidak lebih daripada ketokohan Hamzah Fansuri (Ahmad Azam, 2001: 101).

Hamzah Fansuri merupakan tokoh tersohor Nusantara dalam tasawuf dan sufisme pada abad ke-16.

Karya HAMKA boleh dikelompokkan kepada tiga iaitu karya ilmiah, karya kreatif dan kitab tafsir (Mustafa, 2001: 47). Karya ilmiah beliau adalah buku dan makalah beliau yang bersifat akademik dan sarat dengan ilmu seperti *Falsafah Hidup*, *Pandangan Hidup Muslim* dan *Tasawuf Modern*. Karya kreatif beliau berupa novel dan cerpen yang mengharukan seperti *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Merantau ke Deli* dan *Menunggu Bedok Berbunyi*. Kitab tafsir beliau ialah *Tafsir al-Azhar* sebanyak 30 jilid.

Dalam bidang kesusasteraan, HAMKA telah memberikan sumbangan yang amat besar dan signifikan khususnya dalam perkembangan novel pada tahun-tahun 1920-an dan 1930-an. Satu hal yang menarik ialah keistimewaan HAMKA menghasilkan karya yang bertunjangkan keagamaan Islam yang berbeza dengan aliran karya-karya Balai Pustaka di Indonesia pada tempoh tersebut (Mustafa, 1992: 91). Karya-karya Balai Pustaka tidak menonjol aspek keagamaannya dan lebih bersifat semasa.

Sebagai sasterawan, HAMKA juga dipengaruhi oleh rujukan dan pembacaan beliau. Namun, beliau mempunyai keistimewaan yang tersendiri. A. Hasymi (Ali, 2007: 40) mengagumi HAMKA kerana kemampuan beliau memindahkan keindahan dan rasa (*dhauq*) bahasa asli yang menjadi rujukan beliau seperti bahasa Arab kepada bahasa Melayu.

HAMKA juga memberikan sumbangan yang besar dalam ilmu sejarah. Walaupun tidak mendapat pendidikan dan latihan khusus dalam bidang sejarah, namun kajian beliau menepati kehendak disiplin ilmu sejarah yang membolehkan karya beliau dijadikan rujukan oleh para pengkaji sejarah (Mohammad Redzuan, 2001: 38). Antara karya sejarah yang ditulis beliau ialah *Sejarah Umat Islam*, *Sejarah Islam di Sumatera* dan *Dari Perbendaharaan Lama*.

Sesungguhnya, HAMKA adalah ulama, pendidik dan sasterawan yang telah memberikan sumbangan besar kepada dunia kecendekiawanan di Nusantara. Karya beliau mengesankan dan mengharukan khalayak. Beliau telah menghasilkan karya yang amat bernilai kepada ketamadunan dan kepujangaan bangsa.

HAMKA telah memberikan sumbangan yang besar kepada perjuangan mengangkat martabat umat. Karya-karya beliau telah memaparkan banyak aspek pembaharuan dan peningkatan kualiti umat. Usaha-usaha ini dilakukan oleh beliau melalui pemaparan tema perjuangan untuk membebaskan umat daripada segala belenggu yang mengongkong dan melemahkan.

1.2 Penyataan Masalah

Tema pembebasan merupakan tema yang amat penting. Ia merupakan misi keagamaan dan kemanusiaan. Oleh yang demikian, pembebasan seharusnya diangkat menjadi intipati kepada sesuatu perjuangan. Masyarakat madani dan umat terbaik (*khayra*

ummah) hanya dapat dibina melalui usaha membebaskan mereka daripada segala unsur yang melemahkan dan yang membelenggu jiwa, fikiran dan tindakan.

Pembebasan telah mengambil tempat yang istimewa dalam sejarah perjuangan manusia. Ia dizahirkan melalui pelbagai aspek dan dimensi kehidupan. Pembebasan muncul dalam arena politik, ekonomi dan sosial. Lebih dari itu, pembebasan dalam jalur keagamaan juga turut berlaku dalam sejarah.

Kepentingan usaha pembebasan dalam pelbagai dimensi kehidupan adalah penting bagi membina masyarakat yang luhur dan berbudaya. Manusia sememangnya mempunyai potensi dan kemampuan untuk memilih jalan hidup yang sejahtera. Dalam konteks ini, Ali Shariati (1987b: 13) menegaskan tentang keupayaan manusia membuat keputusan dan pilihan dalam hidup. Hal ini kerana manusia merupakan makhluk yang sedar dan rasional. Justeru, manusia mesti dibebaskan daripada pelbagai ragam pembelengguan yang ganas dan mencengkam.

Hubungan rapat antara perjuangan pembebasan dengan misi keagamaan dan kemanusiaan telah memberikan petanda bahawa para pejuang yang mendukung cita-cita keagamaan dan kemanusiaan mempunyai kecenderungan mengangkat tema pembebasan dalam perjuangan mereka. Justeru itu, HAMKA tidak terkecuali daripada tanggapan sedemikian.

Sebagai tokoh besar yang mengabadikan hidupnya sebagai pendidik, sasterawan dan ulama, HAMKA mempunyai potensi menerapkan visi tentang perjuangan pembebasan dalam karya-karya yang beliau hasilkan. Walau bagaimanapun, belum ada kajian tentang HAMKA yang menekuni persoalan pembebasan dalam karya-karya beliau.

Kajian lampau tentang HAMKA banyak tertumpu kepada persoalan yang berkaitan dengan disiplin keagamaan dan disiplin kesusasteraan. Kajian-kajian tersebut merangkumi penelitian terhadap karya-karya beliau dan juga sumbangan beliau secara umum kepada umat. Karya-karya beliau dapat dibahagikan kepada tiga komponen iaitu karya ilmiah, karya kreatif dan kitab tafsir (Mustafa, 2001: 47). Semuanya menyumbang kepada pembinaan umat yang sejahtera.

Para pengkaji telah melakukan pelbagai kajian tentang HAMKA. Antaranya ialah Ali Abri (2007) yang telah mengkaji tentang *manhaj* akidah HAMKA. *Tafsir al-Azhar* karangan HAMKA telah dikaji oleh M. Arief Halim (2007) dan Wan Sabri Wan Yusoff (2001). Mustafa Daud (1992) telah mengkaji HAMKA dari sudut sastera dakwah. Demikian juga kajian Sarwan (1996) yang melihat sumbangan HAMKA terhadap dakwah di Indonesia dan Abdul Rahman Aziz (2002) yang menekuni aspek pemikiran etika yang dikemukakan oleh HAMKA.

Terdapat juga kajian tentang HAMKA yang dilakukan secara perbandingan. Antaranya ialah kajian Ismail Mohd Ariffin (1988) yang membuat perbandingan antara novel *Di Bawah Lindungan Kaabah* dengan novel *Anak Yatim*. Kajian perbandingan telah juga

dilakukan oleh Abu Hassan Abdul (2008). Beliau membandingkan strategi retorik antara HAMKA dengan Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad.

Kajian perbandingan dalam bidang dakwah turut dilakukan terhadap HAMKA dengan membandingkan beliau dengan sumbangan dakwah tokoh lain. Abdullah (2011) telah membandingkan pemikiran dan pejuangan dakwah HAMKA dengan sumbangan Pahlawan Nasional Indonesia, Bapak Mohammad Natsir. Kajian tersebut menumpukan perhatian kepada dakwah kultural dan dakwah struktural.

Selain itu, beberapa kertas kerja daripada sarjana tempatan yang utama adalah seperti sumbangan HAMKA terhadap bidang sejarah oleh Mohammad Redzuan Othman (2001). Terdapat juga usaha untuk melihat aspek pendidikan dalam pemikiran HAMKA yang diusahakan melalui satu kertas kerja oleh Muhammad Uthman El Muhammady (2001). Walau bagaimanapun, ia bersifat umum dan terhad dengan melihat beberapa aspek sahaja dan hanya dirujuk kepada tiga karya ilmiah yang terpilih di samping kitab tafsir beliau.

Sehingga kini, belum didapati sebarang kajian tentang HAMKA yang membincangkan soal pembebasan secara utuh dan komprehensif. Apatah lagi menekuni karya-karya kreatif beliau. Hal ini penting kerana tidak mungkin HAMKA yang merupakan tokoh terbilang sebagai pendidik, sasterawan dan ulama tidak mengemukakan gagasan pembebasan dalam karya-karya kreatif beliau.

Terdapat penulisan ringkas tentang karya HAMKA yang menyentuh soal pembebasan. Siddiq Fadzil (2001: 9) telah menghuraikan tentang kesungguhan HAMKA menghargai pembebasan dan memberi penghargaan terhadap perjuangan pembebasan. Dalam konteks ini, Siddiq Fadzil telah mengesakan betapa HAMKA mengagumi tokoh-tokoh pejuang pembaharuan dan pembebasan seperti Syeikh Tahir Jalaluddin dan Syeikh Muhammad Jamil Ambek.

Pengkaji mendapati bahawa kajian-kajian terdahulu tentang HAMKA ada yang menganalisis pelbagai tema yang boleh dikaitkan dengan tema pembebasan. Namun, kajian-kajian tersebut tidak menjurus secara tuntas kepada tema pembebasan dan tidak memberikan fokus kepada karya kreatif yang dihasilkan oleh HAMKA.

Penyelidikan awal pengkaji mendapati HAMKA telah berjuang untuk membebaskan akidah umat daripada penyelewengan dan kesamaran. Usaha menjernihkan tauhid dan pegangan akidah masyarakat telah dilakukan oleh beliau untuk membina akidah yang tulus kepada Allah SWT.

Pembebasan akidah melibatkan keyakinan kepada kuasa dan takdir Ilahi. Ia menjelaskan tentang qada dan qadar Allah SWT. Sebagai contoh, watak Zainuddin dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan watak Hamid dalam novel *Di Bawah Lindungan Kaabah*. Mereka berdua berpegang kuat kepada qada dan qadar Allah SWT (Mustafa, 1992: 126-127). Mereka sama-sama kecewa dalam percintaan. Zainuddin kecewa dalam percintaannya dengan Hayati dan Hamid merana dengan Zainab. Namun

mereka merujuk segala kedukaan dan penderitaan mereka kepada Allah SWT. Mereka menerima ketentuan Ilahi. Mereka tawakal, sabar dan tabah.

Watak Hayati, wanita yang dicintai Zainuddin dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* telah digubah oleh HAMKA sebagai watak yang meyakini takdir Ilahi. Hayati memperlihatkan hubungannya dengan sikap redha kepada ketentuan Allah SWT.

Bisikan hati Hayati diungkapkan oleh HAMKA:

Dia telah ditakdirkan Tuhan buat bersengsara. Dia akan melalui takdir itu sampai Tuhan sendiri pula yang membukakannya, iaitu dengan kafan dan...perkuburan.

(HAMKA, 2004b: 220)

Petikan di atas adalah pernyataan penyerahan diri Hayati kepada takdir dan kekuasaan Tuhan. Hayati meratapi nasibnya bersuamikan Aziz yang tidak bertanggungjawab sedangkan cintanya ialah pada Zainuddin yang mempunyai peribadi yang teguh. Walau bagaimanapun, dia menerima keadaan tersebut sebagai ketentuan Ilahi.

Ditinjau dari aspek pemikiran, HAMKA berusaha membebaskan umat daripada taklid buta iaitu amalan mengikut sesuatu secara membuta-tuli dan tanpa ilmu pengetahuan (Wan Sabri, 2001: 45). Taklid buta memberi kesan negatif iaitu ia akan membawa kepada pemahaman rigid dan ekstrim terhadap agama. HAMKA menggalakkan minda yang dinamik dan beliau mencerca sikap membuta tuli dalam kalangan umat.

Persoalan pembebasan daripada hawa nafsu turut diberi perhatian oleh HAMKA (Mustafa, 2001: 56). Manusia mesti dibebaskan daripada belenggu hawa nafsu yang

melemah dan memperdaya. Sebaliknya, manusia perlu tunduk serta taat dan mengikat dirinya kepada Allah SWT. Muhammad Uthman el-Muhammady (2001: 70) sependapat dengan Mustafa Daud, bahawa HAMKA menekankan tentang pembebasan diri daripada kelazatan-kelazatan yang lain menuju kepada kelazatan mengenal Allah SWT (*ma'rifat Allah*).

Diri dan pemikiran individu hendaklah dibebaskan daripada hawa nafsu. HAMKA mengaitkan perjuangan pembebasan hawa nafsu sebagai jihad. Menurut HAMKA (Mustafa, 1992: 91), jihad terbahagi kepada dua iaitu jihad rohani dan jihad jasmani. Jihad rohanilah yang lebih penting kerana ia merupakan jihad menentang hawa nafsu yang berkubu di dalam diri manusia dan syaitan yang meresap di dalam salur nadi manusia. Kejayaan menumpaskan hawa nafsu akan memberi kekuatan rohani dan pemikiran. Seterusnya ia akan memandu jasmani menempuh jalan yang sejahtera.

Pemikiran yang dikuasai oleh hawa nafsu akan bertindak melulu. Watak Hayati dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* diketengahkan oleh HAMKA sebagai watak yang dipengaruhi hawa nafsu dalam episod dia berpakaian seksi dengan berkebaya yang menampakkan dada dan mendedahkan rambut dalam satu majlis keramaian di Padang Panjang. Lalu Zainuddin menulis surat kepada Hayati dengan kata-kata pencerahan dan pendidikan:

Kekanda percaya bahawa yang demikian bukan kehendak Hayati yang sejati, Hayati hanya terturut kepada kehendak perempuan zaman kini. Mereka katakan itulah kemajuan, padahal kemajuan jauh dari itu. Apakah tujuan kemajuan itu kepada perubahan pakaian sampai begitu, Hayati?

(HAMKA, 2004b: 106)

Dalam surat ini, Zainuddin merasionalkan dan membebaskan diri Hayati daripada kongkongan hawa nafsu dengan mengatakan bahawa itu bukanlah diri Hayati yang sebenar tetapi hanyalah pengaruh persekitaran terhadap Hayati. Zainuddin meminta Hayati kembali kepada pakaian yang sopan kerana berpakaian seksi itu bukanlah tanda kemajuan dan pemodenan.

Pembebasan pemikiran juga ditonjolkan oleh HAMKA melalui usaha membebaskan cinta daripada nafsu yang disandarkan kepada elemen kecantikan dan gejolak seks. Beliau mengangkat cinta ke tempat yang terhormat sebagai fitrah manusia dan wahana amal soleh.

Pemikiran yang menganggap kebahagiaan sebagai kesenangan jasmani dan kelazatan kebendaan juga mendapat perhatian HAMKA. Beliau menegaskan betapa perlunya pemikiran tentang kebahagiaan dibebaskan daripada elemen yang bersifat sementara seperti kebendaan dan kelazatan dunia. Sebaliknya, bahagia terletak pada hati dan jiwa. Manusia akan bahagia apabila hati dan jiwanya sarat dengan kebaikan, iman, takwa dan amal soleh.

HAMKA mengenegahkan konsep keadilan yang menghormati hak setiap insan. Beliau juga menentang kezaliman dan kepura-puraan dalam masyarakat yang tidak prihatin kepada kemuliaan manusia. Hal ini ditegaskan dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* melalui petikan:

Seorang anak muda, yang berkenalan dengan seorang anak perempuan, dengan maksud baik, maksud hendak kahwin, dibusukkan, dipandang hina. Tetapi seorang yang dengan gelar

bangsawannya, dengan title datuk dan penghulunya mengahwini anak gadis orang berapa dia suka, kahwin di sana, cerai di sini, tinggalkan anak di kampung anu dan cicirkan di kampung ini, tidak tercela, tidak dihinakan.

(HAMKA, 2004b: 74)

Dalam petikan di atas, HAMKA menyifatkan perbuatan memilih bulu dengan mengutamakan kedudukan itu adalah sesuatu yang tidak adil dan keadilan hendaklah diperlihatkan. Pertimbangan yang tidak adil semata-mata kerana kedudukan seseorang mesti dielakkan. Zainuddin yang berniat baik tetapi tidak tergolong dalam golongan bangsawan telah dinafikan haknya.

Dalam karya-karya beliau, HAMKA turut mengangkat tema perjuangan pembebasan dalam aspek sosial dan urusan harian kemasyarakatan. Mustafa Daud (2001: 48) menegaskan tentang perjuangan HAMKA untuk membebaskan rakyat daripada adat Minangkabau yang diskriminatif dan kejam. Antara elemen adat Minangkabau tersebut adalah kahwin paksa dan pewarisan harta yang dibolot oleh wanita.

Mustafa Daud (1992: 189) juga mengangkat perjuangan pembebasan HAMKA dalam konteks mengeluarkan golongan lemah daripada penindasan pihak yang kuat dan berkuasa. Melalui karyanya, HAMKA berjuang untuk membebaskan golongan buruh yang ditindas dan diperas oleh majikan.

Di dalam novel *Merantau ke Deli*, HAMKA telah melahirkan simpati yang amat tinggi terhadap nasib yang dideritai oleh golongan buruh. Dalam karyanya ini, HAMKA telah

membangkitkan persoalan tentang nasib pekerja wanita yang ditindas bukan sahaja dari segi fizikal tetapi juga dari segi mental, emosi dan seksual.

Kekejaman majikan turut ditonjolkan oleh HAMKA melalui watak Jazuli dalam novel *Tuan Direktur*. Jazuli adalah pernyataan watak majikan yang tidak beretika dan hanya mementingkan keuntungan wang yang maksimum tanpa menghiraukan hak dan kebajikan pekerja. Antara penyelewengan Jazuli ialah memfitnah pekerja, menghalang kenaikan pangkat pekerja dan memberhentikan pekerja sesuka hati.

Berdasarkan kepada kajian-kajian lalu dan latar belakang keserjanaan dan sumbangan HAMKA, terdapat potensi bahawa kemungkinan besar terdapat tema dan persoalan yang berkaitan dengan perjuangan pembebasan dalam karya kreatif beliau. Justeru itu, kajian terhadap tema pembebasan dalam karya kreatif beliau akan memberi manfaat kepada semua pihak.

Perbincangan tentang pembebasan dan karya HAMKA membangkitkan persoalan-persoalan tentang apakah definisi dan perspektif Islam tentang pembebasan? Sejauh manakah HAMKA menekankan persoalan pembebasan sebagai tema perjuangannya? Apakah aspek-aspek pembebasan yang ditonjolkan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau? Apakah bukti-bukti tekstual yang dapat dikesan membabitkan tema pembebasan dalam karya kreatif HAMKA? Persoalan-persoalan tersebut akan dianalisis secara mendalam oleh pengkaji.

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan-persoalan dalam kajian ini adalah:

1. Apakah yang dimaksudkan dengan pembebasan dalam Islam?
2. Adakah karya kreatif HAMKA mengandungi tema pembebasan dari aspek akidah?
3. Sejauh manakah kandungan karya kreatif HAMKA mengutarakan tema pembebasan dari aspek pemikiran?
4. Sejauh manakah karya-karya kreatif HAMKA mengenengahkan tema pembebasan dari aspek sosial?

1.4 Objektif Kajian

Terdapat empat objektif kajian ini iaitu:

1. Mengenal pasti konsep pembebasan dalam Islam.
2. Mengenal pasti tema pembebasan dari aspek akidah yang terdapat dalam karya kreatif HAMKA.
3. Mengkaji tema pembebasan dari aspek pemikiran yang terkandung dalam karya kreatif HAMKA.
4. Menganalisis tema pembebasan dari aspek sosial yang diketengahkan dalam karya kreatif HAMKA.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan dapat menambahkan khazanah ilmu dalam dunia akademik berkaitan dengan tema pembebasan yang merupakan persoalan utama dalam Islam. Ia mampu

memberikan dimensi yang tepat tentang Islam dan hubungannya dengan pembebasan. Ia juga akan meningkatkan pengetahuan tentang pembebasan yang dikaji dari pelbagai aspek dan dimensi.

Usaha pengkajian tentang tema pembebasan dalam karya kreatif HAMKA akan mengayakan lagi korpus kajian yang telah dibuat terhadap HAMKA. Satu dimensi baru akan disingkap dan hal ini sangat bermanfaat dalam usaha apresiasi terhadap HAMKA dan karya beliau.

Dapatan daripada kajian ini akan memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang kemampuan karya sastera dan pendidikan mengenengahkan soal yang asasi dan mendasar dalam kehidupan. Ia akan menentukan kerelevanan karya kreatif mendukung isu yang fundamental dalam persoalan moraliti.

Pada akhir kajian, suatu rumusan akan dapat dibuat tentang sejauh manakah karya kreatif HAMKA mengandungi tema pembebasan. Justeru itu, sekiranya karya kreatif beliau sarat dengan tema pembebasan maka karya tersebut akan diketengahkan kepada masyarakat sebagai bahan yang relevan membicarakan soal pembebasan.

Kajian ini akan memberikan manfaat kepada pembangunan negara khususnya dalam hal yang berkaitan dengan pembangunan modal insan. Pemahaman tentang pembebasan dalam kualiti hidup insan akan melahirkan rakyat yang bermaruah dan mempunyai harga diri yang tinggi. Program yang menjurus ke arah pembinaan rakyat yang berjiwa

bebas dan merdeka boleh digiatkan dan hal ini dapat mengatasi masalah rakyat yang lemah dan berjiwa hamba.

Karya kreatif yang baik boleh dikenal pasti dalam kajian ini. Usaha ini akan membolehkan rakyat didedahkan dengan bahan-bahan bacaan yang bermutu untuk perkembangan diri. Ia juga akan membolehkan satu piawaiian ditentukan dalam menghasilkan karya kreatif yang mengandungi tema pembebasan dan sarat dengan nilai penyuburan setiap warganegara ke arah pembinaan negara maju dalam acuan sendiri.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini dibataskan kepada dua aspek utama. Pertama, bahan yang akan dikaji hanyalah karya kreatif HAMKA. Karya kreatif HAMKA melibatkan novel dan cerpen beliau. Karya-karya ilmiah beliau seperti buku dan rencana tidak dikaji. Demikianlah juga kitab tafsir beliau iaitu *Tafsir al-Azhar* tidak termasuk dalam skop kajian.

Batasan kedua melibatkan aspek yang akan ditekuni dalam karya kreatif HAMKA. Aspek tersebut dihadkan kepada kajian tentang tema dan persoalan sahaja. Hal ini kerana tema pembebasan sebagai tumpuan kajian lebih signifikan dan relevan untuk dikenal pasti melalui aspek tema dan persoalan dalam karya. Oleh yang demikian, aspek-aspek lain seperti watak, latar dan bahasa tidak menjadi tumpuan kajian.

1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Pembebasan

Pembebasan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah usaha untuk menyelamatkan sesiapa sahaja sama ada individu, keluarga, kelompok, komuniti, masyarakat mahupun umat daripada kegelapan (*zulumat*) kepada cahaya (*nur*) (Siddiq, 2003: 37). Justeru itu, tugas pembebasan merupakan tugas menyelamatkan, mengeluarkan dan memindahkan.

Perjuangan pembebasan melibatkan usaha memindahkan mereka yang terbelenggu, terperangkap dan terkurung dalam kegelapan. Kegelapan pula merupakan kongkongan kehinaan, kebodohan, kejahilan, kesesatan, kekeliruan dan kezaliman. Mereka ini perlu diberikan cahaya. Cahaya boleh difahami sebagai pencerahan, pencerdasan, kualiti, keadilan dan kemuliaan. Pembebasan merupakan tanggungjawab keagamaan yang penting (Siddiq, 2003: 38). Ia perlu dipikul dengan serius dan bersungguh-sungguh oleh mereka yang sedar.

1.7.2 Karya Kreatif

Karya kreatif merupakan bahan-bahan yang dihasilkan melalui daya kreativiti. Daya kreativiti boleh didefinisikan sebagai kebolehan individu untuk menjana idea-idea yang asli dan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi dengan menggunakan cara-cara yang baru (Feldman, 2011: G-3).

Karya kreatif dalam kesusasteraan melibatkan fiksyen iaitu novel, cerpen, drama dan puisi. Fiksyen bukan sekadar melibatkan imaginasi tetapi juga mengandungi sejarah dan sains (Morris, Walker & Bradshaw, 1983: 818). Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan pembahagian yang telah dilakukan oleh Mustafa Daud (1992). Mustafa Daud (1992) telah mengelompokkan novel-novel dan cerpen-cerpen HAMKA sebagai karya kreatif.

1.8 Sorotan Karya

1.8.1 Pembebasan

Tema pembebasan telah mendapat perhatian oleh kalangan sarjana, penulis dan pejuang sosial. Ia menjadi penting kerana potensi gagasan pembebasan itu memberikan perubahan dan pembaikan kepada sesuatu masyarakat khususnya masyarakat yang lemah, terpinggir dan tertindas.

Antara sarjana penting yang mengkaji serta mengupas persoalan pembebasan dengan tuntas ialah Asghar Ali Engineer (1999). Objektif beliau ialah untuk mengenal pasti gagasan-gagasan penting dalam teori pembebasan. Bagi beliau, agama memperjuangkan pembebasan.

Asghar Ali Engineer (1999) telah merumuskan empat gagasan penting dalam teori pembebasan. Pertama, ruang lingkup pembebasan meliputi kehidupan dunia dan akhirat. Kedua, perjuangan pembebasan bersifat anti kemapanan (*establishment*) kerana

kemampuan itu melindungi orang yang kaya dan berkuasa. Ketiga, pembebasan merangkumi pembelaan terhadap golongan yang tertindas. Keempat, dalam usaha memperjuangkan pembebasan, elemen takdir dan usaha adalah saling melengkapi.

Selain Asghar Ali Engineer, terdapat ramai lagi sarjana yang senada dengan beliau. Mereka turut mengupas persoalan pembebasan sebagai tema perjuangan walaupun terdapat perspektif yang sedikit berbeza. Antara sarjana berkenaan ialah Gustavo Gutierrez Merino (1988), John Luis Segundo (1976), Alfred Hannely (1995), Michael Lowy (1999) dan Siddiq Fadzil (2003).

Sarjana-sarjana ini mengkaji tentang pembebasan dengan tujuan untuk melihat sejauh mana kepentingan pembebasan dalam agama. Mereka kemudiannya mendapati betapa pembebasan merupakan unsur penting dalam ajaran agama kerana agama prihatin bahkan membela mereka yang menderita akibat ketidakadilan, lemah, miskin dan menjadi korban pihak yang berkuasa (Nurul Huda, 2006: 4). Justeru itu, perjuangan pembebasan menjadi tema yang sangat penting dalam kajian keagamaan.

Asghar Ali Engineer (1999) dan Siddiq Fadzil (2003) menghuraikan tentang pembebasan bertunjangkan ajaran Islam yang dinamik dan komprehensif. Gustavo Gutierrez Merino (1988), John Luis Segundo (1976), Alfred Hannely (1995) dan Michael Lowy (1999) dengan latar belakang mereka yang beragama Kristian melihat pembebasan daripada perspektif Kristianiti.

Sarjana Islam, Ali Shariati telah mengkaji tentang pembebasan dari perspektif pelbagai doktrin dan falsafah. Beliau mendapati semua ideologi seperti liberalisme, demokrasi, kapitalisme, komunisme dan imperialisme bukan sahaja gagal membebaskan manusia tetapi menghasilkan pula penjajahan bentuk baru. Menurut beliau, hanya Islam yang benar-benar mempunyai kekuatan pembebasan (Nurul Huda, 2006: 9-10). Huraian Ali Shariati tentang tema pembebasan dalam pelbagai tulisan beliau sangat berkesan dan menginspirasi para pejuang pembebasan.

Biar apa-apa pun, perjuangan pembebasan tetap mempunyai peranan yang amat penting terhadap manusia dan kemanusiaan. Manusia yang mulia tetap mengimpikan hidup yang bebas dan bermaruah. Tidak ada dalam kalangan mereka yang waras merelakan diri untuk dikongkong dan diperbodohkan.

Pembebasan mempunyai pengertian yang jelas. Selain daripada perkataan “pembebasan”, terdapat perkataan-perkataan lain yang digunakan dengan maksud yang sama seperti perkataan “pemerdekaan”. Hassan Hanafi (Shimogaki, 1993: 85-90) pula memasukkan perjuangan pembebasan dalam ungkapan “teologi kiri”.

Hassan Hanafi telah menghuraikan maksud “teologi kiri” sebagai istilah akademik yang merujuk kepada golongan yang terpinggir dan tertindas dalam masyarakat (Nurul Huda, 2006: 12). “Golongan kiri” ini berjuang bagi mendapatkan hak-hak mereka yang telah dinafikan dan dirampas oleh pihak yang berkuasa.

Konsep-konsep lain yang memberikan konotasi yang sama dengan pembebasan adalah slogan-slogan seperti “perjuangan kaum *mustad`afin*” dan “perjuangan kaum tertindas”. Semuanya mengarah kepada usaha membela nasib golongan yang lemah, dilemahkan, terpinggir dan tertindas dalam masyarakat.

1.8.2 Sumbangan HAMKA dalam Disiplin Keagamaan melalui Penulisan

Sebagai seorang ulama, HAMKA telah memberikan sumbangan yang besar kepada perkembangan disiplin keagamaan bukan sahaja di Nusantara tetapi juga kepada umat dan Dunia Islam. Sumbangan beliau dapat dikesan melalui penulisan, lisan dan kegiatan dakwah.

Melalui pena dan kekuatan ilmunya, HAMKA telah menghasilkan karya-karya yang amat bernilai. Hasil penulisan beliau membantu kefahaman umat tentang Islam. Karya-karya beliau dalam disiplin keagamaan muncul terutamanya dalam bentuk buku ilmiah, kitab tafsir dan majalah. Ia juga dapat dikesan secara tersirat dalam karya kreatif beliau.

Ali Abri (2007) telah mengkaji tentang manhaj akidah HAMKA. Beliau menekuni aspek-aspek akidah yang diberikan perhatian oleh HAMKA dalam karya-karya beliau. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa HAMKA menekankan tentang keesaan Tuhan yang mengutuskan Islam sebagai suatu cara hidup yang lengkap dan menyeluruh (Ali, 2007: 154).

Menurut Ali Abri (2007), buku *Falsafah Hidup* merupakan karya penghormatan dan dedikasi HAMKA kepada abang iparnya, A. R. Sutan Mansur yang banyak mendidiknya. Buku *Lembaga Hidup* menjelaskan tentang kewajiban anak terhadap ayahnya. Di dalam buku ini, HAMKA mengkritik aspek-aspek adat Minangkabau yang tidak Islamik khususnya yang berkaitan dengan perkahwinan. Di dalam buku *Lembaga Budi* pula, HAMKA memperihalkan tentang proses kebangkitan Islam.

Pengkajian tentang HAMKA daripada aspek sumbangan beliau dalam disiplin keagamaan telah juga dilakukan oleh Sarwan (1996). Beliau menyelidiki sumbangan HAMKA terhadap perkembangan dakwah Islamiah di Indonesia. Sumbangan yang dimaksudkan mencakupi aspek tulisan dan lisan.

Sarwan (1996: vii) mendapati bahawa HAMKA telah memberikan sumbangan yang besar terhadap dakwah Islamiah di Indonesia. Melalui tulisannya, HAMKA telah dapat menyebarkan idea dan pemikirannya kepada rakyat Indonesia. Usaha ini dilakukan beliau melalui kitab, buku, akhbar dan majalah.

Melalui wahana lisan, HAMKA didapati telah menyebarluaskan dakwah beliau melalui khutbah, syarahan dan ceramah. Beliau juga berdakwah secara lisan menggunakan media elektronik seperti radio, televisyen dan rakaman kaset. Sama ada melalui tulisan mahupun lisan, HAMKA telah dapat menjangkau khalayak yang ramai.

Suatu hal yang memberikan keunikan dan kekuatan terhadap sumbangan HAMKA kepada perkembangan dakwah di Indonesia adalah penglibatan aktif beliau dalam gerakan dakwah. Melalui gerakan Muhammadiyah, HAMKA mengabadikan cita-cita dan perjuangan dakwahnya. Antara usaha utama Muhammadiyah ialah menyediakan pendidikan alternatif berpaksikan keIslaman kepada rakyat khususnya kanak-kanak dan generasi muda.

HAMKA telah memberikan sumbangan yang besar dalam dakwah di Indonesia. Sarwan (1996: 177-194) memperakui bahawa sumbangan signifikan HAMKA dapat dikesan melalui sasaran dakwah HAMKA iaitu masyarakat, pemerintah, ulama dan gerakan Muhammadiyah. Semua memperoleh manfaat daripada usaha dakwah yang telah dilakukan oleh HAMKA.

Siddiq Fadzil (2010) dalam penyelidikannya menjelaskan beberapa aspek sumbangan HAMKA dalam disiplin keagamaan. Buku-buku ilmiah beliau seperti *Tasauf Moden*, *Falsafah Hidup*, *Lembaga Hidup* dan *Lembaga Budi*. Buku *Tasauf Moden* berusaha memberikan jawapan Islam terhadap pelbagai masalah kehidupan dan isu spiritual manusia (Siddiq, 2010: 2).

Siddiq Fadzil (2010: 2) turut mengutarakan keistimewaan kitab tafsir karangan HAMKA iaitu *Tafsir al-Azhar*. Keistimewaannya ialah ia merupakan tafsir berbahasa Melayu paling besar yang dikarang menggunakan gaya bahasa ceramah panjang. Selain

daripada itu, tafsir ini juga satu-satunya tafsir yang huraianannya paling banyak merujuk isu dan contoh keMelayuan.

Wan Sabri Wan Yusof (2001) juga mengkaji *Tafsir al-Azhar*. Kajian beliau mendapati bahawa HAMKA telah memberikan sumbangan besar kepada bidang keagamaan melalui penghasilan kitab tafsirnya itu. Sememangnya penghasilan kitab tafsir memerlukan ketekunan yang luar biasa di samping kekuatan keilmuan yang pelbagai dan mendalam.

Tafsir al-Azhar adalah kitab tafsir yang dikarang oleh HAMKA ketika beliau berada di dalam penjara. Tafsir ini ditulis dalam 30 jilid yang menyamai jumlah juzuk di dalam al-Quran. *Tafsir al-Azhar* merupakan gabungan hasil kitab-kitab tafsir yang klasik dan juga yang moden (Wan Sabri, 2001: 23).

Wan Sabri (2001: 21-45) membahaskan betapa *Tafsir al-Azhar* menggambarkan suasana semasa di samping memberikan impak terhadap perubahan sosial di Indonesia yang berlaku pada abad ke-20. Antara transformasi sosial yang dimaksudkan ialah fenomena toleransi antara agama di Indonesia (Wan Sabri, 2001: 29-39). Selain daripada itu, melalui tafsirnya juga, HAMKA menggerakkan perubahan sosial melalui usaha memanfaatkan akal pemikiran dan menentang budaya ikutan membuta-tuli (taklid) dalam kalangan masyarakat (Wan Sabri, 2001: 37-44).

Kajian tentang *Tafsir al-Azhar* turut dilakukan oleh M. Arief Halim (2007). Beliau mengkaji kitab *Tafsir al-Azhar* dari aspek kualiti hadis yang digunakan oleh HAMKA ketika menghuraikan isi dan makna ayat-ayat al-Quran. Dapatan beliau menunjukkan bahawa HAMKA telah menggunakan hadis-hadis yang berkualiti dalam memberi penjelasan dan pengukuhan dalam *Tafsir al-Azhar*.

Kajian Abdullah (2011) memfokuskan kepada sumbangan HAMKA dalam bidang dakwah. Beliau telah membandingkan pemikiran dan perjuangan dakwah HAMKA dengan sumbangan Pahlawan Nasional Indonesia, Bapak Mohammad Natsir. Kajian yang dilakukannya telah menumpukan perhatian kepada dakwah kultural dan dakwah struktural.

Muhammad Uthman el-Muhammady (2001) mengenal pasti aspek keagamaan dalam karya HAMKA yang berkaitan dengan nikmat Ilahi dan psikologi kerohanian. Lima kategori nikmat Ilahi yang dikemukakan oleh HAMKA ialah kebahagiaan akhirat, keutamaan akhlak, keutamaan tubuh badan, keutamaan persekitaran dan taufik serta hidayah Allah SWT (el-Muhammady, 2001: 78-79).

HAMKA dalam perbincangannya tentang psikologi kerohanian (el-Muhammady, 2001: 71-74) nampaknya bersetuju dengan gagasan al-Ghazali bila beliau menyatakan bahawa kebahagiaan manusia bergantung kepada tiga faktor. Tiga faktor psikologi kerohanian yang dimaksudkan oleh HAMKA ialah kekuatan yang berpusat dalam diri iaitu kekuatan marah, kekuatan syahwat dan kekuatan ilmu.

H. Rushdi, putera HAMKA sendiri telah banyak meneliti sumbangan HAMKA dalam disiplin keagamaan. Menurut H. Rushdi (2001: 5-7), HAMKA turut berdakwah menggunakan wahana majalah dan dua majalah terkenal yang HAMKA kendalikan ialah Pedoman Masyarakat dan Panji Masyarakat.

Ketika berada di Medan, HAMKA telah memimpin majalah Pedoman Masyarakat. Majalah ini tersebar ke seluruh Indonesia. Pedoman Masyarakat terhenti apabila Jepun menyerang Indonesia. Ketika di Jakarta, HAMKA menerbitkan majalah Panji Masyarakat dengan memberikan tumpuan kepada dakwah dan kebudayaan. Selepas beberapa waktu, majalah ini diharamkan kerana memuatkan tulisan Hatta yang mengkritik Presiden Sukarno.

1.8.3 Sumbangan HAMKA dalam Bidang Kesusasteraan dan Kebudayaan

HAMKA telah memberikan sumbangan yang besar dalam bidang kesusasteraan. Beliau telah memperlihatkan bakat dan kebolehan yang luar biasa. Bukan sekadar seorang ulama dan pendidik, beliau juga merupakan seorang sasterawan yang prolifik dan mengagumkan. Tidak hairanlah apabila Mustafa Daud (1992: 288-309) menilai bahawa karya kreatif HAMKA mempunyai estetika yang tinggi. Terdapat kajian-kajian yang telah dilakukan terhadap karya-karya beliau.

Mustafa Daud (1992) merupakan pengkaji tempatan yang terpenting menyelidiki karya kreatif HAMKA. Beliau telah menekuni karya kreatif HAMKA daripada perspektif

sastera dakwah melibatkan karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Merantau ke Deli*, *Di Bawah Lindungan Kaabah*, *Tuan Direktur* dan *Keadilan Ilahi*.

Kajian Mustafa Daud (1992) menunjukkan betapa karya kreatif HAMKA sarat dengan mesej dakwah kepada masyarakat. Hal ini mudah difahami kerana selain daripada kedudukannya sebagai seorang sasterawan, HAMKA juga seorang ulama dan pendakwah yang gigih.

Abu Hassan Abdul (2008) telah mengkaji tentang strategi retorik yang telah digunakan oleh HAMKA dalam karya-karya beliau seperti *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan *Falsafah Hidup*. Seterusnya, Abu Hassan Abdul telah membandingkan strategi retorik yang digunakan oleh HAMKA dengan Sasterawan Negara, Shahnun Ahmad yang menunjukkan kekuatan karya mereka.

Kajian Ismail Mohd Ariffin (1988) menumpukan perhatian kepada novel HAMKA. Beliau telah membuat perbandingan antara novel *Di Bawah Lindungan Kaabah* dengan novel *Anak Yatim*. Ismail Mohd Ariffin mendapati kekuatan kesusasteraan dan mesej keagamaan dalam novel HAMKA itu.

Abdul Rahman Abdul Aziz (2002) telah mengkaji aspek pemikiran etika yang dikemukakan oleh HAMKA. Antara karya yang dikaji oleh beliau ialah novel-novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Di Bawah Lindungan Kaabah*, *Keadilan Ilahi*, *Tuan Direktur* dan antologi cerpen *Di Dalam Lembah Kehidupan*. Beliau mengesan

bahawa terdapat unsur etika dalam karya sastra HAMKA (Abdul Rahman, 2002: 142). HAMKA juga merupakan tokoh Islam yang menekankan kedamaian dan perpaduan melalui pendekatan etika tasauf (Abdul Rahman, 2002: 142).

Etika moral mendapat perhatian HAMKA (Abdul Rahman, 2002: 143). Demikian juga HAMKA (Abdul Rahman, 2002: 142-146) menegakkan keIslaman dan kemanusiaan serta etika cinta sama ada cinta yang berupa cinta makhluk atau cinta Tuhan. HAMKA meletakkan segala cinta kepada paksinya iaitu cinta kepada Tuhan yang maha memiliki dan maha menguasai.

Siddiq Fadzil (2001) dalam penyelidikannya telah mendapati bahawa HAMKA telah memberikan sumbangan yang besar kepada bidang kesusasteraan dan kebudayaan. HAMKA dianggap sebagai ilmuwan dan sasterawan yang sangat menghargai khazanah persuratan Melayu tradisional. Siddiq Fadzil telah meneliti karya-karya HAMKA seperti *Kenang-kenanganku di Malaysia*, *Kenang-kenangan Hidup* dan *Dari Perbendaharaan Lama*.

Menurut Siddiq Fadzil, HAMKA berkeupayaan untuk menyelami minda pujangga Melayu lama dan mampu pula mengenal pasti mesej yang hendak disampaikan sama ada secara simbolik mahupun tersirat di sebalik sesuatu karya (Siddiq, 2001: 14). Keupayaan ini adalah sesuatu yang istimewa dan mengangkat kedudukan HAMKA sebagai tokoh yang disegani.

Melalui penelitiannya, A. Aziz Deraman (2001) telah menyanjung sumbangan HAMKA dengan menggelar beliau hukama' Melayu. Bagi beliau, HAMKA telah mengemukakan nilai-nilai hidup yang luhur dalam karya-karya yang telah dihasilkan seperti *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck, Di Bawah Lindungan Kaabah* dan *Di Dalam Lembah Kehidupan*. Apa yang lebih penting, menurut A. Aziz Deraman (2001: 15) ialah nilai-nilai tersebut merujuk kepada nilai hidup Melayu-Islam, budaya Melayu-Islam dan akal budi Melayu-Islam.

Ahmad Azam Abdul Rahman (2001) menegaskan betapa HAMKA adalah seorang ulama, pemikir dan sarjana Islam yang menjadi sumber ilham dan teladan kepada masyarakat. Bagi Ahmad Azam, HAMKA mempunyai keupayaan memilih kata yang tepat dan memikat dalam bicara dan penulisannya.

Sebagai pakar sejarah, Mohammad Redzuan Othman (2001) turut mengkaji HAMKA dari aspek sumbangannya kepada ilmu sejarah. Karya terpenting HAMKA dalam aspek sejarah ialah buku *Sejarah Umat Islam*. Selain itu, karya-karya beliau seperti *Sejarah Islam di Sumatera, Dari Perbendaharaan Lama* dan *Sejarah Muhammadiyah di Minangkabau* adalah juga berkaitan.

Walaupun tidak mendapat latihan formal dalam bidang sejarah, karya HAMKA menepati disiplin ilmu sejarah, mendapat penghormatan dan menjadi rujukan dalam kalangan ilmuwan sejarah (Mohammad Redzuan, 2001: 38). HAMKA menyanggah pandangan orientalis bahawa Islam datang ke Alam Melayu secara kebetulan dan

kekuatan utama HAMKA dalam penulisan sejarah ini ialah keupayaannya merujuk pelbagai sumber sejarah. Beliau tidak hanya merujuk sumber Barat tetapi juga mengkaji sumber tempatan dan sumber Arab.

Terdapat tiga isu utama berkaitan sejarah kedatangan Islam ke Alam Melayu yang telah dikaji oleh HAMKA (Mohammad Redzuan, 2001: 43-55). Pertama ialah dari mana Islam datang ke Alam Melayu dan HAMKA mengatakan ia datang terus dari Tanah Arab. Kedua, berkenaan tarikh kedatangan Islam dan HAMKA menegaskan bahawa Islam telah datang ke Tanah Melayu selewat-lewatnya pada abad ke-11. Kerajaan Samudera-Pasai pada abad ke-13 dan ke-14 dikenal pasti oleh HAMKA sebagai kerajaan Islam yang pertama di Alam Melayu. Ketiga, menyangkut persoalan proses pengIslaman yang mana HAMKA mencatatkan bahawa ia berlaku melalui pendakwaan khusus dari atas (raja) ke bawah (rakyat).

Muhammad Uthman el-Muhammady (2001) menyelidiki aspek pendidikan dalam karya-karya HAMKA. Beliau telah menemui dimensi pendidikan yang dikemukakan oleh HAMKA. Antaranya ialah penekanan HAMKA tentang pengalaman hidup sebagai unsur dalam pendidikan, pendidikan kerohanian dan akhlak, matlamat pendidikan untuk membentuk peribadi dan pendidikan anak-anak.

Berdasarkan kepada sorotan karya yang telah dikemukakan, adalah jelas bahawa sehingga kini, belum didapati sebarang kajian tentang HAMKA yang membincangkan soal pembebasan secara utuh dan komprehensif. Apatah lagi mengkaji tema

pembebasan dengan menekuni karya-karya kreatif beliau. Kajian tentang tema pembebasan ini penting kerana tidak mungkin HAMKA yang merupakan tokoh terbilang sebagai pendidik, sasterawan dan ulama mengabaikan gagasan pembebasan dalam karya-karya kreatif beliau.

Karya kreatif HAMKA terbahagi kepada dua genre iaitu novel dan cerpen. Beliau telah menghasilkan enam novel yang sangat bermutu iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (1938), *Merantau ke Deli* (1938), *Di Bawah Lindungan Kaabah* (1938), *Terusir/Kerana Fitnah* (1938), *Tuan Direktur* (1939) dan *Keadilan Ilahi* (1941).

HAMKA sememangnya seorang penulis yang tekun dan prolific. Di samping novel, HAMKA juga menulis cerpen. Kumpulan cerpen beliau termuat dalam tiga antologi cerpen iaitu *Di Dalam Lembah Kehidupan*, *Menunggu Bedok Berbunyi* dan *Cermin Penghidupan*. Antologi *Di Dalam Lembah Kehidupan* diterbitkan pada 1941. Antologi *Menunggu Bedok Berbunyi* pula menemui pembaca pada 1950 manakala Antologi *Cermin Penghidupan* diterbitkan pada tahun 1962.

Kajian ini akan menganalisis secara kritis akan semua karya kreatif yang telah dihasilkan oleh HAMKA ketika hayat beliau. Karya kreatif tersebut sama ada daripada genre novel atau cerpen. Berlatar belakangkan pengalaman beliau sebagai pendidik, ulama dan sasterawan, kajian terhadap karya kreatif beliau merupakan sesuatu yang mengasyikkan dan menghiburkan.

1.9 Kerangka Teoritikal

Pembebasan mengeluarkan manusia daripada kegelapan (*zulumat*) kepada cahaya (*nur*) (Siddiq, 2003: 37). Pembebasan bermaksud perjuangan untuk melepaskan individu dan masyarakat daripada apa jua ikatan yang membelenggu dan memenjarakan kemuliaan insan. Pemenjaraan itu melibatkan semua fakulti keinsanan sama ada spiritual mahupun fizikal, rohani mahupun jasmani. Manusia berhak dimuliakan daripada sebarang bentuk pembedahan, penjajahan dan penindasan.

Perbincangan tentang pembebasan dan kebebasan membawa kepada pengolahan teoritikal yang khusus. Ia mengengahkan kerangka tentang bagaimana seharusnya pembebasan dan kebebasan itu dilihat dan dikaji secara mendalam oleh pengkaji. Pengkajian sebegini akan membolehkan pemahaman yang berstruktur dapat dilakukan secara sistematik.

Dalam membahaskan pembebasan dan kebebasan, John Stuart Mill (Gray & Smith, 1991: 23), seorang ahli falsafah Inggeris yang terkenal menjelaskan bahawa kebebasan hanya wujud apabila hak-hak individu disahkan dan dihormati. Apabila dikaitkan dengan negara, Mill menegaskan tentang kebebasan yang mesti dimiliki rakyat. Antara langkah untuk menjamin kebebasan bagi rakyat ialah dengan menghadkan kuasa penguasa yang memerintah. Hal ini supaya pemerintah tidak menyalahgunakan kuasa yang ada pada mereka.

Bagi Mill, untuk memelihara kebebasan rakyat, penguasa mesti dihadkan kuasa mereka. Hal ini dilakukan melalui dua langkah. Pertama, hak rakyat mesti diktiraf secara sah dan penguasa hendaklah dielakkan daripada imuniti dan kuasa mereka perlukan limitasi. Langkah kedua ialah dengan kawalan, semakan dan imbangan. Hal ini dapat dilakukan melalui penguatkuasaan perlembagaan dan institusi yang berwenang yang dipersetujui rakyat.


Asghar Ali Engineer (1999: 1-2) ketika membincangkan tentang pembebasan dalam konteks keagamaan telah merumuskan empat gagasan penting. Pertama, ruang lingkup pembebasan meliputi kehidupan dunia dan akhirat. Kedua, perjuangan pembebasan bersifat anti kemapanan (*establishment*) kerana kemapanan itu melindungi orang yang kaya dan berkuasa. Ketiga, pembebasan merangkumi pembelaan terhadap golongan yang terpinggir. Keempat, dalam usaha memperjuangkan pembebasan, elemen takdir dan usaha adalah saling melengkapi.

Gagasan pertama menyatakan bahawa ruang lingkup pembebasan meliputi kehidupan dunia dan akhirat. Pembebasan dalam Islam tidak terhad kepada perjuangan membebaskan manusia daripada kongkongan dan penindasan dalam tempoh waktu kehidupan dunia sahaja. Sebaliknya, ia berterusan melangkah ke alam ukhrawi dalam bentuk perhambaan yang mutlak kepada Allah SWT. Ketika berada pada kehidupan akhirat, manusia yang bebas adalah mereka yang mendapat balasan baik di syurga Ilahi.

Gagasan kedua menegaskan tentang perjuangan pembebasan yang merupakan suatu bentuk perjuangan yang bersifat anti kemapanan (*establishment*). Hal ini kerana usaha kemapanan atau mengekalkan status quo itu adalah percubaan untuk mengekalkan satu sistem yang sedang berjalan yang didukung oleh elit yang berkuasa. Elit yang berkuasa berusaha mengekalkan kepentingan mereka untuk terus menguasai sumber kekayaan, pengaruh dan penghormatan. Dalam usaha tersebut, mereka mengongkong golongan yang lemah. Oleh itu, kemapanan harus dirombak kerana kemapanan melindungi orang yang kaya dan berkuasa.

Gagasan ketiga menekankan bahawa pembebasan merangkumi pembelaan terhadap golongan yang terpinggir dan tertindas. Perjuangan pembebasan merupakan suatu upaya untuk membela golongan yang terpinggir dan tertindas dalam masyarakat. Golongan ini melibatkan mereka yang terpinggir daripada penguasaan harta dan pengaruh seperti orang miskin, fakir, janda, anak yatim dan orang kurang upaya. Membela golongan tertindas ini bukan sekadar memberikan mereka wang dan harta. Apa yang perlu diutamakan ialah mendidik dan membekalkan mereka dengan ideologi penentangan terhadap kezaliman dan penindasan.


Gagasan keempat menjelaskan tentang kedudukan elemen takdir dan elemen usaha dalam perjuangan pembebasan. Dalam perjuangan pembebasan, kedua-dua elemen tersebut iaitu takdir dan usaha adalah saling melengkapi. Di samping berusaha, pejuang mestilah meyakini takdir yang menentukan hasil perjuangan. Di samping meredhai takdir, pejuang mestilah gigih berusaha untuk mencapai matlamat yang digariskan.



Rajah 1.1 Kerangka Teoritikal: Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer

Pengkaji memilih kerangka teoritikal oleh Asghar Ali Engineer (1999: 1-2) kerana ia lebih Islamik dan menyeluruh. Beliau dapat memadukan antara kehidupan duniawi dan ukhrawi. Seterusnya, beliau dapat merangkumkan semua aspek yang berkaitan dengan pembebasan secara sistematik dan berstruktur berbanding sarjana yang lain.

1.10 Kerangka Konseptual



Rajah 1.2 Kerangka Konseptual

1.11 Kaedah Kajian

Untuk mencapai objektif-objektif kajian dan menjawab persoalan-persoalan kajian, kaedah yang tepat perlu dikenal pasti. Selaras dengan kaedah yang dikemukakan oleh Fraenkel dan Wallen (2009), kajian bertajuk “Pembebasan sebagai Tema Perjuangan: Analisis terhadap Karya Kreatif Hamka” ini adalah daripada jenis Kajian Kualitatif (*Qualitative Research*) (Fraenkel & Wallen, 2009: 421-426). Ia menggunakan Pendekatan Naratif (*Narrative Approach*) (Fraenkel & Wallen, 2009: 427-428) atau penceritaan. Seterusnya, kajian ini akan menggunakan teknik Analisis Kandungan (*Content Analysis*) (Fraenkel & Wallen, 2009: 471-499) dengan mendalami isi yang terdapat dalam karya kreatif HAMKA.

Analisis Kandungan akan membolehkan pemahaman tentang budaya masyarakat yang terlibat dalam sesuatu karya. Mengikut Hesse-Biber dan Leavy (2011: 227), budaya hidup itu melibatkan norma, nilai, proses sosialisasi dan strata sosial. Analisis Kandungan juga telah digunakan dalam pelbagai disiplin kajian.

Dalam kajian terhadap kandungan karya kreatif HAMKA, analisis yang akan dilakukan melibatkan kedua-dua jenis analisis yang sering digunakan oleh para pengkaji dalam mengkaji karya sastera. Kedua-dua jenis analisis tersebut ialah Analisis Intrinsik dan Analisis Ekstrinsik.

Analisis Intrinsik merupakan kajian terhadap karya sastera melalui unsur dalaman (Mohd. Khalid, 1984: 17-18). Ia juga dikenali sebagai Pendekatan Struktural (Abdul

Rahman, 1996: 82-104) dan *Text-Oriented Approach* (Henderson, Day & Miller, 1994: 1-2). Analisis intrinsik ini ialah usaha menganalisis karya semata-mata berpandukan kepada apa yang telah dihasilkan atau karya yang telah siap melibatkan aspek seperti isi dan bentuk karya tersebut.

Analisis ekstrinsik pula melibatkan perkara di luar karya sastera tersebut. Antara aspek-aspek luaran itu adalah biografi pengarang, latar belakang di sebalik karya dan persekitaran ketika karya tersebut dihasilkan (Mohd. Khalid, 1984: 17). Walaupun di luar karya, aspek-aspek tersebut mempengaruhi karya yang dihasilkan.

Gabungan Analisis Intrinsik dan Analisis Ekstrinsik akan membolehkan pemahaman yang lebih jelas tentang karya kreatif HAMKA. Selain mengkaji aspek penceritaan dalam karya, aspek-aspek luaran seperti biografi dan latar belakang HAMKA tidak boleh dikesampingkan kerana ia akan memantapkan kajian. Persekitaran masyarakat ketika karya kreatif HAMKA itu dihasilkan turut memberikan impak terhadap karya itu sendiri.

Karya kreatif HAMKA merangkumi novel-novel dan cerpen-cerpen beliau. Kajian terhadap kandungan karya kreatif beliau itu memerlukan kefahaman dan penganalisan yang mendalam. Dalam konteks ini, analisis akan memfokuskan kepada isi atau maksud kandungan dalam karya. Selanjutnya, isi atau maksud kandungan dalam karya melibatkan pula dua aspek. Menurut Fraenkel dan Wallen (2009: 477-479), analisis kandungan semestinya melibatkan maksud tersurat/isi lateral (*manifest content*) dan

maksud tersirat/isi sebalik (*latent content*). Pengkaji akan memberi perhatian kepada kedua-dua aspek ini.

Untuk lebih memperincikan kaedah kajian, Pendekatan Moral (Mana Sikana, 1986: 70-81) turut digunakan. Pendekatan Moral mengkaji karya sastera sebagai suatu bentuk sumbangan yang bermakna kepada masyarakat. Dalam konteks ini, Pendekatan Moral menghargai “kesusasteraan terlibat” atau “sastera komitmen”.

Pendidikan Moral turut melibatkan ilmu agama, pendekatan beragama dan sikap keagamaan dalam kritikan terhadap karya sastera (Rahman, 1989: 7). Melalui Pendekatan Moral, kajian terhadap karya sastera merupakan usaha melihat sumbangan karya tersebut ke arah pembentukan suatu rupa bentuk masyarakat yang mulia, bermoral dan beradab.

Pendekatan Moral amat signifikan dalam kajian ini kerana tumpuan kajian adalah kepada tema pembebasan yang merupakan nilai moral yang terdapat dalam teks. Suatu hal yang amat penting ialah pendekatan moral seperti yang ditegaskan oleh Mana Sikana (1986: 71) lebih memberikan perhatian kepada isi dalam karya daripada bentuknya. Apa yang dimaksudkan dengan isi ialah tema dan persoalan yang dibincangkan dan diperhalusi dalam karya. Bentuk hanyalah alat untuk menyampaikan isi moral tersebut.

Terdapat hubungan antara Pendekatan Moral dengan Analisis Intrinsik dan Analisis Ekstrinsik dalam kajian terhadap karya kreatif HAMKA. Pendekatan Moral akan

dilakukan melalui Analisis Intrinsik dan Analisis Ekstrinsik. Pengumpulan tema dan persoalan tentang pembebasan dalam karya kreatif HAMKA akan dilakukan melalui analisis terhadap aspek dalaman dan aspek luaran karya.

Justeru itu, aspek karya kreatif HAMKA yang akan dikaji ialah tema dan persoalan yang dikemukakan dalam semua karya kreatif beliau sama ada daripada genre novel mahupun cerpen. Hal ini bertepatan dengan apa yang dikemukakan oleh Gay, Mills dan Airasian (2009: 385) bahawa dalam Pendekatan Naratif, tugas terpenting ialah membentuk tema dan persoalan daripada cerita-cerita yang dikumpul. Semua karya kreatif HAMKA akan dibaca dengan teliti dari halaman ke halaman. Tema dan persoalan yang menyangkut isu pembebasan akan dikenal pasti. Bahan-bahan tersebut akan dianalisis secara kritis. Model analisis adalah seperti berikut:

Jadual 1.1 Model Analisis

BIL	KARYA	TEMA Pembebasan	PERSOALAN Pembebasan	KEKUATAN	KELEMAHAN
1	<i>Tenggelamnya Kapal Van Wijek (Novel)</i>	✓	✓	✓	✓
2	<i>Merantau ke Deli (Novel)</i>	✓	✓	✓	✓
3	<i>Di Bawah Lindungan Kaabah (Novel)</i>	✓	✓	✓	✓
4	<i>Terusir/Kerana Fitnah (Novel)</i>	✓	✓	✓	✓
5	<i>Tuan Direktur (Novel)</i>	✓	✓	✓	✓
6	<i>Keadilan Ilahi (Novel)</i>	✓	✓	✓	✓
7	<i>Di Dalam Lembah Kehidupan (Antologi Cerpen)</i>	✓	✓	✓	✓
8	<i>Menunggu Bedok Berbunyi (Antologi Cerpen)</i>	✓	✓	✓	✓
9	<i>Cermin Penghidupan (Antologi Cerpen)</i>	✓	✓	✓	✓

Analisis secara kritis dilakukan dengan mengenal pasti tema dan persoalan tentang pembebasan yang terdapat dalam karya kreatif HAMKA. Kekuatan dan kelemahan karya kreatif HAMKA khususnya dalam mengutarakan idea pembebasan akan diulas secara kritis.

Untuk tujuan memantapkan kajian, pengkaji akan menggunakan perisian *Antconc* bagi menganalisis teks dalam karya kreatif HAMKA. Perisian *Antconc* digunakan dengan meluas di seluruh dunia oleh para pengkaji yang menggunakan teknik Analisis Kandungan (*Content Analysis*) dan linguistik dalam kajian mereka.

Perisian *Antconc* akan membolehkan kekerapan sesuatu perkataan yang muncul dalam sesuatu teks itu dikira. Hal ini penting dalam menentukan kepentingan perkataan tersebut dalam teks berdasarkan kekerapannya. Kekerapan yang diperoleh akan membolehkan pengkaji merumuskan kepentingan sesuatu perkataan, persoalan dan tema dalam sesuatu karya.

Semua karya kreatif HAMKA yang berupa novel dan cerpen akan ditaip semula dan dimasukkan dalam perisian *Antconc*. Selepas itu, perisian *Antconc* akan dioperasikan bagi menentukan kekerapan perkataan-perkataan yang akan ditentukan. Perkataan-perkataan berkenaan mewakili konsep dan aspek pembebasan yang diperincikan dalam karya kreatif HAMKA.

Pada akhir kajian ini, rumusan akan dibuat tentang sejauh manakah terdapat idea-idea pembebasan dalam karya kreatif HAMKA. Kajian juga akan membuat penilaian terhadap keberkesanan dan kerelevanan idea-idea pembebasan yang dikemukakan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau.

Untuk tujuan pengorganisasian bab, kajian ini akan dipersembahkan dalam 7 bab. Bab Satu ialah bab pengenalan. Bab Dua akan membincangkan tentang konsep pembebasan dan biografi HAMKA. Bab Tiga akan memfokuskan kepada aspek pembebasan akidah dalam karya kreatif HAMKA manakala Bab Empat membincangkan aspek pembebasan pemikiran yang diikuti dengan pembebasan sosial dalam Bab Lima. Bab Enam merupakan analisis kepada aspek-aspek pembebasan yang telah dibincangkan dalam Bab Tiga, Bab Empat dan Bab Lima. Analisis ini akan memperhalusi kerelevanan bahan HAMKA dengan realiti masa kini di samping bersikap kritis terhadap kekuatan dan kelemahan karya beliau. Bab terakhir iaitu Bab Tujuh ialah bab penutup.

1.12 Kesimpulan

Kajian tentang “Pembebasan sebagai Tema Perjuangan: Analisis terhadap Karya Kreatif HAMKA” ini diyakini akan dapat memberikan manfaat dalam usaha memahami pembebasan sebagai tema perjuangan. Ia akan dapat meningkatkan kefahaman tentang pembebasan yang merupakan elemen kesejahteraan kepada umat.

Kajian terhadap karya kreatif HAMKA merupakan suatu usaha yang wajar kerana karya beliau bukan sekadar dibalut dengan estetika yang tinggi tetapi juga dibungkus dengan

pengajaran yang amat bernilai. Mustafa Daud (1992: 296) mengiktiraf karya kreatif HAMKA sebagai meneladani estetika al-Quran kerana memperjuangkan kebenaran, keadilan dan kebaikan.

Selain daripada itu, analisis yang akan dilakukan terhadap karya kreatif HAMKA diyakini akan menemukan nilai-nilai moral yang tinggi dalam usaha membina diri, peribadi dan masyarakat. Karya kreatif HAMKA yang mengangkat tema pembebasan sebagai nilai moral yang terpenting akan memanfaatkan bukan sahaja kepada usaha memahami pembebasan tetapi juga kepada apresiasi terhadap karya HAMKA.

Sesungguhnya, aspek moral dan kekuatan moral dalam karya HAMKA dipercayai mempunyai kaitan yang kuat dan signifikan. Hal ini kerana HAMKA sebagai pendidik, ulama dan sasterawan sentiasa memberikan perhatian yang utama kepada proses pembinaan watak diri dan pembinaan tamadun umat melalui pendidikan keinsanan.

BAB DUA

KONSEP PEMEBEBASAN DAN BIOGRAFI HAMKA

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan tentang konsep pembebasan dan biografi HAMKA. Pembebasan merupakan konsep besar dan mendasar dalam perjuangan manusia menuju kepada kehidupan yang sejahtera. Ia adalah persoalan asas dalam kehidupan dan kemanusiaan sehingga menjadi tema penting kepada perjuangan HAMKA sepanjang hidup beliau.

HAMKA terkenal sebagai pendidik, ulama dan sasterawan yang telah memberikan sumbangan yang besar kepada perkembangan dakwah Islamiah. HAMKA bukan sekadar tokoh yang bersifat tempatan bahkan merupakan sosok yang penting di Nusantara dan dunia Islam. Perbincangan akan menumpukan perhatian kepada perjalanan hidup HAMKA sejak kelahiran sehingga kematian beliau. Selain daripada itu, penglibatan beliau dalam gerakan Islam akan turut dikemukakan di samping usaha mencungkil kualiti diri HAMKA yang boleh dijadikan teladan dalam kehidupan.

2.2 Konsep Pembebasan dan Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer

Pembebasan telah muncul sebagai tema utama dalam perjuangan manusia. Pada setiap zaman, perjuangan untuk membebaskan manusia daripada belenggu kongkongan dan penindasan telah menjadi aspirasi para pejuang agama dan pencinta kemanusiaan. Walaupun mempunyai pendekatan yang pelbagai, tujuannya masih satu iaitu membina insan dan umat yang merdeka, bermaruah dan bebas.

Misi Islam adalah misi pembebasan. Risalah para rasul adalah risalah transformatif dan liberatif yang sarat dengan misi pencerahan (*tanwir*), perubahan (*taghyir*) dan pembebasan (*tahrir*) (Siddiq, 2003: 35). Agenda perjuangan para rasul adalah untuk membebaskan manusia daripada kegelapan kepada cahaya. Hakikat inilah yang terkandung dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan sesungguhnya Kami telah mengutus Nabi Musa (pada masa yang lalu) dengan membawa mukjizat-mukjizat Kami sambil kami berfirman: “Hendaklah engkau mengeluarkan kaummu dari gelap-gelita kufur kepada cahaya iman; dan ingatkanlah mereka dengan Hari-hari Allah.” Sesungguhnya yang demikian itu, mengandung tanda-tanda yang menunjukkan kekuasaan Allah bagi tiap-tiap seorang yang kuat bersabar, lagi kuat bersyukur.
(Ibrahim 14: 5)

Pembebasan sememangnya menjadi impian setiap manusia yang mempunyai maruah dan martabat. Soedjatmoko, seorang intelektual Indonesia yang terkenal memperjuangkan pembebasan sebagai cita-cita terakhir dan tertinggi untuk setiap manusia dan masyarakat (Soedjatmoko, 1984: x). Bagi Soedjatmoko, keinginan-keinginan manusia yang lain semuanya menuju ke arah pembebasan.

Pembebasan mempunyai kaitan yang rapat dengan kemerdekaan (Engineer, 1994: 65). Hal ini kerana kemerdekaan adalah pembebasan daripada kuasa yang mengongkong seseorang. Apa yang dimaksudkan dengan kemerdekaan ialah kemerdekaan yang menyeluruh merangkumi kemerdekaan iman, kemerdekaan jiwa, kemerdekaan akal, kemerdekaan jasmani, kemerdekaan politik dan kemerdekaan sosial.

Pada prinsipnya, Islam telah menempatkan perjuangan pembebasan pada posisi yang sangat penting dan mendasar (Siddiq, 2003: 35). Islam bertolak dari keupayaannya membebaskan manusia daripada pengabdian dan perhambaan sesama makhluk kepada pengabdian yang mutlak kepada Allah SWT (*min ibadati al-ibad, ila ibadati Allah*). Kualiti dan kemuliaan insan bergantung kepada sejauh manakah dia dapat membebaskan diri daripada ketaatan kepada selain Allah SWT.

Sejarah telah membuktikan betapa faktor Islamlah yang lebih dominan dalam usaha membebaskan wilayah dan rantau di dunia kepada suatu peradaban yang lebih gemilang. Rantau Nusantara membuka babak baru yang dinamik selepas kedatangan Islam (al-Attas, 1984: 4; Siddiq, 2003:35). Syed Muhammad Naguib al-Attas selanjutnya menegaskan betapa Islam jugalah yang menjiwai pembebasan dan perkembangan peradaban Eropah dengan membahaskan pandangan yang telah dikemukakan Henri Pirenne, seorang sarjana Eropah yang terkenal (al-Attas, 1984: 3-9).

Pembebasan mempunyai teori dan kerangka tertentu. Asghar Ali Engineer (1999: 1-2) ketika membincangkan tentang pembebasan dalam konteks keagamaan telah merumuskan empat gagasan penting. Pertama, ruang lingkup pembebasan meliputi kehidupan dunia dan akhirat. Kedua, perjuangan pembebasan bersifat anti kemapanan (*establishment*) kerana kemapanan itu melindungi orang yang kaya dan berkuasa. Ketiga, pembebasan merangkumi pembelaan terhadap golongan yang tertindas. Keempat, dalam usaha memperjuangkan pembebasan, elemen takdir dan usaha adalah saling melengkapi antara satu sama lain.

Gagasan pertama menyatakan bahawa konsep dan ruang lingkup pembebasan meliputi kehidupan dunia dan akhirat. Pembebasan dalam Islam tidak terhad kepada perjuangan membebaskan manusia daripada kongkongan dan penindasan dalam tempoh waktu kehidupan dunia sahaja. Lebih daripada itu, ia berterusan melangkah ke alam ukhrawi dalam bentuk pengabdian dan perhambaan yang mutlak kepada Allah SWT. Ketika berada pada kehidupan akhirat, manusia yang bebas adalah mereka yang mendapat balasan baik di syurga Ilahi.

Pembebasan mempunyai kaitan yang rapat dengan konsep iman kerana imanlah yang membolehkan seseorang meyakini kehidupan ketuhanan di dunia, lebih-lebih lagi di akhirat. Iman berasal daripada perkataan aman yang membawa maksud selamat, damai, perlindungan, percaya dan yakin (Engineer, 1999: 12). Iman adalah kunci kepada segala-galanya. Pandangan individu menjadi kosong dan tidak mewakili kekuatan peribadinya jika tidak didasarkan kepada iman.

Hakikat bahawa pembebasan merangkumi persoalan dunia dan akhirat dapat ditelusuri daripada peristiwa sejarah Asma' binti Abu Bakar (Siddiq, 2012: 17). Anak lelaki beliau, Abdullah bin al-Zubair telah dibunuh dengan kejam oleh al-Hajjaj. Jenazahnya digantung di Makkah selama tiga hari. Selain dari tindakan untuk menghina, tindakan al-Hajjaj juga bertujuan untuk mengumpan Asma' supaya datang merayu dalam usaha menuntut jenazah anaknya.

Sebagai orang yang bebas jiwanya, Asma' tidak termakan dengan umpan al-Hajjaj sehinggakan al-Hajjaj sendiri mendatangi Asma'. Al-Hajjaj dengan angkuh berkata,

“heh orang tua! Tahukah kamu apa yang sudah aku lakukan terhadap anakmu?” Ketika itulah Asma dengan yakin berkata kepada al-Hajjaj, “aku tahu kamu telah menghancurkan dunianya tetapi aku juga tahu bahwa dia telah menghancurkan akhiratmu”. Demikianlah pembebasan daripada ketaatan kepada selain Allah SWT telah mempamerkan tindakan dan pernyataan pembebasan yang merangkumi persoalan dunia dan akhirat.

Keyakinan kepada konsep pembebasan dalam kehidupan dunia dan akhirat memerlukan kepada akidah atau tauhid yang mantap. Tauhid bukan sekadar terfokus kepada keesaan Tuhan tetapi juga merangkumi persoalan kesatuan manusia (*unity of mankind*) yang mencipta masyarakat tanpa kelas (*classless society*). Konsep tauhid haruslah berpandukan semangat al-Quran iaitu untuk menciptakan keadilan dan meratakan kebajikan (*al-adl wa al-ihsan*)(Engineer, 1999: 11). Kefahaman tauhid yang jelas akan memaknai Islam sebagai agama yang segar dan dinamik.

Kefahaman tauhid yang jelas akan menyegarkan pula konsep jihad sebagai manifestasi daripada konsep pembebasan. Setiap insan akan berjuang untuk membebaskan manusia daripada belenggu perhambaan sesama makhluk sebagai suatu amanah daripada kalimah syahadah yang diikrarkan. Dalam konteks ini, Ali Shariati menegaskan:

Ia bersendirian, tidak bersenjata, dan yang menentang dia ialah satu dari emporium dunia yang paling kuat, paling buas yang berbusana kesucian, kesalehan dan tauhid yang paling indah dan paling menipu, yang bersandar pada kekuasaan yang memerintah. Ia sendirian, tetapi dalam akidah ini orang yang sendirian pun mempunyai tanggungjawab. Dalam akidah ini, orang yang sendirian pun mempunyai tanggungjawab untuk menentang kekuasaan mutlak yang zalim, yang menentukan nasib manusia,

kerana tanggungjawab muncul dari kesedaran dan iman, bukan dari kekuasaan dan kesempatan.

(Shariati, 1987a: 53)

Gagasan kedua dalam Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer menegaskan tentang konsep perjuangan pembebasan yang merupakan suatu bentuk perjuangan yang bersifat anti kemapanan (*establishment*). Pembebasan yang sifatnya anti kemapanan ini adalah kerana usaha mempertahankan kemapanan atau mengekalkan status quo itu adalah percubaan untuk mengekalkan satu sistem yang sedang berjalan yang didukung oleh elit yang berkuasa. Elit yang berkuasa pula berusaha mengekalkan kepentingan mereka untuk terus menguasai sumber kekayaan, pengaruh dan penghormatan. Dalam usaha tersebut, mereka mengongkong golongan yang lemah. Oleh itu, kemapanan harus dirombak kerana kemapanan melindungi golongan yang kaya dan berkuasa.

Nabi Muhammad SAW ditampilkan dengan peranan untuk membebaskan masyarakat daripada kemapanan yang menindas. Sistem yang mencengkam ketika itu sama ada daripada dimensi keagamaan hinggalah kepada aspek ekonomi, sosial dan kebudayaan adalah bertujuan untuk mengekalkan kepentingan elit yang berkuasa dan berpengaruh. Nabi Muhammad SAW telah berjihad membebaskan masyarakat daripada keadaan sedia ada yang mengongkong manusia dan kemanusiaan.

Selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW hingga kini, amalan feudalisme dan kemapanan elit dalam masyarakat kembali menguasai massa. Amalan pemujaan elit dan budaya menyerah kepada pemerintah disuburkan. Hal ini menuju kepada usaha pengekalapan apa yang telah sedia ada demi meneruskan kelangsungan penguasaan oleh

mereka yang berkuasa. Elit yang berkuasa diperihalkan mempunyai kekuatan dan kedaulatan yang bersifat magis lagi luar biasa. Budaya takut, berpuas hati, lemah, kalah dan menyerah dibiakkan dalam masyarakat. Masyarakat hilang kekuatan diri dan jati diri umat dilumpuhkan. Semuanya bertujuan untuk mengekalkan kemapanan dan meneruskan status quo.

Tragedi lebih malang menimpa umat apabila terdapat ulama yang bekerja untuk majikan, bukan untuk umat. Mereka memilih untuk mengabdikan diri kepada penguasa dan banyak menulis tentang ibadat khusus yang bersifat acara-acara (*ritual*) di samping mengorbankan masa yang banyak untuk membincangkan soal cabang (*furu'*) dalam agama. Lantas, hal yang menjadi teras kepada Islam seperti keadilan dan kepedulian sosial tidak mendapat tempat yang sewajarnya dalam kalangan umat. Sekali lagi, ia bertujuan untuk mengekalkan elit yang sedang berkuasa. Justeru itu, perjuangan pembebasan perlu merombak kemapanan dan keadaan sedia ada.

Al-Quran menggambarkan para penguasa, pimpinan, orang di atas dan orang besar yang sombong dan mabuk dengan kekuasaan sebagai golongan *mustakbirin*. Golongan rakyat biasa dan masyarakat awam yang lemah, tidak berdaya dan tertindas pula dikenali sebagai *mustad'afin* (Engineer, 1999: 91).

Perjuangan untuk membebaskan golongan *mustad'afin* daripada penindasan golongan *mustakbirin* adalah jihad yang dituntut dalam Islam. Ia adalah suatu tugas suci yang merupakan intipati dalam perjuangan keagamaan demi melahirkan masyarakat yang

adil. Allah SWT telah mengarahkan orang beriman untuk berjuang menentang penindasan dan kezaliman melalui firmanNya yang bermaksud:

Dan apakah yang menghalang kamu (maka kamu) tidak mahu berperang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam) dan (untuk menyelamatkan) orang-orang yang tertindas dari kaum lelaki, perempuan dan kanak-kanak, iaitu mereka yang selalu (berdoa dengan) berkata: “Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri (Mekah) ini, yang penduduknya (kaum kafir musyrik) yang zalim, dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang mengawal (keselamatan agama kami), dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang membela kami (dari ancaman musuh).”

(an-Nisaa’ 4: 75)

Pembebasan daripada penindasan penguasa yang zalim perlu dilakukan demi kesejahteraan umat. Penguasa yang menindas akan menentukan nilai apakah yang baik. Gagasan dan pemikiran dikembangkan mengikut acuan mereka. Akal diracuni dan akidah dilumpuhkan (Shariati, 1987a: 43). Apabila keadaan ini berlaku maka adalah menjadi tanggungjawab masyarakat menentang mereka dan membebaskan diri daripada penindasan mereka.

Asghar Ali Engineer (1999: 91) menegaskan hal yang menarik tentang perjuangan pembebasan. Beliau menyatakan betapa nabi-nabi Tuhan selalunya berasal daripada kelompok masyarakat awam yang berjuang membebaskan mereka daripada cengkaman para penindas. Dalam kes perjuangan pembebasan Nabi Musa terhadap Firaun, semua kelas penguasa bersatu menyokong Firaun. Mereka bersama-sama Firaun kerana mereka juga sebahagian daripada kemapanan yang sedang menindas. Mereka juga mendapat habuan daripada kemapanan yang memeras dan menzalimi masyarakat.

Perjuangan membebaskan diri daripada cengkaman kemapanan dan status quo yang menindas memerlukan pimpinan golongan intelektual yang berprinsip. Intelektual yang berprinsip dan jujur lebih terhormat daripada intelektual yang hidup mewah sebagai pengabdian golongan yang berkuasa (Siddiq, 2009: 54). Intelektual yang berprinsip menjunjung tinggi amanah keilmuan. Mereka perlu menggerakkan massa ke arah mencapai cita-cita pembebasan tersebut.

Kesedaran sosial amat penting bagi membebaskan masyarakat daripada dominasi kemapanan dan status quo (Shariati, 1998: 25). Usaha ini mestilah digerakkan dengan kesedaran dan strategi yang tepat. Hal ini tentulah berat dan mencabar kerana perubahan struktural yang diketengahkan oleh gerakan pembebasan mempunyai implikasi yang besar terhadap kehidupan sosial individu dan masyarakat.

Gagasan ketiga menekankan bahawa pembebasan merangkumi pembelaan terhadap golongan yang tertindas dan terpinggir. Perjuangan pembebasan merupakan suatu upaya untuk membela golongan yang terpinggir dan tertindas dalam masyarakat. Golongan terpinggir ini melibatkan mereka yang terpinggir daripada penguasaan harta dan pengaruh. Mereka terdiri daripada golongan seperti orang miskin, fakir, janda, anak yatim dan orang kurang upaya. Membela golongan tertindas ini bukan sekadar memberikan mereka wang dan harta. Apa yang perlu diutamakan ialah mendidik dan membekalkan mereka dengan ideologi penentangan terhadap kezaliman dan penindasan yang bermaharajalela.

Al-Quran memberikan perhatian yang serius terhadap usaha membela golongan yang terpinggir dan tertindas. Golongan yang berkemampuan diarah untuk membantu golongan terpinggir dan berusaha memenuhi keperluan mereka. Atas prinsip keimanan, golongan yang berkemampuan wajib membantu golongan terpinggir. Orang dengan kualiti iman seperti inilah yang dicirikan oleh Allah SWT dalam firmanNya yang bermaksud:

Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatNya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah. Iaitu orang-orang yang mendirikan solat dan yang mendermakan sebahagian dari apa yang kami kurniakan kepada mereka.

(al-Anfaal 8: 2-3)

Tanggungjawab orang yang berkemampuan untuk membantu golongan terpinggir dan tertindas adalah tanggungjawab keagamaan. Pada prinsipnya, dalam harta orang yang berada, terdapat hak golongan terpinggir yang perlu ditunaikan. Dalam konteks ini, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).

(adz-Dzaariyaat 51: 19)

Selaras dengan arahan Allah SWT supaya orang-orang yang beriman membantu golongan terpinggir, amaran juga dikeluarkan kepada umat bahawa orang-orang yang bertindak kejam terhadap golongan terpinggir seperti perbuatan mengusir anak yatim diklasifikasikan sebagai orang-orang yang mendustakan agama. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Tahukah engkau akan orang yang mendustakan agama (meliputi hari pembalasan)? Orang itu ialah orang yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim, dan ia tidak menggalakkan untuk memberi makanan yang berhak diterima oleh orang miskin. (Kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang-orang yang mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang-orang yang ahli solat (iaitu mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan solatnya; (juga bagi) orang-orang yang berkeadaan *ria'* (dalam ibadat dan bawaannya), dan orang-orang yang tidak memberi sedikit pertolongan (kepada orang yang berhak mendapatnya).

(al-Maa'uun 107: 1-7)

Nabi Muhammad SAW berjuang membebaskan umat daripada penderitaan, kemiskinan dan kekufuran (Engineer, 1999: 10). Ketiga-tiga unsur tersebut perlu dibanteras daripada masyarakat dan ia melibatkan persoalan moral dan budaya. Dalam usaha menegakkan masyarakat yang sejahtera, manusia mesti dibebaskan daripada apa juga faktor yang boleh menyebabkan kemiskinan, penderitaan dan penindasan.

Pembelaan terhadap golongan terpinggir atau tertindas adalah langkah yang menuju kepada penegakan keadilan dalam masyarakat. Penegakan keadilan merupakan kemuncak kepada masyarakat yang sejahtera. Masyarakat yang meminggir dan menindas bukanlah masyarakat Islam meskipun mereka menjalankan amalan (*ritual*) dan upacara-upacara keIslaman.

Konsep tauhid dalam Islam bukan sekadar berlegar di sekitar keesaan Tuhan tetapi juga kepada hakikat kesatuan manusia (*unity of mankind*) yang hanya akan benar-benar wujud melalui pembinaan masyarakat tanpa kelas (*classless society*)(Engineer, 1999: 11). Adalah menjadi tanggungjawab muslim dan manusia sejagat untuk membanteras

lahirnya kelas yang menindas dan kelas yang tertindas, kelas yang meminggir dan kelas yang terpinggir, kelas yang mengeksploitasi dan kelas yang dieksploitasi.

Penegakan keadilan merupakan petanda pembebasan telah berlaku dalam masyarakat. Ia membawa makna bahawa golongan terpinggir telah diberikan hak mereka. Tiada lagi penindasan terhadap golongan miskin, anak yatim, orang kurang upaya dan janda yang berlaku dan berleluasa. Usaha menegakkan keadilan sosial dalam masyarakat mencirikan perjuangan pembebasan.

Perjuangan pembebasan ditandai melalui kejayaan menegakkan keadilan dalam kehidupan umat. Keadilan merupakan amanah Allah SWT yang merupakan kewajipan yang perlu dilaksanakan dengan tegas dan bersungguh-sungguh. Usaha menegakkan keadilan tidak harus dilemahkan oleh tekanan, ugutan dan kepentingan. Keadilan adalah untuk semua; diri atau orang lain, kaya atau miskin, orang besar atau orang kecil. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menegakkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa) kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng daripada keadilan. Dan jika kamu memutarbalikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi) maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

(an-Nisaa' 4:)

Kenyataan bahawa keadilan merupakan parameter yang menentukan iman dan takwa perlu difahamkan kepada umat dan diterjemahkan dalam kehidupan sosial. Konsep takwa yang dijelaskan dalam al-Quran mempunyai hubungan yang erat dengan keadilan.

Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT melalui firmanNya yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

(al-Maa'idah 5: 8)

Hakikat takwa mempunyai hubungan yang amat rapat dengan penegakan keadilan. Takwa bukan sekadar melaksanakan ibadah khusus, acara (*ritual*) dan upacara (*ceremonial*) sahaja. Orang yang bertakwa adalah orang yang mencintai keadilan dan berjuang untuk menegakkannya. Jika tiada keadilan sosial dalam masyarakat, maka tiada ketakwaan dalam masyarakat tersebut kerana keadilan menunjangi hubungan kemasyarakatan dalam Islam.

Hubungan antara iman, takwa dan keadilan merupakan pertautan yang erat dan saling melengkapi. Dalam hal kepimpinan, persoalan keadilan menjadi keutamaan pemerintah Islam. Saidina Abu Bakar as-Siddiq r.a. dalam pidato penerimaan jawatan khalifah menggantikan Nabi Muhammad SAW menyatakan dengan tegas:

Sekarang saya telah ditetapkan menjadi wali bagi kamu sekalian, meskipun saya tidak lebih baik daripada kalian. Jika saya benar maka dukunglah saya, namun jika salah maka silalah perbetulkan saya. Kebenaran adalah amanah, dan kebohongan adalah khianat. Siapa antara kalian yang lemah, di mata saya kalian adalah kuat kerana saya akan memenuhi hak-hak kalian sehingga hidup

sejahtera, dan siapa antara kalian yang kuat, di mata saya adalah lemah kerana saya akan mengambil (yang kalian dakwa) hak-hak kalian.

(Engineer, 1999: 9-10)

Kesedaran dan kepedulian yang sama diperlihatkan oleh Saidina Umar al-Khattab r.a. dalam kepimpinan beliau. Umar r.a. pernah melahirkan kebimbangan tentang situasi jika ada seekor anjing yang mati kehausan di tepi sungai maka beliau akan turut dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT (Engineer, 1999: 10). Demikianlah kesedaran generasi awal terhadap tanggungjawab pembebasan dan keadilan sosial yang wajib dipikul oleh generasi muslim pada setiap zaman.

Gagasan keempat dalam Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer menjelaskan tentang kedudukan elemen takdir dan elemen usaha dalam perjuangan pembebasan. Dalam perjuangan pembebasan, kedua-dua elemen tersebut iaitu takdir dan usaha adalah saling melengkapi. Takdir dan usaha merupakan dua elemen yang saling berkaitan antara satu sama lain. Takdir mestilah diyakini oleh individu dan masyarakat manakala usaha perlu dilakukan dengan gigih dan maksimum. Di samping berusaha, pejuang mestilah meyakini takdir yang menentukan hasil perjuangan. Di samping meredhai takdir yang berlaku, pejuang mestilah gigih berusaha untuk mencapai matlamat murni yang digariskan.

Menerima takdir tidak bermaksud menyerah dan tidak melakukan apa-apa. Manusia yang berusaha adalah manusia yang mempunyai keyakinan terhadap perjuangan dan masa depan yang cerah. Putus asa, tidak yakin dan pesimis tidak ada dalam kamus

perjuangan gerakan pembebasan. Bahkan orang-orang yang beriman diingatkan oleh ayat al-Quran yang bermaksud:

Dan janganlah kamu merasa lemah (dalam perjuangan mempertahankan dan menegakkan Islam) dan janganlah kamu berdukacita (terhadap apa yang akan menimpa kamu) padahal kamulah orang-orang yang tertinggi (mengatasi musuh dengan mencapai kemenangan) jika kamu orang-orang yang (sungguh-sungguh) beriman.

(ali 'Imraan 3: 139)

Selepas segala usaha dilakukan, barulah diterima apa yang berlaku sebagai takdir. Keputusan yang diperoleh hendaklah diterima dengan keimanan yang kental kepada Allah SWT. Sesungguhnya pasti ada hikmah di sebalik peristiwa yang berlaku dan Allahlah yang maha mengetahui lagi maha perkasa.

Manusia adalah makhluk yang bebas dalam menentukan nasibnya dan mempunyai pilihan dalam hidup. Dia bukannya sebuah mainan yang hanya menyerah untung nasibnya kepada takdir. Allah SWT tidak memikul tanggungjawab atas perbuatan manusia dan tidak memaksa manusia untuk melakukan sesuatu. Sekiranya Allah SWT memaksakan kehendakNya ke atas manusia, maka sudah tentulah tidak ada fenomena pahala dan dosa (Engineer, 1999: 17-19).

Hakikat bahawa manusia mempunyai pilihan dalam hidup mempunyai asas yang kukuh. Manusia diberikan kemampuan untuk memilih dan semestinya bertanggungjawab atas pilihan yang telah dibuat. Dalam konteks ini, bolehlah direnungi firman Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud:

Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertakwa.

(asy-Syams 91: 8)

Suatu hal yang menarik tentang kemampuan manusia berusaha menentukan tindakannya telah diuraikan oleh Ali Shariati (1987b: 11-12). Sebagaimana haiwan dan tumbuhan mempunyai naluri dan kehendak, manusia juga sama; hendak makan, hendak berlindung dan hendak berkelamin. Apa yang membezakan manusia dengan makhluk lain ialah manusia adalah satu-satunya makhluk yang diberikan kekuatan untuk bertindak melawan dan mengawal nalurinya sedangkan makhluk lain tidak ada kekuatan melawan. Apa yang ada pada makhluk lain hanyalah menurut kehendak naluri tersebut.

Kemampuan manusia untuk membuat sesuatu pilihan dan berjuang atas pilihannya dapat dianalisis dalam tanggungjawab kekhalifahannya. Hal ini dapat direnung daripada ayat kekhalifahan dalam al-Quran yang memperihalkan tawaran Allah SWT kepada manusia yang bermaksud:

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat, “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.” Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): “Adakah Engkau (ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?” Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.”

(al-Baqarah 2: 30)

Apabila dianalisis ayat di atas, dapatlah dicungkil beberapa hal yang penting. Bukankah tanggungjawab kekhalifahan ini telah ditawarkan kepada makhluk lain seperti langit

dan bukit bukau yang tidak mampu memikulnya? Apakah Allah tidak adil membebaskan manusia dengan tanggungjawab yang berat ini? Jawabannya tentu tidak kerana Allah SWT bersifat maha adil. Makna yang dapat difahami ialah bahawa manusia sememangnya makhluk yang berkemampuan dan berupaya melaksanakan tanggungjawab dengan segala usaha yang mampu direncanakannya.

Tegasnya, pembebasan merupakan usaha untuk menyelamatkan individu dan masyarakat daripada kegelapan (*zulumat*) kepada cahaya (*nur*) (Siddiq, 2003: 37). Pembebasan bererti menyelamatkan, mengeluarkan dan memindahkan. Apa yang hendak dipindahkan ialah mereka yang terbelenggu, terperangkap dan terkurung dalam kegelapan. Kegelapan pula merupakan belenggu kehinaan, kebodohan, kejahilan, kesesatan, kekeliruan dan kezaliman. Mereka ini mahu diberi cahaya. Cahaya boleh difahami sebagai pencerahan, pencerdasan, kualiti, keadilan dan kemuliaan.

2.3 Perjalanan Hidup HAMKA

HAMKA dilahirkan pada tanggal 17 Februari 1908 bersamaan 14 Muharram 1326 Hijrah di sebuah desa kecil yang bernama Sungai Batang, di tepi danau Maninjau, Sumatera Barat, Indonesia (HAMKA, 1982b: 1-2). Anak ini dinamakan Abdul Malik oleh bapanya, Doktor Abdul Karim Amrullah yang juga dikenali sebagai Haji Rasul. Abdul Malik adalah anak hasil perkahwinan Doktor Abdul Karim Amrullah dengan isteri ketiganya yang bernama Safiah (Abdul Rahman, 2002: 2). Haji Rasul adalah seorang ulama yang juga penulis yang prolific. Datuk HAMKA, Amrullah juga merupakan ulama yang terkenal di Minangkabau.

Sekembalinya dari Mekah pada 1906, bapa HAMKA iaitu Doktor Abdul Karim Amrullah menggerakkan dan mempelopori gerakan pembaharuan di Minangkabau (Mustafa, 1992: 402). Gerakan pembaharuan ini juga dikenali sebagai gerakan islah atau gerakan tajdid. Bagi ulama tradisional, gerakan pembaharuan ini juga dikenali sebagai Kaum Muda. Gerakan ini berusaha untuk memurnikan kembali ajaran Islam dan menentang amalan tarikat yang sesat, amalan kebatinan, khurafat, bidaah dan adat serta upacara yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Biografi HAMKA banyak dicatatkan oleh anak beliau sendiri, H. Rusydi HAMKA (2001, 2002). Pada zaman kanak-kanak, HAMKA belajar mengaji, silat dan pendidikan Islam. Beliau mengikuti pembelajaran di sekolah desa iaitu Sekolah Dasar Maninjau hingga kelas dua. Selepas itu beliau mengikuti ayahnya menetap di Padang Panjang, Sumatera Barat. Beliau berkesempatan belajar di Sumatera Thawalib iaitu sekolah agama yang diuruskan oleh ayahnya. Sumatera *Thawalib* ini diasaskan oleh Doktor Abdul Karim ketika HAMKA berumur 10 tahun (Mustafa, 1992: 402). HAMKA mempelajari agama Islam dan bahasa Arab di sini.

HAMKA lebih banyak belajar sendiri dan tidak gemar ke sekolah formal. Latar belakang keluarganya yang mencintai agama serta persekitarannya telah banyak membantu HAMKA berkembang dan matang. Beliau pernah mempelajari agama Islam di surau serta masjid dan berguru dengan ulama terkenal seperti Sheikh Ibrahim Musa, Sheikh Ahmad Rasyid Sutan Mansur, R. M. Surjopranoto dan Ki Bagus Hadikusumo (Mustafa, 1992: 402).

Hasil daripada kegigihan beliau membaca dan menyelidik, HAMKA menguasai ilmu dalam pelbagai disiplin meliputi bidang falsafah, kesusasteraan, sejarah, sosiologi dan politik sama ada dari perspektif Islam mahupun Barat. Beliau gemar berbincang dengan guru-gurunya dan tokoh seperti Haji Omar Said Tjokroaminoto dan Haji Fakruddin (Mustafa, 1992: 403). Pendedahan dan pengalaman ini telah mengembangkan bakat beliau sebagai seorang pemedato yang kemudiannya muncul sebagai pemedato yang hebat.

Selain menekuni karya sarjana tempatan dan Timur Tengah, beliau juga mengkaji karya sarjana barat seperti Albert Camus, Arnold Toynbee, Jean Paul Satre, Karl Marx, William James dan Pierre Loti (Mustafa, 1992: 403). Hal ini membolehkan beliau menguasai ilmu dari pelbagai sumber dan menjadikan beliau seorang pejuang yang bersifat multi dimensi.

Pada 1924-1925, HAMKA merantau ke Pulau Jawa menemui abang iparnya, A. R. Sutan Mansur di bandar Pekalongan. Dalam sejarah hidup HAMKA, A. R. Sutan Mansur telah memberikan sumbangan besar kepada perkembangan diri HAMKA. Selepas itu, HAMKA ke Yogyakarta menyertai Parti Sarekat Islam dan Gerakan Islam Muhammadiyah. Ketika ini, HAMKA mula terlibat dalam kegiatan penulisan. Pada bulan Julai 1925, HAMKA kembali ke Padang Panjang.

Ketika berusia 19 tahun iaitu pada 1927, HAMKA menunaikan fardhu Haji. Pada 1929 beliau dikahwinkan dengan Siti Raham. Ketika itu HAMKA berusia 21 tahun dan Siti

Raham baru mencecah 15 tahun. Mereka mengambil keputusan untuk menetap di Padang Panjang. Atas permintaan Gerakan Muhammadiyah, beliau menjalankan tugas dakwah ke Makasar selama tiga tahun. Kemudiannya, juga atas misi dakwah, beliau ke Medan.

HAMKA dan keluarga berpindah ke Medan pada 1936. Ketika di Medan inilah HAMKA terlibat secara aktif memimpin majalah Pedoman Masyarakat (H. Rusydi, 2002: 4). Majalah ini bertujuan menyebarkan dakwah kepada masyarakat melalui rencana berkaitan dengan hukum dan peraturan hidup Islam.

Daripada aspek kerjaya rasmi, HAMKA menjadi guru agama di Perkebunan Tebing Tinggi, Medan pada 1927. Pada 1929, beliau bertugas sebagai guru agama di Padang Panjang. HAMKA turut berpengalaman menjadi pensyarah di Universitas Islam Jakarta dan Universitas Muhammadiyah, Padang Panjang pada 1957-1958.

HAMKA turut berpengalaman bertugas sebagai Rektor di Perguruan Tinggi Islam, Jakarta dan Profesor di Universitas Mustopo, Jakarta. Beliau juga bertugas sebagai Pegawai Tinggi Agama pada 1951-1960 atas lantikan Menteri Agama Indonesia. Walau bagaimanapun, beliau meletak jawatan apabila dipaksa membuat pilihan antara jawatan atau penglibatan dalam MASYUMI (Majlis Syura Muslimin Indonesia).

Pendudukan Jepun di Indonesia (1942-1945) berlaku semasa Perang Dunia Kedua. Apabila Jepun tewas perang pada 1945, HAMKA kembali ke Padang Panjang. HAMKA

berjuang menentang Belanda pada zaman revolusi Indonesia melawan Belanda dari tahun 1945 hingga tahun 1949. Pada 1949, Belanda mengisytiharkan kedaulatan Indonesia.

HAMKA dan keluarga berpindah ke Jakarta pada 1950. Pada Pemilihan Umum Pertama Indonesia pada 1955, HAMKA yang mewakili MASYUMI (Majlis Syura Muslimin Indonesia) telah terpilih menjadi anggota Dewan Konstituante. Babak seterusnya ialah pertembungan antara pejuang Islam dengan komunis. MASYUMI diharamkan pada 1959 oleh Presiden Sukarno ekoran satu pemberontakan MASYUMI di Sumatera Barat. Sukarno ketika itu terpengaruh dengan propaganda komunis.

Perjuangan menuntut pengorbanan dan penjara adalah lumrah seorang pejuang. Pada 1964, HAMKA ditangkap dan dipenjarakan oleh pemerintahan Presiden Sukarno kerana dituduh terlibat dalam pakatan yang merancang untuk membunuh Sukarno. Tuduhan tersebut tidak pernah dibuktikan namun HAMKA mendekam di penjara selama hampir tiga tahun sebelum dibebaskan setelah tumbangnyanya Sukarno dan naiknya Suharto sebagai Presiden Republik Indonesia.

HAMKA meneruskan kerja-kerja dakwah dan tarbiah dengan segala daya upaya beliau. Pada 1975, beliau menerima jawatan Ketua Majlis Ulama Indonesia dari tahun 1975 hingga tahun 1981. HAMKA melepaskan jawatan tersebut pada Mei 1981 kerana ketegasannya mendukung fatwa yang mengharamkan umat Islam mengikuti perayaan Natal di gereja (H. Rusydi, 2002: 256).

HAMKA meninggal dunia pada 24 Julai 1981. Ketika itu umat Islam ceria menyambut Ramadhan al-Mubarak. Selepas solat tarawikh di masjid al-Azhar, HAMKA mendapat serangan jantung. Setelah beberapa hari mendapat rawatan di hospital, beliau kembali ke rahmatullah dalam usia 73 tahun.

2.4 Penglibatan HAMKA dalam Gerakan Islam

Suatu aspek yang penting dalam membincangkan tentang HAMKA tetapi kurang diketengahkan dengan tuntas ialah berkenaan penglibatan HAMKA dengan gerakan Islam. Hal ini penting kerana penglibatan tersebut telah membentuk pemikiran, sikap dan komitmen HAMKA terhadap Islam dan perjuangan pembebasan. Lebih daripada itu, gerakan dakwah yang didukung beliau telah membentuk pandangan sarwa HAMKA terhadap kehidupan dan perjuangan mengisi kehidupan tersebut.

Walaupun terdedah kepada pelbagai bentuk gerakan Islam, HAMKA lebih komited kepada Muhammadiyah yang merupakan sebuah gerakan kerakyatan yang besar dan berpengaruh di Indonesia. Melalui Gerakan Muhammadiyah inilah, HAMKA mengabadikan perjuangan hidupnya sebagai pendakwah menggunakan pelbagai wahana seperti ceramah, kelas pengajian dan penulisan.

Pada 1924, HAMKA mula berkenalan dengan Gerakan Muhammadiyah. Dalam usia 16 tahun, beliau berkunjung ke Yogyakarta di Pulau Jawa. Di situ beliau mula terlibat dengan gerakan Islam melalui perkenalan dengan tokoh-tokoh seperti Haji Omar Said

Tjokroaminoto, Kibagus Hadikusomo, Soerjopranoto dan Fakhruddin. HAMKA terlibat dalam aktiviti gerakan Islam di Gedung Abdi Dharmo di Pakualaman, Yogyakarta (H. Rusydi, 2002: 2). Ketika inilah beliau dapat membuat perbandingan antara gerakan Islam yang menumpukan kegiatan dakwah dan kemasyarakatan seperti Muhammadiyah dengan gerakan politik Islam seperti Syarikat Islam Hindia Timur.

Selepas Yogyakarta, HAMKA pergi ke Pekalongan untuk menemui gurunya yang juga abang iparnya iaitu A. R. Sutan Mansur. Pada masa itu, A. R. Sutan Mansur adalah seorang pemimpin Muhammadiyah di Pekalongan. Justeru itu, HAMKA banyak terkesan dengan cita-cita perjuangan Muhammadiyah.

HAMKA menyertai Gerakan Muhammadiyah secara rasmi pada 1925 (Mustafa, 1992: 403). Pada Julai 1925, HAMKA berangkat kembali ke Padang Panjang. Beliau meneruskan program dakwah Gerakan Muhammadiyah dengan mendirikan Tabligh Muhammadiyah. Markas Muhammadiyah ini ditubuhkan di rumah ayahnya yang terletak di Gatangan, Padang Panjang.

Selepas HAMKA pulang ke Padang Panjang, pada tahun 1925 itu juga A. R. Sutan Mansur kembali ke Sumatera Barat. A. R. Sutan Mansur menjalankan tugas sebagai pendakwah Muhammadiyah dalam daerah Padang Panjang. Ketika inilah, HAMKA berperanan mengiringi A. R. Sutan Mansur dalam kegiatan dakwah.

HAMKA menghadiri Kongres Muhammadiyah ke-18 di Solo pada 1928. Sekembalinya beliau dari Solo, beliau bersama-sama dengan pimpinan yang lain telah membangunkan Gerakan Muhammadiyah di Padang Panjang. HAMKA menjadi Ketua Bahagian Taman Pustaka, Ketua Tabligh dan kemudiannya menjadi Ketua Bahagian Muhammadiyah Padang Panjang.

Dalam kehidupan dakwahnya, HAMKA memainkan peranan yang aktif dalam Gerakan Muhammadiyah Bahagian Padang Panjang. Selain daripada terlibat aktif menggerakkan program dan aktiviti Muhammadiyah, HAMKA juga menguruskan persiapan Muhammadiyah Bahagian Padang Panjang sebagai tuan rumah Kongres Muhammadiyah ke-19 di Minangkabau (H. Rusydi, 2002: 3).

Pada 1930, HAMKA turut menyumbang kepada penubuhan Bahagian Muhammadiyah di Bengkalis. Penubuhan Bahagian Muhammadiyah Bengkalis ini meluaskan lagi daerah dakwah Muhammadiyah di bumi Indonesia. Dari Bengkalis, HAMKA terus ke Yogyakarta bagi menghadiri Kongres Muhammadiyah kali ke-20.

Setahun selepas itu, HAMKA ditugaskan oleh Gerakan Muhammadiyah melaksanakan misi dakwah di Makasar. Selain daripada menyampaikan ajaran Islam melalui kelas-kelas pengajian, beliau juga diberikan tanggungjawab menggerakkan semangat para pendukung Muhammadiyah menjayakan Kongres Muhammadiyah kali ke-21 di Makasar pada tahun 1932 (H. Rusydi, 2002: 3). HAMKA sentiasa komited dalam melaksanakan tanggungjawab dakwahnya.

Pada 1933, HAMKA menghadiri kongres Muhammadiyah yang diadakan di Semarang. Pada tahun berikutnya, beliau pulang ke Padang Panjang dan kemudiannya mengiringi A. R. Sultan ke konferensi daerah di Sibulga. Sejak dari itu, HAMKA telah menjadi anggota Majlis Konsul Muhammadiyah Sumatera Tengah sehinggalah beliau berpindah ke Medan.

Perpindahan ke Medan pada 1936 meningkatkan lagi perjuangan HAMKA dalam dakwah melalui Gerakan Muhammadiyah. Kegiatannya lebih pesat dalam Gerakan Muhammadiyah Sumatera Timur. Beliau juga telah diberikan kepercayaan sebagai wakil Medan ke Kongres Seperempat Abad di Jakarta. Ketika di Medan juga HAMKA telah memimpin majalah Pedoman Masyarakat sebagai media cetak yang menjadi wahana penyampaian dakwah beliau.

HAMKA memainkan peranan utama dalam menggerakkan agenda dakwah Gerakan Muhammadiyah di Medan. Beliau telah dipilih sebagai Pimpinan Muhammadiyah Sumatera Timur sehinggalah 1942 apabila Jepun masuk ke Medan. Pada 1945, beliau meletakkan jawatan sebagai Pimpinan Muhammadiyah Sumatera Timur dan balik semula ke Sumatera Barat (H. Rusydi, 2002: 4). Walaupun berpindah tempat, HAMKA tetap meneruskan usaha dakwah sebagai amanah keinsanan dan kekhalifahan.

Pada 1946, Konferensi Muhammadiyah Sumatera Barat telah memilih HAMKA sebagai Ketua Majlis Pimpinan Muhammadiyah Sumatera Barat. Pemilihan ini dibuat

berdasarkan ketokohan dan kesungguhan beliau dalam Gerakan Muhammadiyah. Jawatan ini dipikul beliau sehingga 1949.

Seperti lazimnya, HAMKA menghadiri Kongres Muhammadiyah kali ke-31 di Yogyakarta pada 1950. Beliau turut diberi tanggungjawab untuk menyusun Perlembagaan Muhammadiyah yang baru (H. Rusydi, 2002: 4). Perkembangan ini memperkukuhkan lagi kedudukan Muhammadiyah dan memperkasakan peranan Muhammadiyah di medan dakwah.

Pada Kongres Muhammadiyah yang ke-32 di Purwokerto pada 1953, HAMKA telah dipilih menjadi Anggota Pimpinan Pusat. Jawatan ini terus dipegang beliau sehinggalah 1971 apabila HAMKA sendiri mohon mengundur diri kerana keadaan kesihatan yang tidak mengizinkan lantaran usia beliau yang meningkat (H. Rusydi, 2002: 4). Walaupun tidak memegang jawatan, HAMKA terus memberikan sumbangan kepada gerakan dakwah dengan segala kemampuan yang ada pada beliau.

Masjid al-Azhar telah dimanfaatkan oleh HAMKA sejak 1952 dalam usaha menyebarkan dakwah (Mustafa, 1992: 404). Masjid ini yang terletak di hadapan rumah beliau di Jakarta dijadikan pusat dakwah dan ceramah agama hingga ke akhir hayat beliau. Beliau menjadi Imam Besar yang bukan sekadar mengimami solat tetapi juga memberikan pendidikan (*tarbiyah*) Islam melalui pelbagai wahana seperti kuliah subuh dan khutbah Jumaat.

Selain menyampaikan ceramah, wacana dan kuliah agama di Indonesia, daerah dakwah HAMKA meluas ke Nusantara dan Dunia Islam. Selepas Indonesia, Malaysia adalah negara yang sering dikunjungi beliau bagi memenuhi pelbagai jemputan sama ada di masjid, institusi pengajian tinggi, radio dan televisyen.

Walaupun mengundur diri daripada Anggota Pimpinan Pusat ketika Kongres Muhammadiyah di Makasar pada 1971, sumbangan HAMKA masih diperlukan. Beliau dilantik pula sebagai Penasihat Pimpinan Pusat Muhammadiyah. Kedudukan sebagai penasihat diteruskan beliau sampai akhir hayat (H. Rusydi, 2002: 5), sehinggalah Allah SWT mengambil beliau pulang menemuiNya.

HAMKA sememangnya memperlihatkan kualiti pendakwah yang tulen dan kental. Beliau memiliki roh perjuangan yang bersemarak dan kelihatan tidak terpedaya dengan kesenangan duniawi yang menggoda. Hidup beliau sederhana walaupun mempunyai peluang untuk hidup mewah.

Salah satu kualiti pendakwah yang turut dimiliki HAMKA ialah keberanian untuk menyatakan yang benar, kesanggupan bersikap dan kesediaan menanggung risiko ketika mendukung perjuangan yang diyakininya. Peristiwa peletakan jawatan beliau sebagai Ketua Umum Majelis Ulama Indonesia mengesahkan kualiti diri beliau yang berpegang teguh dengan kebenaran, amanah keilmuan dan keberanian intelektual.

Komitmen beliau terhadap tanggungjawab dakwah mewarnai kehidupannya. HAMKA sering berpindah-randah dan merantau demi melaksanakan misi dakwah. Semua ini tentunya menyusahkan kehidupan jasmani. Beliau turut diuji dengan tohmahan dan fitnah sehingga dipenjarakan. Namun beliau berdiri teguh dengan daya tahan dan daya juang yang mengagumkan.

Penglibatan HAMKA dalam Gerakan Muhammadiyah meninggalkan kesan yang mendalam kepada diri beliau dan Gerakan Muhammadiyah sendiri. Muhammadiyah menjadi pangkalan dakwah HAMKA dan tindakan beliau seringkali dirujuk kepada gerakan tersebut. Misalnya, ketika mahu dilantik oleh pemerintah sebagai Ketua Umum Majelis Ulama Indonesia, HAMKA terlebih dahulu berunding dengan Pimpinan Pusat Muhammadiyah.

Tindakan HAMKA menggambarkan sikap anggota gerakan Islam yang komited kepada disiplin jamaah. Salah satu disiplin jamaah yang penting ialah kepatuhan kepada amalan syura atau mesyuarat dalam menentukan sesuatu tindakan. Tindakan anggota gerakan Islam bukan berdasarkan kepada kehendak individu tetapi tertakluk kepada kehendak jamaah.

2.5 Kualiti Keperibadian HAMKA

Suatu aspek yang amat penting apabila membicarakan tentang seseorang tokoh ialah persoalan tentang sejauh manakah tokoh tersebut dapat diteladani. Ketika dunia diasak untuk menerima pelbagai idola, dunia tidak dapat menampilkan teladan yang mantap

untuk dicontohi. Justeru itu, ada keperluan untuk melihat keperibadian HAMKA melalui nilai-nilai yang diamalkan oleh beliau.

Iman al-Ghazali merupakan tokoh tersohor yang banyak membincangkan tentang keperibadian yang mulia dan akhlak yang terpuji. Menurut beliau, ciri yang akan membentuk kemuliaan manusia adalah kepercayaan dan pengabdian kepada Allah SWT (al-Ghazali, 1995: 37) yang akan membawa kepada puncak kebahagiaan hidup (al-Ghazali, 2000: 46-57). Hakikat ini memerlukan kepada keikhlasan jiwa individu berkenaan (al-Ghazali, 1995: 38; al-Ghazali, 2000: 116-118).

Kualiti-kualiti lain yang menentukan keperibadian mulia menurut Imam al-Ghazali adalah sifat amanah (al-Ghazali, 2007: 226), harga diri (al-Ghazali, 2007: 56), bertanggungjawab (al-Ghazali, 1995), hemah tinggi (al-Ghazali, 1995: 51), toleransi (al-Ghazali, 2007: 219), berdikari (al-Ghazali, 2007: 261), kerajinan (al-Ghazali, 2007: 47), tawakal (al-Ghazali, 1995: 37) kasih sayang (al-Ghazali, 2007: 216-217), keadilan (al-Ghazali, 2007: 225), rasional (al-Ghazali, 2007: 248) dan kesederhanaan (al-Ghazali, 1995: 56; al-Ghazali, 2007: 261-262).

Muhammad al-Ghazali pula telah mengemukakan beberapa ciri orang berkeperibadian mulia. Antaranya ialah sifat amanah (al-Ghazali, 1994: 89-108), benar (al-Ghazali, 1994: 65-87) menepati janji (al-Ghazali, 1994: 109-136) dan ikhlas (al-Ghazali, 1994: 137-157) kasih sayang (al-Ghazali, 1994: 345-363) dan kesederhanaan (al-Ghazali, 1994: 289-308).

Untuk tujuan penstrukturan perbincangan, pengkaji menggunakan rujukan nilai yang telah diterima pakai oleh umum sebagai kerangka dalam menentukan kualiti keperibadian HAMKA. Nilai-nilai yang digunakan untuk tujuan ini ialah 12 nilai yang terkandung dalam Bidang Pembelajaran Nilai berkaitan dengan Perkembangan Diri dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000: 4-5). Nilai-nilai tersebut ialah kepercayaan kepada Tuhan, amanah, harga diri, bertanggungjawab, hemah tinggi, toleransi, berdikari, kerajinan, kasih sayang, keadilan, rasional dan kesederhanaan.

2.5.1 Kepercayaan kepada Tuhan

Nilai kepercayaan kepada Tuhan merupakan nilai penting dalam kehidupan beragama. Dalam konteks Islam, kepercayaan kepada Allah SWT merupakan teras ajaran yang menjadi prasyarat kepada keIslaman dan keimanan seseorang. Kewujudan Allah SWT dengan kekuasaan mencipta segala yang ada di alam ditegaskan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Rasul-rasul mereka bertanya: “Patutkah berlakunya sebarang keraguan tentang wujudnya Allah, yang menciptakan langit dan bumi? Ia menyeru kamu beriman kerana hendak membersihkan dan melepaskan kamu dari dosa-dosa kamu, dan memberi tempoh kepada kamu hingga ke suatu masa yang tertentu....”

(Ibrahim 14: 10)

Kepercayaan kepada Tuhan menekankan tentang keyakinan kepada kewujudan Tuhan. Tuhan merupakan pencipta seluruh alam. Manusia mestilah mematuhi segala perintah Tuhan dan meninggalkan laranganNya berdasarkan kepada pegangan agama masing-

masing. Hal ini selaras dengan apa yang termaktub dalam Rukun Negara (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000: 4).

Konsep kepercayaan kepada Tuhan dapat difahami sebagai keyakinan seseorang, kumpulan atau bangsa terhadap agama yang menjadi pegangan hidup mereka masing-masing. Setiap individu mempunyai kepercayaan kepada Tuhan mereka yang tersendiri. Setiap agama mempunyai kepercayaan kepada Tuhan mereka masing-masing.

Kepercayaan kepada Tuhan merupakan sesuatu yang amat penting dalam kehidupan manusia. Walau bagaimanapun, ada juga segelintir manusia yang tidak mempercayai kewujudan Tuhan. Hal ini boleh dilihat pada golongan *Free-thinker, Athies, Black Metal* dan Kumpulan Jangan Ikut Tuhan. Hakikatnya, setiap benda dan kejadian itu mempunyai penciptanya. Tidak mungkin sesuatu itu tercipta dengan sendiri.

Orang yang percaya kepada Tuhan akan berusaha untuk mendapatkan keredhaan Tuhan. Keredhaan Tuhan diperoleh apabila seseorang itu patuh kepada perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya. Manusia yang mempunyai kepercayaan kepada Tuhan merupakan manusia yang beragama dan tentunya manusia ini seorang yang bermoral dan berguna kepada masyarakat.

Sebagai ulama, HAMKA mempunyai komitmen yang tinggi kepada Allah SWT. Selain mengajari umat tentang kepercayaan kepada Tuhan, HAMKA sendiri menunjukkan contoh-contoh kepercayaan tersebut. HAMKA pernah mengagumi warna langit ciptaan

Tuhan pada waktu pagi seperti yang diucapkan beliau kepada isteri beliau, Siti Raham yang dipanggil “Ummi” oleh ahli keluarga:

Lihat Mi, fajar menyinsing itu, paduan warna pagi itu berbeza dengan yang kelmarin dan esok. Begitu seterusnya tak pernah sama sepanjang tahun dan sepanjang abad. Tak seorang pelukis pun yang boleh meniru komposisi warna itu. Itulah kuasa Tuhan.
(H. Rusydi, 2002: 26)

2.5.2 Amanah

Nilai amanah telah ditegaskan oleh Allah SWT sebagai nilai yang penting dalam pembentukan peribadi dan akhlak seseorang. Orang-orang yang baik adalah mereka yang sentiasa bersifat amanah dan menunaikan janji mereka. Allah SWT menegaskan hal ini dalam firmanNya yang bermaksud:

Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya.
(al-Mu'minun 23: 8)

Amanah merupakan sikap bertanggungjawab yang boleh membawa dan menimbulkan kepercayaan serta keyakinan orang lain (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000: 4). Nilai amanah merupakan ciri yang sepatutnya menjadi asas kepada perlakuan setiap anggota masyarakat dalam menjalankan tugasnya. Nilai ini akan membentuk individu menjadi seorang yang mempunyai prinsip yang tinggi di mana sahaja mereka berada.

Masyarakat perlu menghargai dan berusaha mempertahankan nilai amanah untuk mengelak daripada berlakunya perbuatan tidak bermoral. Golongan muda perlu dididik supaya amanah dalam semua urusan hidup. Masalah rasuah yang berleluasa kini berpunca daripada sikap tidak amanah (Abd Rahim, 2001: 102).

Nilai amanah memainkan peranan penting dalam menjalankan sesuatu tugas khususnya dalam perkhidmatan awam. Sifat amanah akan menimbulkan kepercayaan masyarakat kepada perkhidmatan awam. Ia juga akan membolehkan kerjasama wujud antara sektor awam dan swasta yang merupakan elemen penting dalam usaha membangunkan masyarakat dan negara.

Setiap tugas hendaklah disempurnakan dengan ikhlas dan penuh tanggungjawab. Individu perlu berdedikasi dan iltizam dalam melaksanakan tugas ke tahap yang terbaik. Individu yang amanah sentiasa berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Seterusnya, kualiti dan hasil kerja dapat ditingkatkan.

Nilai amanah yang mahu pengkaji catatkan di sini ialah sifat amanah keilmuan HAMKA dalam hidup beliau. Bagi golongan ilmuwan dan intelektual, amanah keilmuan merupakan aspek yang penting kerana mereka menjadi rujukan umat. Penyelewengan ilmu akan merupakan malapetaka dan tragedi kepada umat.

Ketika berada dalam Dewan Konstituante, HAMKA dengan amanah keilmuan yang didukungnya pernah berpidato menolak dasar Presiden Sukarno. Terdapat peristiwa di mana Sukarno mempromosikan dasar-dasar beliau seperti Demokrasi Terpimpin sebagai Jalan yang Lurus (*al-sirat al-Mustaqim*). Lantas, HAMKA yang tidak bersetuju menempelaknya dengan mengatakan bahawa itulah Jalan Menuju Neraka (*al-sirat Ila al-Jahim*) (H. Rusydi, 2002: 87).

Pada 1981, berlaku pertentangan antara HAMKA dengan pemerintah tentang penglibatan orang beragama Islam dengan perayaan hari Krismas. HAMKA yang ketika itu memimpin Majelis Ulama Indonesia (MUI) mengeluarkan fatwa tentang pengharaman orang beragama Islam menyertai perayaan tersebut.

Ketika menyampaikan khutbah Jumaat di Masjid al-Azhar, HAMKA mengingatkan umat tentang haram hukumnya bahkan kafir bagi Muslim menghadiri perayaan hari Krismas. Menurut HAMKA, perayaan hari Krismas adalah kepercayaan orang Kristian yang memperingati kelahiran anak tuhan. Ia bertentangan dengan akidah Islam (H. Rusydi, 2002: 251). Pertembungan ini menyebabkan HAMKA meletakkan jawatannya selaku Ketua Majelis Ulama Indonesia demi mempertahankan amanah keilmuan.

2.5.3 Harga Diri

Keperibadian yang mulia memerlukan harga diri yang tinggi. Mereka yang mahu hidup dalam kemuliaan mestilah mempunyai harga diri dan itulah sifat yang telah dibekalkan kepada manusia oleh Allah SWT. Sememangnya manusia diciptakan dengan kemuliaan seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah kami ciptakan.

(al-Israa' 17: 70)

Harga diri merupakan kepercayaan dan keyakinan diri yang dapat memulia dan menjaga maruah diri dalam kehidupan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000: 4). Harga diri menentukan nilai bagi individu. Individu yang mempunyai harga diri yang tinggi adalah individu yang tahu memilih jalan yang wajar untuk dirinya. Dia percaya kepada kebolehannya dan bersungguh-sungguh dalam setiap usahanya. Dia juga tahu akan kebolehan dan kemampuan yang dimilikinya.

Harga diri melibatkan persoalan maruah. Individu akan dilabel dan seterusnya “dibeli” oleh masyarakat sekeliling berdasarkan tinggi atau rendah nilai tersebut. Harga diri ialah apa yang dirasakan tentang diri. Pandangan tentang diri akan mempengaruhi hubungan dengan orang lain.

Harga diri menjadi elemen penting dalam menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu misi dan visi kehidupan. Harga diri yang tinggi akan membawa kebahagiaan, kepuasan dan kesejahteraan hidup. Oleh yang demikian, harga diri yang positif perlu dibina dan dimantapkan dalam diri.

Kekuatan harga diri HAMKA membolehkannya berhadapan dengan sesiapa sahaja. Ketika timbul perasaan rendah diri orang ramai terhadap mereka yang berpendidikan Barat, HAMKA mengatakan bahawa mereka itu sama sahaja dengan orang ramai yang belajar di surau. Jika mereka menamakan program mereka sebagai simposium, kita menamakan program seperti itu sebagai muzakarah. Kalau kita tidak tahu bahasa Belanda, mereka pula tidak tahu bahasa Arab (H. Rusydi, 2002: 113). Maksudnya,

orang berpendidikan Barat tidaklah lebih mulia daripada mereka yang berpendidikan tempatan.

Apabila HAMKA melepaskan jawatan selaku Pegawai Kementerian Agama pada 1959 kerana memilih untuk terus melibatkan diri dalam parti MASYUMI, tindakan beliau itu dilakukan atas kepentingan dan keperluan untuk mempertahankan harga diri. HAMKA menyatakan pada keluarga beliau:

Tidak, kita tidak akan mati kerana tak lagi menerima gaji dan beras dari pemerintah. Tuhanlah yang menjamin hidup makhlukNya. Tapi ingat, kita harus menjaga maruah dan martabat diri kita di tengah masyarakat.

(H. Rusydi, 2002: 120)

2.5.4 Bertanggungjawab

Manusia tidak diciptakan sia-sia. Mereka diciptakan dengan tanggungjawab yang tertentu iaitu sebagai hamba Allah SWT dan sebagai khalifah Allah SWT. Hakikat tanggungjawab manusia ini telah dinyatakan oleh Allah SWT dalam firman-firmanNya yang bermaksud:

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

(adz-Dzaariyaat 51: 56)

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat:
“Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi...”

(al-Baqarah 2: 30)

Nilai bertanggungjawab boleh didefinisikan sebagai kesanggupan diri seseorang itu untuk memikul dan melaksanakan sesuatu tugas serta kewajipan dengan sempurna

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000: 4). Tanggungjawab bererti sesuatu kerja, tugas atau janji yang mesti dilaksanakan.

Nilai bertanggungjawab merupakan asas untuk membentuk individu serta masyarakat yang progresif dan berdaya maju. Orang yang bertanggungjawab dapat memainkan peranannya dengan berkesan dan dapat meyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara. Individu perlu bertanggungjawab terhadap ibu bapa, keluarga, masyarakat dan negara. Tanggungjawab sosial perlu dilaksanakan oleh pemerintah, golongan korporat, peniaga dan golongan birokrat yang terlibat secara langsung dengan masyarakat (Abd. Rahim, 2001:104).

Seseorang yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan sesuatu tugas perlu menyempurnakan tugas tersebut. Seseorang penjawat awam yang bertanggungjawab akan melaksanakan sesuatu tugas dengan bersungguh-sungguh dan berasa bersalah sekiranya gagal menyempurnakannya pada tahap yang terbaik. Sebaliknya pekerja yang tidak bertanggungjawab akan melakukan sesuatu tugas secara sambil lewa dan tidak berusaha untuk meningkatkan kualiti kerjanya. Justeru, beliau gagal memenuhi piawai dan tempoh masa yang ditetapkan sehingga menyebabkan orang lain terpaksa memikul beban untuk menyempurnakan tugasnya yang terbengkalai.

Kehidupan manusia umumnya terikat dengan pelbagai tanggungjawab. Sebagai insan dia bertanggungjawab kepada Tuhan maha pencipta. Dia juga bertanggungjawab terhadap keluarga, masyarakat dan negara. Kejayaan individu menyempurnakan

tanggungjawab inilah yang menentukan berjaya atau gagal nya individu melayari kehidupannya.

Taufiq Ismail, seorang penyair Indonesia yang terkenal memperakui bahawa HAMKA seorang yang bertanggungjawab. Kata Taufiq Ismail, “yang mengagumkan saya ialah Buya (HAMKA) selesai dengan tugasnya”. Bagi Taufiq Ismail, HAMKA telah berjaya menyeru dan merangsang pengarang muda Islam untuk mengikut jejaknya. Selain daripada itu, HAMKA juga telah menyelesaikan *Tafsir al-Azhar* sebagai usahanya yang monumental (H. Rusydi, 2002: 55-56).

Sikap bertanggungjawab HAMKA juga ditunjukkan beliau dalam episod pendudukan Jepun di Indonesia. Sebagai orang yang percaya kepada janji-janji Jepun, beliau bekerjasama dengan pentadbiran Jepun. Apabila menyedari bahawa Jepun, memungkirkan janji-janjinya, HAMKA mengakui kesilapannya kepada rakyat dan memohon maaf (H. Rusydi, 2002: 57). Sikap ini memperlihatkan kualiti pertanggungjawaban HAMKA terhadap apa yang dilakukannya.

2.5.5 Hemah Tinggi

Allah SWT telah mengingatkan tentang kepentingan memiliki hemah tinggi dalam kehidupan. Orang yang mempunyai hemah tinggi sentiasa berusaha melakukan kebaikan dan kebajikan. Mereka pula mengelakkan diri daripada berbuat segala perbuatan yang buruk dan kerosakan di bumi. Dalam konteks ini, Allah SWT mengingatkannya dengan ayat yang bermaksud:

Dan tuntutan dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatnya yang melimpah-limpah) dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.

(al-Qasas 28: 77)

Nilai hemah tinggi bermaksud beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam pergaulan seharian (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000: 4). Hemah tinggi merupakan nilai-nilai murni yang perlu ada dalam diri seseorang. Orang yang berhemah tinggi dengan sendirinya dikatakan bermoral, berakhlak, beretika, bersusila dan berperibadi mulia.

Hemah tinggi merangkumi unsur-unsur kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan. Nilai hemah tinggi amat dipuji oleh Tuhan dan masyarakat. Hemah tinggi perlu disertai oleh keikhlasan dalam melakukan kebaikan. Ia juga dikaitkan dengan sikap menghormati dan simpati kepada orang lain. Ia juga mempunyai kaitan dengan sikap mengutamakan kepentingan orang lain melebihi kepentingan diri sendiri.

HAMKA sememangnya seorang yang mempunyai kualiti hemah tinggi. Kesopanan dan budi pekerti beliau diterjemahkan dalam kehidupan seharian. Terdapat kisah hemah tinggi HAMKA seperti yang diceritakan oleh H. Rusydi (2002: 21). Kisah ini berlaku dalam suasana cemas dan tegang.

Pada suatu subuh, seorang pencuri yang mencuri buah nangka di rumah HAMKA telah ditangkap oleh anak-anak beliau. Apabila HAMKA pulang dari masjid, pencuri itu dihadapkan kepada beliau. Pencuri itu cuba melawan menggunakan pisau tetapi dapat ditumpaskan oleh HAMKA dengan menggunakan tongkat beliau.

Apa yang menarik ialah pencuri itu diberi makan sebelum dibebaskan. Sebelum pergi, pencuri itu memohon maaf dan maafnya diterima oleh HAMKA. Esoknya, pencuri itu datang memohon maaf lagi dan memohon diberi pekerjaan di rumah HAMKA. Oleh kerana tiada pekerjaan yang hendak diberikan, HAMKA memberikannya wang dan disuruh mencari pekerjaan di tempat lain.

2.5.6 Toleransi

Keperibadian yang dihormati memiliki kualiti toleransi yang tinggi. Toleransi mempunyai kaitan rapat dengan sikap terhadap orang lain dan kesediaan menerima perbezaan antara individu dan masyarakat. Mereka yang mempunyai kualiti toleransi akan menghormati cara dan budaya pihak lain. Episod toleransi diperlihatkan oleh Rasulullah SAW dalam kisah kain sutera:

Abdullah bin Umar berkata, “Umar melihat pakaian sutera dijual lalu beliau berkata: Wahai Rasulullah, belilah pakaian tersebut, lalu pakailah pada hari Jumaat dan ketika duta (dari luar Madinah) mendatangimu.” Baginda berkata, “Sutera itu hanya dipakai oleh orang yang tidak mendapatkan kebahagiaan di akhirat.” Kemudian datang (iriman berupa) pakaian, lalu Rasulullah memberikan sepotong pakaian kepada Umar, lantas Umar berkata, “bagaimana mungkin aku mengenakan pakaian ini, padahal dulu engkau pernah mengatakan bahawa pakaian sutera itu hanya dipakai oleh orang yang tidak mendapatkan kebahagiaan di akhirat.” Baginda berkata, “aku tidak memberimu untuk engkau kenakan, tetapi untuk engkau jual atau engkau berikan (kepada orang lain).” Kemudian Umar mengirimkan

pakaian itu untuk saudaranya yang belum masuk Islam di Mekah.”

(Hadis riwayat al-Bukhari, 2012: 525-526)

Toleransi merupakan kesanggupan seseorang individu mahupun masyarakat untuk bertolak ansur, sabar dan mengawal diri. Hal ini penting bagi mengelak berlakunya pertelingkahan dan perselisihan faham demi kesejahteraan hidup (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000: 4).

Toleransi bererti sikap merelakan ketidaksepakatan dalam sesuatu hal. Ia melibatkan rasa hormat kepada pendapat, sikap mahupun gaya hidup yang berbeza dengan pendapat, sikap dan gaya hidup sendiri. Toleransi tidak hanya terhad kepada hal yang bersifat spiritual dan moral tetapi juga terhadap ideologi dan parti politik yang bertentangan.

Individu yang mempunyai nilai toleransi akan menghormati pendapat dan perbuatan yang dilakukan oleh orang lain walaupun individu tersebut tidak bersetuju dengan pendapat dan perbuatan tersebut. Sikap ini penting dalam kehidupan melalui perhubungan antara individu dengan individu, individu dengan masyarakat dan masyarakat dengan masyarakat yang lain.

HAMKA telah menyeru dan memperlihatkan toleransi yang tinggi. Beliau bergaul dengan semua kaum, agama dan masyarakat dari latar belakang yang berbeza. Beliau menyeru kepada kerukunan hidup seperti yang dianjurkan oleh pemerintah Republik Indonesia. HAMKA juga pernah menghuraikan dengan panjang lebar tentang konsep

“tidak ada paksaan dalam agama” dan keperluan hidup bertetangga dengan jujur walaupun mempunyai pandangan hidup yang berbeza (H. Rusydi, 2002: 338-340).

2.5.7 Berdikari

Berdikari boleh difahami sebagai kebolehan dan kesanggupan untuk melakukan sesuatu tanpa perlu bergantung kepada orang lain (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000: 5). Dalam konteks ini, individu menggunakan keupayaannya sendiri dalam melakukan sesuatu perbuatan.

Berdikari juga difahami sebagai keupayaan individu untuk bertindak sendiri tanpa bergantung dengan orang lain. Nilai berdikari membawa pengertian jaya diri dan yakin kepada diri sendiri. Individu itu yakin bahawa apa yang dilakukannya itu mendatangkan faedah kepada dirinya.

HAMKA seorang yang berdikari dalam hidup. Perceraian ibu bapa beliau telah melatih beliau hidup berdikari. Bukan sekadar mencari perbelanjaan hidup sendiri, HAMKA juga telah mampu pergi menunaikan haji ketika berusia 19 tahun. Hal ini sangat membanggakan bapa beliau, Doktor Abdul Karim Amrullah (H. Rusydi, 2002: 27).

2.5.8 Kerajinan

Nilai kerajinan boleh didefinisikan dan difahami sebagai usaha berterusan oleh individu atau masyarakat yang penuh dengan semangat ketekunan, kecekalan, kegigihan,

dedikasi dan berdaya maju dalam melakukan sesuatu perkara (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000: 5).

Kerajinan merupakan usaha yang dilakukan oleh individu atau kumpulan secara berterusan dan tekun, cekal, gigih, dedikasi dan berdaya maju untuk mencapai matlamat tindakan berkenaan. Selain menjamin kemajuan, kerajinan juga menjadi pemangkin untuk mencapai matlamat hidup.

Amalan kerajinan perlulah dipupuk sejak dari zaman kanak-kanak lagi. Individu yang mengamalkan kerajinan akan melakukan sesuatu tugas dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan. Nilai kerajinan akan membentuk disiplin diri yang kuat serta sanggup menghadapi segala cabaran untuk mencapai matlamat yang diingini. Mereka yang rajin tidak akan terpengaruh dengan aktiviti yang negatif seperti sikap membuang masa dan berbual kosong.

Kerajinan diri HAMKA antara lain dapat dikesan ketika beliau dipenjarakan oleh regim Sukarno pada 1964. Beliau terkurung selama hampir tiga tahun. Pada masa itulah HAMKA tekun menulis *Tafsir al-Azhar* yang sangat monumental itu. Ketekunan beliau duduk menulis tafsir tersebut selama di Megamendung telah menyebabkan penyakit buasir datang kembali walaupun pernah dibedah pada masa sebelum dipenjarakan (H. Rusydi, 2002: 39).

2.5.9 Kasih Sayang

Pusat Perkembangan Kurikulum (2000: 5) telah mendefinisikan kasih sayang sebagai kepekaan dan perasaan cinta yang mendalam terhadap sesuatu. Perasaan ini akan berkekalan sepanjang masa. Kasih sayang lahir dan berkembang daripada hati yang tulus dan ikhlas.

Kasih sayang merupakan keinginan atau perasaan mendalam kepada atau terhadap sesuatu. Ia merangkumi perasaan simpati, cinta dan belas kasihan. Nilai kasih sayang dapat dilihat melalui beberapa aspek dalam diri serta pembawaan seseorang individu dalam pergaulan seharian.

Kasih sayang boleh diklasifikasikan kepada kasih sayang terhadap Tuhan, rasul, diri sendiri, keluarga, sahabat dan kekasih. Kasih sayang juga ditujukan kepada unsur-unsur dan konsep-konsep tertentu seperti kasih sayang kepada negara, bangsa, kampung halaman dan alam sekitar.

Kasih sayang HAMKA lahir dalam pelbagai bentuk dan ditujukan kepada pelbagai pihak. Salah satu bentuk kasih sayang beliau adalah kepada anak-anak. Apabila balik dari sebarang tugas atau lawatan ke luar kawasan, soalan pertama yang ditanya ialah “lai nakan nak urang?” (Adakah anak-anak sudah makan?) (H. Rusydi, 2002: 30). Demikianlah kasih sayang dan ingatan beliau kepada anak-anak.

2.5.10 Keadilan

Keadilan didefinisikan sebagai tindakan dan keputusan yang saksama serta tidak berat sebelah (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000: 5). Menurut perspektif Islam pula, keadilan ialah meletakkan sesuatu kena pada tempatnya. Hal ini menggambarkan bahawa keadilan bukan sahaja tuntutan agama tetapi keadilan itu juga wajib ditunaikan.

Nilai keadilan merupakan asas yang amat penting dalam proses pembinaan masyarakat dan negara. Keadilan akan menjamin hak individu mengikut perubahan dan keperluan. Undang-undang yang dijalankan mestilah mengikut lunas-lunas keadilan dan tidak berlaku penindasan (Abd Rahim, 2001: 104).

Setiap individu dan orang yang bertanggungjawab mestilah melaksanakan keadilan. Ibu bapa mestilah adil terhadap anak-anak mereka tanpa membezakan antara anak-anak tersebut. Layanan yang adil oleh ibu bapa akan membentuk keluarga yang bahagia dan sempurna. Layanan mesra dan adil yang diberikan oleh ibu bapa akan menghindarkan anak mereka daripada gejala negatif.

Suami perlu melaksanakan keadilan terhadap isteri mereka. Sekiranya mereka mempunyai lebih daripada seorang isteri, maka keadilan adalah suatu perkara yang penting dan tidak boleh diabaikan. Keadilan dalam konteks ini bermaksud keadilan dalam penjagaan nafkah zahir dan batin. Keadilan daripada aspek kasih sayang tidak termasuk dalam tuntutan keadilan kerana ia adalah fitrah manusia yang abstrak. Walau

bagaimanapun, jangan pula kasih sayang terhadap salah seorang isteri membawa ketidakadilan terhadap isteri yang lain.

Keadilan perlu dilaksanakan oleh majikan terhadap semua pekerja mereka. Imbuhan dan kenaikan pangkat hendaklah diberikan atas asas yang adil seperti kualiti kerja yang cemerlang serta disiplin yang terpuji. Amalan pilih kasih kerana persaudaraan, persahabatan dan kenalan akan mencabul prinsip keadilan dan kesannya akan menjejaskan produktiviti.

Dalam konteks negara, keadilan mestilah diberikan kepada rakyat tanpa mengira status sosial mereka. Hal ini merupakan tanggungjawab pemerintah yang asasi. Pemerintah mestilah menjalankan segala tanggungjawab yang terpikul di bahu mereka dengan adil dan saksama.

HAMKA mendidik umat supaya meyakini bahawa Allah SWT adalah kekuasaan yang maha adil. Pada suatu hari, anak gadis Pramodya Anantatoer memohon pertolongan HAMKA untuk mengIslamkan teman lelakinya. Apabila HAMKA membantunya, anak-anak HAMKA mempersoalkannya kerana Pramodya Anantatoer pernah memfitnah HAMKA. HAMKA lalu menjawab:

Betapapun dia membenci kita, kita tak berhak menghukumnya.
Allahlah yang maha adil.

(H. Rusydi, 2002: 89).

2.5.11 Rasional

Rasional bermaksud kebolehan berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang nyata di mana individu dapat mengambil tindakan berasaskan pertimbangan yang wajar (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000: 5). Perkataan rasional bermaksud suatu tindakan, perbuatan atau pemikiran yang munasabah.

Melalui pemikiran yang rasional, individu akan lebih terarah ke arah kebaikan. Justeru individu perlulah dilatih sejak kanak-kanak lagi agar dapat berfikir secara rasional. Mereka perlu dilatih membuat keputusan yang wajar apabila menghadapi masalah. Melatih kanak-kanak berfikir secara rasional dan positif akan menjadikan mereka individu yang berfikir sebelum bertindak. Mereka juga akan lebih berhati-hati dalam menimbang baik-buruknya sesuatu tindakan.

Pemikiran rasional HAMKA antara lain dapat dilihat dalam pendirian beliau terhadap isu teori kedatangan Islam ke Nusantara. HAMKA menegaskan bahawa Islam di Nusantara datang terus dari tanah Arab. Antara hujah HAMKA ialah berdasarkan ayat al-Quran yang bermaksud:

Sesungguhnya orang-orang yang berbakti (dengan taat dan kebajikan) akan meminum dari piala; sejenis minuman yang bercampur dengan *kafur*.

(al-Insaan 76: 5)

Kafur difafsirkan oleh HAMKA sebagai kapur barus yang hanya terdapat di Barus (Pasai), Sumatera. HAMKA berhujah bahawa sebelum Islam lagi orang Arab telah belayar hingga ke Nusantara. Hujah HAMKA yang lain ialah berkaitan beberapa hadis Nabi Muhammad SAW tentang berwuduk dengan air laut yang menunjukkan betapa

orang Arab sudah lama belayar. Selain itu, HAMKA berhujah menggunakan catatan perjalanan Ibnu Batutah dan Cheng Ho (H. Rusydi, 2002: 115-116).

HAMKA menolak teori kedatangan Islam dari India yang dipopularkan oleh orientalis Barat. Bagi HAMKA, hal ini dilakukan dengan sengaja untuk merendahkan ketulenan Islam yang sampai ke Nusantara. Pendapat yang sama turut dikemukakan oleh Syed Muhammad Naguib al-Attas (1984: 33-34). Syed Muhammad Naguib al-Attas turut menyokong teori kedatangan Islam terus dari Tanah Arab.

2.5.12 Kesederhanaan

Kesederhanaan bermaksud sikap yang tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan dan tindakan sama ada dalam aspek pemikiran, pertuturan atau perlakuan dengan tidak mengabaikan kepentingan diri dan kepentingan orang lain (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000: 5). Nilai kesederhanaan merupakan nilai yang sangat murni dan mulia tetapi sukar diamalkan.

Individu yang mempunyai nilai moral yang tinggi adalah individu yang dapat menghayati konsep kesederhanaan dalam kehidupannya. Dia bersikap sederhana sama ada dari segi pakaian, makanan, tindakan dan gaya hidup. Hal ini tidak bermakna individu itu tidak mampu atau dia menolak kehidupan dunia.

Individu yang bersikap sederhana mengambil kehidupan dunia sekadar keperluan hidup sahaja dan bukan untuk bermegah-megah dan juga menunjuk-nunjuk. Dia tidak boros

dalam perbelanjaan dan tidak berlebih-lebihan dalam gaya kehidupannya. Dia juga tidak bakhil dan tidak kedekut.

Kesederhanaan diungkapkan dalam al-Quran dengan konsep *ummatan wasatan* (al-Baqarah 2: 143). Kesederhanaan (*wasatiyah*) seringkali dikaitkan dengan pemikiran dan tindakan yang tidak ketat dan tidak longgar (*la ifrat wala tafrit*) (Siddiq, 2012: 78). Tegasnya, kesederhanaan ialah paksi tengah dalam pemikiran, sikap dan tindakan individu dan masyarakat.

Sepanjang kehidupan beliau, HAMKA menampilkan diri sebagai seorang yang sederhana. Nasihat beliau kepada anak-anak menggambarkan keinginan beliau kepada kehidupan yang sederhana. Bagi beliau, kehidupan yang sederhana akan menyelamatkan diri seseorang:

Hati-hati kalian, kehidupan di kota semacam Jakarta ini banyak bahayanya. Pangkal kecelakaan ialah kerana iman yang lemah, pergaulan dan keinginan hidup mewah. Tiga hal itu hendaklah kalian perhatikan. Biarlah hidup miskin tapi dengan iman dan jangan sekali-kali kepala mendongak ke atas melihat kemewahan hidup sekitar.

(H. Rusydi, 2002: 147)

Dalam babak hidup yang lain, dapat juga dikesan kesederhanaan HAMKA. Peletakan jawatan beliau daripada kedudukan sebagai Pegawai Tinggi Kementerian Agama pada 1959 tidak menjejaskan hidup beliau kerana sudah terbiasa hidup sederhana. Apatah lagi ketika menjawat jawatan pegawai pun, beliau tidak hidup mewah.

HAMKA telah memperlihatkan teladan dan kualiti diri yang mulia melalui analisis 12 Nilai Perkembangan Diri dalam Pendidikan Moral. Nilai-nilai Perkembangan Diri dalam Pendidikan Moral merupakan komponen yang penting dalam pembentukan individu dan pelajar yang bermoral. 12 nilai berkenaan dapat membentuk peribadi yang mantap dan unggul dan dapat membangunkan individu yang bermoral secara bersepadu. Individu tersebut seterusnya akan dapat menyumbang kepada kesejahteraan diri, masyarakat dan negara. HAMKA telah memperlihatkan kualiti keperibadian yang terpuji dan seharusnya diteladani.

2.6 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan tentang konsep pembebasan dan biografi HAMKA. Pembebasan sebagai tema perjuangan dan merupakan bahagian utama dalam kajian ini telah dibincangkan tentang definisi konsepnya. Selain itu, pembebasan juga dihuraikan dari aspek gagasan-gagasan penting dan teorinya. Misi dan tujuan pembebasan turut dibahasakan.

Biografi HAMKA menyorot sejarah perjalanan hidup beliau dari kelahiran hingga kematian. Satu aspek penting iaitu penglibatan beliau dalam gerakan Islam digalurkan dengan tujuan untuk melibat sumbangan beliau dan pengaruh gerakan Islam itu terhadap keperibadian beliau. Ketrampilan dan kualiti keperibadian beliau turut ditonjolkan sebagai teladan dan inspirasi.

Sesungguhnya, pembebasan merupakan misi penting dalam perjuangan hidup HAMKA. Bab-bab seterusnya akan mencungkil aspek-aspek pembebasan dalam karya kreatif HAMKA. Usaha ini amat penting memandangkan kedudukan HAMKA sebagai pejuang yang tersohor yang tentunya memancarkan perjuangan pembebasan dalam karya-karya yang beliau hasilkan.

BAB TIGA

PEMBEBASAN AKIDAH

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan membicarakan tentang aspek pembebasan akidah yang dikemukakan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau. Sebagai ulama, HAMKA tentunya memperjuangkan soal pembebasan akidah sebagai tema terpenting daripada sejumlah tema perjuangan yang diterapkan dalam karya kreatif beliau.

Perbincangan akan memberikan fokus kepada kandungan karya kreatif HAMKA sama ada yang berbentuk novel mahupun cerpen. Apa yang akan dikaji ialah kandungan yang menyentuh soal pembebasan akidah daripada keyakinan kepada makhluk mengarah kepada komitmen akidah yang luhur kepada Allah SWT.

Sebagai seorang ulama, hampir semua karya kreatif HAMKA mengandungi tema pembebasan akidah. Walau bagaimanapun novel yang paling menonjol ialah *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Merantau ke Deli*, *Di Bawah Lindungan Kaabah*, *Tuan Direktur dan Keadilan Ilahi*.

Cerpen yang paling ketara menerapkan soal pembebasan akidah ialah “Malam Sekaten” dan “Gadis Basanai” yang termuat dalam antologi *Di Dalam Lembah Kehidupan*. Selain itu, cerpen “Salahnya Sendiri” yang terkandung dalam antologi *Cermin Penghidupan* turut menyentuh persoalan pembebasan akidah dan prinsip ketuhanan.

3.2 Akidah

Persoalan akidah merupakan tunggak asas dalam Islam. Ia mengambil tempat yang utama dan menjadi paksi yang kukuh dalam beragama. Akidah mestilah terlebih dahulu ditegakkan sebelum aspek lain keagamaan seperti syariat, akhlak, *mu`amalah* dan *munakahat* diterjemahkan dalam kehidupan muslim.

Dari aspek etimologi bahasa Arab, akidah berasal daripada perkataan *al-`aqdu* yang bermaksud ikatan, *at-tauthiqu* yang bererti kepercayaan dan keyakinan yang kuat, *al-ihkamu* yang bermaksud mengukuhkan atau menetapkan dan *al-rabdu biquwwah* yang membawa erti mengikat dengan kuat (Jawas, 2011: 27). Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2011: 6) menegaskan bahawa yang dimaksudkan dengan ikatan dan simpulan dalam istilah akidah ini berupa ikatan kepercayaan dan keyakinan yang tersimpul pada hati insan.

Akidah juga dapat difahami sebagai *tasdiq* yang merupakan tindakan membenarkan sesuatu yang ghaib tanpa sebarang keraguan (Ramli, 2005: 3). Tindakan menerima dan beriman dengan yang ghaib adalah kemuncak keyakinan kerana yang ghaib itu adalah sesuatu yang tidak dapat dilihat dengan pancaindera. Keimanan itu pula membawa kepada jihad pada jalan Allah SWT dengan segala keupayaan diri. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan RasulNya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya).

(al-Hujuraat 49: 15)

Menurut terminologi (istilah) pula, akidah merupakan iman yang teguh dan pasti, yang diyakini dengan sepenuhnya tanpa ada sedikitpun keraguan (Jawas, 2011: 27). Keimanan yang teguh dan pasti itu merupakan suatu kekuatan yang mantap. Ia akan menentukan segala tindakan dalam hidup seseorang.

Akidah menurut pengertian syarak merupakan ikatan kepercayaan dan keyakinan yang kukuh dan mantap kepada Allah SWT tanpa sedikitpun keraguan (Ramli, 2005: 3). Keyakinan ini membawa kepada kepatuhan dan ketaatan yang mutlak kepada Allah SWT sebagai Tuhan yang manusia mengabdikan diri kepadaNya.

Terdapat nama-nama lain selain akidah yang memberikan pengertian yang sama tentang ilmu akidah Islam. Nama-nama berkenaan ialah tauhid, usuluddin, *al-fiqh al-akbar* dan ilmu kalam (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2011: 9). Istilah-istilah tersebut membawa maksud, konsep dan tujuan yang sama dengan akidah.

Asas akidah ialah mengenal Allah SWT. Mengenal Tuhan merupakan perkara asas dan fitrah pada setiap insan. Justeru itu, menolak Tuhan merupakan paksaan yang bertentangan dengan sifat jiwa (HAMKA, 2009: 65). Selagi seseorang merupakan manusia normal maka jiwanya sentiasa berkehendakkan Tuhan yang kepadaNya, individu itu mengabdikan diri.

Kepentingan akidah dan pengaruhnya yang besar dalam kehidupan manusia dibuktikan melalui hakikat bahawa lebih sepertiga ayat-ayat suci al-Quran membicarakan soal

akidah (Jawas, 2011: x). Tambahan pula, dalam sejarah dakwah Rasulullah SAW selama 23 tahun, semua 13 tahun dakwah baginda pada tahap *Makkiyah* memberikan fokus kepada soal akidah.

Persoalan di sekitar akidah memberikan perhatian kepada unsur-unsur utama dalam ajaran Islam. Tiga unsur penting dalam ajaran Islam adalah hakikat keIlahan (keTuhanan), hakikat penghambaan serta pengabdian dan aspek hubungan antara hamba dengan pencipta(*khaliq*)nya (Azzam, 1996: ix).

Akidah merupakan suatu keyakinan yang penting kerana ia mendasari ajaran Islam. Keyakinan kepada Allah SWT sentiasa dituntut dan menjadi penentu tahap keimanan. Tidak ada tawar-menawar dalam soal akidah. Rasulullah SAW apabila kali pertama berdakwah pada fasa terang-terangan kepada kaum Quraisy di Mekah telah bersabda yang bermaksud:

Bagaimana pendapat kamu semua jika aku memberi khabar bahawa pasukan berkuda keluar dari sisi gunung ini, apakah kamu semua mempercayaku? Mereka berkata, “kami tidak pernah mendapati dirimu berdusta.” Baginda bersabda, “sungguh aku memberi peringatan kepada kamu semua akan datangnya azab yang pedih.” Abu Lahab berkata, “binasalah engkau! Apakah hanya untuk ini engkau mengumpulkan kami?” Kemudian dia bangkit. Lalu turunlah firman Allah yang bermaksud, “binasalah tangan Abu Lahab dan sesungguhnya dia akan binasa (dan dia benar-benar telah binasa).”

(Hadis riwayat al-Bukhari, 2012: 306)

Dalam ajaran Islam, akidah menempati posisi yang sangat tinggi dan mulia. Hal ini kerana tindakan seseorang muslim digerakkan oleh kekuatan dan kemantapan

akidahnya. Kedudukan akidah dalam Islam ditegaskan oleh Rasulullah SAW dalam sabda baginda yang bermaksud:

Islam dibangunkan di atas lima tiang: (syahadah) bersaksi bahawa tidak ada Tuhan (Ilah) selain Allah dan bersaksi bahawa Muhammad adalah Rasulullah (utusan Allah), mendirikan solat, menunaikan zakat, melaksanakan haji dan berpuasa Ramadhan.
(Hadis riwayat al-Bukhari, 2011: 6)

Dalam hadis di atas, Rasulullah menegaskan tentang hakikat Islam yang ditegaskan di atas lima tiang utama. Dalam bahasa yang lain, tiang-tiang itu juga dikenali sebagai rukun Islam. Tiang pertama dan utama ialah syahadah yang merupakan intipati kepada ajaran Islam.

Kesimpulannya, akidah merupakan ruh dan jiwa kepada Islam. Berbekalkan akidah, Rasulullah SAW menyebarkan dakwah Islam dan membangunkan masyarakat Islam khususnya pada era Madinah yang berpegang teguh kepada akidah Islam dan menterjemahkannya dalam kehidupan seharian. Kekuatan akidah generasi Madinah pada ketika itu telah berjaya membangunkan suatu tamadun baru yang bebas daripada jahiliah; tamadun Islam yang tidak ada tolok bandingnya dalam sejarah manusia pada sepanjang zaman.

3.3 Pembebasan Akidah

Pembebasan mestilah dimulakan dengan pembebasan akidah kerana tanpa pembebasan akidah, perjuangan pembebasan itu sendiri tidak membawa sebarang makna (Engineer, 1999: vii, 2-3, 11, 17-19; Shariati, 1987b: 11-12). Pembebasan akidah membawa kesan yang amat signifikan terhadap perjuangan pembebasan.

Slogan pembebasan akidah bermaksud perjuangan untuk melepaskan manusia daripada belenggu keyakinan dan pengabdian diri kepada apa sahaja selain Allah SWT. Pembebasan akidah merupakan perjuangan yang amat penting kerana tanpa pembebasan akidah, manusia akan terpasung dalam penjara kejahilan, kebodohan dan kehinaan. Hakikat ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam firmanNya yang bermaksud:

Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan *Taghut* dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh, yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

(al-Baqarah 2: 256)

Pengabdian diri kepada Allah SWT merupakan fungsi kehambaan yang dilaksanakan melalui ketaatan dan kepatuhan yang mutlak dengan penuh rasa cinta dan kagum kepada Ilahi. Hal ini hanya dapat dilakukan dengan mengenal Allah SWT. Oleh kerana itulah, Ibnu Abbas menafsirkan kata-kata “menyembahKu” (*liya'buduni*) sebagai “mengenalKu” (*liya'rifuni*) (Siddiq, 2003: 4). Tidak mungkin individu boleh mengabdikan diri seutuh dan setulusnya kepada Allah SWT tanpa terlebih dahulu mengenal Allah SWT. Mengenal Allah SWT akan membawa kepada rasa cinta kepadaNya.

Islam adalah *addin* yang merupakan sistem hidup yang mencakupi seluruh aspek dan ruang kehidupan. Islam adalah cara hidup yang syumul, lengkap dan sempurna. Islam adalah satu cara hidup (*a/the way of life*). Islam mengatur semua persoalan; dunia dan akhirat, kecil dan besar, kehidupan individu mahupun kehidupan bermasyarakat.

Akidah Islam menekankan kepada kerangka matlamat penciptaan manusia dan peranan yang wajib dimainkan oleh muslim dalam kehidupan individu dan masyarakat. Ia menegaskan tanggungjawab penganutnya sebagai hamba Allah SWT, tanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT dan tanggungjawab dakwah.

3.3.1 Tanggungjawab sebagai Hamba Allah SWT

Berdasarkan akidah Islam, tanggungjawab insan yang asasi ialah memperhambakan diri kepada Allah SWT. Bukan sekadar insan, makhluk jin juga diciptakan untuk tujuan yang sama. Hakikat ini jelas melalui perisytiharan yang terkandung dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan
untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.
(adz-Dzaariyaat 51: 56)

Hakikat kehambaan bermaksud bahawa setiap insan mengakui bahawa mereka adalah kepunyaan Allah SWT dan Allahlah yang maha berkuasa mengatur kehidupan insan. Allahlah penguasa dan hanya sistem Allahlah yang mampu memberikan kebahagiaan kepada kehidupan insan dan alam.

Bagi muslim-mukmin, dirinya diserahkan kepada Allah SWT kerana Allahlah yang menjamin keamanan dan kesejahteraan hidup di dunia dan kemuliaan hidup di alam akhirat. Hanya dengan mengabdikan diri kepada Allah SWT sahajalah, kedamaian hakiki akan diperoleh. Dalam konteks ini, Khurshed Ahmad menjelaskan bahawa prinsip asas Islam ialah:

*Islam stands for a commitment to surrender one's will to the will
of God and thus to be at peace with the Creator and with all that*

has been created by Him. It is through submission to the will of God that peace is brought.

(Choudhury, 1993: 5)

Sebagai hamba tidak ada *Ilah* dan *Rabb* selain Allah SWT. Kepada Allah SWT sahajalah insan menyerahkan segala-galanya dalam hidup; keyakinan, ketaatan, ketundukan, kepatuhan, kasih sayang, kekaguman, perancangan dan harapan. Allahlah segala-galanya bagi hamba.

3.3.2 Tanggungjawab sebagai Khalifah Allah SWT

Selain tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT, manusia juga dipertanggungjawabkan sebagai khalifah Allah SWT. Kefahaman dan keyakinan tentang amanah kekhalifahan termasuk dalam persoalan akidah. Tanggungjawab ini diisytiharkan oleh Allah SWT melalui firmanNya yang bermaksud:

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat:
“Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi...”

(al-Baqarah 2: 30)

Syaikh Shafiyurrahman al-Mubarakfuri memetik tafsiran al-Qurthubi yang antara lain menggariskan bahawa tugas khalifah adalah untuk menegakkan hukum, mencegah perbuatan keji, membantu golongan yang teraniaya dan membanteras kezaliman (al-Mubarakfuri, 2006: 199). Tegasnya, khalifah mempunyai tanggungjawab untuk menegakkan keadilan dan kesejahteraan umat berpandukan kepada peraturan yang telah ditentukan oleh Allah SWT.

3.3.3 Tanggung Jawab Dakwah

Dakwah merupakan tanggung jawab setiap insan muslim. Berdakwah adalah usaha yang optimum dengan segala kebijaksanaan (*hikmah*) mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah kejahatan. Insan yang beriman kepada Allah SWT tidak akan mengabaikan tanggungjawab berdakwah sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

(ali-Imraan 3: 104)

Manusia yang mantap akidahnya kepada Allah SWT akan patuh kepada arahan untuk berdakwah. Melaksanakan kerja dakwah juga adalah piawai bagi menentukan status sesuatu umat, sama ada umat itu umat yang baik atau umat yang buruk. Dakwah menjadi prasyarat kepada pembentukan umat terbaik sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka orang-orang yang fasik.

(ali-Imraan 3: 110)

Muhammad Natsir (1980: 110) telah menegaskan bahawa tugas dakwah adalah wajib bagi setiap muslim dan muslimah. Dakwah bukan monopoli golongan ulama dan

intelektual. Adalah menjadi tanggungjawab semua untuk memikul amanah dakwah dengan segala daya upaya dan kebijaksanaan.

3.4 Pembebasan Akidah dalam Karya Kreatif HAMKA

Sebagai ulama tersohor, HAMKA sentiasa memperjuangkan pembebasan akidah melalui pelbagai wahana yang dikuasainya. Pembinaan insan yang memiliki akidah Islam yang jelas sentiasa dilakukan oleh beliau. Beliau menggunakan ceramah dan pengajaran di samping penulisan. Penulisan yang dimaksudkan berupa penulisan ilmiah dan juga karya kreatif yang dihasilkannya.

Karya kreatif HAMKA sememangnya sarat dengan persoalan pembebasan akidah. Secara terperinci, dapat dikesan 15 perincian pembebasan akidah yang diutarakan oleh HAMKA iaitu kepercayaan kepada Allah SWT, kekuasaan Allah SWT, pergantungan kepada Allah SWT, kepercayaan kepada malaikat, kepercayaan kepada kitab, kepercayaan kepada rasul, persoalan takdir, ketenangan hati, keampunan, tahyul, persamaan manusia, cinta, rezeki, kesyukuran dan hidup selepas mati.

3.4.1 Kepercayaan kepada Allah SWT

Akidah Islamiah merupakan kepercayaan yang teguh dan pasti kepada Allah SWT dan segala yang terangkum di dalam rukun iman iaitu taat kepada Allah SWT, malaikatNya, rasulNya, kitabNya, hari akhirat dan qada' dan qadar (Jawas, 2011: 27). Kepercayaan kepada Allah SWT berperanan sebagai permulaan kepada ciri-ciri akidah yang lain.

Kepercayaan kepada Allah SWT ini seiring dengan pembebasan kepercayaan manusia kepada tuhan-tuhan yang lain seperti kepercayaan ketuhanan terhadap berhala, keberhalaan, cakerawala, kuasa dan makhluk lain. Individu yang percaya kepada Allah SWT tidak akan terlibat dengan sebarang perbuatan yang menunjukkan bahawa dia percaya kepada tuhan-tuhan yang lain.

Dalam karya kreatif beliau, HAMKA telah menerapkan konsep kepercayaan kepada Allah SWT melalui cerita dan perwatakan di dalamnya. Kepercayaan kepada Allah SWT menyebabkan seseorang membebaskan dirinya daripada sebarang ikatan yang lain selain daripada Allah SWT. Seterusnya, akan lahir pengabdian kepada Allah SWT dalam kehidupan seharian melalui ibadah. Hakikat ini dapat dikesan dengan jelas dalam karya kreatif HAMKA seperti ibadah solat dan haji. Novel *Di Bawah Lindungan Kaabah* sememangnya berkisar kepada ibadah haji sebagai salah satu rukun Islam.

Novel *Di Bawah Lindungan Kaabah* pertama kali diterbitkan pada 1938. Ia mengisahkan tentang Hamid yang meninggalkan kampungnya dan bermusafir ke Siantar, Medan. Dia baru kematian ibunya dan sebelum itu Haji Jafar yang banyak menolongnya pergi menemui Ilahi. Ayahnya meninggal ketika dia berumur empat tahun.

Mamak Asiah dan anaknya Zainab telah banyak membantu hidupnya yang malang. Walau bagaimanapun, Mamak Asiah telah meminta sesuatu yang amat sukar iaitu meminta Hamid memujuk Zainab supaya setuju berkahwin dengan saudara

Allahyarham suami Mamak Asiah. Hal ini suatu dilema kepada Hamid kerana dia mencintai Zainab. Namun, Hamid menunaikan juga permintaan Mamak Asiah kerana terhutang budi dan sedar diri.

Di Medan, Hamid menulis surat kepada Zainab dengan meluahkan isi hatinya kepada Zainab. Hamid menyatakan cinta kasihnya dengan kesedaran bahawa tidak mungkin mereka akan dapat bersama kerana status sosialnya yang miskin berbanding Zainab yang kaya-raya. Sementelahan, Zainab akan dikahwinkan dengan pilihan Mamak Asiah. Rupa-rupanya Hamid tidak bertepuk sebelah tangan. Zainab juga mencintai Hamid.

Dari Medan, Hamid berkelana ke Singapura dan kemudiannya ke Tanah Suci Mekah. Dia tinggal dengan seorang syeikh yang mengusahakan perniagaan menyewakan tempat tinggal kepada jemaah haji. Setahun di Mekah, tibalah musim haji yang mengundang kehadiran jemaah haji dari seluruh dunia.

Tanpa terduga, salah seorang jemaah yang datang ialah Saleh, teman sekampung Hamid. Saleh bercadang untuk belajar agama di Mesir selepas musim haji. Melaluinya, Hamid mengetahui bahawa Zainab tidak berkahwin dengan saudara pilihan Mamak Asiah dan Zainab kini sakit. Hamid berazam untuk balik kampung selepas menunaikan fardhu haji.

Zainab mengetahui berita tentang Hamid melalui Rosna, isteri Saleh di kampung yang dikirimkan surat oleh Saleh. Dalam keadaan sakit yang parah, Zainab menulis surat

kepada Hamid yang dicintainya. Surat tersebut memberi kesan yang sangat mendalam dan amat mempengaruhi rohani dan jasmani Hamid.

Pada hari hendak ke Arafah, Hamid jatuh sakit. Selepas ibadat di Arafah, kesihatan Hamid semakin teruk dan ketika itu jugalah datang surat daripada Rosna kepada Saleh memaklumkan bahawa Zainab sudah meninggal. Berita itu telah menggoncang jiwa dan tubuh Hamid. Akibatnya, ketika hendak ke Mina, Hamid tidak sedarkan diri sehingga Saleh terpaksa mengupah orang Badwi membawa Hamid ke sana.

Sekembalinya Hamid dari Mina, dia mengerjakan tawaf di Kaabah dengan bantuan orang Badwi. Apabila tiba pada suatu kawasan di antara pintu Kaabah dengan Hajarul Aswad, Hamid meminta orang Badwi itu berhenti. Hamid memegang kiswah (kelambu Kaabah) untuk berdoa. Hamid yang sudah teramat lemah menghembuskan nafas terakhirnya di situ.

Kesungguhan HAMKA menegaskan hakikat kepercayaan kepada Allah SWT bukan sahaja melalui watak-watak protagonis (baik) tetapi menjangkau watak-watak antagonis (jahat) dalam karya kreatif beliau. Contohnya ialah dialog yang diucapkan oleh watak antagonis Sutan Marah Husin dalam novel *Keadilan Ilahi*:

Hamba tidak salah, O Allah, hamba tidak salah, hamba tidak salah, hamba...tidak salah.

(HAMKA, 1986: 95)

Sutan Marah Husin adalah watak antagonis. Dia bergelumang dengan segala bentuk kejahatan yang melibatkan kezaliman, penindasan dan pembunuhan. Selain dari itu, dia

juga bongkak dan lupa diri. Walau bagaimanapun, apabila berhadapan dengan situasi cemas dan ketakutan, dia tetap menyebut nama Allah SWT atas kepercayaan bahawa hanya Allah SWT yang berkuasa untuk menyelamatkannya. Hal ini jelas menunjukkan betapa manusia dalam keadaan apa sekalipun tetap mempercayai Allah SWT dan sentiasa memerlukanNya.

Kepercayaan kepada Allah SWT bermaksud individu mempercayai kewujudan Allah SWT dengan sifat Esa atau tunggal dan tiada yang menyerupaiNya (Harun, 2000: 51). Ciri-ciri ketuhanan Allah SWT telah dijelaskan dan boleh dikaitkan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

Katakanlah (wahai Muhammad): “(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa. Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat. Ia tiada beranak dan Ia pula tidak diperanakkan. Dan tidak ada sesiapaupun yang setara dengannya.”
(al-Ikhlaas 112: 1-4)

Konsep kepercayaan kepada Allah SWT membawa kepada pemeluk agama Islam. Hal ini diolah oleh HAMKA melalui cerpen “Dirayu Suara Azan” dalam antologi *Cermin Penghidupan* (HAMKA, 1976: 38-58) yang memaparkan kisah benar bagaimana seorang gadis Kristian bernama Elizabeth telah memeluk Islam. Gerakan hatinya yang tertarik kepada Islam ialah apabila dia tersentuh dengan suara azan subuh pada suatu pagi pada penghujung tahun 1960 di Bogor. Elizabeth belajar mendekati Islam dengan dibantu oleh jirannya, Yus dan bapa Yus yang bernama Amir Husin.

Pada Oktober 1960, Elizabeth dibawa oleh Yus menemui HAMKA dan Elizabeth telah memeluk Islam. Elizabeth menggunakan nama Mardhiah dengan panggilan manjanya

Diah. HAMKA dan isteri menemui ibu Diah dan memaklumkan tentang keIslamannya. Ibu Diah yang awalnya sugul menjadi riang apabila Diah menunjukkan kasih sayang yang bertambah kepadanya dan keluarga. Hubungan Diah dengan keluarga HAMKA bertambah erat dengan niat membentuk diri menjadi muslimah yang solehah.

Kisah pengIslaman Elizabeth dengan jelas menunjukkan betapa HAMKA mahu mendidik umat tentang pembebasan daripada kepercayaan yang lain kepada kepercayaan kepada Allah SWT semata-mata yang melibatkan persoalan dunia dan akhirat. Hal ini bertepatan dengan gagasan dalam Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer bahawa pembebasan merangkumi persoalan dunia dan akhirat.

3.4.2 Kekuasaan Allah SWT

Kekuasaan Allah SWT menjadi perkara penting yang ditonjolkan oleh HAMKA. Beliau membangkitkan hal ini dalam karya kreatif beliau selaras dengan ajaran Allah SWT dalam hal berkaitan akidah. Kekuasaan Allah SWT yang maha mengetahui dan maha perkasa ditegaskan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Tidakkah Allah yang menciptakan sekalian makhluk itu mengetahui (segala-galanya)? Sedang ia Maha Halus urusan tadbiranNya, lagi Maha Mendalam pengetahuanNya!
(al-Mulk 67: 14)

HAMKA dengan sedar dan jelas banyak memaparkan hal-hal berkaitan kekuasaan Allah SWT dalam karya kreatif beliau. Karya kreatif beliau banyak menceritakan tentang sifat, kekuatan dan kekuasaan Allah SWT. Antaranya ialah banyak amalan berdoa dan bermohon kepada Allah SWT diterapkan dalam karya kreatif beliau. Hal ini boleh

dikenal pasti melalui doa Hamid yang terdapat dalam novel *Di Bawah Lindungan Kaabah*:

Ya *Rabbi*, Engkaulah Yang Maha Kuasa, kepada Engkaulah kami
sekalian akan kembali....

(HAMKA, 1986: 55)

Salah satu tanda kekuasaan Allah SWT ialah dalam hal berkaitan aturan hidup manusia dan alam. Semuanya ditentukan oleh Allah SWT tanpa campur tangan pihak lain termasuklah manusia. Kalaupun ada penglibatan manusia, ia hanyalah sekadar tindakan yang digerakkan oleh Allah SWT. Kekuasaan Allah SWT bermaksud bahawa Allah SWT sahajalah yang berperanan mengatur kehidupan seperti yang dicatatkan dalam novel *Keadilan Ilahi*:

Tetapi...dapatkah manusia itu mengatur sendiri, perjalanan hidupnya? Bukankah rancangan penghidupan itu Tuhan yang menentukan?

(HAMKA, 1985: 27)

Novel *Keadilan Ilahi* menemui pembaca pada tahun 1941. Novel ini menampilkan sepasang kekasih iaitu Adnan dan Syamsiah. Adnan merantau keluar dari Sungai Padang untuk mengumpulkan wang bagi membolehkannya berkahwin dengan Syamsiah. Dia merantau ke Muara Aman dan kemudian ke Jambi.

Selepas setahun membanting tulang mengumpulkan wang, Adnan bersiap untuk pulang bagi memenuhi janjinya berkahwin dengan Syamsiah. Dia bersedia dengan kain-kain baharu yang dibeli dan wang sebanyak tiga ratus Guilder. Malangnya, wang itu dicuri tiga hari sebelum dia pulang. Kecurian tersebut telah menyebabkan kepulangannya

tertanggung. Kehilangan wang walaupun setelah gigih berusaha menunjukkan betapa takdir berperanan seperti yang dinyatakan dalam Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer.

Pada masa yang sama, seorang saudagar dari perantauan bernama Sutan Marah Husin telah meminang Syamsiah. Walaupun Sutan Marah Husin sudah berkahwin, pinangannya diterima oleh keluarga Syamsiah lantaran kekayaannya. Selepas dua bulan bertunang, mereka dikahwinkan dan Syamsiah dibawa merantau.

Hampir setahun selepas itu, Adnan yang bertungkus-lumus mengumpul semula wang telah dapat menyimpan lima ratus Guilder. Setelah membeli barangan keperluan perkahwinan, empat ratus lagi dibawa pulang. Alangkah kecewanya Adnan apabila mengetahui Syamsiah sudah dikahwinkan. Wang yang dibawa pulang itu digunakannya untuk menebus sawah, membeli sawah baru, membeli bajak dan membaiki rumah.

Syamsiah mendapat layanan buruk daripada Sutan Marah Husin. Dia dikasari, dizalimi dan dicerai. Syamsiah pulang ke kampung dan menemui Adnan yang sedang sakit kuat. Mereka dalam segala kepayahan, menyatakan perasaan cinta yang tidak pernah padam. Sakit yang parah itu mengorbankan Adnan.

Sutan Marah Husin mahu rujuk dengan Syamsiah tetapi Syamsiah menolaknya. Penolakan itu menimbulkan kemarahan keluarga Sutan Marah Husin. Suatu hari,

Syamsiah sakit muntah darah dan meninggal dunia. Kematianannya adalah akibat diracun oleh Sutan Marah Husin.

Sutan Marah Husin berkahwin dengan Napisah, seorang janda pisau cukur. Perniagaan Sutan Marah Husin merosot dan akhirnya diusir oleh Sutan Ahmad iaitu rakan kongsinya. Napisah meminta cerai melalui tebus talak. Sutan Marah Husin menjadi gila dan dua tahun kemudian ditemui mati di Sungai Ligin.

Hakikat kekuasaan Allah ditonjolkan dalam penceritaan karya kreatif beliau. Dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, kuasa Allah SWT telah menemukan semula Hayati dengan Zainuddin di Surabaya yang jaraknya dari Padang begitu jauh sekali. Demikian juga pertemuan Hamid dengan Salleh di Mekah dalam novel *Di Bawah Lindungan Kaabah* dan pertemuan semula yang mengharukan antara Mariah dengan anaknya Sofyan di Jakarta dalam novel *Terusir*.

Kekuasaan Allah SWT juga dipamerkan melalui konsep pembalasan kepada watak-watak dalam karya kreatif HAMKA. Watak baik mendapat pembalasan yang baik manakala watak jahat dibalas dengan kejahatan. Poniem, wanita jujur dalam novel *Merantau ke Deli* hidup sejahtera di akhir penceritaan. Demikian juga watak Pak Yasin dan Fauzi dalam *Tuan Direktur*.

Watak-watak jahat mendapat pembalasan yang celaka pada akhir penceritaan walaupun dibalut kemegahan dan kesombongan pada awalnya. Dalam novel *Keadilan Ilahi*, Sutan

Marah Husin yang kejam mati dalam kehinaan. Demikian juga Aziz dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* yang mati membunuh diri. Saudagar tamak serta lupa diri bernama Jazuli dalam novel *Tuan Direktur* mengalami kerugian dan kesengsaraan hidup.

3.4.3 Pergantungan kepada Allah SWT

Individu yang bebas ialah mereka yang meletakkan pergantungan hanya kepada Allah SWT. Mereka tidak berharap dan bergantung kepada sesiapa pun sama ada kepada manusia lain yang dianggap perkasa atau makhluk lain yang disangkakan mempunyai kekuatan tertentu.

Dalam novel *Di Bawah Lindungan Kaabah*, watak-wataknya seperti Hamid dan Zainab merupakan lelaki dan wanita yang sangat bergantung harapan dan kehidupan kepada Allah SWT. Demikianlah pergantungan Hamid kepada Allah SWT seperti yang dicatatkan oleh HAMKA:

Tidak ada suatu tali pun tempat saya bergantung, lain daripada tali Engkau....

(HAMKA, 1986: 55)

Habuan dan upah bagi individu yang bebas hanya diharapkan daripada Allah SWT. Dia yakin bahawa hanya Allah SWT yang maha kaya sahajalah yang akan memberikan balasan ke atas segala amalnya. Tidak ada gunanya mengharap habuan daripada makhluk yang sifatnya lemah. Hayati dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* menyatakan:

Upah yang saya harapkan hanya dari dia, Allah yang Maha Esa....
(HAMKA, 2004: 264)

Pengharapan upah hanya kepada Allah SWT adalah persoalan akidah yang penting. Al-Quran telah merakamkan kisah Ratu Balqis yang merupakan pemerintah Kerajaan Saba'. Apabila Nabi Sulaiman a.s. menyeru Ratu Balqis untuk memeluk Islam, Ratu Balqis telah menghantar pelbagai hadiah menarik kepada Nabi Sulaiman a.s.

Hadiah-hadiah yang dihantar oleh Ratu Balqis itu adalah untuk melemahkan dakwah Nabi Sulaiman a.s. iaitu bertujuan untuk mempengaruhi Nabi Sulaiman a.s. agar tidak menyerang Kerajaan Saba'. Maka tatkala utusan Ratu Balqis dengan segala hadiah menarik itu sampai kepada Nabi Sulaiman a.s. , Nabi Sulaiman a.s. mengungkapkan kata-kata yang terakam di dalam al-Quran yang bermaksud:

Maka apabila (utusan pembawa hadiah itu) datang mengadap Nabi Sulaiman, berkatalah Nabi Sulaiman (kepadanya):
"Tidaklah patut kamu memberikan kepadaku pemberian harta-benda, kerana apa yang telah diberikan Allah kepadaku lebih baik daripada apa yang telah diberikanNya kepada kamu; (bukan aku yang memandang kepada pemberian hadiah) bahkan kamulah yang bergembira dengan harta kekayaan yang dihadiahkan kepada kamu (atau yang kamu hadiahkan dengan perasaan megah). Kembalilah kepada mereka, (jika mereka tidak juga mahu beriman) maka demi sesungguhnya kami akan mendatangi mereka dengan angkatan tentera yang mereka tidak terdaya menentanginya dan kami akan mengeluarkan mereka dari negeri Saba' dengan keadaan hina, menjadi orang-orang tawanan."
(an-Naml 27: 36-37)

Pergantungan kepada Allah SWT juga muncul dalam bentuk keyakinan bahawa hanya Allah SWT sahaja yang akan memberikan bantuan kepada seseorang pada bila-bila masa. Individu ini dengan sendirinya membebaskan diri daripada bergantung kepada

apa sahaja yang lain daripada Allah SWT. Keyakinan kepada pertolongan Allah SWT ini terjelma seperti keyakinan Mariah dalam novel *Terusir*:

...dia yakin bahawa pertolongan Tuhan itu pasti datang juga kepada dirinya.

(HAMKA, 2007: 25)

3.4.4 Kepercayaan kepada Malaikat

Kepercayaan kepada malaikat merupakan salah satu daripada rukun iman dalam Islam dan merupakan tanda orang-orang yang bertakwa. Ia termasuk dalam perkara ghaib kerana malaikat tidak dapat dilihat oleh mata dan tidak dapat disentuh oleh pancaindera. Akal semata-mata tidak dapat memahami hakikat di sekitar persoalan malaikat (Haron, 2000: 66). Kepercayaan kepada malaikat mempunyai hubungan dengan keimanan kepada Allah SWT.

Malaikat diciptakan oleh Allah SWT sebagai makhluk yang sentiasa berkhidmat. Mereka ditugaskan untuk melaksanakan kerja-kerja yang besar di dalam alam. Contohnya ialah malaikat Jibril yang berperanan sebagai utusan Allah SWT menyampaikan wahyu kepada para nabi untuk disebarkan pula kepada manusia (HAMKA, 2008: 33). Justeru itu, tugas malaikat mempunyai hubungan dengan kehidupan dan kesejahteraan manusia.

Karya kreatif HAMKA turut mengandungi cerita yang berkaitan dengan malaikat. HAMKA tidak lupa mengaitkan kehidupan manusia dengan malaikat yang juga makhluk Allah SWT. Dalam novel *Tuan Direktur*, Jazuli sangat percaya kepada makhluk halus akibat dipengaruhi oleh Kadri. Dalam usaha pemurnian akidah, Haji

Nawawi menasihati Jazuli tentang bahaya memohon pertolongan daripada makhluk halus. Ketika menjelaskan tentang makhluk halus, Haji Nawawi menerangkan tentang malaikat, syaitan dan jin. Haji Nawawi berkata kepada Jazuli:

Sebab, walaupun engkau katakan bahawa Kadri ada perhubungannya dengan orang halus, belum tentu lagi orang halus itu roh yang baik ataupun malaikat, - kerana bukan orang semacam kita ini yang akan didatangi malaikat. Akan dikatakan jin, saya rasa jiwa Kadri belum akan setara dengan kekuatan yang ada pada makhluk halus itu. Jadi yang berhubungan dengan dia itu menurut keyakinan saya, adalah roh atau syaitan jahat semata-mata.

(HAMKA, 1979: 24-25)

3.4.5 Kepercayaan kepada Kitab

Kepercayaan kepada kitab-kitab Allah SWT merupakan persoalan akidah yang penting dalam Islam. Setiap muslim wajib mempercayai kitab al-Quran dan kitab-kitab yang diturunkan lebih awal seperti suhuf Ibrahim, al-Zabur, al-Taurat dan al-Injil (Haron, 2000: 75). Kitab-kitab ini merupakan panduan kepada manusia untuk menjalani kehidupan seharian.

Karya kreatif HAMKA memuatkan bahan-bahan yang menyeru manusia supaya percaya kepada kitab yang diturunkan oleh Allah SWT. HAMKA menegaskan tentang kehidupan yang bahagia dan sejahtera adalah melalui amalan membaca, memahami dan mengamalkan apa yang terkandung dalam al-Quran.

HAMKA mendidik umat dengan amalan yang dapat membebaskan diri daripada kegelisahan dan kemurungan iaitu dengan membaca ayat-ayat suci al-Quran. Hal ini

dapat diperhatikan dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* apabila Mak Base mengatakan:

Pertama, membaca al-Quran tengah malam.
(HAMKA, 2004b: 16)

Al-Quran juga seperti yang diajar oleh HAMKA, perlu dijadikan doa untuk mereka yang telah meninggal dunia. Dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, terdapat dialog antara Zainuddin dengan Mak Base yang sangat berjasa kepadanya. Apabila Zainuddin bertanya tentang balasan terhadap jasa Mak Base terhadapnya, Mak Base menjawab:

Balasnya hanya satu, bacakan surah Yasin tiap-tiap malam Jumaat kalau mamak meninggal dunia pula.
(HAMKA, 2006b: 18)

3.4.6 Kepercayaan kepada Rasul

Akidah Islam menetapkan bahawa orang beriman percaya kepada Rasul yang diutuskan oleh Allah SWT kepada manusia. Beriman kepada para Rasul merupakan salah satu asas keimanan. Seseorang itu beriman kepada Rasul apabila membenarkan kerasulan mereka dan menyakini bahawa segala apa yang disampaikan oleh mereka datangnya daripada Allah SWT (al-`Aqil, 1998: 483).

Dalam konteks beriman kepada Rasul, HAMKA menerapkan kecintaan kepada Rasulullah SAW dalam karya kreatif beliau. Cerpen yang kesembilan dalam antologi *Di Dalam Lembah Kehidupan* ialah cerpen yang bertajuk “Malam Sekaten” (HAMKA, 1982: 99-108). Dalam cerpen ini, HAMKA menggambarkan suasana perayaan

sambutan ulang tahun keputeraan Nabi Muhammad SAW. Latar tempat sambutan ini ialah di Jogjakarta.

Cerpen “Malam Sekaten” (HAMKA, 1982: 99-108) menceritakan bagaimana perayaan sambutan ulang tahun keputeraan Nabi Muhammad SAW diadakan. Orang ramai berduyun-duyun keluar menuju ke masjid untuk sambutan tersebut. Tujuan utama adalah untuk mendengar kiyai memberikan ceramah tentang perjuangan Nabi Muhammad SAW. Hadirin memakai pakaian cantik daripada tenunan dan kain batik.

Perayaan diketuai oleh ketua masyarakat yang dikenali sebagai kepala penghulu istana. Tembakan meriam mengiringi majlis tersebut. Permainan muzik gamelan turut dipersembahkan. Keramaian malam tersebut dimanfaatkan oleh para peniaga yang turut menjalankan pelbagai perniagaan barangan keperluan masyarakat.

3.4.7 Takdir

Keyakinan kepada takdir akan membebaskan manusia daripada keluh-kesah dan gundah-gulana. Takdir yang bermaksud untung nasib merupakan keyakinan kepada ketentuan Allah SWT dalam segala hal yang berkaitan dengan hidup seseorang. HAMKA menyandarkan tindakan menerima takdir sebagai ukuran kekuatan iman seperti petikan daripada novel *Keadilan Ilahi*:

Tetapi orang kampung ada lebih kuat imannya, hal-hal yang demikian lekas mereka sandarkan kepada takdir....

(HAMKA, 1985: 27)

Bagi HAMKA, keyakinan kepada takdir adalah suatu bentuk pembersihan jiwa daripada keraguan dan kebingungan. Sesuatu yang berlaku kepada kehidupan individu tidaklah berlaku sewenang-wenangnya. Ia adalah ketentuan Ilahi dan suatu jalan yang perlu ditempuhi. Ia terungkap seperti berikut dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*:

Di belakang kita berdiri satu tugu yang bernama nasib, di sana telah tertulis rol yang akan kita jalani. Meskipun bagaimana kita mengelak dari ketentuan yang tersebut dalam nasib itu, tiadalah dapat, tetapi harus patuh kepada perintahnya.

(HAMKA, 2004b: 200)

Novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dianggap sebagai novel HAMKA yang paling hebat dan mendapat perhatian yang luar biasa daripada para pembaca dan pengkritik. Novel ini dicetak pertama kali pada tahun 1938 dan terus diulang cetak. Ia mempunyai kekuatan penceritaan dan pautan yang sangat kuat dengan persoalan takdir dan ketentuan Ilahi.

Novel ini memaparkan kisah percintaan antara Zainuddin dengan Hayati yang terhalang oleh adat khususnya adat Minangkabau. Mereka menghadapi pelbagai cabaran dan percintaan mereka tidak dapat diikat dengan perkahwinan. Hayati meninggal dunia akibat kecelakaan apabila Kapal *Van Der Wijck* yang ditumpanginya karam. Zainuddin juga meninggal dunia setahun kemudian membawa bersama hatinya yang lara dan hajatnya yang tidak kesampaian.

Penceritaan dalam novel ini dimulakan dengan mengisahkan riwayat hidup bapa Zainuddin yang bernama Pendekar Sutan. Pendekar Sutan cuba mempertahankan harta pusakanya dari penguasaan Datuk Menteri Labih dan dengan tidak sengaja telah

menyebabkan Datuk Menteri Labih terbunuh. Pendekar Sutan dibuang negeri ke Makasar dan di sana telah berkahwin dengan Daeng Habibah. Setelah empat tahun berkahwin, mereka mendapat anak yang diberi nama Zainuddin.

Ibu Zainuddin meninggal ketika Zainuddin masih merangkak. Pendekar Sutan juga meninggal dunia ketika Zainuddin masih kecil. Dia dipelihara oleh Mak Base. Apabila dewasa, Zainuddin pulang ke Padang iaitu kampung halaman ayahnya. Dia tinggal di surau. Zainuddin bercinta dengan Hayati tetapi Hayati dikahwinkan dengan Aziz.

Zainuddin membawa diri dan menjadi pengarang yang terkenal di Surabaya. Aziz dengan peribadi jahatnya telah dibuang kerja dan akhirnya membunuh diri. Hayati ingin kembali kepada Zainuddin tetapi pada mulanya Zainuddin menolak. Hayati menaiki Kapal *Van Der Wijck* untuk kembali ke Padang. Malangnya, kapal itu karam. Hayati yang tercedera meninggal di hospital. Zainuddin yang menyesal, meratapi nasibnya dan meninggal dunia setahun kemudian.

Kisah cinta melatari novel ini. Namun, cinta yang dipamerkan merupakan cinta martabat tinggi yang berasaskan kemurnian jiwa, ketulusan hati, kehalusan budi dan keteguhan peribadi. Ia berbeza sama sekali dengan cinta martabat rendah yang dikuasai nafsu, maksiat dan seks.

Dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, takdir telah membuka ruang perkahwinan antara Zainuddin dengan Hayati setelah Hayati diceraikan oleh Aziz.

Namun perkahwinan itu tidak berlaku kerana takdir memisahkan mereka akibat kecelaruan perasaan Zainuddin pada masa itu. Hayati yang dihantar pulang ke Padang terkorban dalam tragedi Kapal *Van Der Wijck* yang karam ketika Zainuddin membulatkan tekad untuk memperisterikannya. Demikianlah takdir telah mencorakkan kehidupan manusia.

Persoalan takdir juga digarap oleh HAMKA dalam cerpen "Salahnya Sendiri" dalam antologi *Cermin Penghidupan* (HAMKA, 1976: 1-13). Cerpen ini mengisahkan tentang Tahir dan isterinya Aminah yang telah berkahwin selama sebelas tahun. Namun, mereka belum dikurniakan anak. Pelbagai usaha dilakukan oleh mereka untuk mempunyai anak kandung sehinggalah pada suatu hari Aminah disahkan mengandung.

Keluarga Aminah telah menghantar adik Aminah yang bernama Asni untuk menemani kakaknya dan membantu kakaknya sehingga tiba waktunya apabila Aminah bersalin nanti. Walau bagaimanapun, pergaulan Tahir dan Asni telah menyebabkan Aminah menjadi cemburu.

Sikap cemburu Aminah telah membawa kepada tragedi. Pada suatu hari, Aminah yang curiga cuba mengintip Asni di biliknya dengan kebimbangan bahawa Tahir turut berada di bilik itu. Dalam kegelapan, Aminah terjatuh dan anak di dalam kandungannya lahir tidak cukup bulan dan meninggal.

HAMKA mendidik khalayak supaya menerima sesuatu yang berlaku sebagai takdir Ilahi. Menerima takdir adalah ciri akidah Islam yang menandakan keimanan seseorang kepada Allah SWT. Mereka yang menerima takdir bermakna membebaskan diri daripada rasa bimbang dan keluh-kesah dalam kehidupan seharian.

3.4.8 Ketenangan Hati

Bagi HAMKA, individu yang membebaskan akidahnya daripada keyakinan kepada yang selain Allah SWT akan mencapai ketenangan hati. Ketenangan hati hanya akan muncul melalui penyerahan diri kepada Allah SWT dan amalan-amalan yang boleh membawa kekuatan kerohanian seperti membaca al-Quran, berzikir dan qiamulail. Pendekar Sutan dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* menyatakan betapa ketenangan hati akan diperoleh melalui:

...membaca al-Quran tengah malam.

(HAMKA, 2004b: 16)

Melalui novel *Tuan Direktur*, ketenangan hati tergambar melalui watak Pak Yasin yang bersifat rendah diri dan hidup sederhana. Walaupun berharta, beliau tidak dikuasai harta dan gemerincing duniawi. Pak Yasin mendidik pula watak-watak yang lain seperti Fauzi dan Aminah supaya sentiasa berlapang dada dan berhati mulia. Pegangannya dan didikannya telah membentuk dirinya dan anak didiknya memiliki hati yang tenang.

3.4.9 Keampunan

Akidah melibatkan soal puncak kuasa yang dapat memberikan keampunan kepada insan yang melakukan dosa dan kesalahan. Sering kali kedapatan manusia yang memohon

ampun melalui upacara khurafat di samping mereka yang memohon ampun kepada selain Allah SWT.

Melalui karya kreatif beliau, HAMKA menerapkan pendidikan tentang peluang hamba memohon ampun kepada Allah SWT. Sebagai insan kerdil, watak-watak dalam karya beliau terlibat dalam pelbagai kesalahan, kelalaian dan dosa. Sama ada melalui pernyataan HAMKA sendiri atau perwatakan dalam karya kreatif beliau. Dalam karya kreatif beliau seperti novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan *Di Bawah Lindungan Kaabah*, HAMKA menegaskan tentang perlunya manusia memohon ampun kepada Allah SWT:

...yang oleh Tuhan sendiri pun kalau kita bertaubat kepadaNya, walaupun bagaimana besar dosa, akan diampuniNya.
(HAMKA, 2004b: 266)

Kepada siapa lagi yang saya akan pergi memohon ampun, kalau bukan Engkau, ya Tuhanku!
(HAMKA, 1986: 55)

3.4.10 Tahyul

Kepercayaan orang Melayu di Nusantara terhadap tahyul agak meluas terutamanya ketika latar masa karya-karya kreatif HAMKA diterbitkan iaitu pada separuh pertama abad ke-20. Justeru itu, HAMKA berjuang untuk membebaskan masyarakat daripada kepercayaan tahyul yang sememangnya tidak berasas.

Dalam novel *Tuan Direktur*, HAMKA menceritakan tentang amalan tahyul dalam perniagaan seperti percaya kepada makhluk halus dan bomoh. Kepercayaan tahyul ini

menjejaskan akidah dan memenjarakan diri. Nasihat supaya jangan mempercayai tahyul diungkapkan dalam novel tersebut:

Yang amat mencelakakan perniagaan ialah kalau sekiranya kita percaya kepada tahyul. Kita tidak boleh percaya itu.

(HAMKA, 1979: 9)

Unsur tahyul juga dikesan melalui cerpen “Gadis Basanai” dalam antologi *Di Dalam Lembah Kehidupan* (HAMKA, 1982a: 69-77). Ia merupakan cerita dongeng yang mengisahkan percintaan Basanai dengan Adam Sudin. Pada suatu hari, Adam Sudin keluar bermusafir dan meninggalkan dua barang berharga kepada ibunya dengan pesan jangan dibuka barang itu kerana membukanya akan membawa celaka. Basanai membukanya dan dia mati. Apabila Adam Sudin balik, dia turut sama mati.

3.4.11 Persamaan Manusia

Akidah Islam menegaskan tentang persamaan manusia. Konsep persamaan membebaskan manusia daripada strata sosial yang boleh membentuk golongan terpinggir. Manusia ini sama di sisi Tuhan biarpun datang daripada latar belakang yang berbeza. Warna kulit, kekayaan, kebangsawanan dan keturunan tidak pernah menjadi ukuran perbezaan antara manusia. Apa yang membezakan manusia hanyalah sejauh mana takwanya kepada Allah SWT. Dalam konteks ini, Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau

bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam pengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).
(al-Hujuraat 49: 13)

Dalam karya kreatif beliau, HAMKA telah mengangkat kedudukan manusia setara di sisi Tuhan. Sering dipaparkan dalam novel dan cerpennya tentang betapa manusia tidak wajar dihina kerana kemiskinannya. Terdapat watak miskin tetapi mulia jiwa seperti Muluk dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Terdapat juga watak kaya dan budiman seperti Pak Yasin dalam novel *Tuan Direktur*. Hakikat persamaan manusia ditegaskan oleh Leman dalam novel *Merantau ke Deli*:

...semua makhluk bernyawa di dunia ini, sama pada sisi Allah!
(HAMKA, 2004a: 14)

3.4.12 Cinta

Tema cinta mendasari hampir semua karya kreatif HAMKA. Bagi HAMKA, cinta mesti bersumberkan cinta kepada Allah SWT. Mengarahkan cinta kepada Allah SWT akan membebaskannya daripada kehinaan dan menjelaskan hakikat bahawa pembebasan merangkumi persoalan dunia dan akhirat. Cinta adalah fitrah jiwa dan makna kehidupan. Ia bukan perkara asing dan bukan sesuatu yang aneh. Penyataan cinta oleh HAMKA seperti yang terdapat dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* memberikan keindahan dan sifat keaslian cinta:

Ketahuilah bahawa Allah yang menjadikan matahari dan memberinya cahaya. Allah yang menjadikan bunga dan memberinya wangi. Allah yang menjadikan tubuh dan memberinya nyawa, Allah yang menjadikan mata dan memberinya penglihatan. Maka Allah pulalah yang menjadikan hati dan memberinya cinta.

(HAMKA, 2004b: 61)

Cinta kepada Allah SWT membenihkan pula ranting-ranting cinta yang lain seperti cinta kepada kekasih, cinta kepada ibu bapa dan cinta kepada kemanusiaan. Tidak terlepas ialah cinta kepada watan atau tanah air. Apa yang penting ialah semua bentuk cinta itu berpaksikan kepada kecintaan kepada Allah SWT.

Dalam karya kreatif HAMKA, rasa cinta antara kekasih muncul melalui watak Zainuddin dan Hayati dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, Hamid dengan Zainab dalam novel *Di Bawah Lindungan Kaabah* dan dalam watak Adnan dan Syamsiah dalam novel *Keadilan Ilahi*.

Perjuangan untuk membebaskan tanah air dikemukakan oleh HAMKA melalui usaha mempertahankan tanah air daripada penjajahan dan mengusir penjajah dari bumi tercinta. Cinta kepada tanah air ini tertulis dalam karya kreatif beliau seperti cerpen “Cinta dan Darah” dan “Menunggu Bedok Berbunyi”.

Sejarah kepahlawanan Imam Bonjol dipaparkan dalam cerpen “Cinta dan Darah” dalam antologi *Di Dalam Lembah Kehidupan* (HAMKA, 1982: 130-135). Antara pengikut Imam Bonjol dalam penentangan terhadap Belanda itu ialah Ahmad yang dibantu tunangannya, Andam Sori. Dalam perang berkenaan, Ahmad gugur syahid di pangkuan Andam Sori. Andam Sori turut menemui ajal. Bonjol jatuh ke tangan Belanda pada 16 Ogos 1837 dan Imam Bonjol dibuang negeri sehingga meninggal dunia pada 1854.

Cerpen “Menunggu Bedok Berbunyi” dalam antologi *Menunggu Bedok Berbunyi* (HAMKA, 1967: 39- 83) memaparkan kisah perjuangan rakyat Indonesia menentang penjajahan Belanda. Ia menampilkan watak utama bernama Tuan Sharif yang terlibat dan terperangkap dalam situasi rakyat berjuang untuk membebaskan negara daripada penjajahan. Cerpen ini turut memaparkan konflik dalam pemikiran, pendirian dan tindakan ketika mendukung perjuangan tersebut.

Tajuk “Menunggu Bedok Berbunyi” merupakan perlambangan kepada menunggu saat kemerdekaan. Dalam cerpen ini, HAMKA memaparkan sifat-sifat yang perlu ada bagi membuktikan kecintaan kepada negara. Orang yang mencintai negara sentiasa berusaha untuk membina perpaduan dalam tanah air yang satu dan berjuang untuk kemerdekaan. Keinginan untuk bebas daripada belenggu kongkongan penjajah juga adalah bukti cinta akan negara.

Cinta akan negara menurut HAMKA menuntut kesetiaan, kesabaran dan pengorbanan. Orang yang mencintai negara berjuang untuk kesejahteraan semua rakyat dan bukannya untuk kemewahan beberapa orang tertentu yang hampir dengan pemerintah. Apabila terdapat kelemahan dalam pemerintahan negara, tanggungjawab orang yang cinta akan negara bukan sekadar menyalahkan orang-orang tertentu tetapi turut berusaha untuk memperbaiki kelemahan tersebut. Jasa kepada negara tidak sepatutnya diminta balasan kerana bagi HAMKA, jasa adalah lambang kekayaan diri yang tidak ternilai oleh manusia dan hanya Allah SWT yang berkuasa membalasnya.

3.4.13 Rezeki

Persoalan rezeki terangkum dalam hal yang berkaitan dengan akidah. Rezeki merupakan kurniaan Allah SWT yang tentu didasarkan kepada keyakinan kepada kekuasaan dan kebesaran Allah SWT. Walaupun usaha menjadi prasyarat untuk mendapatkan rezeki tetapi kuasa mutlak yang akan menentukan perolehan rezeki kepada manusia dan segala makhluk ialah Allah SWT. Usaha mencari rezeki dan takdir Allah SWT dalam soal rezeki adalah saling melengkapi.

Dalam karya kreatif beliau, HAMKA mengaitkan rezeki kepada ketentuan Allah SWT. Pemberi rezeki menurut HAMKA ialah Allah SWT. Dalam novel *Tuan Direktur*, terdapat watak Haji Nawawi, seorang peniaga yang mempunyai akidah yang mantap kepada Allah SWT. Haji Nawawi yakin bahawa rezeki adalah ketentuan Allah SWT. Oleh itu, manusia tidak perlu berebut dan bermusuhan dalam usaha mencari rezeki seharian. Haji Nawawi mengatakan:

Tetapi memandang orang lain sebagai lawan atau musuh tidak ada pada saya. Sebab rezeki kita telah dibagi lebih dahulu...
(HAMKA, 1979: 68)

Novel *Tuan Direktur* menemui pembaca pada tahun 1939. Ia memaparkan kisah Jazuli, seorang ahli perniagaan di Surabaya. Dia mengusahakan pelbagai jenis perniagaan seperti emas, intan dan perhotelan. Jazuli yang dipanggil Tuan Direktur digambarkan sebagai seorang yang sombong. Dia dikelilingi oleh pekerja yang beraneka ragam.

Watak Fauzi adalah seorang pekerja yang jujur. Dia menguruskan hotel Jazuli dengan amanah. Fauzi berkenalan dengan Pak Yasin, seorang tua yang berakhlak mulia. Pak

Yasin memiliki tanah yang dibina rumah-rumah kecil dan disewakan dengan harga murah kepada golongan pekerja rendah.

Jazuli mempunyai kepercayaan kepada tahyul dan hantu yang sering dimomokkan oleh pekerjaanya bernama Kadri. Atas hasutan Kadri, Jazuli telah memecat dua orang pekerjaanya yang setia iaitu Fauzi dan Abdul Fatah. Jazuli sentiasa memeras keringat pekerjaanya dan membayar upah yang rendah.

Tanah Pak Yasin cuba dibeli oleh Jazuli tetapi tidak berhasil. Akibatnya, dia telah mempengaruhi pihak berkuasa untuk menangkap Pak Yasin dan kawan-kawannya atas tuduhan menentang pemerintah. Dalam peristiwa penangkapan tersebut, Jazuli juga terperangkap dan tertangkap tetapi dibebaskan kemudian.

Selepas perbincangan, Pak Yasin dan yang lainnya didapati tidak bersalah dan mereka dibebaskan. Pak Yasin terus dihormati tetapi Jazuli terus terasing. Perniagaan bekas pekerja yang dianiayainya semakin berkembang. Tuan Direktur semakin mundur tetapi Fauzi semakin maju.

Keyakinan bahawa rezeki itu daripada Allah SWT adalah aspek yang penting dalam ajaran Islam. Islam mengajar bahawa tidak sepatutnya manusia berbangga dan bongkak dengan rezeki yang diperolehinya kerana semua itu bukan miliknya tetapi daripada Allah SWT jua. Hal ini bertepatan dengan kisah Nabi Sulaiman a.s. yang tidak terkesan

oleh pemberian manusia tetapi yakin dan merasa mulia dengan rezeki daripada Allah SWT. Al-Quran merakamkan hakikat ini dengan ayat yang bermaksud:

Maka apabila (utusan pembawa hadiah itu) datang menghadap Nabi Sulaiman, berkatalah Nabi Sulaiman (kepadanya): “Tidaklah patut kamu memberikan kepadaku pemberian harta-benda, kerana apa yang telah diberikan Allah kepadaku lebih baik daripada apa yang telah diberikanNya kepada kamu; (bukan aku yang memandang kepada pemberian hadiah) bahkan kamulah yang bergembira dengan harta kekayaan yang dihadiahkan kepada kamu (atau yang kamu hadiahkan dengan perasaan megah).”

(an-Naml 27: 36)

3.4.14 Kesyukuran

Sebagai insan kerdil, menjadi tanggungjawab manusia untuk sentiasa bersyukur kepada Allah SWT dan bebas daripada unsur lain. Menyatakan terima kasih setinggi-tingginya dengan keakuran kepada kebesaran Allah SWT merupakan sifat hamba yang akidahnya teguh dan mantap.

Sifat syukur sememangnya dituntut dalam ajaran Islam. Orang yang beriman sentiasa bersyukur di atas nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada mereka. Kesyukuran menjadi penyebab kepada kehidupan yang sejahtera dan Allah SWT menjanjikan nikmat yang berterusan kepada hambaNya yang bersyukur seperti dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan ingatlah tatkala Tuhan kamu memberitahu: “Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabku amatlah keras.”

(Ibrahim 14: 17)

Bersyukur adalah sifat yang melambangkan kehidupan manusia di dunia yang mempunyai hubungan dengan kehidupan akhirat. Kesyukuran hanya kepada Allah SWT dan bukannya kepada yang lain. Hal ini kerana Allah SWT yang telah memberikan hidayah dan keimanan kepada manusia. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Mereka mengira dirinya berbudi kepadamu (wahai Muhammad) dengan sebab mereka telah Islam (tidak melawan dan tidak menentang). Katakanlah (kepada mereka): “Janganlah kamu mengira keIslaman kamu itu sebagai budi kepadaku, bahkan (kalaulah sah dakwaan kamu itu sekalipun maka) Allah jualah yang berhak membangkitkan-bangkitkan budiNya kepada kamu kerana Dialah yang memimpin kamu kepada iman (yang kamu dakwakan itu) kalau betul kamu orang-orang yang benar (pengakuan imannya).”

(al-Hujuraat 49: 17)

Kesyukuran kepada Allah SWT diterapkan dalam karya HAMKA. Beliau mengolah penceritaannya dengan watak-watak baik yang sentiasa bersyukur kepada Allah SWT apabila mendapat nikmat dan kesenangan tertentu. Sebagai contoh, HAMKA dalam *Tuan Direktur* mengaitkan kesyukuran dengan nikmat:

...merasa syukur atas nikmat Allah apa yang ada.

(HAMKA, 1979: 9)

3.4.15 Hidup Selepas Mati

Hidup selepas mati merupakan persoalan akidah yang diyakini oleh setiap penganut Islam. Mereka beriman dengan kehidupan selepas mati bahawa kehidupan akhirat itu adalah sesuatu yang benar dan ia bersifat kekal abadi. Kebahagiaan atau kecelakaan hidup pada alam akhirat itu bergantung kepada amal soleh yang dilakukan ketika hidup pada fasa dunia. Kematian adalah episod yang pasti ditempo oleh setiap yang bernyawa. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Di mana jua kamu berada, maut akan mendapatkan kamu (bila sampai ajal) sekalipun kamu berada dalam benteng-benteng yang tinggi lagi kukuh. Dan kalau mereka beroleh kebaikan (kemewahan hidup) mereka berkata: “Ini adalah dari sisi Allah” dan kalau pula mereka ditimpa bencana, mereka berkata: “Ini adalah dari (sesuatu nahas) yang ada padamu.” Katakanlah (wahai Muhammad): “Semuanya itu (kebaikan dan bencana) adalah (berpunca) dari sisi Allah.” Maka apakah yang menyebabkan kaum itu hampir-hampir tidak memahami perkataan (nasihat dan pengajaran)?

(an-Nisaa’ 4: 78)

HAMKA menanggapi kematian sebagai perkara biasa dan lumrah dalam hidup. Watak-watak dalam karya kreatif beliau ramai yang berakhir dengan kematian. Zainuddin dan Hayati mati dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Demikian juga Hamid dan Zainab dalam novel *Di Bawah Lindungan Kaabah*, Adnan dan Shamsiah dalam novel *Keadilan Ilahi*, begitu juga Azhar dan Mariah dalam novel *Terusir*.

Akidah Islam meletakkan kehidupan akhirat atau kehidupan selepas mati sebagai sesuatu yang wajib diyakini oleh penganut Islam. Betapapun kecintaan manusia kepada kehidupan dunia namun kehidupan akhirat itu lebih baik bagi mereka yang bertakwa.

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak, harta-benda yang banyak berpikul-pikul dari emas dan perak, kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah) pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga). Katakanlah wahai Muhammad): “Mahukah supaya aku khabarkan kepada kamu akan yang lebih baik daripada semuanya itu? Iaitu bagi orang-orang yang bertakwa disediakan di sisi Tuhan mereka beberapa Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Disediakan juga pasangan-pasangan/isteri-isteri yang suci bersih serta (beroleh

pula) keredhaan dari Allah.” Dan (ingatlah) Allah sentiasa melihat akan hamba-hambaNya.

(ali-`Imraan 3: 14-15)

Dalam karya kreatifnya, HAMKA menggambarkan bentuk kematian watak-watak bergantung kepada keperibadian watak tersebut. Watak-watak baik digambarkan mati dalam keadaan mulia dengan keyakinan tinggi terhadap kehidupan sejahtera selepas mati sedangkan watak jahat dimatikan dengan kehinaan seperti kematian Sutan Marah Husin berkeadaan gila dalam novel *Keadilan Ilahi*. Watak baik seperti Mariah dalam novel *Terusir* mengharapkan kebahagiaan akan dikecapinya ketika hidup selepas mati:

Di sanalah manusia peroleh hukuman yang adil, di sanalah rehat yang sejati, yang tidak akan dicampuri lagi oleh hati hiba.

(HAMKA, 2007: 33)

...kemiannya telah memberinya segenap kebebasan daripada kesakitan hidup di dunia.

(HAMKA, 2007; 107)

Novel *Terusir/Kerana Fitnah* mula diterbitkan pada 1938. Novel yang mengharukan ini mengisahkan Mariah yang telah diceraikan oleh suaminya Azhar akibat fitnah yang dirancang oleh mertuanya sendiri. Anak mereka, Sofyan yang ketika itu berumur tujuh tahun diambil oleh Azhar.

Mariah menumpang di rumah kenalannya di Medan. Lantaran difitnah mencuri barang, Mariah diusir dari rumah kenalannya itu dan menjadi pembantu rumah kepada keluarga Van Oost. Keluarga Belanda ini membawanya berpindah ke Jawa. Selepas lima tahun, keluarga Van Oost kembali ke Belanda dan Mariah berkahwin dengan Yasin yang sama-sama bekerja dengan Van Oost. Kemudiannya diketahui bahawa Yasin sebenarnya

seorang yang tidak bermoral dan mereka berpisah. Mariah terjebak ke lembah pelacuran dengan nama samarannya “Neng Siti”.

Sofyan maju dalam pelajaran. Dia berkenalan dengan Emi seorang gadis Sunda. Hasil kegigihannya, Sofyan berjaya menjadi seorang peguam. Wirja, seorang pemuda yang tergila-gilakan Emi telah cuba memfitnah Sofyan dengan mengupah setiausaha Sofyan bernama Flora untuk menggoda Sofyan tetapi percubaan itu gagal.

Melalui akhbar, Mariah mengetahui tentang pencapaian Sofyan lantas berasa bangga dan terharu. Secara tidak sengaja, Mariah telah memberitahu Wirja bahawa dia adalah ibu Sofyan. Dalam satu pergelutan, Mariah telah membunuh Wirja yang beria-ia mahu menghancurkan hidup Sofyan.

Sofyan ditugaskan membela Mariah dalam perbicaraan di mahkamah. Dalam perbicaraan yang turut dihadiri oleh Azhar, Mariah menghembuskan nafasnya yang terakhir. Setahun kemudian, Azhar pula menemui ajalnya. Namun sebelum meninggal, Azhar memberitahu Sofyan bahawa Mariah itulah ibunya.

Sebagai ulama, HAMKA menggambarkan kehidupan selepas mati sebagai suatu bentuk kehidupan yang membahagiakan kepada mereka yang mantap akidah dan beramal soleh ketika hidup di dunia. Segala kesengsaraan dan penderitaan duniawi akan terhapus dengan kehidupan ukhrawi yang luas dan damai. Hal ini diingatkan oleh HAMKA dalam novel *Di Bawah Lindungan Kaabah*:

...datanglah masa yang ditunggu-tunggunya, masa berpindah
daripada alam yang sempit kepada alam yang lapang.
(HAMKA, 1986: 28)

Petikan daripada novel *Di Bawah Lindungan Kaabah* tersebut menunjukkan betapa HAMKA mengaitkan pembebasan daripada kesempitan kepada kelapangan dan ia melibatkan dua alam iaitu alam dunia dan alam akhirat. Hal ini bertepatan dengan Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer yang mengaitkan pembebasan dengan dunia dan akhirat.

3.5 Fokus Akidah dalam Karya Kreatif HAMKA

Untuk memantapkan kajian tentang persoalan akidah dalam karya kreatif HAMKA, usaha dilakukan untuk mengetahui kekerapan perkataan berkaitan dengan akidah yang digunakan dalam teks. Kekerapan penting dalam menentukan sejauh mana karya kreatif HAMKA memasukkan perkataan-perkataan penting yang berkaitan dengan akidah. Kekerapan yang tinggi akan menunjukkan betapa karya kreatif HAMKA memberikan perhatian yang berat terhadap persoalan akidah yang dibincangkan.

Untuk tujuan mencari kekerapan, perisian *Antconc* digunakan. Semua teks dalam karya kreatif HAMKA ditaip semula dan dipindahkan ke dalam perisian *Antconc* tersebut. Perisian *Antconc* digunakan dengan meluas di seluruh dunia oleh para pengkaji yang menggunakan teknik Analisis Kandungan (*Content Analysis*) dan linguistik dalam kajian mereka.


Dua perkataan dikenal pasti bagi mewakili konsep akidah dalam karya kreatif HAMKA. Perkataan-perkataan tersebut ialah “Allah” dan “Tuhan”. Selepas dioperasikan dalam

perisian *Antconc*, kekerapan perkataan-perkataan tersebut muncul dalam novel dan cerpen HAMKA ditunjukkan dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1 Kekerapan Perkataan berkaitan Akidah dalam Teks

Bil	Karya Kreatif	Kekerapan Perkataan “Allah”	Kekerapan Perkataan “Tuhan”	Jumlah	Peratus (%)
1	<i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck (TKVDW)</i>	36	50	86	29.9
2	<i>Di Dalam Lembah Kehidupan (DDLK)</i>	23	21	44	15.4
3	<i>Menunggu Bedok Berbunyi (MBB)</i>	15	18	33	11.5
4	<i>Merantau ke Deli (MKD)</i>	18	9	27	9.4
5	<i>Di Bawah Lindungan Kaabah (DBLK)</i>	13	11	24	8.4
6	<i>Cermin Penghidupan (CP)</i>	8	16	24	8.4
7	<i>Tuan Direktur (TD)</i>	12	8	20	6.9
8	<i>Keadilan Ilahi (KI)</i>	9	8	17	5.9
9	<i>Terusir</i>	5	7	12	4.2
Jumlah		139	148	287	100

Jadual 3.1 menunjukkan kekerapan perkataan berkaitan dengan akidah yang terdapat dalam semua sembilan karya kreatif HAMKA. Sembilan karya kreatif tersebut adalah enam novel dan tiga antologi cerpen. Dua perkataan yang dikenal pasti mewakili akidah ialah “Allah” dan “Tuhan”. Jadual 3.1 dirumuskan pula dalam Rajah 3.1.



Rajah 3.1 Kekerapan Perkataan berkaitan Akidah dalam Teks

Rajah 3.1 merumuskan peratusan kandungan setiap karya kreatif HAMKA yang mengandungi perkataan yang berkaitan dengan akidah. Berdasarkan peratusan yang diperoleh, adalah didapati bahawa novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* mengandungi perkataan berkaitan akidah yang paling tinggi iaitu sebanyak 29.9%. Novel *Terusir* pula menunjukkan peratusan yang paling rendah iaitu sebanyak 4.2%.

3.6 Kesimpulan

Bab ini telah membicarakan tentang pembebasan akidah yang terdapat dalam karya kreatif HAMKA. Perbincangan telah dibahagikan kepada 15 perincian pembebasan akidah yang diutarakan oleh HAMKA iaitu kepercayaan kepada Allah SWT, kekuasaan Allah SWT, pergantungan kepada Allah SWT, kepercayaan kepada malaikat, kepercayaan kepada kitab, kepercayaan kepada rasul, persoalan takdir, ketenangan hati, keampunan, tahyul, persamaan manusia, cinta, rezeki, kesyukuran dan hidup selepas mati. Secara perbandingan, aspek kepercayaan dan pergantungan kepada Allah SWT serta pembebasan daripada tahyul dan khurafat paling banyak digarap oleh HAMKA.

Kandungan pembebasan akidah yang dikemukakan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau menepati semua empat gagasan dalam Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer. Ia mengandungi gagasan bahawa pembebasan merangkumi persoalan dunia dan akhirat, bersifat anti kemapanan, pembebasan golongan terpinggir dan dalam perjuangan pembebasan, takdir dan usaha adalah saling melengkapi. Secara perbandingan, gagasan bahawa pembebasan merangkumi dunia dan akhirat adalah yang paling menonjol.

Kajian mendapati bahawa terdapat banyak perjuangan pembebasan akidah yang terkandung dalam karya kreatif HAMKA. Hal ini semestinya begitu kerana ulama mempunyai tanggungjawab untuk membentengi dan memurnikan akidah umat. Penceritaan HAMKA dalam karya kreatif beliau menegaskan tentang perlunya kesucian akidah kepada Allah SWT disuburkan dan dipertahankan dalam diri dan dijelmakan dalam tingkah laku seharian.

BAB EMPAT

PEMBEBASAN PEMIKIRAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan membicarakan tentang aspek pembebasan pemikiran yang digarap oleh HAMKA menerusi karya kreatif beliau. Sebagai ulama, pendidik dan sasterawan, HAMKA tentunya memperjuangkan soal pembebasan pemikiran sebagai tema penting daripada sejumlah tema perjuangan yang diterapkan dengan sedar dalam karya kreatif yang beliau ketengahkan kepada masyarakat.

Karya kreatif beliau yang banyak memaparkan aspek pembebasan pemikiran adalah novel-novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Merantau ke Deli*, *Tuan Direktur*, *Keadilan Ilahi* dan *Terusir*. Cerpen-cerpen yang menggarap persoalan pembebasan pemikiran adalah seperti “Angkatan Baru” yang terkandung dalam antologi *Menunggu Bedok Berbunyi* dan cerpen “Salahnya Sendiri” serta “Penjual Ubat Berkeliling” yang termuat dalam antologi *Cermin Penghidupan*.

Perbincangan akan memberikan fokus kepada kandungan karya kreatif HAMKA sama ada yang berbentuk novel mahupun cerpen. Apa yang akan dikaji ialah kandungan yang menyentuh soal pembebasan pemikiran yang dibahagikan kepada tiga iaitu pembebasan daripada taklid buta (Engineer, 1999: 8, 49; Siddiq, 2003: 37-38; Mohd. Asri, 2010b: 46; Wan Sabri, 2001: 45), pembebasan daripada hawa nafsu (Engineer, 1999: 9, 42-43; Mustafa, 1992: 257-267; Mustafa, 2001: 56; el-Muhammady, 2001: 70) dan

pembebasan daripada kemaruk kebendaan (Engineer, 1999: 104-105; Siddiq, 2009: 54; Nadwi, 2012: 64).

4.2 Pembebasan daripada Taklid Buta

Pembebasan pemikiran daripada taklid buta merupakan dimensi yang penting dalam perjuangan pembebasan (Engineer, 1999: 8,49; Siddiq, 2003: 37-38; Mohd. Asri, 2010b: 46; Wan Sabri, 2001: 45). Taklid buta menjadi unsur yang melemahkan individu dan masyarakat.

Taklid buta merupakan tingkah laku ikutan kepada sesuatu amalan dan pemikiran secara membuta-tuli tanpa sandaran hujah dan asas ilmiah yang berautoriti dan yang dapat dipertahankan. Bertaklid buta tidak pernah diajar oleh ulama dan sarjana kerana mereka menyuruh individu membina kemampuan intelektualnya sendiri (Mohd. Asri, 2010b: 7). Hanya mereka yang mempunyai sifat malas dan lemah sahaja yang akan berasa selesa dengan amalan taklid buta.

Orang yang bertaklid buta merupakan seorang yang bodoh (al-`Aqil, 2009: 181). Mereka menjadi pengikut yang membuta-tuli kerana tidak mengikuti disiplin seorang ilmuwan dalam menentukan pemikiran yang benar. Lebih buruk adalah apabila mereka menjadi musuh kepada apa yang tidak mereka ketahui.

Keadaan semakin malang apabila mereka yang tidak berupaya menguasai ilmu melarang orang lain daripada menjadi progresif dengan ilmu. Hal ini membawa kepada

kesesatan yang terus berkembang dan menimbulkan masalah bukan sahaja terhadap diri tetapi juga terhadap masyarakat. Apa yang lebih mendukacitakan ialah apabila taklid buta ini membawa kepada pemusuhan dan pepecahan dalam masyarakat.

Kejumudan dan ketidakupayaan berfikir pada kalangan umat membawa kepada taklid buta. Sikap bergantung kepada orang lain dan malas berusaha juga menyuburkan taklid buta. Malas berfikir adalah tragedi kepada umat. Pujangga Melayu yang terkenal iaitu Pendeta ZA'BA menentang taklid buta. Beliau dengan rasa kesal terhadap taklid buta, telah menukilkan:

...kita tidak disuruh bertaklid buta iaitu mengikut dan menerima sahaja dengan tiada soal jawab dan mengerti hujung pangkal akan apa-apa yang diterima itu, kecualilah jika kita jahil pekat tiada mempunyai barang sedikit ilmu pengetahuan dan fikiran sendiri.
(ZA'BA, 2009: 29)

Melalui karya kreatif beliau, HAMKA telah menyatakan kekesalannya terhadap amalan taklid buta yang berleluasa dalam masyarakat. Amalan menyokong dan mengikut sesuatu secara membuta-tuli dan tanpa ilmu yang sah menjadi subjek kritikan HAMKA. Sebaliknya, HAMKA telah berusaha mengajak masyarakat untuk berfikir dan melakukan sesuatu berdasarkan kepada ilmu yang disandarkan kepada sumber yang sah.

HAMKA menyeru kepada pembebasan daripada taklid buta melalui semangat baru dan pemodenan terhadap sistem pelajaran agama Islam. Ketika menggambarkan pembaharuan terhadap bandar Padang Panjang dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, HAMKA menulis:

Kota itu adalah kota kemajuan. Murid-murid sekolah agama yang belajar di sana telah berubah bentuk “orang siak” atau santri pelutuk, yang tersisih dari masyarakat lantaran hanya mengetahui kitab-kitab bahasa Arab dengan kepala dicukur, kain pelikat kasar dari baju gunting Cina. Semuanya telah ditukar dengan model yang baru, murid-murid telah boleh berdasi, boleh berpakaian cara barat, kerana agama bukan pakaian tetapi sanggup bertempur, berjuang di dalam menjalankan agama. Dalam pada itu, oleh guru-guru diizinkan pula murid-murid mempelajari muzik, mempelajari bahasa asing sebagai Belanda dan Inggeris.

(HAMKA, 2004b: 90)

Penyataan perubahan pemikiran oleh HAMKA merupakan suatu usaha pembebasan. HAMKA mahu mendidik umat tentang pembebasan daripada kongkongan pemikiran lama yang diwarisi oleh masyarakat. Hal ini bertepatan dengan gagasan kedua dalam Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer yang menyatakan bahawa pembebasan bersifat anti kemapanan.

Penentangan HAMKA terhadap amalan taklid buta diterapkan oleh HAMKA melalui karya kreatif beliau. Antara amalan taklid buta tersebut ialah ikutan terhadap fahaman lama bahawa pahala boleh dibeli dengan wang. Lantas orang yang sudah mati boleh dikirimkan pahala melalui orang hidup yang diupah untuk berdoa dan bertahlil. Hal ini dikritik oleh HAMKA melalui fahaman salah Margono yang dikesan melalui kata-katanya kepada Tuan Direktur dalam novel *Tuan Direktur*:

Susahkah tuan lantaran tidak ada teman-teman itu? Saya rasa Tuan Direktur tidak boleh susah, asal kita jangan ditinggalkan wang. Ditinggalkan sahabat tidak mengapa sebab hilang sahabat mesti berganti dengan sahabat! Kerana kalau sahabat tak ada, dan kalau kita kematian tidak ada orang yang datang menjenguk, toh kita ada wang buat

pembayar kuli. Sebab itu, selagi umur muda kita mesti berusaha mencari wang!

(HAMKA, 1979: 65-66)

Penelitian yang telah dilakukan terhadap karya kreatif yang dihasilkan oleh HAMKA telah mengesani perjuangan HAMKA menentang taklid buta. Banyak bahan kritikan beliau terhadap taklid buta dapat dikumpulkan dalam tiga aspek utama. Aspek-aspek tersebut ialah ketaasuban kepada bomoh, dominasi lelaki terhadap wanita dan sikap menyerah kepada takdir.

4.2.1 Ketaasuban kepada Bomoh

Islam menolak amalan khurafat, sihir dan syirik dalam apa bentuk pun. Sikap berhati-hati amat diperlukan khususnya dalam kegiatan perbomohan kerana ia menjadi penting dan diperlukan dalam keadaan seseorang itu terdesak. Pada ketika itu, manusia yang terdesak kadangkala tidak mengambilkira soal halal dan haram asalkan sahaja masalahnya diselesaikan oleh bomoh yang didakwa mempunyai kepakaran tertentu.

Kepercayaan kepada bomoh berterusan kerana sikap masyarakat yang menurut sahaja amalan orang terdahulu. Mereka terikut-ikut dengan amalan nenek moyang tanpa asas ilmu dan pengetahuan yang mantap. Ikutan tersebut berlaku kerana individu berasa selesa dengan amalan yang sudah terbiasa dalam masyarakat. Amalan itu pula diperturunkan dari generasi ke generasi. Pemikiran taklid buta ini sangat ditentang oleh Islam sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan apabila dikatakan kepada mereka: “Turutlah akan apa yang telah diturunkan oleh Allah,” mereka menjawab, “(tidak), bahkan kami (hanya) menurut apa yang kami dapati datuk nenek kami

melakukannya.” Patutkah (mereka menurutnya) sekalipun datuk neneknya itu tidak faham sesuatu (apa-apapun tentang perkara agama) dan tidak pula mendapat petunjuk hidayah (dari Allah)?
(al-Baqarah 2: 170)

Terdapat amalan jampi mentera dan penipuan yang dilakukan kononnya atas nama agama. Sehingga ada bomoh yang berniaga air tertentu yang dijampi secara tulisan dan bacaan. Jika menjampi ini merupakan amalan Rasulullah SAW, sudah tentulah Baginda telah menjampi telaga air zam zam supaya kaum Quraisy beriman kepada Allah SWT (Mohd Asri, 2010b: 46). Walau bagaimanapun, hal ini tidak pernah berlaku.

HAMKA menyesali budaya masyarakat yang terlalu mempercayai bomoh dan dukun. Bomoh dianggap sebagai institusi yang serba mampu menyelesaikan masalah dalam masyarakat khususnya yang berkaitan dengan kesulitan penyakit. Walaupun cara rawatannya aneh daripada kebiasaan, ia tetap diikuti oleh masyarakat secara membuta-tuli dan tanpa berfikir panjang.

Perubatan yang dipraktikkan oleh bomoh dan dukun tidak dipersoalkan oleh masyarakat. Seolah-olah institusi orang Melayu ini kebal daripada pertimbangan rasional. Ada kalanya ubat yang diberikan oleh dukun itu menjijikkan tetapi ia tetap dituruti oleh masyarakat tanpa soal. Hal ini diolah oleh HAMKA dalam pengubatan terhadap penyakit yang di deritai Adnan dalam novel *Keadilan Ilahi*:

Macam-macam sahaja ubat yang diberikan dukun itu, kadang-kadang ubat yang tidak makan di akal lantaran kotornya itu agaknya yang menambah binasa badannya, tetapi kata dukun itulah alamat ubat bertemu dengan penyakit.
(HAMKA, 1985: 76)

Sebenarnya Adnan sakit kerana rindukan kekasihnya, Syamsiah. Namun apabila bomoh terlibat mengubatinya, keadaan Adnan semakin teruk. Dia dituduh gila dan bomoh yang mengubatinya menyuruh dia dikurung. Adnan dipasung iaitu kakinya dimasukkan ke dalam kayu dan ditanamkan ke tanah sehingga kakinya itu tidak dapat bergerak lagi.

Masyarakat yang mengikut membuta-tuli arahan bomoh itu dipengaruhi supaya percaya bahawa tindakan yang dilakukan terhadap tubuh badan Adnan sebenarnya bertujuan memasung syaitan yang memperdayakan Adnan. Adnan dipasung sehingga mengakibatkan badannya bertambah kurus dan fizikalnya semakin lemah dari hari ke hari. Hakikatnya, yang terpedaya dalam situasi ini ialah Adnan serta masyarakat dan bukannya syaitan yang dimomokkan itu.

Tindakan mengikut bomoh tanpa berfikir membawa kesan yang sangat buruk. Hal ini terbukti apabila selepas dua bulan dipasung, Adnan tidak boleh duduk lagi dan dia dialihkan ke tempat tidur dalam keadaan tidak bermaya. Keadaan Adnan bertambah teruk sehingga membawa maut. Adnan adalah korban sikap taklid buta yang berleluasa dalam masyarakat.

4.2.2 Dominasi Lelaki

Pendominasian orang lelaki terhadap wanita seolah-olah telah diterima dan diikuti oleh masyarakat manusia. Dalam sesetengah masyarakat, ia diterima tanpa soal dan diikuti secara melulu dalam semua aktiviti kehidupan. Lelaki itu berkuasa dan berhak memerintah apa sahaja tanpa mengira kualiti lelaki tersebut dan baik-buruk arahan yang

telah dikeluarkannya. Wanita dipaksa menerima situasi tersebut walaupun dalam keadaan tertentu ia akan membawa kepada unsur penindasan dan kekejaman yang berterusan dalam masyarakat.

HAMKA memprihatinkan sikap masyarakat yang membuta-tuli dalam soal penyerahan kuasa sewenang-wenangnya kepada lelaki dan menafikan hak wanita. Perkahwinan ditanggapi oleh masyarakat sebagai institusi yang kudus di mana pendominasian lelaki diterima sebagai aturan dalam masyarakat dan wanita tidak dapat tidak, mesti menerimanya tanpa soal. Akhirnya kezaliman telah dilakukan terhadap wanita melalui pengabaian hak, penderaan dan penindasan.

Karya kreatif HAMKA turut membawa persoalan kahwin paksa dan eksploitasi lelaki terhadap perkahwinan. Dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, Hayati dieksploitasi untuk berkahwin dengan Aziz, seorang lelaki yang dihormati oleh keluarga Hayati kerana keturunan dan kekayaannya. Pada masa yang sama, semua mengetahui bahawa Hayati mencintai Zainuddin namun hakikat ini diabaikan begitu sahaja. Aziz kemudiannya melayani Hayati dengan kasar dan tidak bertanggungjawab. Hak dan penghormatan kepada Hayati tidak diberikan sebagaimana selayaknya.

Kezaliman lelaki terhadap wanita turut diolah oleh HAMKA dalam novel *Merantau ke Deli*. Poniem yang dipujuk dan dirayu oleh Leman telah lari dari ladang tempat mereka bekerja untuk mengikut Leman. Mereka berkahwin kerana Poniem menganggap perkahwinan boleh membahagiakan tetapi kebahagiaan hanya datang sekejap sahaja.

Leman berkahwin lagi dengan Mariatun dan bermulalah episod penganiayaan terhadap Poniem sehinggalah dia diceraikan.

Wanita turut dimangsakan oleh lelaki dalam novel *Terusir*. Kecuaian dan sikap terburu-buru Azhar telah menyeksa Mariah. Akibat hasutan dan fitnah, Mariah dicerai dan dihalau oleh Azhar. Dia dinafikan hak dan peluang untuk membela diri. Oleh kerana memerlukan wang untuk meneruskan hidup, Mariah terjerumus ke lembah pelacuran yang hina dan tidak bermaruah. Lebih tragis lagi apabila Mariah terlibat dalam kes pembunuhan.

Sutan Marah Husin dalam novel *Keadilan Ilahi* adalah watak yang paling jelas mewakili lelaki yang bukan sekadar mendominasi wanita tetapi lebih daripada itu menjadi penindas yang kejam. Perkahwinan dijadikan alat untuk menindas dan menzalimi wanita semahu-mahunya:

Dengan nama nikah dia berbuat pekerjaan yang lebih cabul daripada kecabulan. Dinikahnya anak-anak gadis atau perempuan muda itu, demi setelah sarinya habis dan mudanya hilang, dibuang dan diceraikannya.

(HAMKA, 1985: 82)

Masyarakat telah menerima lelaki sebagai suami dan ketua keluarga. Malangnya, lelaki dibiarkan berkuasa mutlak dengan pemberian hak yang tidak boleh dipersoalkan sedangkan tanggungjawab mereka tidak pula ditunaikan dengan maksimum. Dalam novel *Keadilan Ilahi*, Syamsiah yang diceraikan oleh Sutan Marah Husin telah dihalang daripada mendapat sebarang harta. Lebih teruk dan lebih malang lagi, dia dianggap isteri derhaka oleh Sutan Marah Husin:

Sebab menurut pengajian Sutan Marah Husin seorang perempuan baru bernama taat kepada suaminya kalau didengarkan sahaja segala kata-katanya yang kasar, biarkan sahaja segala kata-katanya yang kasar, biarkan sahaja segala perbuatannya yang salah, telan sahaja segala mulutnya yang menghinakan. Kalau membantah, namanya “durhaka”.

(HAMKA, 1985: 74)

Dalam petikan di atas, HAMKA sebenarnya menyindir pegangan Sutan Marah Husin dan masyarakat tentang konsep derhaka isteri kepada suami. Suami bertanggungjawab memberikan layanan yang santun kepada isteri dan tidak mudah menuduh isterinya derhaka. Ketaatan isteri kepada suami beriringan dengan pemberian hak dan kemuliaan kepada isteri oleh suaminya.

Dominasi lelaki ke atas wanita bukan sahaja tidak memberikan hak kepada wanita bahkan melemahkan masyarakat. Pemikiran masyarakat yang lemah dan terikut-ikut dengan budaya yang salah mesti dihentikan. Kongkongan pemikiran seperti ini perlu dileraikan bagi melahirkan masyarakat mulia yang setiap ahlinya diberikan kemuliaan sebagai insan yang bebas.

4.2.3 Menyerah kepada Takdir

Taklid buta dapat dikesan dalam hal berkaitan dengan penyerahan diri kepada takdir. Wujud sifat kalah dan menyerah. Terdapat kecenderungan dalam masyarakat untuk berserah kepada sesuatu keadaan tanpa berusaha untuk mencapai sesuatu yang lebih baik sedangkan usaha dan perjuangan amat penting dalam usaha untuk mencapai sesuatu. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

...Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri....

(ar-Ra`d 13: 11)

HAMKA berusaha menerapkan kesedaran tentang perlunya usaha dan jangan menyerah diri kepada keadaan atas nama takdir. Sesuatu yang berlaku mempunyai sebab-musabab tertentu. Sebagai contoh, dalam novel *Terusir*, Azhar menyalahkan takdir atas perpisahannya dengan Mariah tetapi rakannya Abdul Halim menasihatkan Azhar dengan nasihat yang amat berguna:

...takdir itu melalui sebab dan akibat, suatu takdir tidak datang dengan tiba-tiba, tetapi ada garis yang dilaluinya. Takdir yang ada sekarang ini menurut fikiranku adalah buatan manusia. Yang benci kepada Mariah yang dapat mencuri hatimu, tetapi mereka tidak tahu bahawa dengan berbuat begini, mereka sebenarnya mencelakan dirimu sendiri. Mereka mematahkan perjalanan hidupmu supaya hidupmu jangan bergaram.

(HAMKA, 2007: 12)

Nasihat Abdul Halim berkisar kepada keperluan usaha dan penentuan takdir. Usaha perlu dilakukan kerana sesuatu yang berlaku mempunyai sebab-sebab tertentu yang dikaitkan dengan usaha. Hal ini mempunyai hubungan yang rapat dengan gagasan dalam Teori Asghar Ali Engineer yang menyatakan bahawa takdir dan usaha adalah saling melengkapi.

Takdir tidak harus dijadikan alasan dan mangsa atas kesalahan dan kelalaian manusia. Justeru, perubahan pemikiran masyarakat amat diperlukan. Oleh yang demikian, para pejuang perubahan seperti Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abduh dan Malik

Bennabi memulakan perjuangan merubah nasib bangsa dengan merubah jiwa dan minda bangsa (Siddiq, 2012: 31).

4.2.4 Fokus Taklid Buta dalam Karya Kreatif HAMKA

Bagi memantapkan kajian tentang persoalan taklid buta dalam karya kreatif HAMKA, usaha dilakukan untuk mengetahui kekerapan perkataan berkaitan dengan taklid buta yang digunakan dalam teks. Hal ini akan dapat memberikan dapatan tentang sebanyak mana perkataan yang berkaitan dengan taklid buta telah digunakan.


Untuk tujuan mencari kekerapan, perisian *Antconc* digunakan. Semua teks dalam karya kreatif HAMKA ditaip semula dan dipindahkan ke dalam perisian *Antconc* tersebut. Perisian *Antconc* digunakan dengan meluas di seluruh dunia oleh para pengkaji yang menggunakan teknik Analisis Kandungan (*Content Analysis*) dan linguistik dalam kajian mereka.

Dua perkataan dikenal pasti bagi mewakili konsep pembebasan daripada taklid buta dalam karya kreatif HAMKA. Perkataan-perkataan tersebut ialah “ikut” dan “takdir”. Selepas dioperasikan dalam perisian *Antconc*, kekerapan perkataan-perkataan tersebut muncul dalam novel dan cerpen HAMKA ditunjukkan dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1 Kekerapan Perkataan berkaitan Taklid Buta dalam Teks

Bil	Karya Kreatif	Kekerapan Perkataan “ikut”	Kekerapan Perkataan “takdir”	Jumlah	Peratus (%)
1	<i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck (TKVDW)</i>	8	6	14	23.7
2	<i>Terusir</i>	6	4	10	16.9
3	<i>Merantau ke Deli (MKD)</i>	8	1	9	15.3
4	<i>Di Dalam Lembah Kehidupan (DDLK)</i>	7	2	9	15.3
5	<i>Keadilan Ilahi (KI)</i>	1	7	8	13.6
6	<i>Menunggu Bedok Berbunyi (MBB)</i>	2	2	4	6.8
7	<i>Di Bawah Lindungan Kaabah (DBLK)</i>	1	2	3	5.0
8	<i>Tuan Direktur (TD)</i>	1	0	1	1.7
9	<i>Cermin Penghidupan (CP)</i>	1	0	1	1.7
Jumlah		35	24	59	100

Jadual 4.1 menunjukkan kekerapan perkataan berkaitan dengan taklid buta yang terdapat dalam semua sembilan karya kreatif HAMKA. Sembilan karya kreatif tersebut adalah enam novel dan tiga antologi cerpen. Dua perkataan yang dikenal pasti mewakili taklid buta ialah “ikut” dan “takdir”. Jadual 4.1 dirumuskan pula dalam Rajah 4.1.



Rajah 4.1 Kekerapan Perkataan berkaitan Taklid Buta dalam Teks

Rajah 4.1 merumuskan peratusan kandungan setiap karya kreatif HAMKA yang mengandungi perkataan yang berkaitan dengan taklid buta. Berdasarkan peratusan yang diperolehi, adalah didapati bahawa novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* mengandungi perkataan berkaitan taklid buta yang paling tinggi iaitu sebanyak 23.7%. Antologi cerpen *Cermin Penghidupan* pula menunjukkan peratusan yang paling rendah iaitu sebanyak 1.7%.

Kandungan pembebasan pemikiran daripada taklid buta yang dikemukakan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau menepati semua empat gagasan dalam Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer. Ia mengandungi gagasan bahawa pembebasan merangkumi persoalan dunia dan akhirat, bersifat anti kemapanan, pembebasan golongan terpinggir dan dalam perjuangan pembebasan, takdir dan usaha adalah saling melengkapi.

4.3 Pembebasan daripada Hawa Nafsu

Pembebasan pemikiran diri individu dan masyarakat daripada hawa nafsu merupakan ciri penting kepada perjuangan pembebasan (Engineer, 1999: 9, 42-43; Mustafa, 1992: 257-267; Mustafa, 2001: 56; el-Muhammady, 2001: 70). Hal ini kerana orang yang terbelenggu dengan hawa nafsu sebenarnya merupakan orang yang terjajah dan tidak memiliki kemerdekaan.

Pembebasan pemikiran melibatkan usaha membebaskannya daripada pengaruh hawa nafsu. Hawa nafsu mempunyai kesan yang besar dalam mempengaruhi pemikiran seseorang. Orang yang dipengaruhi hawa nafsu akan cenderung kepada keseronokan dan kelazatan duniawi. Dalam hal ini, Allah SWT telah memberikan ancaman dan berita gembira yang berkaitan dengan hawa nafsu yang bermaksud:

Maka (dapatlah masing-masing mengetahui kesudahannya); adapun orang yang melampau (perbuatan derhaknya), serta ia mengutamakan kehidupan dunia semata-mata, maka sesungguhnya neraka *Jahim*lah tempat kediamannya. Adapun orang yang takutkan keadaan semasa ia berdiri di mahkamah Tuhannya (untuk dihitung amalannya) serta ia menahan dirinya dari menurut hawa nafsu, maka sesungguhnya syurgalah tempat kediamannya.

(an-Naazi`aat 79: 37-41)

Di dalam al-Quran, Allah SWT menyatakan tiga sifat nafsu iaitu nafsu yang tercela (*lawwamah*) nafsu yang banyak mengajak keburukan (*ammarah bi al-su'*) dan nafsu nafsu yang tenang (*mutmainnah*). Hal ini telah dibincangkan dengan panjang lebar oleh Ibnu Qaiyim al-Jauziyah (2011: 118). Dalam konteks perbincangan pembebasan daripada hawa nafsu ini, nafsu yang dimaksudkan ialah hawa nafsu yang mendorong kepada kejahatan.

Hawa nafsu membawa kepada pelbagai perbuatan buruk, keji dan mungkar. Nafsu juga mengajak kepada perbuatan yang melampaui batas dan juga budaya mengutamakan kehidupan dunia seperti yang ditegaskan oleh Ibnu Qaiyim al-Jauziyah (2011: 118). Ketundukan kepada hawa nafsu memungkinkan seseorang itu mempertuhankan hawa nafsunya:

Dengan yang demikian, bagaimana fikiranmu (wahai Muhammad) terhadap orang yang menjadikan hawa nafsunya tuhan yang dipatuhinya....

(al-Jaathiyah 45:23)

Ketundukan kepada hawa nafsu umumnya berlaku kepada golongan yang bergelumang dengan budaya hidup berfoya-foya dan memuja keseronokan yang juga dikenali sebagai budaya hedonisme. Hedonisme berasal daripada perkataan Greek *hedon* yang menentukan bahawa matlamat kehidupan ialah untuk mendapatkan keseronokan (*pleasure*) hidup (MacKinnon, 2012: 54). Apa yang penting ialah kelazatan hidup yang maksimum.

Hedonisme merupakan doktrin yang mengatakan bahwa tingkah laku dimotivasikan oleh keinginan kepada keseronokan dan berusaha mengelakkan penderitaan. Ia berpegang kepada fahaman yang mementingkan keseronokan dan kesenangan hidup. Ukuran baik dan buruk ditentukan oleh kenikmatan dan kelazatan. Jalan yang membawa kepuasan adalah baik manakala jalan yang tidak membawa kepuasan adalah buruk.

Piawai yang digunakan bagi menentukan kelazatan dan keseronokan ialah nafsu dengan segala jenis dan kerencamannya. Budaya hedonisme membiakkan pula sikap individualistik dan egoistik. Lahirlah individu yang hanya mementingkan diri dan berkembangnya masyarakat pesta-pestaan. Apa yang penting ialah kelazatan diri, orang lain peduli apa.

Serangan hedonisme telah membentuk masyarakat yang hanya mementingkan kesenangan diri. Apa yang menguasai diri ialah keinginan untuk keseronokan dan kerehatan. Apa yang menggembirakan ialah memiliki kesenangan yang ditandai dengan pemilikan yang melimpah-ruah. Gaji besar, rumah besar, kenderaan besar, pangkat besar dan segala yang besar-besar menjadi impian hidup. Masa dihabiskan untuk mengumpul aset yang menjadi elemen kepada kelazatan. Orang yang tidak memiliki sesuatu dipandang rendah, hina dan tidak berguna.

HAMKA memberikan indikasi tentang golongan yang mudah dipengaruhi oleh hawa nafsu. Golongan tersebut adalah mereka yang menjauhkan diri daripada sumber petunjuk Ilahi. Sebaliknya, mereka menghampiri lubuk-lubuk yang menyuburkan hawa

nafsu dan membiakkan kemaksiatan. Dalam novel *Terusir*, HAMKA mengingatkan tentang amalan yang mudah memperdayakan anak muda yang terdedah kepada pengaruh hawa nafsu:

Yang lebih mudah untuk memperdayakan anak muda, ialah kalau anak muda itu keluar dari rumahnya malam hari, suka bersenda-gurau menghabiskan umur dengan berpelesiran.

(HAMKA, 2007: 52)

Hawa nafsu melibatkan tarikan kepada kecantikan dan keghairahan jantina. HAMKA memperihalkan hakikat ini melalui tindakan Aziz mengahwini Hayati dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, tindakan Sutan Marah Husin mengahwini Syamsiah dalam novel *Keadilan Ilahi* dan terjerumusny Mariah ke lembah pelacuran dalam novel *Terusir*.

Bukankah Aziz mengahwini Hayati kerana tertarik dengan kejelitaan dan keanggunannya? Bukankah Sutan Marah Husin yang sudah beristeri itu mengahwini Syamsiah kerana keayuan dan kedaraannya? Bukankah pelacuran menjadi jalan yang terpaksa dipilih oleh Mariah kerana kecantikan yang ditawarkannya kepada pelanggan? Bukankah semuanya berkisar pada persoalan hawa nafsu, keseronokan dan kelazatan hidup?

Oleh kerana sifatnya ialah hawa nafsu, maka hawa nafsu kepada kecantikan perempuan tidak dapat bertahan. Ia mencari kecantikan yang lebih dari masa ke masa. HAMKA menegaskan tentang perlunya dibebaskan diri daripada kecenderungan hawa nafsu

terhadap kecantikan kerana ia tidak pernah berakhir. Pesan HAMKA dalam novel

Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck:

...kalau cinta itu hanya pada kecantikan, maka kecantikan seorang perempuan kelak akan dikalahkan pula oleh kecantikan yang lain.

(HAMKA, 2004b: 216)

Hawa nafsu juga melibatkan keinginan kepada makanan yang lazat dan sedap. Nafsu perut sentiasa berhajat kepada minuman dan makanan yang beraneka ragam. Lebih-lebih lagi ia dihidangkan dengan lagak penuh pesona. HAMKA menempelak sikap ini melalui apa yang diucapkan oleh Pak Yasin dalam novel *Tuan Direktur*:

Malah tidak habis herannya, mengapa di zaman sekarang untuk urusan perut yang demikian kecil, orang mesti mengerjakan yang sukar-sukar, menyediakan senduk, garpu, pisau, berpiring dua lapis, makan kuih, makan sup, diedarkan pula oleh jongos dan akhirnya makan buah-buahan, sehingga sekali makan tidak akan kurang memakan tempoh dari satu jam.

(HAMKA, 1979: 17)

Penguasaan hawa nafsu ke atas manusia juga melibatkan ketamakan kepada pemilikan kebendaan. Pengumpulan kebendaan dikaitkan dengan kepuasan hawa nafsu yang tidak pernah diam dan padam. Kaitan hawa nafsu dengan material diakui oleh HAMKA dalam karyanya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*:

...fikiran mereka hanya mengumpulkan harta benda melepaskan nafsu hidup.

(HAMKA, 2004b: 216)

Dalam novel *Merantau ke Deli*, berlaku konflik antara dua wanita iaitu Poniem dan Mariatun. Konflik itu membawa kepada pertengkaran dan pergaduhan besar antara mereka. Poniem yang berketurunan Jawa ialah isteri tua Leman manakala Mariatun pula

adalah isteri muda yang berketurunan Minangkabau. Kata-kata Poniem dalam pertengkarannya dengan Mariatun menunjukkan kaitan hawa nafsu dengan wang:

Ya begitulah perempuan orang Padang; mata duitan.
(HAMKA, 2004a: 111)

Nenek-mamak orang Padang hanyalah wang, kau tahu?
(HAMKA, 2004a:112)

Novel *Merantau ke Deli* yang diterbitkan pada tahun 1938 memaparkan wanita utama bernama Poniem. Akibat keadaan dan kemelaratan hidup, dia terperangkap dan terkongkong sebagai perempuan simpanan. Walau bagaimanapun, dia diselamatkan dan dikahwini oleh seorang lelaki bujang bernama Leman. Pelbagai janji manis ditaburkan oleh Leman ketika mahu berkahwin dengan Poniem dan Leman bersedia menerima Poniem seadanya.

Poniem berusaha seberapa daya untuk membahagiakan rumah tangganya di samping seiringan bersama Leman mengusahakan perniagaan mereka. Perniagaan mereka semakin maju dan mendapat pulangan yang meyakinkan. Hidup mereka semakin senang dan lapang.

Rezeki yang bertambah rupa-rupanya mengundang ujian hidup. Sebagai lelaki Minang, Leman didesak oleh keluarganya supaya berkahwin dengan gadis Minang juga demi adat dan budaya. Leman menurutinya dengan janji tidak akan mengabaikan Poniem sebagai isteri pertama.

Isteri muda menggunakan kemudaannya untuk mempengaruhi Leman dan mengadudombanya dengan Poniem. Perniagaan yang asalnya diusahakan oleh Poniem dan Leman kini mahu didominasinya. Leman berpihak kepada isteri muda dan akibat satu pergaduhan besar dengan Poniem, Poniem diceraikan.

Poniem menghilangkan diri dan berusaha berniaga sendiri. Hasil kecekalannya, perniagaan semakin maju dan dia berkahwin dengan pekerjajanya yang setia. Pada masa yang sama, perniagaan Leman mula rugi kerana tiada disiplin. Poniem sudah mampu membeli rumah dan tanah. Kesungguhan Poniem berusaha dan mencapai kejayaan menunjukkan betapa usaha dan takdir adalah saling melengkapi.

Leman menjadi miskin. Dalam satu pertemuan dengan Poniem, Leman menyesali dirinya. Dia menyedari kualiti diri Poniem yang telah membantunya mencapai kejayaan awal dalam perniagaan. Leman insaf tentang kesilapan yang telah dilakukannya dan pada waktu yang sama menghargai kualiti diri Poniem.

HAMKA mengkritik sikap mengumpulkan kekayaan melalui wang dan perhiasan. Bagi HAMKA, lebih banyak pembaziran dilakukan kerana barangan yang dibeli tidak pula digunakan secara optimum. Kritikan ini dizahirkan melalui nasihat Pak Yasin kepada cucunya, Aminah dalam novel *Tuan Direktur*:

Kepada cucunya yang perempuan itu, kerap kali dikatakannya bahawa yang menyusahkan hidup orang sekarang, sehingga menjadi miskin, ialah lantaran menjadikan rumahtangganya menjadi muzium dari barang-barang yang tidak berguna. Ditertawakannya orang yang rumahnya dihampari dengan tikar

permaidani yang indah-indah, pada hal tikar sembahyangnya sudah 10 tahun tidak berganti.

(HAMKA, 1979:18)

Kritikan HAMKA terhadap sikap melonggokkan kekayaan dan pembaziran adalah sesuatu yang selaras dengan ajaran Islam. Ia juga selari dengan perjuangan pembebasan kerana adalah lebih baik kekayaan yang ada digunakan untuk membantu golongan yang terpinggir dan memerlukan.

Antara pendorong hawa nafsu ialah sikap manusia sendiri. Terdapat manusia yang memainkan peranan iblis yang seringkali menghasut manusia lain supaya terjemurus jauh ke dalam godaan hawa nafsu. Mungkin inilah yang cuba diketengahkan oleh HAMKA melalui watak Margono dalam novel *Tuan Direktur*. Margono dengan licik berusaha menghasut Jazuli supaya terus kekal dengan sifat tamak dan bongkak. Hal ini penting kepada Margono kerana dia sendiri mendapat faedah daripada ketamakan Jazuli:

Akan saya katakan Tuan Direktur bodoh, tuan seorang pintar, bukti kepintaran tuan telah saya lihat selama ini. Begitu besar perusahaan tuan sekarang, begitu besar kemasyhuran yang telah tuan dapat, sahabat-sahabat citunguk yang tidak ada harga sepeser itu telah terbuang dan terhindar, sekarang berganti dengan orang-orang yang masyhur, dengan Mr. anu, dr. pulan, dengan wartawan anu, tuan itu, tuan ini dari segala bangsa. Guna apa tuan acuhkan gonggongan anjing kurap yang tidak ada harga itu? Di mana ada orang yang merebut penghidupan yang tidak susah, di mana ada orang berjuang di dunia yang tidak dihalangi si hasad dan si dengki?

(HAMKA, 1979: 64)

Pemikiran golongan elit seperti Jazuli mahu dibebaskan oleh HAMKA. Pemikiran yang dikuasai oleh hawa nafsu akan membawa kerosakan dan kemusnahan. Status quo perlu

dirombak dan dibebaskan. Hal ini selaras dengan gagasan anti kemapanan seperti yang dikemukakan dalam Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer.

Pengaruh hawa nafsu juga berpotensi daripada sikap cemburu yang tidak bertempat. Hal ini diceritakan oleh HAMKA dalam cerpen “Salahnya Sendiri”. Cerpen “Salahnya Sendiri” dalam antologi *Cermin Penghidupan* (HAMKA, 1976: 1-13) mengisahkan tentang Tahir dan isterinya Aminah yang telah berkahwin selama sebelas tahun. Namun, mereka belum dikurniakan anak. Pelbagai usaha dilakukan oleh mereka untuk mempunyai anak kandung sehinggalah pada suatu hari Aminah disahkan mengandung.

Keluarga Aminah telah menghantar adik Aminah yang bernama Asni untuk menemani kakaknya dan membantu kakaknya sehingga tiba waktunya nanti Aminah bersalin. Walau bagaimanapun, pergaulan Tahir dan Asni telah menyebabkan Aminah menjadi cemburu.

Sikap cemburu Aminah telah membawa kepada tragedi. Pada suatu hari, Aminah yang curiga cuba mengintip Asni dibiliknya dengan kebimbangan bahawa Tahir turut berada di bilik itu. Dalam kegelapan, Aminah terjatuh dan anak di dalam kandungannya lahir tidak cukup bulan dan meninggal.

Kelemahan jiwa turut mempengaruhi ketundukan manusia kepada hawa nafsu seperti dalam cerpen “Penjual Ubat Berkeliling”. Cerpen “Penjual Ubat Berkeliling” dalam antologi *Cermin Penghidupan* (HAMKA, 1976: 14-37) memaparkan kisah Sutan Muda,

seorang penjual ubat yang berusia empat puluh sembilan tahun. Dia menyewa bilik di rumah seorang janda yang mempunyai dua orang anak yatim. Setelah masa berlalu dan kerana terpicik dengan kebaikan Sutan Muda, janda itu meminta Sutan Muda berkahwin dengan anaknya, Zahara. Pada mulanya, Sutan Muda keberatan kerana perbezaan umurnya dengan Zahara tetapi setelah didesak, dia akur menikahi gadis itu.

Setelah lapan tahun berkahwin, muncul watak Fauzi yang merupakan seorang pemuda keluarga sebelah bapa Zahara. Dia tinggal bersama di rumah itu. Dari hari ke hari, perniagaan Sutan Muda bertambah maju dan daripada menjual ubat, dia juga sudah mula menjual kaca mata.

Pada suatu hari, Sutan Muda pergi ke Medan untuk urusan perniagaan. Setelah seminggu di sana, dia menceraikan Zahara melalui sepucuk surat dan pada masa yang sama, dia meminta Fauzi memperisterikan Zahara. Alasan Sutan Muda adalah untuk memberikan kebahagiaan kepada mereka kerana umur mereka yang sebaya. Tindakan ini difikirkan tidak wajar dan didorong oleh hawa nafsu kerana perceraian tidak sepatutnya dilakukan dengan sewenang-wenangnya.

Zahara dan Fauzi berangkat ke Medan untuk menemui Sutan Muda. Mereka menemuinya terlantar di hospital. Ketika itu diberitahu bahawa mereka tidak boleh berkahwin kerana sepersusuan. Atas permintaan Zahara yang berjanji untuk bercerai dengan Sutan Muda hanya dengan kematian, maka Sutan Muda rujuk semula dengan Zahara. Selepas itu, Sutan Muda menghembuskan nafas yang terakhir.

Hawa nafsu boleh mempengaruhi individu yang kagum dengan pemikiran Barat. Hal ini dikisahkan oleh HAMKA dalam cerpen “Angkatan Baru”. Cerpen “Angkatan Baru” dalam antologi *Menunggu Bedok Berbunyi* (HAMKA, 1967: 85-136) mengisahkan tentang Shamsiar, seorang wanita berpendidikan tinggi yang membawa budaya hidup yang dianggapnya moden. Gaya hidupnya dianggap asing oleh masyarakat. Dia tidak mahu membuat kerja dapur, sombong, celupar dan terlalu memilih pasangan hidup.

Cerpen ini juga menampilkan watak Hasan, seorang pemuda yang miskin. Kemiskinan itu menghalangnya melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah. Dia menghidupkan sistem pengajian sekolah pondok. Hasan berkahwin dengan Shamsiar. Shamsiar tidak mempedulikan keperluan suami dan mengongkong suami. Pada waktu yang sama, dia berhubungan dengan Shamsuddin, teman lamanya. Lantaran itu, Shamsiar dan Hasan bercerai. Shamsiar dikahwinkan pula dengan seorang seorang saudagar sebagai isteri ketiga. Pada akhir cerpen, Shamsiar menangi nasibnya tetapi menerimanya sebagai suatu takdir.

Sebagai insan kerdil yang sentiasa diuji, manusia terdedah kepada pengaruh hawa nafsu. Hawa nafsu datang dengan segala wajah yang mempesonakan. HAMKA mengakui kelemahan manusia ini dengan monolog Lemah dalam novel *Merantau ke Deli* yang dicatatkannya:

Tetapi dia lemah, dia jatuh di bawah kendali hawa nafsu.
(HAMKA, 2004a:115)

Walau bagaimanapun, HAMKA mengajak kepada usaha membebaskan diri daripada menjadi lemah dan mengikut hawa nafsu. Umat dididik supaya menjadi kuat dan jangan membiarkan diri dikuasai kelemahan yang bertimpa-timpa. Jika tidak, umat akan berterusan berada dalam keadaan yang lemah. Hal ini seperti yang diingatkan oleh HAMKA dalam novel *Merantau ke Deli*:

Apabila manusia telah lemah mengambil timbangan untuk kepentingan dirinya sendiri pada kali pertama, kelemahan itu akan berturut-turutlah sampai kepada akhirnya.

(HAMKA, 2004a:116)

HAMKA dalam karya kreatifnya turut mengingatkan betapa keinginan nafsu ini tidak berpenghujung. Hakikat ini misalnya tergambar dalam novel *Tuan Direktur*. Hawa nafsu tidak pernah berasa puas. Oleh itu, adalah menjadi keperluan umat untuk menghindari tarikan nafsu. Pengaruh hawa nafsu tidak ada noktah akhirnya. Ia tidak mempunyai had dan batas tertentu:

Setelah mendapat kekayaan, sebagai seorang manusia, ia belum merasa cukup kepada yang ada. Sesudah beroleh kekayaan ia hendak kehormatan, sesudah beroleh kehormatan ia ingin kemuliaan, sesudah beroleh kemuliaan, ia hendak meminta tambah lagi, lagi... dan kalau masih ada yang sesudah itu, hendak dicubanya juga dan belum hendak berhenti.

(HAMKA, 1979: 2)

Usaha membebaskan diri daripada kongkongan hawa nafsu menjadi keutamaan pendidikan yang dikemukakan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau. Walaupun tubuh seseorang mungkin menjadi mangsa hawa nafsu orang lain tetapi hati manusia itu sentiasa boleh berdiri bebas. Dalam konteks ini, novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* menampilkan watak Hayati yang tubuhnya dinikmati oleh Aziz yang tidak dicintainya. Hayati menyatakan:

...meskipun dia sanggup memperoleh tubuhku, dia selamanya belum sanggup memperoleh hatiku.

(HAMKA, 2004b: 216)

HAMKA menunjukkan betapa pentingnya maruah dan harga diri melalui watak Hayati. Walaupun Hayati terpaksa berkahwin dengan Aziz tetapi jiwanya tetap bebas. Golongan miskin dan terpinggir seperti Hayati digambarkan sebagai seorang yang merdeka dan tidak dapat dikuasai hatinya dengan ganas. HAMKA membela golongan terpinggir seperti yang turut digagaskan dalam Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer.

Dalam karya kreatif beliau, HAMKA menonjolkan banyak cerita dan watak yang menunjukkan pembebasan daripada hawa nafsu. Watak Pak Yasin, seorang kaya dalam novel *Tuan Direktur* tidak pula dipengaruhi hawa nafsu. Demikian juga Sofyan dalam novel *Terusir* yang ikhlas dalam menuntut ilmu dan benar dalam perjuangan hidup beliau seharian:

Sofyan bukan begitu halnya. Baginya menempuh ujian itu bukan lantaran terpedaya dengan gelaran yang akan diberikannya, gelaran Master, Advokat. Yang ditujunya ialah pengetahuan, berkhidmat kepada ilmu menuntun fikirannya untuk gembira berjuang....

(HAMKA, 2007: 51-52)

Umat diajar tentang keperluan untuk sentiasa membebaskan diri daripada pengaruh hawa nafsu kerana hawa nafsu itu akan menawan dan memenjarakan hidup. Hakikat pembebasan diri daripada hawa nafsu mempunyai hubungan langsung dengan keimanan. Mereka yang terpenjara dan dipengaruhi dengan hawa nafsu lalu melakukan

maksiat sebenarnya tidak beriman ketika melakukan maksiat berkenaan. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Saat seorang pezina sedang berzina, dia tidak berada dalam keimanannya. Saat seorang pencuri sedang mencuri, dia tidak berada dalam keimanannya. Saat seorang peminum arak sedang meminum arak, dia tidak berada dalam keimanannya.

(Hadis riwayat Muslim, 2012: 48)

4.3.1 Fokus Hawa Nafsu dalam Karya Kreatif HAMKA

Bagi memantapkan kajian tentang persoalan hawa nafsu dalam karya kreatif HAMKA, usaha dilakukan untuk mengetahui kekerapan perkataan berkaitan dengan hawa nafsu digunakan dalam teks. Dapatannya nanti akan dapat memberikan gambaran tentang sebanyak mana perkataan yang mempunyai hubungan dengan hawa nafsu digunakan.


Untuk tujuan mencari kekerapan, perisian *Antconc* digunakan. Semua teks dalam karya kreatif HAMKA ditaip semula dan dipindahkan ke dalam perisian *Antconc* tersebut. Perisian *Antconc* digunakan dengan meluas di seluruh dunia oleh para pengkaji yang menggunakan teknik Analisis Kandungan (*Content Analysis*) dan linguistik dalam kajian mereka.

Dua perkataan dikenal pasti bagi mewakili konsep pembebasan daripada hawa nafsu dalam karya kreatif HAMKA. Perkataan-perkataan tersebut ialah “hawa” dan “nafsu”. Selepas dioperasikan dalam perisian *Antconc*, kekerapan perkataan-perkataan tersebut muncul dalam novel dan cerpen HAMKA ditunjukkan dalam Jadual 4.2.

Jadual 4.2 Kekeapan Perkataan berkaitan Hawa Nafsu dalam Teks

Bil	Karya Kreatif	Kekeapan Perkataan “hawa”	Kekeapan Perkataan “nafsu”	Jumlah	Peratus (%)
1	<i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck (TKVDW)</i>	9	11	20	31.3
2	<i>Merantau ke Deli (MKD)</i>	8	9	17	26.5
3	<i>Menunggu Bedok Berbunyi (MBB)</i>	2	4	6	9.4
4	<i>Keadilan Ilahi (KI)</i>	2	3	5	7.8
5	<i>Tuan Direktur (TD)</i>	0	5	5	7.8
6	<i>Di Dalam Lembah Kehidupan (DDLK)</i>	4	1	5	7.8
7	<i>Terusir</i>	0	4	4	6.2
8	<i>Di Bawah Lindungan Kaabah (DBLK)</i>	1	0	1	1.6
9	<i>Cermin Penghidupan (CP)</i>	0	1	1	1.6
Jumlah		26	38	64	100

Jadual 4.2 menunjukkan kekerapan perkataan berkaitan dengan hawa nafsu yang terdapat dalam semua sembilan karya kreatif HAMKA. Sembilan karya kreatif tersebut adalah enam novel dan tiga antologi cerpen. Dua perkataan yang dikenal pasti mewakili hawa nafsu ialah “hawa” dan “nafsu”. Jadual 4.2 dirumuskan pula dalam Rajah 4.2.



Rajah 4.2 Kekerapan Perkataan berkaitan Hawa Nafsu dalam Teks

Rajah 4.2 merumuskan peratusan kandungan setiap karya kreatif HAMKA yang mengandungi perkataan yang berkaitan dengan hawa nafsu. Berdasarkan peratusan yang diperolehi, adalah didapati bahawa novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* mengandungi perkataan berkaitan hawa nafsu yang paling tinggi iaitu sebanyak 31.3%. Antologi *Cermin Penghidupan* pula menunjukkan peratusan yang paling rendah iaitu sebanyak 1.6%.

Kandungan pembebasan pemikiran daripada hawa nafsu yang dikemukakan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau menepati semua empat gagasan dalam Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer. Ia mengandungi gagasan bahawa pembebasan merangkumi persoalan dunia dan akhirat, bersifat anti kemapanan, pembebasan golongan terpinggir dan dalam perjuangan pembebasan, takdir dan usaha adalah saling melengkapi. Secara perbandingan, gagasan bahawa dalam perjuangan pembebasan takdir dan usaha adalah saling melengkapi adalah paling kurang dibincangkan.

4.4 Pembebasan daripada Kemaruk Kebendaan

Kemaruk kebendaan mesti dibebaskan daripada menguasai manusia kerana perjuangan pembebasan pemikiran turut melibatkan pembebasan daripada kemaruk kebendaan (Engineer, 1999: 104-105; Siddiq, 2009: 54; Nadwi, 2012:64). Jika tidak dibebaskan manusia daripada kemaruk kebendaan maka manusia ini sebenarnya tidak pernah merasai kemerdekaan.

Pembebasan daripada kemaruk kebendaan boleh difahami sebagai usaha untuk melepaskan diri daripada kecintaan kepada harta benda, wang, pangkat dan kuasa. Mereka yang dikuasai oleh faham kebendaan sentiasa menganggap bahawa kebendaan akan menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan hidup. Justeru mereka berlumba-lumba ke arah kebendaan.

Asghar Ali Engineer (1999: 104-105) mengaitkan pembebasan daripada kemaruk kebendaan dengan konsep teori perwalian (*theory of trusteeship*). Teori ini berdasarkan

ajaran al-Quran yang menegaskan hakikat bahawa Allahlah pemilik sebenar dan sejati bagi segala benda di langit dan di bumi. Justeru, manusia bukanlah pemilik harta yang hakiki melainkan semuanya untuk kesejahteraan bersama. Adalah menjadi tanggungjawab mereka yang berkuasa untuk mengagihkan kekayaan secara adil kepada semua yang memerlukan. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) daripada harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka terimalah serta amalkan dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya. Dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab siksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya).

(al-Hasyr 59:7)

Pertarungan antara keimanan dengan kemaruk kebendaan akan sentiasa berlaku dalam kehidupan manusia (Nadwi, 2012: 64). Adalah sesuatu yang malang apabila masyarakat kini meletakkan kepercayaan dan pergantungan hidup kepada keseronokan dunia, keuntungan segera, kuasa dan kekayaan kebendaan (Nadwi, 2012: 8). Perjuangan pembebasan bermatlamat untuk membebaskan manusia daripada kelemahan dan belenggu kebendaan ini.

HAMKA mengakui betapa faham kebendaan begitu berpengaruh dan menguasai manusia. Bagi mereka yang pemikirannya dikuasai faham kebendaan, segala nilai baik terletak kepada sejauh mana individu itu menguasai kebendaan. Kegembiraan dan

kebahagiaan ditentukan oleh kebendaan. Sifat manusia yang begini diutarakan oleh HAMKA dalam novel *Keadilan Ilahi*:

Bukankah wang banyak itu kadang-kadang menjernihkan muka?
(HAMKA, 1985: 36)

Dalam novel *Tuan Direktur*, Margono seringkali menghasut Jazuli supaya mencintai kebendaan dan menganggap kebendaan sebagai penentu kepada segala-galanya. Melalui kekayaan kebendaan, Margono mempengaruhi Jazuli supaya terus bongkak dan sombong. Margono berkata:

Kalau wang ada, segala pembicaraan boleh menjadi.
(HAMKA, 1979: 11)

Jazuli yang sangat bangga dengan kebendaan yang dimilikinya berasa bahagia pada awalnya dengan apa yang dipunyainya. Dia terus berusaha untuk menghimpunkan kebendaan sebanyak-banyaknya. Hakikat kecintaan Jazuli terhadap kebendaan turut diakui oleh Mas Karto, seorang broker dengan kata-kata:

...tuan hanya cinta kepada wang.
(HAMKA, 1979: 41)

HAMKA mengkritik masyarakat yang mengabaikan budi bahasa dan kesantunan untuk digantikan dengan kebendaan. Orang yang budiman tersisih kerana pengaruh kebendaan yang mengangkat orang berharta sebagai orang yang mulia dalam masyarakat. Kemuliaan dan kehinaan ditentukan oleh sebanyak mana individu itu memiliki harta benda. Manusia tanpa pemilikan harta benda adalah manusia yang gagal, hina dan tidak

berguna dalam sesebuah masyarakat. Hal ini akan meruntuhkan maruah sesebuah masyarakat dan melahirkan masyarakat yang rapuh.

Dalam novel *Keadilan Ilahi*, ibu Adnan merupakan seorang wanita berbudi bahasa dan memiliki budaya kesopanan yang tinggi. Malangnya, hal ini tidak dipedulikan orang lantaran dia tidak mempunyai harta yang banyak. Budi bahasa dan ketinggian moral tidak mendapat perhatian dalam masyarakat yang dikuasai oleh faham kebendaan.

Keadaan ibu Adnan ini dinyatakan oleh HAMKA:

Meskipun bergoncang hati ibu Adnan mendengarkan perkataan itu, tetapi pandai benar ia menjernihkan mukanya, kerana cuma harta benda yang tidak banyak padanya, tetapi budi pekerti tidaklah dia kekurangan; mukanya cukup jernih, hanya kurang warnanya kerana miskinnya, bangsanya cukup tinggi, sayang bangsa itu hilang kerana tak ada emas.

(HAMKA, 1985: 48)

HAMKA mengangkat martabat golongan terpinggir seperti ibu Adnan yang miskin harta tetapi kaya budi. Watak ini bebas daripada pengaruh kebendaan yang sering menguasai manusia. Pembelaan terhadap golongan terpinggir ini menepati gagasan Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer.

Kemaruk kebendaan juga berkembang kononnya atas falsafah kemodenan. Kemodenan seolah-olah berkisar dan terfokus di sekitar pengumpulan kekayaan dan sikap individualistik. Sikap mementingkan diri sendiri pada akhirnya akan menjadi liabiliti kepada individu. Gambaran seperti ini diceritakan oleh HAMKA dalam cerpen beliau yang bertajuk “Angkatan Baru”.

Cerpen “Angkatan Baru” termuat dalam antologi *Menunggu Bedok Berbunyi* (HAMKA, 1967: 85-136). Cerpen ini berkisar kepada watak Shamsiar yang materialistik dan individualistik. Dia berpeluang mendapat pendidikan yang tinggi dan menampilkan cara hidup yang berbeza dengan kebanyakan gadis pada masa itu. Sikapnya mementingkan diri sendiri, bongkak, malas bergaul dan tidak bersedia membantu orang lain.

Shamsiar dikahwinkan dengan Hasan, seorang lelaki yang berasal daripada keluarga yang miskin. Hal ini gagal memuaskan hati Shamsiar yang menggilai kekayaan dan kemewahan. Hasan tidak diberikan layanan yang sepatutnya oleh Shamsiar. Shamsiar yang menyangka dirinya moden telah mengadakan hubungan dengan Shamsuddin yang mengakibatkan keruntuhan rumah tangganya dengan Hassan. Kemaruk kebendaan Shamsiar tidak membawanya ke mana-mana. Dia kemudiannya menjadi isteri ketiga kepada seorang saudagar.

HAMKA berjuang untuk membebaskan masyarakat daripada faham kebendaan yang mencengkam. Melalui karya kreatif beliau, HAMKA mengemukakan hujah-hujah betapa faham kebendaan bukanlah unsur yang mantap dalam membina tamadun dan mengangkat martabat umat.

Dalam novel *Keadilan Ilahi*, HAMKA berhujah tentang bagaimana kebendaan tidak dapat dipertahankan sebagai alat untuk kesejahteraan kerana faham kebendaan mendorong perlumbaan yang tiada akhirnya. Adnan yang tunangnya dirampas dengan wang, berhujah:

Perkahwinan gampang kalau wang ada, bukankah Syamsiah dirampas orang dengan wang pula dari kita?

(HAMKA, 1985: 61)

Terdapat hujah-hujah HAMKA yang panjang tentang buruknya kemaruk kebendaan. Bagi beliau, harta benda sering menipu dengan harapan dan janji palsu tentang kebahagiaan. HAMKA menyeru kepada pembebasan daripada kemaruk kebendaan. Salah satu penghujahan HAMKA yang panjang tentang kerapuhan faham kebendaan dirakamkan beliau dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*:

Hayati! Kau tertipu. Kau terpedaya dengan mulut manis. Mereka telah menipumu dengan harta benda dan hawa nafsu. Bagi mereka cinta hanya dapat berdiri dengan patri harta dan hawa nafsu. Mereka telah salah menerangkan, mereka katakan bahawa hidup itu ialah buat makan dan buat minum saja, atau buat mengumpul-ngumpulkan baju yang baru, guntingnya yang indah dan paling moden. Mereka telah mengukur kehidupan dengan rumah yang cantik, gedung yang permai, villa yang indah. Mereka masukkan ke dalam fikiranmu kecintaan kepada perhiasan, kepada dokoh dan gelang. Bagi mereka, persuami-isterian itu ialah semata-mata harta.

(HAMKA, 2004b: 162-163)

Bagi orang yang berfaham kebendaan, perhubungan dengan orang lain hanyalah atas dasar kebendaan. Orang juga tidak ikhlas berhubungan dengannya. Matlamat akhir mereka ialah kebendaan, bukannya kemanusiaan dan perhubungan yang murni. Hal ini disentuh oleh HAMKA dalam novel *Tuan Direktur*:

Saya takut Fauzi, kalau sekiranya hanya wang yang engkau cari, anak! Pada hal beberapa perkara yang lebih mahal daripada wang engkau lupakan. Engkau lupakan budi, padahal di atasnyalah tegak kemanusiaanmu; engkau lupakan agama, padahal dengan itulah engkau berbahtera ke akhirat; engkau lupakan temanmu, padahal di dalam hidup ini engkau tak sanggup tegak sendiri. Sehingga kerana itu engkau hargakan harta lebih daripada harganya, ibarat barang harga serupiah engkau beli seringgit. Oleh sebab itu, kelak hanya wang yang mengelilingimu sahabat; agama, budi bahasa habis musnah. Kebanyakan orang kaya yang

begini hanya dikelilingi oleh tukang jilat, tukang puji, tukang sanjung. Ketika mereka memberi hormat menganggukkan kepala, yang diangguknya bukan wajahnya, tetapi dompetnya.

(HAMKA, 1979: 70)

Petikan dialog Pak Yasin di atas menggambarkan pembebasan daripada kemaruk kebendaan. Ia dihubungkan pula dengan kehidupan akhirat seperti frasa “berbahtera ke akhirat”. Hal ini selaras dengan apa yang digagaskan oleh Asghar Ali Engineer tentang pembebasan merangkumi dunia dan akhirat di dalam teori pembebasannya.

Kebahagiaan bagi HAMKA bukannya dengan kebendaan tetapi dengan kebahagiaan jiwa. Kebendaan tidak dapat membeli jiwa yang sejahtera. Novel *Keadilan Ilahi* turut membincangkan perkara ini dengan berkesan dan mengharukan. Hakikat ini diluahkan oleh Syamsiah dalam pertengkarnya dengan Sutan Marah Husin yang membawa kepada perceraian mereka:

Makan pasir dengan ketenteraman lebih saya sukai daripada memakan mas bercampur dedak.

(HAMKA, 1985: 73)

Bagi Syamsiah, apalah maknanya kebendaan tetapi jiwa tersiksa dan fizikal dizalimi. Memang Syamsiah dikahwinkan oleh keluarganya dengan Sutan Marah Husin kerana terpengaruh dengan kebendaan yang dimiliki oleh Sutan Marah Husin. Pertunangannya dengan Adnan diputuskan oleh keluarganya kerana terpengaruh dengan kekayaan Sutan Marah Husin. Keluarga Syamsiah mencari kemegahan melalui kekayaan Sutan Marah Husin. Mungkin inilah yang mendorong Syamsiah menyatakan:

Nyatalah bahawa kekayaan dan kemuliaan, keberuntungan dan kemegahan yang dicarinya dan dicari kaum kerabatnya itu hanya bayang-bayang belaka, berupa, tetapi tak dapat dipegang.
(HAMKA, 1985: 81)

HAMKA tidak menolak kebendaan secara mutlak. Bagi beliau, kebendaan hanyalah diperlukan sekadar untuk memenuhi keperluan hidup. Mereka yang taasub kepada kebendaan akan menjejaskan maruah diri mereka sendiri. Nasihat Pak Yasin dalam novel *Tuan Direktur* menjelaskan hal tersebut:

Fauzi, anaku!...engkau boleh mencari kekayaan, bahkan wajib mencari kekayaan. Kekayaan menurut maknanya yang hakiki, bukan menurut makna yang biasa dipakai orang kekayaan kerana ia untuk peningkat kaya sebab itu mereka berlumba mengumpul harta. Faham itu menurut bapa yang bodoh ini salah sekali. Tahukah engkau bahawa orang yang paling miskin ialah orang yang banyak harta. Apakah sebabnya begitu, bapa? Sebab orang yang loba kepada harta itu kerap kali lupa akan kehormatan dirinya, lupa akan keutamaan bahkan tidak peduli. Muka mereka menjadi tebal, hati mereka kesat bagai batu, tidak ada merasa kesenangan, sebab hati tidak merasa puas.
(HAMKA, 1979: 69)

4.4.1 Fokus Kemaruk Kebendaan dalam Karya Kreatif HAMKA

Bagi memantapkan kajian tentang persoalan kemaruk kebendaan dalam karya kreatif HAMKA, usaha dilakukan untuk mengetahui kekerapan perkataan berkaitan dengan kemaruk kebendaan digunakan dalam teks. Dapatanannya akan menunjukkan sebanyak mana perkataan-perkataan tersebut digunakan.

Untuk tujuan mencari kekerapan, perisian *Antconc* digunakan. Semua teks dalam karya kreatif HAMKA ditaip semula dan dipindahkan ke dalam perisian *Antconc* tersebut. Perisian *Antconc* digunakan dengan meluas di seluruh dunia oleh para pengkaji yang


menggunakan teknik Analisis Kandungan (*Content Analysis*) dan linguistik dalam kajian mereka.

Tiga perkataan dikenal pasti bagi mewakili konsep pembebasan daripada kemaruk kebendaan dalam karya kreatif HAMKA. Perkataan-perkataan tersebut ialah “kaya”, “harta” dan “benda”. Selepas dioperasikan dalam perisian *Antconc*, kekerapan perkataan-perkataan tersebut muncul dalam novel dan cerpen HAMKA ditunjukkan dengan jelas dalam jadual 4.3.

Jadual 4.3 Kekerapan Perkataan berkaitan Kemaruk Kebendaan dalam Teks

Bil	Karya Kreatif	Kekerapan Perkataan “kaya”	Kekerapan Perkataan “harta”	Kekerapan Perkataan “benda”	Jumlah	Peratus (%)
1	<i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck (TKVDW)</i>	12	40	16	68	24.2
2	<i>Merantau ke Deli (MKD)</i>	11	27	12	50	17.8
3	<i>Tuan Direktur (TD)</i>	27	18	4	49	17.4
4	<i>Keadilan Ilahi (KI)</i>	16	14	5	35	12.5
5	<i>Menunggu Bedok Berbunyi (MBB)</i>	7	13	15	35	12.5
6	<i>Di Dalam Lembah Kehidupan (DDLK)</i>	15	9	4	28	9.9
7	<i>Di Bawah Lindungan Kaabah (DBLK)</i>	5	2	2	9	3.2
8	<i>Terusir</i>	1	2	1	4	1.4
9	<i>Cermin Penghidupan (CP)</i>	2	1	0	3	1.1
Jumlah		96	126	59	281	100

Jadual 4.3. menunjukkan kekerapan perkataan berkaitan dengan kemaruk kebendaan yang terdapat dalam semua sembilan karya kreatif HAMKA. Sembilan karya kreatif tersebut adalah enam novel dan tiga antologi cerpen. Tiga perkataan yang dikenal pasti mewakili kemaruk kebendaan ialah “kaya”, “harta” dan “benda”. Jadual 4.3 dirumuskan pula dalam Rajah 4.3.



Rajah 4.3 Kekerapan Perkataan berkaitan Kemaruk Kebendaan dalam Teks

Rajah 4.3 merumuskan peratusan kandungan setiap karya kreatif HAMKA yang mengandungi perkataan yang berkaitan dengan kemaruk kebendaan. Berdasarkan peratusan yang diperolehi, adalah didapati bahawa novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* mengandungi perkataan berkaitan kemaruk kebendaan yang paling tinggi iaitu sebanyak 24.2%. Antologi cerpen *Cermin Penghidupan* pula menunjukkan peratusan paling rendah iaitu sebanyak 1.1%.

Pembebasan daripada kemaruk kebendaan yang diperjuangkan oleh HAMKA akan memungkinkan pembinaan masyarakat yang sejahtera dan bermaruah. Perhubungan sesama manusia akan dapat diikhhlaskan dan berlangsung dalam suasana kasih sayang yang sejati. Kebendaan sepatutnya hanyalah dijadikan sebagai keperluan bagi melicinkan urusan perjalanan hidup seharian dan bukannya matlamat dan penentu kebahagiaan.

Kandungan pembebasan pemikiran daripada kemaruk kebendaan yang dikemukakan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau menepati semua empat gagasan dalam Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer. Ia mengandungi gagasan bahawa pembebasan merangkumi persoalan dunia dan akhirat, bersifat anti kemapanan, pembebasan golongan terpinggir dan dalam perjuangan pembebasan, takdir dan usaha adalah saling melengkapi.

4.5 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan tentang pembebasan pemikiran yang terdapat dalam karya kreatif HAMKA. Perbincangan telah dibahagikan kepada tiga bentuk pembebasan pemikiran yang diperjuangkan oleh HAMKA. Tiga bentuk pembebasan pemikiran itu adalah pembebasan daripada taklid buta, pembebasan daripada hawa nafsu dan pembebasan daripada kemaruk kebendaan.

Sesungguhnya perjuangan pembebasan pemikiran banyak terkandung dalam karya kreatif HAMKA. Pengolahan yang telah diusahakan HAMKA dalam karya kreatif beliau memberikan penekanan tentang perlunya usaha pembebasan pemikiran bagi melahirkan pemikiran yang merdeka, rasional dan matang.

BAB LIMA

PEMBEBASAN SOSIAL

5.1 Pendahuluan

Bab ini akan membicarakan tentang aspek pembebasan sosial yang dikemukakan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau. Sebagai pendidik dan pejuang sosial, HAMKA mengabadikan perjuangan pembebasan sosial sebagai dimensi perjuangan beliau yang diterapkan dengan berkesan melalui novel dan cerpen.

Karya kreatif HAMKA mengandung banyak nilai pembebasan sosial. Karya yang memaparkan nilai pembebasan sosial yang tinggi adalah novel-novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Merantau ke Deli*, *Keadilan Ilahi*, *Tuan Direktur* dan *Di Bawah Lindungan Kaabah*. Cerpen-cerpen yang mengemukakan persoalan pembebasan sosial adalah “Dijemput Mamaknya” dalam antologi *Menunggu Bedok Berbunyi* dan “Pasar Malam” dalam antologi *Di Dalam Lembah Kehidupan*.

Novel dan cerpen HAMKA menampilkan, mengupas dan mengolah persoalan pembebasan sosial dengan tuntas. HAMKA memperihalkan tentang perjuangan pembebasan sosial yang perlu diberikan perhatian dalam masyarakat. Aspek pembebasan sosial yang penting ialah tentang penegakan keadilan (Engineer, 1999: 7, 33, 52, 57-72; Siddiq, 2003: 37-41, 91-98), pembebasan daripada adat Minangkabau (Mustafa, 1992: 93-94; Umar, 1984: 229-248; HAMKA, 2006a: 4; Engineer, 1999: 47) dan perjuangan

membebasakan golongan terpinggir (Engineer, 1999: 91; Siddiq, 2003: 37-41; Mustafa: 1992: 189).

5.2 Penegakan Keadilan

Perjuangan pembebasan sosial sangat berkait dengan persoalan penegakan keadilan (Engineer, 1999: 7, 33, 52, 57-72; Siddiq, 2003: 37-41, 91-98). Tidak tercapai pembebasan sosial sekiranya ia gagal untuk menegakkan keadilan meliputi semua elemen dalam masyarakat.

Keadilan bukan sekadar berada pada kedudukan yang tinggi dalam Islam, bahkan ia menjadi teras ajaran Islam dalam al-Quran. Ketika ditanya tentang rumusan dan tema utama al-Quran, Nabi Muhammad SAW telah membacakan ayat suci dalam surah an-Nahl (Siddiq, 2003: 92) yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini) supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.

(an-Nahl 16: 90)

HAMKA dalam *Tafsir al-Azhar* ketika mentafsirkan ayat 90 dalam surah an-Nahl ini mentakrifkan keadilan sebagai memberikan pertimbangan yang sama berat, membenarkan yang benar, menyalahkan yang salah, memberikan hak kepada yang berhak dan tidak berlaku zalim. Beliau juga menjelaskan tentang lawan kepada adil iaitu zalim. Kezaliman berlaku apabila kebenaran dikhianati dan kesalahan dipertahankan.

Bagi HAMKA, kezaliman berlaku kerana kepentingan diri untuk mencari keuntungan bagi diri, keluarga dan kroni (HAMKA, 1983: 283).

Di dalam al-Quran, keadilan berasal daripada perkataan *al-adl* dan *al-qist*. Kedua-dua perkataan ini mendukung maksud keadilan. *Al-adl* bermaksud penyamarataan dan kesamaan manakala *al-qist* pula membawa maksud pengagihan, kewajaran dan kejujuran (Engineer, 1999: 59).

Keadilan sering dikaitkan dengan hak individu dan hak masyarakat. Kaitan keadilan dengan hak bermaksud memberikan hak kepada individu dan masyarakat dengan adil. Keadilan dalam kaitannya dengan hak boleh difahami sebagai memberikan hak kepada mereka yang berhak dan meletakkan sesuatu kena pada tempatnya. Dalam hubungan ini, Hashim Kamali telah memberikan takrifan keadilan sebagai:

...placing something in its rightful place, the place where it belongs. It signifies a sense of moral rectitude in that things should be where they ought to be.

(Siddiq, 2003: 91)

Islam telah memartabatkan keadilan pada suatu tempat yang tinggi dan utama. Ia dikaitkan dengan takwa yang merupakan kemuncak daripada ketaatan dan pengabdian hamba kepada pencipta(*khaliq*)nya. Hakikat ini dijelaskan melalui firman Allah SWT dalam kitab suci al-Quran yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa Dan

bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.
(al-Maa'idah 5: 8)

Oleh kerana keadilan menempati posisi yang tinggi dalam Islam, ia juga digandingkan dengan kebenaran sebagai dua nilai utama dalam ajaran Islam. Orang yang benar adalah orang yang adil dan demikianlah sebaliknya. Gandingan kebenaran dan keadilan ini ditegaskan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan telah sempurnalah kalimah Tuhanmu (al-Quran, meliputi hukum-hukum dan janji-janjiNya) dengan benar dan adil; tiada sesiapa yang dapat mengubah sesuatupun dari kalimah-kalimahNya dan Dialah yang sentiasa Mendengar lagi sentiasa Mengetahui.

(al-An'aam 6: 115)

Pelbagai kemelut dan konflik berlaku dalam hubungan manusia akibat ketidakadilan. Ia melibatkan semua peringkat interaksi; antara individu dengan individu, suami dengan isteri, dalam keluarga, sesama jiran, di tempat kerja, dalam masyarakat, antara rakyat sesebuah negara dan juga dalam perhubungan antarabangsa. Ketidakadilan akan menyebabkan persengketaan dan huru-hara.

Menelusuri sejarah Rasulullah SAW memperlihatkan betapa baginda memberikan penegasan yang sangat kuat dan serius terhadap persoalan keadilan. Terdapat kisah bagaimana seorang wanita bangsawan bernama Fatimah al-Makhzumiah telah mencuri emas daripada baitulmal. Kabilahnya melalui anak angkat Rasulullah SAW yang bernama Zaid bin Harithah telah cuba mempengaruhi Rasulullah SAW supaya tidak mengenakan sebarang tindakan kepada wanita itu (Siddiq, 2003: 95). Lantas Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Sungguh, umat sebelum kamu hancur kerana hukum mereka hanya dijalankan terhadap rakyat jelata yang berbuat salah, namun hukum mereka tidak menyentuh golongan terhormat. Demi Dzat yang jiwaku ada dalam genggamannya, jika Fatimah melanggar hukum (mencuri) tentu aku akan memotong tangannya.

(Hadis Riwayat al-Bukhari, 2012: 699)

Hadis di atas menegaskan tentang tanggungjawab umat untuk meratakan keadilan kepada semua. Ketidakadilan sering berlaku kerana sikap pilih kasih terhadap orang besar yang dilepaskan apabila melakukan kesalahan dan penyelewengan. Orang besar sering dipandang tinggi dan dianggap kuat (al-Asqalani, 2009: 99). Sikap yang mendiskriminasikan umat ini akan membawa kebinasaan dan kehancuran.

Kepentingan keadilan dalam kehidupan manusia membawa kepada konsep keadilan sosial (*al-adalah al-ijtima`iyah*). Gagasan ini sangat penting dalam kehidupan umat kerana penegakan keadilan akan menjamin keharmonian dan kesejahteraan. Manusia mesti diberikan haknya dengan adil. Hubungan sosial yang damai dan sejahtera hanya akan dapat dinikmati apabila keadilan ditegakkan.

HAMKA memperjuangkan pembebasan manusia daripada kezaliman kepada keadilan. Dalam karya kreatif beliau, HAMKA menegaskan kepentingan keadilan dalam menjamin kehidupan bermasyarakat yang sejahtera. Novel dan cerpen beliau sarat dengan nilai keadilan yang sangat penting dalam kehidupan manusia.

Bagi HAMKA, nilai keadilan berkait rapat dengan kebenaran. Sesuatu yang adil semestinya benar. Dalam novel *Terusir*, Sofyan; seorang peguam berusaha membela

seorang pelacur dan pembunuh atas nama keadilan dan kebenaran. Pelacur tersebut yang bernama Mariah terpaksa membunuh kerana menyelamatkan maruah dan bagi menghentikan perbuatan seorang lelaki yang kejam. Dalam pembelaannya, Sofyan berhujah:

Meskipun hari ini adalah hari permulaan pembelaan dengan mulut yang saya lakukan di hadapan hakim terhadap seseorang tertuduh, janganlah tuan kira bahawa pembelaan itu lebih daripada yang mestinya, sehingga keluar daripada kebenaran. Tetapi sikap pembelaan saya ialah mencari kebenaran walaupun di mana terletaknya saya kerana di atas kebenaran itulah dapat kita menegakkan hukum keadilan!

(HAMKA, 2007: 97)

Persoalan cinta turut dikaitkan oleh HAMKA dengan keadilan. Cinta yang mendasari karya kreatif beliau, digubah ke arah keadilan. Dalam novel *Di Bawah Lindungan Kaabah*, HAMKA mengangkat cinta sebagai suatu fenomena yang adil sifatnya kerana cinta tidak membeza-bezakan manusia:

Memang anak...cinta itu adil sifatnya, Allah telah mentakdirkan dia dalam keadilan, tidak memperbeza-bezakan antara raja dengan orang minta-minta, tiada menyisihkan orang kaya dengan orang miskin, orang mulia dengan orang hina, bahkan kadang-kadang tidak juga berbeza baginya antara bangsa dengan bangsa....

(HAMKA, 1986: 25-26)

HAMKA mengkritik ketidakadilan manusia kerana membeza-bezakan manusia berdasarkan kepada piawai tertentu seperti ukuran kekayaan dan keturunan. Tindakan membeza-bezakan manusia ini sengaja direka dan dicipta oleh manusia sendiri untuk menindas manusia lain. Begitulah juga dialog yang dituturkan oleh ibu kepada Hamid dalam novel *Di Bawah Lindungan Kaabah*:

Bahawa emas tak setara dengan loyang, sutera tak sebangsa dengan benang.

(HAMKA, 1986: 25)

HAMKA sebenarnya mengkritik amalan membeza-bezakan dan mendiskriminasi manusia. Hakikatnya jelas dalam tema, persoalan dan plot novel *Di Bawah Lindungan Kaabah*. Semua manusia mempunyai hak dan sifat diri yang sama. Walau bagaimanapun, golongan elit berusaha mempromosikan diskriminasi untuk kepentingan mereka. Perjuangan pembebasan yang anti kemapanan ini selaras dengan Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer.

Perbezaan antara emas dengan loyang dan sutera dengan benang seringkali digunakan oleh membentuk strata dan susun lapis dalam masyarakat. HAMKA menentanginya melalui kesan tragik percintaan Hamid dan Zainab yang dihalang sehingga diakhiri dengan kematian kedua-duanya. Mereka yang bertindak kejam itupun tidak memperoleh apa yang dihajati untuk mengahwinkan Zainab dengan bangsawan. Hamid dan Zainab adalah korban ketidakadilan dalam masyarakat.

Keadilan untuk wanita turut diberikan perhatian yang serius oleh HAMKA. Sebagai makhluk yang dalam banyak aspek dikira lemah secara relatif dengan lelaki, wanita seringkali dimangsakan oleh kekejaman lelaki. Lelaki durjana meletakkan semua kesalahan kepada wanita di samping secara salah menonjolkan kuasa yang digunakan secara sembrono.

Hakikat penindasan lelaki ke atas wanita ini ditunjukkan melalui tindakan Sutan Marah Husin dalam novel *Keadilan Ilahi*. Sutan Marah Husin selalu mendera Syamsiah.

Syamsiah dihina, dipukul, dimarahi dan dinafikan haknya sebagai isteri oleh Sutan Marah Husin. Syamsiah memprotes dalam diam:

Syamsiah hanya diam sahaja mendengar perkataan-perkataan itu, tidak dijawabnya sedikit jua. Suaminya berceritera, bahwa isteri-isterinya yang sudah diceraikannya ialah kerana tidak menurut perintahnya, pendeknya menurut perkataannya itu, semuanya salah perempuan, laki-laki tidak ada yang salah.

(HAMKA, 1985: 72)

Dalam petikan di atas, HAMKA mempertahankan keadilan untuk wanita dan pembebasan wanita daripada kezaliman. Kelebihan wanita diperlihatkan melalui kesabaran Syamsiah yang berdiam diri bagi mengelakkan keadaan yang lebih buruk menyimpannya akibat kemarahan Sutan Marah Husin. HAMKA juga menyindir lelaki yang menyangka dia sahaja yang betul melalui frasa, “semuanya salah perempuan, laki-laki tidak ada yang salah”.

HAMKA memperjuangkan keadilan untuk wanita sebagaimana keadilan juga perlu diberikan kepada lelaki. Wanita mempunyai hak untuk membuat keputusan bagi dirinya dan tidak sepatutnya dipaksa menurut apa sahaja keputusan orang lain. Dalam novel *Keadilan Ilahi*, apabila pihak Syamsiah memutuskan pertunangannya dengan Adnan dan kemudiannya memilih Sutan Marah Husin sebagai suami, Adnan berkata kepada ibunya:

Seorang perempuan, ibuku, merdeka menukar dan memilih yang baru, sebagaimana laki-laki pun bebas mencari yang lain.

(HAMKA, 1985: 62)

Bagi HAMKA, wanita adalah makhluk merdeka yang mempunyai maruah dan harga diri yang tersendiri. Sebagaimana lelaki, wanita berhak memilih pasangan hidupnya

sendiri. Hal ini penting ketika suasana masyarakat pada pertengahan abad ke-20 itu yang cenderung memaksa wanita berkahwin dengan orang yang ditentukan oleh keluarga tanpa mengambilkira keinginan wanita tersebut. Fenomena kahwin paksa mahu dibebaskan oleh HAMKA.

Sebagai komponen yang penting dalam masyarakat, golongan pekerja dan buruh mendapat simpati daripada HAMKA. Keadilan untuk mereka mesti diberi dan membebaskan mereka daripada kezaliman adalah suatu tanggungjawab. Dalam novel *Tuan Direktur*, nasib dan citra golongan pekerja diangkat dan diolah oleh HAMKA dengan berkesan.

Terdapat babak dalam novel tersebut yang mengisahkan peristiwa pemecatan pekerja bernama Fauzi oleh Jazuli yang juga dikenali sebagai Tuan Direktur. Jazuli dengan bongkak memecat Fauzi akibat hasutan orang yang dengki dan irihati. Fauzi yang terkejut dengan pemecatan tersebut, telah membalas pemecatan itu dengan berhujah kepada Jazuli:

Bukankah ketika perusahaan yang baru ini akan kita buka, kita sudah maklum bahawa setahun dua, menunggu masyhurnya hotel ini, kita akan menanggung kerugian dan perlu mengadakan reserve-kapital untuk penutup kerugian itu? Jika ternyata perusahaan ini belum maju, kita mesti berembuk bagaimana ikhtiar, supaya maju. Tetapi menyuruh saya mencari pekerjaan yang lain di waktu yang seperti ini, dengan tidak memberi waktu untuk berusaha lebih dahulu, saya kira bukanlah tuan timbang dengan sebaik-baiknya.

(HAMKA, 1979: 31)

Dalam keadaan biasa, pekerja yang dipecat akan berkemas dan pergi. Namun dalam kes pemecatan Fauzi, HAMKA memperlihatkan penentangan dan perjuangan untuk

mendapatkan keadilan. Hujah yang diberikan oleh Fauzi sangat tuntas dan ia menyebabkan Jazuli terpukul oleh tindakannya.

HAMKA juga mengenal pasti tindakan Jazuli memecat Fauzi sebagai perbuatan yang jahat dan tidak bermoral. Fauzi dipecat dengan angkuh oleh Jazuli. Tindakan pemecatan yang dilakukan dengan sewenang-wenangnya, tiada perikemanusiaan dan pada waktu yang tidak sesuai adalah perbuatan yang jahat dan terkutuk. Hal ini ditandai dengan kenyataan Fauzi:

Tetapi memberhentikan saya di waktu yang begini dengan terburu sekali, adalah tidak adil. Tidak ada keputusan yang paling busuk daripada ini.

(HAMKA, 1979: 31)

Tindakan Jazuli memberhentikan Fauzi adalah manifestasi sikap menindas oleh orang kaya terhadap orang miskin. Walau bagaimanapun, pada pengakhiran cerita dalam novel *Tuan Direktur* ini, Fauzi memperoleh kebahagiaan manakala hidup Jazuli sengsara. Cerita ini merupakan pembelaan terhadap golongan terpinggir yang menepati Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer.

Dalam konteks kenegaraan, HAMKA memperjuangkan pembebasan bangsa dan negara melalui konsep keadilan. Sebagai tokoh tersohor bukan sahaja pada peringkat nasional bahkan popular pada peringkat Nusantara dan Dunia Islam, persoalan bangsa dan negara turut mendapat perhatian HAMKA. Dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, melalui watak Zainuddin, HAMKA menyatakan harapannya tentang martabat bangsa dan negara:

...dan akan tercapai juga kemuliaan bangsaku, persatuan tanah airku. Hilang perasaan perbezaan dan kebencian dan tercapai keadilan dan bahagia.

(HAMKA, 2004b:285)

Kemuliaan sesuatu bangsa dan perpaduan negara bukanlah sesuatu yang muncul tanpa syarat. Ia adalah suatu harapan yang boleh dicapai melalui usaha melengkapkan bangsa dan negara itu dengan prinsip keadilan yang akan mewujudkan persamaan dan kasih sayang. Keadilan akan memadamkan kebencian. Justeru itu, menegakkan keadilan dan membebaskan diri daripada kezaliman akan memungkinkan terbentuknya sebuah bangsa dan negara yang bahagia.

HAMKA menerapkan balasan akibat daripada tindakan yang adil dan perbuatan yang zalim. Keadilan akan mendapat ganjaran kebahagiaan dan kesejahteraan manakala kezaliman akan dibalas dengan kesengsaraan dan kecelakaan. Dalam novel *Keadilan Ilahi*, Sutan Marah Husin yang zalim telah dibalas dengan tekanan hidup sehingga menyebabkannya hilang akal:

Tidak jadi dia mengadu ke balairong, melainkan berlari sepanjang jalan tak tentu arah. Rupanya jatuh perniagaannya, kemiskinan yang menyimpannya, isterinya meminta cerai dan kubur Syamsiah, semuanya itu tidak bertanggung lagi oleh fikirannya.

(HAMKA, 1985: 96)

Watak Sutan Marah Husin yang zalim itu dimatikan oleh HAMKA dalam keadaan hina; hilang akal, keseorangan, dihina oleh masyarakat dan mati sendirian di sungai. Bentuk pengakhiran kezaliman Sutan Marah Husin ditanggapi oleh HAMKA sebagai

pengakhiran yang adil atas segala penganiayaan yang dilakukannya terhadap orang lain khususnya kepada Syamsiah dan Adnan:

Itulah Keadaan Ilahi yang telah ditimpakan Tuhan kepada dirinya untuk melepaskan dendam kedua anak muda yang mati teraniaya itu!

(HAMKA, 1985: 96)

5.2.1 Fokus Keadilan dalam Karya Kreatif HAMKA

Bagi memantapkan kajian tentang persoalan keadilan dalam karya kreatif HAMKA, usaha dilakukan untuk mengetahui kekerapan perkataan berkaitan dengan keadilan digunakan dalam teks. Dapatannya akan membolehkan pengkaji mengetahui sebanyak mana perkataan yang mempunyai hubungan dengan keadilan digunakan dalam novel dan cerpen HAMKA.


Untuk tujuan mencari kekerapan, perisian *Antconc* digunakan. Semua teks dalam karya kreatif HAMKA ditaip semula dan dipindahkan ke dalam perisian *Antconc* tersebut. Perisian *Antconc* digunakan dengan meluas di seluruh dunia oleh para pengkaji yang menggunakan teknik Analisis Kandungan (*Content Analysis*) dan linguistik dalam kajian mereka.

Tiga perkataan telah dikenal pasti paling tepat bagi mewakili konsep keadilan dalam karya kreatif HAMKA iaitu perkataan “adil”, “saksama” dan “keadilan”. Selepas dioperasikan dalam perisian *Antconc*, kekerapan perkataan-perkataan tersebut muncul dalam novel dan cerpen HAMKA ditunjukkan dalam jadual 5.1.

Jadual 5.1 Kekerapan Perkataan berkaitan Keadilan dalam Teks

Bil	Karya Kreatif	Kekerapan Perkataan “adil”	Kekerapan Perkataan “saksama”	Kekerapan Perkataan “keadilan”	Jumlah	Peratus (%)
1	<i>Di Dalam Lembah Kehidupan (DDLK)</i>	3	2	5	10	25.6
2	<i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck (TKVDW)</i>	2	2	2	6	15.4
3	<i>Merantau ke Deli (MKD)</i>	2	1	2	5	12.7
4	<i>Di Bawah Lindungan Kaabah (DBLK)</i>	3	0	1	4	10.3
5	<i>Keadilan Ilahi (KI)</i>	1	0	3	4	10.3
6	<i>Tuan Direktur (TD)</i>	2	2	0	4	10.3
7	<i>Terusir</i>	2	1	1	4	10.3
8	<i>Menunggu Bedok Berbunyi (MBB)</i>	2	0	0	2	5.1
9	<i>Cermin Penghidupan (CP)</i>	0	0	0	0	0
Jumlah		17	8	14	39	100

Jadual 5.1 menunjukkan kekerapan perkataan berkaitan dengan akidah yang terdapat dalam semua sembilan karya kreatif HAMKA. Sembilan karya kreatif tersebut adalah enam novel dan tiga antologi cerpen. Tiga perkataan yang dikenal pasti mewakili konsep keadilan ialah perkataan “adil”, “saksama” dan “keadilan”. Jadual 5.1 dirumuskan pula dalam Rajah 5.1.



Rajah 5.1 Kekerapan Perkataan berkaitan Keadilan dalam Teks

Rajah 5.1 merumuskan peratusan kandungan setiap karya kreatif HAMKA yang mengandungi perkataan yang berkaitan dengan keadilan. Berdasarkan peratusan yang diperolehi, adalah didapati bahawa antologi cerpen *Di Dalam Lembah Kehidupan* mengandungi perkataan berkaitan keadilan yang paling tinggi iaitu sebanyak 25.6%. Antologi cerpen *Cermin Penghidupan* pula tidak mengandungi perkataan-perkataan tersebut iaitu 0%.

Kandungan pembebasan sosial melalui penegakan keadilan yang dikemukakan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau menepati semua empat gagasan dalam Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer. Ia mengandung gagasan bahwa pembebasan merangkumi persoalan dunia dan akhirat, bersifat anti kemapanan, pembebasan golongan terpinggir dan dalam perjuangan pembebasan, takdir dan usaha adalah saling melengkapi. Penegakan keadilan menonjolkan kekuatan seimbang dalam gagasan Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer.

Melalui karya kreatif beliau, HAMKA telah memperjuangkan pembebasan daripada kezaliman dan penganiayaan dengan keyakinan bahawa keadilan adalah elemen penting dalam membina individu dan masyarakat yang sejahtera. Masyarakat yang adil adalah masyarakat yang menghargai maruah dan martabat manusia.

5.3 Pembebasan daripada Adat Minangkabau

Perjuangan pembebasan dalam dimensi sosial semestinya merangkumi usaha melepaskan diri daripada adat dan budaya yang mengongkong (Engineer, 1999: 47). Dalam konteks HAMKA dengan latar belakang Minangkabau, perjuangan pembebasan daripada adat Minangkabau tentulah sangat relevan dengan beliau (Mustafa, 1992: 93-94; Umar, 1984: 229-248; HAMKA, 2006a: 4).

Pandangan kesukuan telah lama wujud dalam sejarah manusia. Sebagai contoh, masyarakat Arab merupakan masyarakat yang sangat terkongkong dengan faham kesukuan dan kekabilahan. Urusan hidup seharian dilakukan berasaskan adat kesukuan

yang membawa kepada sikap fanatik. Mereka rela berkorban apa sahaja dan rela terkorban atas nama suku. Namun Islam dengan misi pembebasannya telah merubah faham kesukuan itu melalui ayat al-Quran yang bermaksud:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam pengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).
(al-Hujuraat 49: 13)

Tindakan Rasulullah SAW dalam sejarah dakwah baginda memperlihatkan penolakan kepada faham puak dan suku. Pelantikan Bilal Ibn Rabbah, seorang budak hitam dari Habsyah sebagai muazzin merupakan lambang persamaan manusia. Penghormatan seperti ini didambakan oleh manusia yang bebas. Tidak hairanlah selepas kewafatan Rasulullah SAW, kumpulan orang Arab membentuk apa yang dinyatakan oleh Asghar Ali Engineer (1999: 47) sebagai “masyarakat Bilal” (*Bilalian society*) iaitu masyarakat yang memperjuangkan persamaan.

Adat Minangkabau memberikan perhatian yang lebih kepada kaum wanita berbanding lelaki. Hal ini lebih ketara dalam soal pewarisan harta. Demikian juga keturunan dikira mengikut jalur wanita, bukan lelaki. Bapa saudara sebelah ibu lebih berkuasa berbanding bapanya sendiri. Hal ini disampaikan oleh HAMKA dalam novel *Merantau ke Deli*:

...menurut adat kuno di kampong kami, di antara anak dengan ayahnya itu tidaklah terikat di dalam satu suku. Sebab itu, mamaknya lebih kuasa kepadanya daripada ayahnya sendiri.
(HAMKA, 2004a: 152-153)

Petikan di atas menunjukkan betapa HAMKA mengkritik adat Minangkabau yang mengeneipkan peranan bapa dalam keluarga. Perhatikan bagaimana HAMKA menggunakan istilah “adat kuno” bagi menggambarkan adat Minangkabau yang sudah lama diamalkan namun sudah ketinggalan. Hal ini bertepatan dengan gagasan anti kemapanan dalam Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer.

Adat Minangkabau adalah suatu peraturan budaya yang mengeneipkan pengaruh orang lelaki. Lebih malang ialah realiti bahawa orang lelaki bukan sahaja dinafikan hak dan peranan bahkan hidup menderita dan tersiksa. HAMKA dalam huraian panjang-lebar tentang adat Minangkabau dalam buku *Islam & Adat Minangkabau* antara lain telah menulis:

...segala penderitaan yang menimpa diri kaum laki-laki di Minangkabau, kerana tidak adanya hak peribadi, kian lama kian terasa. Bahkan ninik-mamak yang kuat mempertahankan susunan adat matriaarchaat itu sendiri merasa juga kemegahan di waktu muda dan kesengsaraan di hari tua. Di waktu muda menjadi orang jempunan, setelah tua tercampak ke surau buruk, kerana tidak ada rumah tangga, tempat kedamaian bersama anak dan isteri.

(HAMKA, 2006a: 4)

Dalam adat Minangkabau, lelaki dinafikan harta, kuasa dan penghormatan sebagai anak lelaki, suami dan bapa. Selepas tinggal di rumah ibunya sehingga dia berusia 6 tahun, anak lelaki mesti keluar dari rumah dan tidur di surau. Apabila beristeri dia tinggal di rumah isterinya tanpa kuasa seorang suami. Sekiranya berlaku perceraian, dialah yang perlu keluar dari rumah itu.

Bagi seorang bapa, anak-anak bukan dihubungkan keturunannya kerana anak-anak dihubungkan keturunan dengan ibunya. Apabila seorang lelaki sudah tua maka dia tercampak ke surau dan tidak boleh menumpang anak-anaknya kerana anak itu berlainan suku dengannya (HAMKA, 2006a: 47). Lelaki itu menghabiskan hari tuanya dengan kesengsaraan lantaran terikat dengan adat.

Keutamaan yang diberikan kepada wanita ditambah lagi dengan kemaruk kebendaan telah menjadikan wanita bersifat materialistik. Apa yang dipentingkan dalam kehidupan adalah pemilikan harta sehingga kebahagiaan diukur dengan lambakan harta yang dipunyai oleh seseorang. Hal ini dikritik oleh HAMKA seperti dialog Poniem, wanita Jawa kepada Mariatun, wanita Minang dalam novel *Merantau ke Deli*:

Ya begitulah perempuan orang Padang mata duitan.
(HAMKA, 2004a:111)

Walaupun wanita Minang mendapat keutamaan dalam hal tertentu, namun mereka sering dikongkong oleh adat. Karya kreatif HAMKA mendedahkan kongkongan dan belunggu yang dihadapi oleh wanita. Dalam novel *Di Bawah Lindungan Kaabah*, Zainab dikongkong oleh adat:

Setelah tamat dari Mulo, menurut adat, Zainab masuk dalam pingitan, ia tidak akan dapat keluar lagi kalau tidak ada satu keperluan yang sangat penting, ini pun harus ditemani oleh ibu atau orang kepercayaan, sampai datang masanya bersuami kelak.

(HAMKA, 1986: 16)

Menurut HAMKA, wanita mendapat pendidikan ala kadar biarpun mempunyai kebolehan dan kecerdikan. Mereka terkurung di rumah sehingga mereka berkahwin.

Dalam banyak situasi, perkahwinan itupun berlangsung secara paksa tanpa wanita mendapat hak mereka untuk memilih. Tragedi seperti ini telah menyebabkan kesedihan yang amat sangat kepada wanita:

Yang berasa sedih sangat, adalah anak-anak perempuan yang akan masuk pingitan (terkurung di rumah saja) tamat sekolah bagi mereka ertinya suatu sangkar yang telah sedia buat seekor burung yang bebas terbang.

(HAMKA, 1986: 18)

Wanita diibaratkan sebagai burung yang sifatnya ingin terbang bebas meneroka angkasa luas yang indah dan penuh rahsia. Mereka juga adalah sebahagian dari alam. Malangnya, mereka dikurung di dalam sangkar dan sangkar ini sifatnya tetap memenjarakan walaupun ia diperbuat daripada emas.

Dalam adat Minangkabau, walaupun dalam hal tertentu wanita seperti mendapat kelebihan, hakikatnya mereka adalah pihak yang terpaksa mengalah dan menurut apa sahaja yang dipaksakan ke atas mereka. Keluhan ini diluahkan oleh HAMKA melalui watak Syamsiah dalam novel *Keadilan Ilahi*:

Syamsiah hanya akan menurut sahaja, menurut dan sekali lagi menurut.

(HAMKA, 1985: 10)

Adat Minangkabau memberikan perhatian yang sangat penting kepada aspek keturunan seseorang. Peranan dan pengaruh bapa saudara terhadap anak saudara amat dititikberatkan. Kemuliaan seseorang bergantung kepada keturunan dan setiap urusan perlu dimohon kepada keluarga dan merekalah yang membuat urusan. Penegasan

tentang kepentingan keturunan telah dibuat oleh datuk Hayati kepada Zainuddin dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*:

Harus hal itu saya tanyai, kerana di dalam adat kami di Minangkabau ini, kemenakan di bawah lindungan mamak. Hayati orang bersuku berhindu berkaum kerabat, dia bukan sembarang orang.

(HAMKA, 2004b: 66)

Cerpen “Dijemput Mamaknya” dalam antologi *Menunggu Bedok Berbunyi* (HAMKA, 1967: 1-38) mengisahkan tentang pengaruh keturunan khususnya bapa saudara dalam adat Minangkabau. Pengaruh keluarga perempuan begitu besar sehingga boleh menentukan perjalanan sesebuah rumah tangga.

Cerpen ini mengisahkan tentang Musa yang membanting tulang berniaga secara kecil-kecilan menjual kain kasor (kain tilam) di Medan. Isterinya telah dirampas darinya dan dibawa balik ke kampung oleh mamak (bapa saudara) isterinya itu. Hal ini berlaku kerana kemiskinan dan kepayahan hidup Musa.

Pengaruh keturunan sangat besar dalam adat Minangkabau. Soal kasih sayang pun dikawal dan ditentukan oleh keluarga dan keturunan. Orang yang berada di luar keturunan tidak berhak mendapat kasih sayang atau kasih sayang diberikan kepadanya secara berhati-hati. Dalam novel *Terusir*, Sofyan memperihalkan hal ini dengan kata-katanya:

Adat kami di pulau Sumatera sanapun demikian juga, kasih seorang lelaki kepada isterinya, benci mertuanya.

(HAMKA, 2007: 99)

Golongan bangsawan mendapat tempat yang istimewa dalam adat Minangkabau. Mereka diberi kemuliaan oleh masyarakat lantaran latar belakang kebangsawanan mereka. Bersama kebangsawanan tersebut, datang pula kekayaan dan kemewahan hidup. Apa yang dilakukan oleh mereka disucikan dan dianggap benar.

Orang biasa tidak layak berdampingan dengan golongan bangsawan. Mereka seharusnya sadar diri dan tidak cuba mengadakan perhubungan dengan golongan yang dimuliakan itu. Apatah lagi hubungan cinta yang akan menyebabkan perubahan kerangka sosial masyarakat Minangkabau itu. Monolog Zainuddin dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* menyedarkan dirinya tentang statusnya dalam persekitaran adat Minangkabau itu:

Dia teringat dirinya, tak bersuku, tak berhindu, anak orang terbuang, dan tak dipandang sah dalam adat Minangkabau. Sedang Hayati seorang anak bangsawan, turunan penghulu-penghulu....

(HAMKA, 2004b: 68)

HAMKA telah mengkritik budaya kebangsawanan dalam adat Minangkabau. Bagi HAMKA, budaya itu terarah kepada kepentingan diri dan wang dengan mengorbankan nilai yang luhur dan mulia. Melalui watak Poniem dalam novel *Merantau ke Deli*, HAMKA menyalurkan kritiknya:

Nenek-mamak orang Padang hanyalah wang, kau tahu? Adat!? Sedikit-sedikit kami beradat. Sombong! Apakah engkau kira kami yang bukan orang Padang tidak beradat? Ya, itulah macam adat. Kalau kelihatan orang kaya yang mampu dan senang hidupnya dengan isterinya, semuanya hendak merampasnya menjadi suami. Itulah adat Padang...Cis! Tak usahlah Upik, dan tak usahlah kau lihatkan adat Padang kepadaku, aku sudah tahu semuanya.

(HAMKA, 2004a: 112)

HAMKA mengajak kepada pembebasan daripada unsur-unsur yang melemahkan yang terdapat dalam adat Minangkabau. Selain daripada itu, beliau juga menyeru kepada budaya toleransi. Sikap menghormati dan menghargai adat dan budaya orang lain perlu dihayati dalam kalangan masyarakat. Dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, HAMKA menyarankan:

Tak baik kita mencela orang lain, kerana tiap-tiap negeri berdiri
dengan adatnya, walaupun apa bangsanya dan di mana negerinya.
(HAMKA, 2004b: 140-141)

Sikap pengamal adat Minangkabau yang berbangga dengan adatnya dan pada waktu yang sama menghina adat-adat orang lain ditempelak oleh HAMKA. Mereka terperangkap dalam kesombongan sendiri. HAMKA berusaha merombak adat Minangkabau ini melalui karya kreatif beliau. Perjuangan ini bertujuan merubah status quo dan bersifat anti kemapanan. Hal ini selaras dengan gagasan anti kemapanan dalam Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer.

5.3.1 Fokus Adat Minangkabau dalam Karya Kreatif HAMKA

Bagi memantapkan kajian tentang persoalan adat Minangkabau dalam karya kreatif HAMKA, usaha dilakukan untuk mengetahui kekerapan perkataan berkaitan dengan adat Minangkabau digunakan dalam teks. Dapatannya akan memanfaatkan pengetahuan tentang sebanyak mana perkataan yang mempunyai hubungan dengan adat Minangkabau terdapat dalam karya kreatif HAMKA.

Untuk tujuan mencari kekerapan, perisian *Antconc* digunakan. Semua teks dalam karya kreatif HAMKA ditaip semula dan dipindahkan ke dalam perisian *Antconc* tersebut.


Perisian *Antconc* digunakan dengan meluas di seluruh dunia oleh para pengkaji yang menggunakan teknik Analisis Kandungan (*Content Analysis*) dan linguistik dalam kajian mereka.

Dua perkataan dikenal pasti bagi mewakili adat Minangkabau dalam karya kreatif HAMKA. Perkataan-perkataan tersebut ialah “adat” dan “Minangkabau”. Selepas dioperasikan dalam perisian *Antconc*, kekerapan perkataan-perkataan tersebut muncul dalam novel dan cerpen HAMKA ditunjukkan dalam jadual 5.2.

Jadual 5.2 Kekerapan Perkataan berkaitan Adat Minangkabau dalam Teks

Bil	Karya Kreatif	Kekerapan Perkataan “adat”	Kekerapan Perkataan “Minangkabau”	Jumlah	Peratus (%)
1	<i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck (TKVDW)</i>	62	52	114	41.1
2	<i>Merantau ke Deli (MKD)</i>	39	20	59	21.3
3	<i>Menunggu Bedok Berbunyi (MBB)</i>	25	12	37	13.3
4	<i>Keadilan Ilahi (KI)</i>	28	6	34	12.3
5	<i>Di Dalam Lembah Kehidupan (DDLK)</i>	21	3	24	8.7
6	<i>Terusir</i>	5	0	5	1.8
7	<i>Di Bawah Lindungan Kaabah (DBLK)</i>	3	0	3	1.1
8	<i>Cermin Penghidupan (CP)</i>	1	0	1	0.4
9	<i>Tuan Direktur (TD)</i>	0	0	0	0
Jumlah		184	93	277	100

Jadual 5.2 menunjukkan kekerapan perkataan berkaitan dengan adat Minangkabau yang terdapat dalam semua sembilan karya kreatif HAMKA. Sembilan karya kreatif tersebut adalah enam novel dan tiga antologi cerpen. Dua perkataan yang dikenal pasti mewakili adat Minangkabau ialah “adat” dan “Minangkabau”. Jadual 5.2 dirumuskan pula dalam Rajah 5.2.



Rajah 5.2 Kekerapan Perkataan berkaitan Adat Minangkabau dalam Teks

Rajah 5.2 merumuskan peratusan kandungan setiap karya kreatif HAMKA yang mengandungi perkataan yang berkaitan dengan adat Minangkabau. Berdasarkan peratusan yang diperolehi, adalah didapati bahawa novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* mengandungi perkataan berkaitan adat Minangkabau yang paling tinggi iaitu sebanyak 41.1%. Novel *Tuan Direktur* pula menunjukkan bahawa tiada perkataan-perkataan tersebut iaitu 0%.

Kandungan pembebasan sosial melibatkan pembebasan daripada adat Minangkabau yang dikemukakan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau menepati semua empat gagasan dalam Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer. Ia mengandungi gagasan bahawa pembebasan merangkumi persoalan dunia dan akhirat, bersifat anti kemapanan, pembebasan golongan terpinggir dan dalam perjuangan pembebasan, takdir dan usaha adalah saling melengkapi.

5.4 Pembebasan Golongan Terpinggir

Perjuangan pembebasan sosial melibatkan usaha pembelaan terhadap golongan terpinggir dalam masyarakat (Engineer, 1999: 91; Siddiq, 2003: 37-41; Mustafa, 1992: 189). Mereka perlu diberikan hak yang wajar mereka peroleh sebagai warga yang sah dalam sesebuah masyarakat.

Golongan terpinggir merupakan mereka yang tercicir daripada arus perdana pembangunan dan semestinya memerlukan pembelaan. Mereka ini dicengkam kelemahan dan tergolong dalam kelompok seperti orang miskin, fakir, anak yatim, gelandangan, pengemis, penganggur, ibu tunggal dan janda.

Dalam bahasa yang khusus, golongan terpinggir dikenali sebagai *mustadh'afin* dan *dhu'afa*. Walaupun secara umum mereka dikira orang yang lemah, namun terdapat perbezaan pengertian yang khusus. *Dhu'afa* difahami sebagai orang lemah manakala *mustadh'afin* diertikan sebagai golongan yang dilemahkan atau mereka yang tertindas

(Azizi, 2011: 11). Apapun, mereka ini terpinggir dalam masyarakat dan hidup dalam serba kekurangan.

Apakah yang menyebabkan munculnya golongan terpinggir? Adakah mereka ini malas berusaha dan menyerah diri kepada persekitaran? Persoalan menarik tentang golongan terpinggir telah pernah dikemukakan oleh S.M. Mohamed Idris, Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (Azizi, 2011: 5). Bagi beliau, golongan terpinggir ini tidak malas, tetapi sistem yang ada tidak mengizinkan dan tidak membantu mereka menikmati hidup yang selesa.

Lantas timbul persoalan tentang perlunya perjuangan membebaskan mereka yang terpinggir daripada sistem hidup yang menindas mereka. Usaha membebaskan mereka daripada belenggu persekitaran yang zalim merupakan perjuangan yang dituntut dalam Islam. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam firmanNya yang bermaksud:

Dan apakah yang menghalang kamu (maka kamu) tidak mahu berperang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam) dan (untuk menyelamatkan) orang-orang yang tertindas dari kaum lelaki, perempuan dan kanak-kanak, iaitu mereka yang selalu (berdoa dengan) berkata: “Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri (Mekah) ini, yang penduduknya (kaum kafir musyrik) yang zalim, dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang mengawal (keselamatan agama kami), dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang membela kami (dari ancaman musuh).”

(an-Nisaa’ 4: 75)

Golongan terpinggir mempunyai kedudukan yang penting dalam Islam. Mereka adalah sebahagian daripada masyarakat. Kepentingan golongan terpinggir dalam Islam

dimanifestasikan apabila Nabi Muhammad SAW sendiri pernah ditegur oleh Allah SWT kerana berasa terganggu untuk melayani kehendak mereka.

Ketika tempoh dakwah di Mekah, penganut Islam disiksa dan mendapat layanan yang buruk daripada kaum Quraish. Nabi Muhammad SAW berusaha meredakan tekanan melalui usaha strategik baginda mendapatkan sokongan dan perlindungan daripada ketua-ketua kaum yang berpengaruh di Mekah pada ketika itu.

Pada suatu hari, Nabi Muhammad SAW ingin mendekati Walid, pemimpin kaum Makhzum bagi mendapatkan sokongan. Ketika itu juga seorang tua yang buta dan miskin menghalang hajat baginda. Orang tua yang sudah memeluk Islam itu meminta Nabi Muhammad SAW mengajarkannya beberapa ayat al-Quran. Walaupun masih melayani orang tua itu, Nabi Muhammad SAW berasa terganggu kerana hasrat untuk berjumpa Walid tidak kesampaian. Lantas Allah SWT menegur Nabi Muhammad SAW (Ramadan, 2013: 76-77). Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Dia memasamkan muka dan berpaling kerana dia didatangi orang buta. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui (tujuannya wahai Muhammad)? Barangkali dia mahu membersihkan hatinya (dengan pelajaran agama yang didapatinya daripadamu). Ataupun dia mahu mendapat peringatan, supaya peringatan itu memberi manfaat kepadanya. Adapun orang yang merasa keadaannya telah cukup, tidak berhajat lagi (kepada ajaran al-Quran). maka engkau bersungguh-sungguh melayaninya. Padahal engkau tidak bersalah kalau dia tidak mahu membersihkan dirinya (dari keingkarannya). Adapun orang yang segera datang kepadamu dengan perasaan takutnya (melanggar perintah-perintah Allah) maka engkau berlengah-lengah melayaninya. Janganlah melakukan lagi yang sedemikian itu! Sebenarnya ayat-ayat al-Quran adalah pengajaran dan peringatan (yang mencukupi). Maka sesiapa yang mahukan kebaikan dirinya, dapatlah ia mengambil peringatan daripadanya.

(Abasa 80: 1-12)

Saidina Abu Bakar as-Siddiq r.a. dalam pidato pertamanya selepas dilantik menjadi khalifah menggantikan Rasulullah SAW menyatakan keazaman baginda untuk mendukung kebenaran dan menjauhi pembohongan. Baginda dengan rendah diri dan bersungguh-sungguh meminta dibetulkan jika melakukan kesalahan. Abu Bakar as-Siddiq r.a. juga mengisytiharkan dengan jelas tekad baginda untuk membantu mereka yang lemah dan terpinggir dengan dengan kata-kata yang masyhur dalam sejarah kepimpinan dan kemanusiaan:

Sekarang saya telah ditetapkan menjadi wali bagi kamu sekalian, meskipun saya tidak lebih baik dari kalian. Jika saya benar, maka dukunglah saya, namun jika salah, maka silalah betulkan saya. Kebenaran adalah amanah, dan kebohongan adalah khianat. Siapa di antara kalian yang lemah, di mata saya kalian adalah kuat kerana saya akan memenuhi hak-hak kalian sehingga hidup sejahtera, dan siapa di antara kalian yang kuat, di mata saya adalah lemah kerana saya akan mengambil (yang kalian dakwa) hak-hak kalian.

(Engineer, 1999: 9-10)

Saidina Umar al-Khattab r.a. , khalifah ar-Rashidin yang kedua turut memperlihatkan komitmennya yang jitu untuk membela golongan terpinggir. Sepanjang satu dasawarsa menjalankan tanggungjawab kepimpinannya, Umar al-Khattab r.a. berusaha keras untuk membasmi kemiskinan, meratakan hasil negara dan membela nasib rakyat. Kesungguhan baginda terkesan melalui pernyataan betapa baginda akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT walaupun jika sekiranya ada seekor anjing mati di tepi sungai kerana kehausan (Engineer, 1999: 10).

HAMKA memperjuangkan pembebasan kepada golongan terpinggir dalam karya kreatif beliau. Sememangnya mereka ini memerlukan pembelaan daripada golongan yang sedar

dan mampu. Golongan terpinggir seringkali dilupakan dalam arus pemodenan masyarakat kerana mereka merupakan golongan yang tidak berdaya dan lemah. Suara dan nasib mereka dianggap tidak penting dan kerana itu tidak diberi perhatian yang wajar.

Golongan miskin mendapat tempat dalam karya kreatif HAMKA. HAMKA menyuarakan slogan pembebasan dengan mengajak masyarakat menyedari tentang kualiti mulia yang ada pada golongan ini. Mereka bukan manusia tanpa jiwa kerana dalam hal tertentu, mereka mempunyai jiwa yang sangat berharga. Dalam novel *Terusir*, Mariah yang miskin dan terumbang-ambing dalam hidup kerana diceraikan oleh Azhar telah menulis surat kepada Azhar:

Demi Tuhan yang memegang segala tampuk hati manusia. Aku akui memang aku orang hina, memang ayah dan bondaku dari bangsa yang tidak berkedudukan tinggi sepertimu dan kaum kerabatmu. Tetapi percayalah wahai ayah anaku, bahawa hatiku emas adanya, meskipun aku miskin.

(HAMKA, 2007: 2)

HAMKA membela golongan terpinggir melalui gambaran kemuliaan jiwa yang ada pada mereka. Walaupun mereka miskin dan dihina namun hati mereka kaya dengan kebaikan. Usaha memberikan gambaran kebaikan kepada mereka ini bertepatan dengan gagasan pembebasan golongan terpinggir seperti yang dikemukakan oleh Asghar Ali Engineer dalam teorinya.

Masyarakat mencipta strata sosial untuk membezakan manusia. Golongan yang kaya dan berkuasa mengindoktrinasikan golongan terpinggir dengan kemiskinan dan

kekurangan sebagai alasan untuk merasa hina dan layak dihina. Sebarang usaha yang dilakukan untuk memobilisasikan diri dikutuk dan dilemahkan. Hal inilah mungkin yang digambarkan oleh HAMKA dengan kata-kata ibu yang miskin kepada Hamid dalam novel *Di Bawah Lindungan Kaabah*:

Bahawa emas tak setara dengan loyang, sutera tak sebangsa dengan benang.

(HAMKA, 1986: 25)

Cerpen “Pasar Malam” dalam antologi *Di Dalam Lembah Kehidupan* (HAMKA, 1982a: 3-7) memaparkan perbezaan antara kisah kemiskinan dan kekayaan. Kekayaan dilambangkan dengan kemeriahan dan keghairahan orang ramai terhadap pasar malam. Ketika orang ramai ke pasar malam, terdapat keluarga miskin Pak Wongso yang sakit dan lapar. Penderitaan mereka membawa kepada kematian.

Dalam novel yang *Di Bawah Lindungan Kaabah*, HAMKA telah mengangkat golongan miskin dengan pemerian betapa golongan ini memiliki keperibadian yang mulia dan berhemah tinggi. Penderitaan dan kesusahan hidup menjadi wadah latihan dalam pembinaan watak diri yang berbudi luhur dan berpekerti mulia. Zainab menanggapi Hamid dalam novel *Di Bawah Lindungan Kaabah* dengan kata-kata pujian:

Rupanya kerana ia sentiasa dirondong malang, sangatlah dukacita hatinya, berbulan-bulan khabar tidak berita pun tidak, budinya baik sekali, pekertinya tinggi dan mulia; memang dalam kalangan orang-orang yang dirondong malang itu kerap kali timbul budi pekerti yang mulia, timbul dengan baik dan suburnya, bukan kerana latihan manusia.

(HAMKA, 1986: 43)

HAMKA mempertahankan golongan miskin dan berusaha membebaskan pandangan masyarakat yang menganggap mereka sebagai golongan yang tidak berharga. Dalam fikiran golongan terpinggir ini sememangnya ada kesedaran tentang kepentingan harga diri dan kemuliaan peribadi. Kesedaran seperti ini diwakili oleh Syamsiah dalam novel

Keadilan Ilahi:

Mentang-mentang miskin di dalam perkara harta, mengapa kita akan miskin pula di dalam membela harga diri, demikianlah agaknya fikir Syamsiah.

(HAMKA, 1985: 82)

Kualiti diri yang terpuji pada golongan miskin ditonjolkan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau. Antaranya ialah nilai kesetiaan yang terpahat kukuh dalam diri mereka. Watak Mariah dalam novel *Terusir* ditonjolkan oleh HAMKA sebagai seorang yang berpegang kuat kepada nilai kesetiaan. Dalam suratnya kepada Azhar, Mariah menulis:

...meskipun kami orang yang tidak terkenal, hanya makan gaji, tetapi anakku menerima pusaka dari ibunya, iaitu kesetiaan.

(HAMKA, 2007:3)

Nilai pengorbanan turut dikemukakan oleh HAMKA sebagai kekuatan peribadi golongan terpinggir. Walaupun miskin dan terabai, mereka mempunyai kemampuan dan kesediaan untuk berkorban atas perkara yang mereka cintai dan yakini sebagai benar.

Mariah adalah simbol pengorbanan yang tinggi nilainya seperti yang diujahkan oleh

Sofyan ketika membelanya di mahkamah keadilan:

Tuan Hakim, dalam zaman seperti masyarakat kita sekarang, dengan terus terang saya katakan bahawa sukar kita mencari manusia yang sudi menempuh korban sampai demikian; yakni menghalalkan dan memurahkan harga jiwa sendiri untuk kemuliaan orang lain sebab didikan pengorbanan itu telah lama

hilang daripada kita, yang tinggal di darah manusia ialah meletakkan kemuliaan diri di atas kehinaan orang lain.

(HAMKA, 2007: 36)

Hujah Sofyan di atas dalam novel *Terusir* berlaku di dalam mahkamah ketika dia membela Mariah yang telah membunuh seorang penjahat bernama Wirja. Wirja mahu bertindak jahat ke atas Sofyan, anak Mariah dengan Azhar. Dalam pergelutan antara Mariah dengan Wirja di rumah pelacuran, Mariah telah menikam Wirja demi maruah anaknya. Ketika penghujahan di mahkamah ini, Sofyan sendiri belum mengetahui bahawa Mariah adalah ibunya yang terpisah selama puluhan tahun. Demikianlah pengorbanan Mariah dan dia bersedia pula menanggung akibat daripada pengorbanan tersebut.

Golongan buruh dan pekerja seringkali dipinggirkan dalam masyarakat. Mereka dianggap “orang kecil” yang tidak penting dan tidak perlu diraikan. Kedudukan mereka hanyalah sebagai orang yang diupah untuk melakukan sesuatu kerja dan kebajikan mereka selalu diabaikan. Lebih buruk lagi, martabat kemanusiaan golongan buruh dan pekerja ini direndah-rendahkan dan dihina.

HAMKA memperjuangkan pembebasan mereka dalam karya kreatif beliau. Bagi HAMKA, mereka perlu mendapatkan hak dan layanan yang adil dalam kehidupan bermasyarakat. Justeru itu, HAMKA mengengahkan permasalahan hidup mereka dengan menonjolkan pula sumbangan mereka di samping memberikan saranan tentang tanggungjawab masyarakat untuk membela nasib mereka.

Hubungan dengan ALLAH SWT dijadikan paksi dalam mengangkat maruah dan martabat golongan buruh dan pekerja. Jangan membiarkan diri diperhambakan dan keikhlasan hati perlu dimantapkan. Dalam novel *Tuan Direktur*, Fauzi telah diberhentikan kerja oleh Jazuli yang juga dikenali oleh Tuan Direktur. Ketika itu, Pak Yasin menasihati Fauzi dengan kata-kata:

Sambutlah keberhentian itu dengan senang dan sabar, syukurlah nikmat Allah atas dirimu sebab engkau telah terlepas daripada kungkungan perbudakan. Tidak ada suatu kesenangan di dunia ini yang lebih dari pekerjaan yang dikerjakan atas perintah hati sendiri.

(HAMKA, 1979: 33)

HAMKA mengkritik penindasan majikan terhadap kaum buruh. Buruh hanya diperas tenaganya untuk mengayakan majikan. Penindasan ini tidak sepatutnya berlaku apatah lagi dalam masyarakat Islam yang sepatutnya terdidik dengan amalan keagamaan. Demikian juga ia tidak sepatutnya berlaku dalam kalangan bangsa Melayu yang kaya dengan kesopanan dan kesantunan. HAMKA mengkritik hal ini dalam novel *Tuan Direktur* melalui watak Pak Yasin:

Tetapi yang mengecewakan hati bapa ialah kalau sekiranya bangsa kita telah kemasukan pula penyakit yang tiada semena-mena itu, iaitu tindasan majikan kepada buruh, buruh hanya sebagai alat perkakas untuk pengayakan majikan dan majikan memandang buruhnya tidak ada harga, kecuali untuk penambah kekayaannya. Kecil hati bapa kalau terjadi di tanah yang dikungkung keislaman ini.

(HAMKA, 1979: 33)

Golongan majikan dan pemodal melakukan penindasan terhadap kaum buruh dan pekerja kerana tiada kesedaran dan kerana ketamakan mereka untuk mengumpul kekayaan semaksima mungkin. Mereka tidak merasai kesusahan yang dipikul oleh kaum buruh.

Kalaupun mereka pernah miskin ketika zaman kanak-kanak, kekayaan telah menyebabkan mereka lupa kepada zaman silam mereka. Akibatnya, mereka tidak simpati dan tiada nilai altruistik dalam diri. Mereka ini ditempelak oleh HAMKA, sekali lagi melalui watak Pak Yasin:

Engkau mengatakan dingin di dalam bui, engkau tidak tahan, hem tahulah engkau sekarang, bahawa beginilah nasib penganggur-penganggur yang diusir oleh majikannya dan gajinya tak dibayar, anak-anak dan isterinya menangis kerana tak makan. Beginilah kedinginan mereka dalam dalam rumahtangganya, dingin kerana lapar dan dahaga, dingin kerana selimut tidur tak cukup,...akhirnya kedinginan ayahnya di dalam rumah berpindah kepada kedinginan di dalam bui, kerana hanya mencuri sekeping roti untuk anak-anaknya. Selagi orang-orang kaya, orang kapitalis, penghisap darah si lemah...senang-senang memutar radionya, atau pergi pelesir tengah malam ke restoran atau kelab-kelab untuk membangunkan segala kekayaan dan kemewahannya, - di sana-sini...segenap orang miskin dan melarat merintih kerana kelaparan dan kedinginan.

(HAMKA, 1979: 50)

HAMKA mengajak masyarakat untuk menginsafi diri bahawa antara faktor berkembangnya golongan terpinggir seperti orang gelandangan dan pelacur adalah kerana kesalahan masyarakat sendiri. Masyarakat yang tidak mempunyai kepedulian sosial bukan sahaja akan membiarkan anggotanya terpinggir bahkan mereka akan menghina dan menekan golongan terpinggir itu terperosok ke lembah yang dalam. Dalam novel *Terusir*, HAMKA telah mengkritik masyarakat yang pincang, tiada kesedaran dan tidak bertanggungjawab dengan catatan:

Bukan sedikit jumlah perempuan yang terjerumus ke liang kesengsaraan itu lantaran kemiskinan, kelaparan dan penipuan manusia. Bukan kepadanya sahaja harus dipikulkan segala tanggungan, bahkan beribu kali kejadian disebabkan kesalahan masyarakat yang selalu timpang ini.

(HAMKA, 2007: 36)

Pembebasan golongan terpinggir memerlukan kesedaran masyarakat tentang kesilapan yang turut mereka lakukan sehingga membawa kesempitan dan kesengsaraan hidup yang dialami oleh golongan terpinggir. HAMKA menimbulkan hal ini dengan mendedahkan kesalahan masyarakat mendera dan membiarkan golongan seperti Mariah dalam novel *Terusir*, terjerumus ke lembah pelacuran. Apa yang diperjuangkan oleh HAMKA ini selaras dengan gagasan pembebasan golongan terpinggir dalam Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer.

Masyarakat yang berbudaya individualistik, materialistik dan kapitalistik hanya melihat sesuatu daripada aspek kekayaan dan tahap pendidikan sahaja sedangkan aspek itu tidak dapat menentukan kualiti insan secara holistik. Dalam konteks ini, HAMKA memperjuangkan nasib golongan terpinggir melalui pengkisahan beliau dalam novel *Terusir*:

Kelihatannya, mereka hanyalah kekurangan didikan dan pengetahuan sahaja, tetapi pada mereka terdapat dasar-dasar budi yang baik, yang menjadikan amannya suasana di rumah besar bahagian belakang itu.

(HAMKA, 2007: 29)

Aspek terpenting dalam menentukan kesejahteraan hidup manusia ialah ketenangan jiwa. Walaupun terpinggir dalam masyarakat, HAMKA menggambarkan betapa ketenangan jiwalah yang akan memberikan kebahagiaan kepada seseorang. Tidak ada gunanya memiliki harta yang banyak tetapi gelisah jiwa dan buta hati. Watak Pak Yasin dalam novel *Tuan Direktur* ditonjolkan oleh HAMKA sebagai suatu watak yang memiliki ketenangan jiwa:

Tidaklah kita heran lagi kalau sekiranya orang yang telah sejauh itu perjalanannya dan demikian pengalaman hidupnya, yakni orang tua yang aneh itu, kalau dia telah dapat mendirikan sebuah istana yang indah dalam dirinya. Kekayaan apakah yang akan dicarinya lagi, hatinya senang, kawannya banyak, keperluannya tidak berbagai ragam, selain daripada menghadapkan wajahnya kepada Tuhannya....

(HAMKA, 1979: 38)

5.4.1 Fokus Golongan Terpinggir dalam Karya Kreatif HAMKA

Bagi memantapkan kajian tentang persoalan golongan terpinggir dalam karya kreatif HAMKA, usaha dilakukan untuk mengetahui kekerapan perkataan berkaitan dengan golongan terpinggir digunakan dalam teks. Dapattannya akan memberikan maklumat tentang sebanyak mana perkataan yang mempunyai hubungan dengan golongan terpinggir dikesan dalam karya kreatif HAMKA.


Untuk tujuan mencari kekerapan, perisian *Antconc* digunakan. Semua teks dalam karya kreatif HAMKA ditaip semula dan dipindahkan ke dalam perisian *Antconc* tersebut. Perisian *Antconc* digunakan dengan meluas di seluruh dunia oleh para pengkaji yang menggunakan teknik Analisis Kandungan (*Content Analysis*) dan linguistik dalam kajian mereka.

Lima perkataan dikenal pasti bagi mewakili penjelasan tentang golongan terpinggir dalam karya kreatif HAMKA. Perkataan-perkataan tersebut ialah “miskin”, “susah”, “buruh”, “melarat” dan “terbuang”. Selepas dioperasikan dalam perisian *Antconc*, kekerapan perkataan-perkataan tersebut muncul dalam novel dan cerpen HAMKA ditunjukkan dalam Jadual 5.3.

Jadual 5.3 Kekerapan Perkataan berkaitan Golongan Terpinggir dalam Teks

Bil	Karya Kreatif	Kekerapan Perkataan “miskin”	Kekerapan Perkataan “susah”	Kekerapan Perkataan “buruh”	Kekerapan Perkataan “melarat”	Kekerapan Perkataan “terbuang”	Jumlah	Peratus (%)
1	<i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck (TKVDW)</i>	14	5	0	15	12	46	16.7
2	<i>Tuan Direktur (TD)</i>	18	12	10	5	1	46	16.7
3	<i>Keadilan Ilahi (KI)</i>	28	8	0	3	3	42	15.2
4	<i>Merantau ke Deli (MKD)</i>	4	16	3	10	5	38	13.8
5	<i>Menunggu Bedok Berbunyi (MBB)</i>	11	16	0	8	3	38	13.8
6	<i>Di Dalam Lembah Kehidupan (DDLK)</i>	14	14	2	5	0	35	12.7
7	<i>Di Bawah Lindungan Kaabah (DBLK)</i>	6	0	0	6	2	14	5.0
8	<i>Terusir</i>	4	3	0	3	1	11	3.9
9	<i>Cermin Penghidupan (CP)</i>	4	0	1	1	0	6	2.2
Jumlah		103	74	16	56	27	276	100

Jadual 5.3 menunjukkan kekerapan perkataan berkaitan dengan akidah yang terdapat dalam semua sembilan karya kreatif HAMKA. Sembilan karya kreatif tersebut adalah enam novel dan tiga antologi cerpen. Lima perkataan yang mewakili golongan terpinggir adalah “miskin”, “susah”, “buruh”, “melarat” dan “terbuang”. Jadual 5.3 dirumuskan pula dalam Rajah 5.3.



Rajah 5.3 Kekerapan Perkataan berkaitan Golongan Terpinggir dalam Teks

Rajah 5.3 merumuskan peratusan kandungan setiap karya kreatif HAMKA yang mengandungi perkataan yang berkaitan dengan golongan terpinggir. Berdasarkan peratusan yang diperolehi, adalah didapati bahawa novel *Tenggelannya Kapal Van Der Wijck* mengandungi perkataan berkaitan golongan terpinggir yang paling tinggi iaitu sebanyak 16.7%. Antologi cerpen *Cermin Penghidupan* pula menunjukkan peratusan yang paling rendah iaitu sebanyak 2.2%.

Kepentingan untuk membebaskan golongan terpinggir daripada penderitaan hidup dan penghinaan manusia semestinya menjadi agenda penting dalam masyarakat. Hal ini telah menyebabkan HAMKA menyeru kepada masyarakat supaya bangkit dan serius membela golongan terpinggir. Seruan ini disampaikan oleh HAMKA dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Watak Muluk iaitu pembantu kepada Zainuddin telah memberikan satu panduan yang amat bermakna untuk setiap individu berbakti dalam usaha pembebasan golongan terpinggir:

Karamkan diri ke dalam alam, ke dalam masyarakat yang maha luas. Di sana banyak bahagia dan ketenteraman. Di mana-mana didirikan orang perkumpulan-perkumpulan penolong fakir dan miskin. Di mana-mana didirikan orang rumah sakit-rumah sakit, penolong si sakit yang tak mampu. Diadakan rumah pondokan, pemelihara orang tua-tua yang masih panjang umurnya, padahal telah lemah berusaha. Masuki itu dengan mencampuri pekerjaan itu akan terubat kedudukan sekarang.

(HAMKA, 2004b: 188-189)

Kandungan pembebasan sosial melibatkan pembebasan golongan terpinggir yang dikemukakan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau menepati semua empat gagasan dalam Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer. Ia mengandungi gagasan bahawa pembebasan merangkumi persoalan dunia dan akhirat, bersifat anti kemapanan, pembebasan golongan terpinggir dan dalam perjuangan pembebasan, takdir dan usaha adalah saling melengkapi. Secara perbandingan, gagasan pembebasan golongan terpinggir adalah yang paling menonjol.

Usaha pembebasan golongan terpinggir memerlukan kesedaran dan penglibatan anggota masyarakat. Masyarakat perlu peka dan menyumbang melalui pertubuhan yang mempunyai matlamat untuk membantu golongan miskin dan fakir. Selain dari itu,

terdapat juga usaha membantu mereka yang menderita sakit. Demikian juga perkhidmatan kepada orang-orang tua lagi uzur. Yang penting ialah kepedulian sosial dan aktivisme membela dan membebaskan golongan terpinggir.

5.5 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan tentang pembebasan sosial yang terdapat dalam karya kreatif HAMKA. Perbincangan telah dibahagikan kepada tiga bentuk pembebasan sosial yang diperjuangkan oleh HAMKA iaitu pelaksanaan keadilan sebagai pembebasan daripada kezaliman, pembebasan daripada adat Minangkabau dan pembebasan golongan terpinggir daripada penderitaan hidup.

Sebagai rumusan, adalah didapati bahawa perjuangan pembebasan sosial banyak terkandung dalam karya kreatif HAMKA. Perjuangan pembebasan sosial yang telah digarap oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau telah memberikan kesedaran tentang nasib yang menimpa golongan tertentu dalam masyarakat. Justeru itu, adalah perlu kesedaran serta tindakan yang serius ke arah melahirkan masyarakat yang adil, berkualiti, prihatin dan mempunyai kepedulian sosial yang terpuji.

BAB ENAM

ANALISIS

6.1 Pendahuluan

Bab ini akan menganalisis aspek-aspek pembebasan yang dikemukakan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau. Sebagai pendidik, cendekiawan dan pendakwah, HAMKA mengabadikan perjuangan pembebasan sebagai tema perjuangan beliau yang diterapkan dengan berkesan melalui novel dan cerpen.

Karya kreatif HAMKA mengandungi banyak nilai pembebasan seperti pembebasan akidah, pembebasan pemikiran dan pembebasan sosial. Karya beliau yang banyak memaparkan nilai pembebasan yang tinggi merangkumi novel-novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Merantau ke Deli*, *Keadilan Ilahi*, *Tuan Direktur*, *Terusir* dan *Di Bawah Lindungan Kaabah*. Demikian juga cerpen-cerpen yang mengemukakan tema pembebasan seperti yang termuat dalam antologi cerpen *Di Dalam Lembah Kehidupan*, *Menunggu Bedok Berbunyi* dan *Cermin Penghidupan*.

Novel dan cerpen HAMKA menampilkan, mengupas dan mengolah persoalan pembebasan dengan tuntas. HAMKA menarik perhatian massa tentang perjuangan pembebasan yang perlu diberikan perhatian dalam masyarakat. Aspek pembebasan yang penting ialah tentang pembebasan akidah, pembebasan pemikiran dan pembebasan sosial.

Pembebasan akidah menegaskan tentang usaha pemurnian tauhid daripada ketaatan kepada yang lain kepada ketundukan kepada Allah SWT semata-mata. Pembebasan pemikiran merangkumi usaha pembebasan daripada amalan taklid buta, pembebasan daripada ikatan hawa nafsu dan pembebasan daripada kemaruk kebendaan. Pembebasan sosial pula adalah perjuangan untuk menegakkan keadilan, pembebasan daripada adat Minangkabau dan pembebasan golongan terpinggir daripada cengkaman penindasan dan tekanan hidup.

6.2 Tema Pembebasan dalam Karya Kreatif HAMKA

Tema pembebasan telah berjaya ditampilkan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau. Hal ini dapat dilakukan melalui ketajaman imaginasi dan kekuatan idealisme yang ada pada beliau. Apa yang mengagumkan adalah idea-idea beliau dapat disampaikan dengan sangat mengesankan dalam karya kreatif beliau.

Seperti yang telah dijelaskan dalam Bab Satu, Pendekatan Moral (Mana Sikana, 1986: 70-81) digunakan untuk mengesan tema pembebasan dalam karya kreatif HAMKA. Satu hal yang amat penting ialah pendekatan moral seperti yang ditegaskan oleh Mana Sikana (1986: 71) lebih memberikan perhatian kepada isi dalam karya daripada bentuknya. Apa yang dimaksudkan dengan isi ialah tema dan persoalan yang dibincangkan dan diperhalusi dalam karya. Bentuk hanyalah pelengkap ke arah menyampaikan isi moral tersebut.

Semua karya kreatif HAMKA telah dibaca dan diteliti dengan teliti dari halaman ke halaman. Tema dan persoalan yang menyangkut isu pembebasan dalam setiap karya kreatif HAMKA telah dikenal pasti. Bahan-bahan yang telah dikumpulkan itu dianalisis secara kritis.

Dalam bab-bab yang terdahulu, telah dibincangkan secara terperinci aspek-aspek pembebasan yang dibentangkan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau. Aspek-aspek pembebasan itu telah dibahagikan kepada tiga komponen iaitu pembebasan akidah, pembebasan pemikiran dan pembebasan sosial.

6.2.1 Pembebasan Akidah melalui Pemurnian Tauhid

Karya kreatif HAMKA telah berjaya mengenengahkan perjuangan membebaskan akidah umat daripada kepercayaan dan keyakinan ketuhanan yang pelbagai kepada ketuhanan Allah SWT semata-mata. Perjuangan pembebasan akidah ini dilakukan melalui usaha-usaha pemurnian tauhid.

Umat Islam pada asasnya sudah mempunyai akidah Islam dengan mempercayai ketuhanan Allah SWT. Walau bagaimanapun, terdapat juga keyakinan kepada makhluk lain yang turut bergandingan dengan keyakinan kepada Allah SWT. Usaha-usaha membuang kepercayaan kepada makhluk lain yang mengambil alih peranan Tuhan inilah yang dikenali sebagai usaha pemurnian tauhid.

HAMKA telah berjaya mendidik dan berdakwah melalui karya beliau tentang kepercayaan dan keyakinan kepada Allah SWT. Melalui karya kreatif beliau, HAMKA menanamkan keyakinan kepada Allah SWT dan membuang dari diri manusia keyakinan kepada kuasa selain Allah SWT. Perkataan-perkataan terbaik dalam aspek ini boleh dipetik daripada novel *Di Bawah Lindungan Kaabah*:

Kepada siapa lagi yang saya akan pergi memohon ampun, kalau bukan Engkau ya Tuhanku! Tidak ada suatu tali pun tempat saya bergantung, lain daripada tali Engkau, tidak ada pintu yang akan saya tutup, lain daripada pintu Engkau.

(HAMKA, 1986: 55)

Pemurnian tauhid turut melibatkan pembebasan manusia daripada pergantungan kepada apa sahaja selain Allah SWT. Manusia yang bebas adalah mereka yang hanya bergantung harap kepada Allah SWT yang maha perkasa dan maha hebat. Karya kreatif HAMKA ternyata terarah kepada hakikat pergantungan kepada Allah SWT. Dalam novel *Merantau ke Deli*, Suyono berkata kepada Poniem:

Semuanya akan tercapai berkat kurnia Allah.

(HAMKA, 2004a: 145)

HAMKA menyampaikan mesej pembebasan akidah melalui keyakinan dan pergantungan kepada Allah SWT semata-mata dengan cara yang mudah difahami. Beliau menerapkan hal ini bersandarkan kesan sebab-akibat melalui penceritaan dalam karya kreatif beliau.

Orang yang yakin dan taat kepada Allah SWT akan mendapat pembalasan yang baik manakala orang yang engkar akan dibalas dengan kecelakaan. Watak baik seperti

Ponem dan Suyono dalam novel *Merantau ke Deli* mendapat balasan yang baik pada pengakhiran cerita apabila mereka berkahwin dan hidup bahagia. Sebaliknya, Leman yang goyang pendiriannya kembali hidup susah.

Watak Hamid dalam novel *Di Bawah Lindungan Kaabah* merupakan seorang yang yakin dan taat kepada Allah SWT. Perhatikan bagaimana hajatnya untuk menunaikan fardhu haji terkabul. Pada latar masa karya kreatif HAMKA dihasilkan iaitu pada separuh pertama abad ke-20, menunaikan haji merupakan jihad yang mengagumkan kerana ia memerlukan persiapan yang sangat besar dari aspek kewangan, spiritual, fizikal dan pengangkutan. Namun, HAMKA menghadiahi Hamid, seorang pemuda biasa dengan kejayaan ke Mekah. Lebih dari itu, Hamid meninggal di hadapan Kaabah sebagai perlambangan pencapaiannya yang yakin dan taat kepada Allah SWT. Watak jahat pula seperti Sutan Marah Husin dalam novel *Keadilan Ilahi* dihukum oleh HAMKA dengan pengakhiran yang celaka.

Pembebasan akidah melalui usaha pemurniannya turut melibatkan pembebasan daripada kepercayaan tahyul dan khurafat. Pembebasan daripada tahyul dan khurafat diterapkan dalam karya kreatif HAMKA dengan tegas. Hal ini kerana HAMKA mahu memahamkan masyarakat bahawa kepercayaan kepada tahyul dan khurafat akan menjejaskan akidah seseorang muslim.

Kepercayaan kepada tahyul dan khurafat menyebabkan jiwa, fikiran dan tingkah laku terkongkong dan terikat kepada amalan tahyul tersebut. Individu juga akan hilang jati

diri dan keyakinan diri. Dia menjadi lemah dan dikuasai oleh kepercayaan tahyul tersebut. Hilangnya keyakinan ini ditampilkan melalui watak Jazuli iaitu watak utama dalam Novel *Tuan Direktur*. Jazuli terlalu mempercayai tahyul sehingga tindakan beliau ditentukan oleh kepercayaan tahyul dan khurafat itu:

Kerana itu banyak sekali Tuan Direktur meminta adpis bila akan melangsungkan pekerjaannya. Lama-lama hilanglah kepercayaannya kepada dirinya sendiri, ragulah ia akan melakukan sesuatu gerak, kalau sekiranya tidak ada adpis dari Kadri. Dengan tidak sesedarnya maka kekuasaannya kepada Kadri selama ini telah hilang, tetapi sebaliknya Kadri lah yang berkuasa kepada dirinya. Ia benci kepada tahyul, ia ejekan orang yang menyimpan ringgit berpahat kemenyan, tetapi ia sendiri percaya kepada pengaruh ghaib yang demikian.

(HAMKA, 1979: 23)

HAMKA berjaya menampik sikap lemah dan kalah kepada tahyul dan khurafat. Tuan Direktur yang pada mulanya mengejek perbuatan tahyul sebenarnya mempercayai amalan tahyul. Tuan Direktur mempercayai bahawa Kadri boleh berhubung dengan roh dari alam ghaib. Dalam situasi yang lain, Tuan Direktur telah membuang pekerja seperti Abdul Fattah hanya kerana kepercayaan kepada kata-kata orang halus.

Ketegasan HAMKA dalam usaha membebaskan umat daripada kepercayaan serta amalan tahyul dan khurafat didorong oleh keulamaan beliau. Sememangnya ulama berperanan menjaga dan mengawal akidah umat (Shukri, 2011: 1). Ulama mempunyai tanggungjawab membentengi akidah umat daripada pengaruh tahyul dan khurafat yang muncul pada setiap zaman dari amalan mandi tolak bala sehinggalah amalan menggantung gambar tokoh dengan tujuan untuk melariskan jualan.

Banyak amalan dalam kalangan umat sehingga ke hari ini yang bersifat tahyul dan khurafat. Terdapat kepercayaan bahawa individu dengan nama-nama tertentu seperti Ahmad, Muhammad dan Ghazali pasti masuk syurga sedangkan iman dan amal solehlah yang menentukan kedudukan seseorang. Demikian juga kepercayaan bahawa pada hari Rabu terakhir bulan-bulan Hijrah, seseorang itu berisiko mendapat musibah (Mohd Asri, 2010a: 83). Membebaskan umat daripada tahyul dan khurafat bermaksud memurnikan tauhid mereka.

Dalam aspek pembebasan akidah, HAMKA telah berjaya mengutarakannya dengan berkesan dalam karya kreatif beliau. Usaha pembebasan akidah dilakukan oleh HAMKA melalui pendekatan memurnikan tauhid dengan mendedahkan penyelewengan akidah yang mesti dibanteras oleh umat. Pembebasan diri daripada penyelewengan akidah dan kesamaran tauhid akan dapat membebaskan akidah umat daripada sebarang unsur yang menjejaskan pematapan akidah yang sah.

6.2.2 Pembebasan Pemikiran daripada Taklid Buta

HAMKA melalui karya kreatifnya telah berusaha membebaskan pemikiran umat daripada amalan taklid buta. Pembebasan pemikiran daripada amalan taklid buta merupakan usaha yang dilakukan oleh HAMKA untuk menghentikan amalan mengikut sesuatu secara membuta-tuli tanpa asas hujah yang meyakinkan.

Melalui penceritaan dalam novel dan cerpen beliau, HAMKA menyeru kepada pembebasan daripada taklid buta. Aspek-aspek utama pembebasan yang dikenal pasti

adalah ikutan membuta tuli terhadap amalan perbomohan, dominasi lelaki terhadap wanita dan sikap menyerah diri kepada takdir.

Taklid buta terhadap amalan perbomohan telah dikritik oleh HAMKA kerana ia membawa kepada pembodohan. Dalam kes Adnan, seperti yang diceritakan melalui novel *Keadilan Ilahi*, mengikut arahan bomoh yang pelik tidak pula menyembuhkannya. HAMKA menatijahkan taklid buta melalui kematian Adnan walaupun keluarganya menuruti cara pengubatan oleh bomoh.

HAMKA berusaha membebaskan pemikiran khalayak daripada membiarkan hidup didominasi oleh lelaki sehingga semua urusan hidup dilakukan mengikut perspektif lelaki. Pakaian wanita pun diatur mengikut pandangan seksual lelaki. Amalan mengikut fesyen pakaian semasa secara membuta-tuli telah disinggung oleh HAMKA dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

Hayati, kekasih Zainuddin dalam *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* telah terpengaruh dengan pakaian Khadijah dan orang kota di Padang Panjang. Hayati memakai pakaian yang menjolok mata kerana terikut-ikut dengan perkembangan fesyen. Dia memakai kebaya pendek yang jarang dan membuka selendangnya. Hayati yang pada awalnya malu secara beransur-ansur hilang rasa malu. HAMKA memperihalkannya:

Mula-mula keluar dari rumah itu, badannya bagai bayang-bayang. Aziz yang menemaninya tersenyum simpul saja melihatkan. Tetapi kian selangkah kian hilanglah malunya memakai pakaian yang belum biasa itu. Lama-lama perasaan itu hilang juga. Sebab di jalan telah dilihatnya, bukan dia saja berpakaian demikian.

Demi ketika akan masuk ke pacuan, malunya telah hilang dan telah lupa, sebab telah karam dalam sorak-sorai orang ramai.
(HAMKA, 2004b: 98)

Orang yang bertaklid buta tidak akan dapat mempertahankan diri apabila hujah yang rasional dikemukakan kepadanya. HAMKA mendedahkan hakikat ini. Hal ini kerana tindakan individu yang bertaklid buta tidak dilakukan atas hujah dan asas tertentu melainkan mengikut sahaja berdasarkan perasaannya. Dalam soal berpakaian seksi, Hayati menerima nasihat dan komen Zainuddin dalam suratnya. Nasihat tersebut disampaikan berpandukan hujah keagamaan dan rasionaliti yang tinggi:

Hayati!...Apa yang saya lihat kelmarin? Mengapa telah berubah pakaianmu, telah berubah gayamu? Mana baju kurungmu? Bukankah adinda orang dusun? Saya bukan mencela bentuk pakaian orang kini, yang saya cela ialah cara yang telah berlebihan, dibungkus perbuatan `terlalu' dengan nama `model'. Kelmarin adinda pakai baju yang sejarang-jarangnya, hamper separuh dada adinda kelihatan, sempit pula gunting lengannya, dan pakaian itu yang dibawa ke tengah-tengah ramai.
(HAMKA, 2004b: 106)

HAMKA telah berjaya menyampaikan idea pembebasan pemikiran daripada taklid buta dalam aspek budaya dan nilai hidup wanita yang berkait dengan perkahwinan. Terdapat unsur pemaksaan supaya wanita kahwin secepat mungkin tanpa mengira kualiti lelaki yang bakal menjadi suaminya. Melalui penceritaannya dalam Novel *Keadilan Ilahi*, HAMKA mengungkapkan hal ini melalui watak seorang wanita yang berkata:

Tunggu saja setahun lagi, tetapi kalau sebelum itu ada datang orang meminta suruh saja kahwinkan Syamsiah dengan yang meminta itu, habis perkara.
(HAMKA, 1985: 33)

Pemikiran yang bertaklid buta pada nilai masyarakat yang rapuh ini ternyata membinasakan. Syamsiah, wanita malang dalam Novel *Keadilan Ilahi* dikahwinkan dengan Sutan Marah Husin yang kaya dengan mengenyepikan kekasihnya Adnan yang dilanda musibah kecurian. Syamsiah tersiksa hidupnya bersama Sutan Marah Husin. Tindakan terburu-buru mengahwinkan Syamsiah telah mengorbankannya. Hal ini berlaku akibat pemikiran terkongkong dan ikutan budaya yang salah.

HAMKA menggunakan pengetahuan beliau yang luas ketika menyampaikan idea pembebasan pemikiran daripada taklid buta. Beliau menyedarkan umat tentang keburukan menyerah diri kepada takdir. Sebaliknya, usaha yang bersungguh-sungguh dan strategik perlu dilakukan termasuklah dalam hal berkaitan dengan kegiatan ekonomi dan perniagaan.

Pembebasan pemikiran daripada mengikut kata orang secara membuta-tuli dikemukakan oleh HAMKA dalam karyanya. HAMKA menampilkan kisah bagaimana dengan mengikut pemikiran lama dan kata orang, ia telah menjejaskan perniagaan Leman seperti yang diceritakan dalam novel *Merantau ke Deli*. Barang perniagaan perlu dibanyakkan oleh Leman tetapi dengan cara yang salah iaitu dengan amalan berhutang. Akibatnya, Leman menghadapi hidup yang sukar lantaran banyak hutang (HAMKA, 2004a: 128-130). Membebaskan diri daripada hutang merupakan unsur kekuatan dalam kegiatan perniagaan.

Selain menggunakan wahana karya kreatif, HAMKA juga berjuang membebaskan umat daripada taklid buta melalui penulisan ilmiah. Beliau menegur sesiapa sahaja yang bertaklid buta. Beliau pernah berpolemik dengan mufti Johor tentang sikap bertaklid buta dan pembohongan fakta dengan menggunakan kuasa yang ada. Dalam buku beliau yang berjudul *Teguran Suci & Jujur Terhadap Mufti Johor*, HAMKA menegur mufti Sayyid Alwi bin Tahir al-Haddad:

Beliau adalah merdeka buat membantah dan menolak fahaman dalam agama Islam yang tiada beliau setuju dan berlainan faham terhadap masalah agama kalau kita pandai membawakannya menjadi rahmat bagi umat Islam, tetapi di dalam pertukaran fikiran itu jika timbul kecurangan dan kebohongan maka berlainan pendapat itu akan membawa mudarat dan fitnah terhadap umat. Padahal bukanlah itu yang kita kehendaki.

(HAMKA, 2010: 11)

Melalui karya kreatif beliau, HAMKA telah berjaya menyeru kepada pembebasan pemikiran daripada amalan taklid buta. Kisah-kisah pembebasan ini diterapkan dengan berkesan kepada pembaca melalui penceritaan yang mantap dan kaya dengan kisah serta teladan yang baik.

6.2.3 Pembebasan Pemikiran daripada Hawa Nafsu

Karya kreatif HAMKA mengajak pembaca untuk membebaskan pemikiran daripada pengaruh hawa nafsu. Cerita yang diolah oleh HAMKA telah mendedahkan kelemahan yang akan muncul akibat daripada pengaruh hawa nafsu terhadap diri individu mahupun masyarakat.

Bagi HAMKA, mereka yang berjaya membebaskan diri daripada cengkaman hawa nafsu akan melahirkan watak yang berbudi pekerti mulia. Mereka akan mempamerkan akhlak dan sahsiah diri yang terpuji. Hal inilah juga yang dimaksudkan oleh HAMKA tentang kemerdekaan seperti yang diungkapkan oleh Pak Yasin dalam novel *Tuan Direktur*:

Yang saya maksudkan dengan kemerdekaan ialah kemerdekaan budi pekerti, kemerdekaan jiwa dari pengaruh sesama manusia.
(HAMKA, 1979: 56)

HAMKA menempelak maksud kemerdekaan oleh sesetengah pihak yang menganggap kemerdekaan jiwa sebagai kebebasan menurut kata hati. Salah faham terhadap kemerdekaan itu diwakili oleh pernyataan Khadijah dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* yang mahu bebas menurut kata hati sendiri:

Kalau demikian memang berlainan sekali pendirian kita tentang cinta, Hayati. Kau terlalu dibuaikan angan-angan. Kalau bagi saya, sekiranya datang malaikat dari langit, mengaku sudi menjadi kecintaanku, dibawanya sangkar dari emas, cukup pakaian dari sutera ainal benaat, bermahkotakan intan baiduri, tetapi kemerdekaanmu dirampas, dan aku wajib tinggal selamanya dalam sangkar emas itu; jika aku bernyanyi hanya untuk dia, jika aku bersiul hanya untuk didengarnya, aku diikat, dipaksa turut ikatan itu. Maka terima kasih bagi malaikat, selamat jalan bagi sangkar emas, selamat pergi bagi mahkota baiduri. Bagiku, bebas menurut kata hati, di bawah perintah diri seorang, itulah tujuan yang paling tinggi dunia ini.
(HAMKA, 2004b: 108)

Kekeliruan tentang maksud kemerdekaan juga dipamerkan oleh watak Aziz dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Aziz yang merupakan seorang lelaki yang menggemari kehidupan berfoya-foya terkongkong dalam pengaruh hawa nafsu yang menggalakkan maksiat seperti kata hatinya:

Kahwin tidak ada gunanya asal suka sama suka. Sebab itu hanya ijab dan kabul, yang perempuan dibolehkan oleh orang tuanya, baru boleh kahwin, kalau tidak tidak boleh. Yang demikian adalah merampas kemerdekaan. Lebih baik turutkan saja kehendak hati sedang badan muda, kalau sudah tua, iaitu kesempatan kesenangan tak ada lagi barulah perbaiki diri, baru kahwin!

(HAMKA, 2004b: 112)

Bagi Aziz, mengikut hawa nafsu dalam hal perempuan adalah kebebasan yang dicitakan dan menghalangnya bererti merampas kemerdekaan. Pendirian Aziz ini ditolak oleh HAMKA. Oleh yang demikian, watak Aziz tidak berjaya dalam hidup bahkan menempuh hidup yang celaka yang ditandai dengan kegagalan perkahwinannya dengan Hayati dan kematiannya yang tragis.

HAMKA berupaya memperlihatkan keburukan hidup yang terpengaruh dengan hawa nafsu. Mereka yang dipengaruhi oleh hawa nafsu akan melakukan tindakan yang keji. Hal ini dapat diperhatikan dalam novel *Terusir*. Flora telah menggoda Sofyan di pejabat kerana diupah oleh Wirja (HAMKA, 2007: 60-62). Namun, Sofyan yang dapat mengawal hawa nafsunya tidak terpengaruh. Bahkan, Emi iaitu tunangan Sofyan yang menyaksikan peristiwa itu sentiasa tenang dan rasional. Sebaliknya, Flora hilang pekerjaan kerana dipecat oleh Sofyan.

Menjaga diri daripada godaan hawa nafsu sentiasa ditegaskan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau. Pembebasan diri daripada hawa nafsu menjadi unsur dan elemen yang penting dalam penceritaan yang digarap dalam novel dan cerpen beliau. Hal ini dapat dikesan dalam karya kreatif beliau seperti dalam novel *Merantau ke Deli*. Apabila

Leman mahu berkahwin lagi, isterinya Poniem telah mengingatkan tentang ancaman dan pengaruh hawa nafsu:

Hawa nafsu orang kampung mesti abang cukupkan, apa lagi hawa nafsu isteri sendiri.

(HAMKA, 2004a: 79)

Persoalan cinta sering mewarnai karya kreatif HAMKA. Dalam konteks ini, HAMKA mengingatkan tentang hakikat dan keperluan cinta itu dibebaskan daripada godaan hawa nafsu. Hal ini disyorkan oleh HAMKA dalam novel *Di Bawah Lindungan Kaabah*. Melaluinya, HAMKA mengingatkan tentang bahayanya cinta yang diasaskan kepada hawa nafsu:

Pada hal adalah “Rindu dendam” atau “Cinta berahi” itu laksana Lautan Jawa, orang yang tidak berhati-hati mengayuh perahu memegang kemudi dan menjaga layar, karamlah ia diguling oleh ombak dan gelombang, hilang di tengah samudera yang luas itu, tidak akan tercapai selama-lamanya tanah tepi.

(HAMKA, 1986: 1-2)

Cinta yang dikuasai oleh hawa nafsu bukanlah cinta sejati. Bebaskan cinta daripada hawa nafsu kerana ia boleh membawa kepada kerosakan. Ia akan karam dan lemas tanpa kesedaran diri. Cinta yang berasaskan hawa nafsu akan terumbang-ambing tanpa arah dan tujuan yang jelas.

Keistimewaan HAMKA ialah sensitiviti beliau terhadap isu yang popular dan mendapat tempat dalam masyarakat. Beliau tidak mengasingkan diri daripada mengulas dan mengolah persoalan berkenaan. Salah satu isu popular dalam masyarakat pada setiap zaman ialah persoalan cinta.

Melalui pengolahan beliau terhadap persoalan cinta, HAMKA mengajak masyarakat membebaskan diri daripada hawa nafsu. Cinta pasangan selalu terjerumus kepada godaan hawa nafsu. Atas nama cinta, ramai terlanjur melakukan maksiat dan hubungan seks luar nikah. HAMKA telah mendidik umat tentang cinta pasangan yang semestinya berpandukan kepada etika moral yang tinggi.

Pendekatan akomodatif HAMKA terhadap persoalan cinta pasangan adalah sesuatu yang sangat bermakna dalam pendidikan masyarakat. Sementara beliau mengakui keagungan cinta, HAMKA memberikan panduan dalam pengurusan cinta sehingga cinta itu bukan sekadar suci tetapi juga kelihatan suci. Pasangan cinta dalam karya kreatif beliau memperagakan kesucian cinta mereka. Zainuddin-Hayati dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck.*, Hamid-Zainab dalam novel *Di Bawah Lindungan Kaabah* dan Adnan-Syamsiah dalam novel *Keadilan Ilahi* merupakan contoh pasangan cinta yang beretika.

Pembebasan daripada hawa nafsu bermakna membebaskan diri daripada sifat buruk (*mazmumah*) yang menguasai diri. HAMKA menyeru pembebasan daripada sikap sombong dan suka bermegah melalui watak antagonis Sutan Marah Husin dalam Novel *Keadilan Ilahi*:

Ada pun Sutan Marah Husin adalah seorang muda yang baharu sahaja dijejak kekayaan yang didapatnya dari kesungguhannya berniaga. Tetapi pada dirinya telah bertemu pepatah nenek-moyang, iaitu dua macam yang tidak dapat ditumpang fahamnya, pertama si miskin yang baharu kaya, kedua si menteri yang baharu diangkat. Yang pertama sombong dengan wangnya yang kedua suka mengambil muka.

(HAMKA,1985: 35)

Sutan Marah Husin telah berjaya digambarkan oleh HAMKA sebagai suatu watak yang sangat sombong dan suka bermegah-megah dengan kemewahannya. Digunakan kekayaannya untuk menambahkan kerosakan dengan memikat wanita dan keluarga wanita tersebut. Wanita yang dinikahinya itu kemudiannya didera dan dipersendakan apabila dia sudah terasa jemu.

Orang yang dapat membebaskan diri daripada hawa nafsu merupakan individu yang mempunyai kehormatan diri yang tinggi. Orang terhormat akan dapat mengawal dirinya daripada hawa nafsu. Nasihat Muluk pada Zainuddin dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* mempunyai kaitan dengan kehormatan diri. Apabila Zainuddin menjadi tidak keruan ketika dia kecewa dalam percintaannya dengan Hayati, Muluk telah menasihatkannya dengan nasihat yang amat berguna:

Hai Guru Muda! Mana pertahanan kehormatan yang ada pada tiap-tiap laki-laki? Tidakkah ada itu pada guru? Ingatlah guru bahawa ayah guru terbuang dan mati di negeri orang, hanya semata-mata lantaran mempertahankan kehormatan diri? Mana kegagahanmu guru, rasa tanggungjawab atas dirimu? Padahal saya kenal bahawa dalam hal yang lain-lain guru cukup mempunyai itu. Mengapa dalam hal yang sefasal ini guru mundur dan kalah.

(HAMKA, 2004b: 188)

HAMKA telah berjaya membawa idea-idea pembebasan diri daripada hawa nafsu dengan baik dan menarik. Bagi beliau, pembebasan diri daripada hawa nafsu akan membentuk individu dan masyarakat yang berakhlak mulia. Sesuatu yang suci seperti persoalan cinta mesti dibebaskan daripada hawa nafsu. Mereka yang bebas daripada dipengaruhi hawa nafsu mempunyai maruah dan kehormatan diri yang tinggi.

6.2.4 Pembebasan Pemikiran daripada Kemaruk Kebendaan

Karya kreatif HAMKA menyeru kepada pembebasan daripada kemaruk kebendaan. Kecintaan dan kegilaan kepada harta benda akan memenjarakan manusia menjadi hamba dan banduan yang terkongkong oleh pemikiran kebendaan. Tindakan dan langkahnya ditentukan oleh kuasa kebendaan.

HAMKA dengan tegas menyatakan bahawa kebendaan dan kewangan adalah elemen yang rapuh dalam kehidupan. Secara lebih yakin, beliau menegaskan betapa hubungan dan kesetiaan atas nama kebendaan adalah sesuatu yang tidak dapat dipercayai. Dalam novel *Tuan Direktur*, Haji Nawawi membidas Tuan Direktur dengan kata-kata yang menolak kesetiaan wang:

“Sebuah pula,” kata Haji Nawawi lagi. “Sekarang saya dikatakannya dengki kepada kemajuannya. Dengki? Apa perlunya saya dengki kepadanya? Selagi wang itu masih tetap bulat dan boleh digulung ke mari dan boleh ke sana. Kesetiaan wang itu tak dapat dipercaya bukan?”

(HAMKA, 1979: 57)

Kemaruk kebendaan menyerang individu dan masyarakat. Lebih ramai yang tumpas berbanding yang berjaya menghadapinya. Golongan yang terdedah kepada pendidikan agama juga boleh tewas menghadapi rempuhan ganas kebendaan. Mungkin inilah yang mahu digambarkan oleh HAMKA melalui kata-kata Poniem kepada Mariatun dalam novel *Merantau ke Deli*:

Ya begitulah perempuan orang Padang mata duitan.

(HAMKA, 2004a: 111)

Nenek-mamak orang Padang hanyalah wang.

(HAMKA, 2004a: 112)

HAMKA menempelak pemikiran yang bersifat kemaruk kebendaan kerana orang yang kemaruk kebendaan akan mudah ditipu dan akhirnya akan menyesal atas penipuan tersebut. Aziz, lelaki berpura-pura dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dikritik oleh HAMKA:

Jadi bagi Aziz, hidup adalah komedi belaka. Kejujuran tidak ada pada masyarakat, baik laki-laki atau perempuan. Kejujuran adalah bergantung kepada wang.

(HAMKA, 2004b: 112)

Kejahatan seseorang diketepikan kerana dia mempunyai harta benda dan kemewahan. Masyarakat mengabaikan kejahatannya kerana pemikiran mereka yang kemaruk kebendaan. Pemikiran seperti itu menutup kejahatan seseorang lantaran kekayaan yang dimilikinya. HAMKA mengkritik hal ini seperti kenyataannya tentang pandangan masyarakat terhadap Sutan Marah Husin, lelaki durjana dalam novel *Keadilan Ilahi*:

Khabarnya konon tangannya amat lancang sebagai mulutnya juga. Tetapi semuanya itu tersembunyi dari pemandangan orang, kerana wangnya banyak. Dan rupanya gagah pula. Adakah tidak! Bukankah wang itu kadang-kadang menjernihkan muka?

(HAMKA, 1985: 36)

Perkahwinan telah dijadikan alat untuk menjadi kaya atau menambah kekayaan bagi mereka yang kemaruk kebendaan. Melalui perkahwinan dengan hartawan, diharapkan kehidupan mereka menjadi senang dan kalau yang sudah berharta, perkahwinan diharapkan akan dapat menambahkan kekayaan mereka. Hal inilah yang ditakuti oleh Poniem dalam novel *Merantau ke Deli*:

Berapi kali orang telah mengajak saya kahwin tetapi saya telah tahu dia bukan mengahwini diri saya, tetapi mengahwini barang saya.

(HAMKA, 2004a: 12)

Kebimbangan Poniem sememangnya berasas. Kebendaanlah yang menjadi tujuan madu Poniem iaitu Mariatun berkahwin dengan Leman. Leman telah menjadi seorang saudagar yang berjaya lantaran sokongan dan kecekapan Poniem membantunya dalam perniagaan. Mariatun yang kemaruk kebendaan berfikir:

Dia hanya merasa beruntung kerana telah tercapai apa yang dicita-citakannya. Tentu kelak tidak berapa lama lagi, tangannya akan berluit dengan gelang emas, lehernya, dan penitinya daripada paun Amerika dan kalau perlu memakai gelang kaki, akan dibanggakannya ke hadapan kawan-kawannya di kampung apabila dia pulang kelak.

(HAMKA, 2004a: 93)

HAMKA telah mengkritik golongan yang kemaruk kebendaan. Beliau mengkritik tindakan Sutan Marah Husin yang menggunakan wang untuk mempengaruhi gadis termasuklah nenek-mamak yang bodoh. Wang digunakannya untuk membangkitkan kesukaan orang kepadanya. Dalam novel *Keadilan Ilahi* ini, HAMKA mendedahkan hal tersebut:

Baginya wang itu adalah berguna sekali untuk pikat-memikat gadis-gadis. Bahkan kadang-kadang nenek-mamak yang dungu, mahu menyerahkan kemenakannya kepada seorang dengan menjemput orang itu menurut adat iaitu yang laki-laki dibelanjai oleh mamak yang perempuan, kerana mengharap labanya di belakang. Dalam perkara begini tentu sahaja laba yang berganda bagi Sutan Marah Husin.

(HAMKA, 1985: 83)

Akibat kemaruk kebendaan, semua pihak saling mempergunakan antara satu sama lain. Tidak ada perhubungan yang ikhlas atas nama persaudaraan dan kesetiakawanan. Sutan Marah Husin menggunakan kebendaan untuk memikat gadis muda manakala gadis-gadis dan nenek-mamak mahukan Sutan Marah Husin kerana kekayaannya.

Kemaruk kebendaan akan menyebabkan penyesalan kerana apa yang dicita-citakan tidak berhasil. Selain daripada itu, kemaruk kebendaan juga akan menyusahkan diri kerana wang hanya memungkinkan seseorang itu mendapat sesuatu yang tidak bermutu. Dalam konteks ini, keperluan hidup yang didapatkan atas asas kecintaan kepada kebendaan seperti isteri yang dikahwini tidaklah akan menjadi isteri sejati. Abdul Halim menasihati Azhar dalam novel *Terusir*:

Sekarang cubalah, boleh sama-sama kita lihat, engkau tidak akan mendapat isteri yang seperti Mariah. Isteri yang akan engkau dapat agaknya, hanyalah isteri yang akan dibawa tidur, bukan isteri yang akan dibawa mati.

(HAMKA, 2007: 13)

Kekuatan HAMKA sebagai pendakwah dan pendidik jelas kelihatan dalam perjuangan pembebasannya daripada kemaruk kebendaan. Ketika kebendaan menjadi tujuan hidup sesetengah manusia, HAMKA menidakkannya melalui karya kreatif beliau. Bagi HAMKA, kebendaan bukan jawapan kepada matlamat hidup manusia apatah lagi menjadi penyelamat kepada umat.

HAMKA menanggapi kemaruk kebendaan sebagai gejala yang boleh melemahkan umat. Oleh yang demikian, beliau menyeru kepada pembebasan daripada kemaruk kebendaan kerana ia menyerang umat pada setiap zaman. Hal inilah juga yang menjadi kerisauan Rustam Abdullah Sani (2011: 30) yang mengingatkan masyarakat betapa pembangunan bangsa Malaysia selama ini adalah berpusat kepada wang. Terdapat keperluan yang mendesak untuk menilai semula falsafah dan realiti sebenar pembangunan negara.

Karya kreatif HAMKA sarat dengan cerita dan watak manusia luhur yang tidak dilumpuhkan oleh kebendaan. Pasangan cinta seperti Zainuddin dan Hayati dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, Hamid dan Zainab dalam novel *Di Bawah Lindungan Kaabah* serta Adnan dan Syamsiah dalam novel *Keadilan Ilahi* rata-ratanya adalah manusia miskin tetapi kaya jiwa. Kebendaan bukannya asas dan tujuan perhubungan antara mereka.

Sebagai ulama yang progresif, HAMKA tidak menolak kebendaan bahkan mendidik umat supaya menguasai kebendaan. Apa yang penting ialah janganlah umat ini kemaruk kebendaan. Harta yang dimiliki harus digunakan untuk kebajikan dan pembelaan terhadap umat. Hakikat ini terpancar melalui watak Pak Yasin dalam novel *Tuan Direktur*. Beliau seorang yang berharta tetapi hidup seperti orang biasa dan bersifat sederhana dalam pergaulan seharian. Lebih daripada itu, Pak Yasin membela dan membantu orang-orang miskin yang ditimpa musibah.

HAMKA membuktikan kemampuannya mengemukakan perjuangan pembebasan pemikiran daripada kemaruk kebendaan. Hal ini dilakukan beliau melalui penceritaan yang mantap dengan tema dan persoalan yang menjelaskan tentang keburukan dan kehinaan mereka yang terperangkap dalam budaya hidup yang kemaruk kebendaan.

6.2.5 Pembebasan Sosial melalui Penegakan Keadilan

Karya kreatif HAMKA memperjuangkan pembebasan sosial. Antara aspek yang menjadi perhatian ialah isu keadilan. Melalui karya kreatif beliau, HAMKA dapat

menampilkan isu keadilan sebagai dasar yang penting dalam usaha-usaha pembebasan. Menegakkan keadilan adalah ciri penting perjuangan pembebasan.

HAMKA menegaskan tentang pentingnya keadilan ditegakkan pada semua peringkat dan sudut penghidupan. Keadilan mesti diberikan kepada semua tanpa mengira bangsa dan keturunan. Dalam novel *Keadilan Ilahi*, HAMKA menegaskan tentang perlunya keadilan tanpa memilih bangsa:

Tiba-tiba beberapa orang lain datang sahaja berkerumun ke tempat perkelahian itu, kata setengah membela orang Jawa itu sebab dipukul oleh “bangsa lain....”

(HAMKA,1985: 29)

Dalam peristiwa pergaduhan ini, soal bangsa lebih diutamakan. Pembelaan dan sokongan diberikan kerana bangsa atau keturunan tanpa mengira soal benar atau salah. Hal ini ditolak oleh HAMKA kerana ia mengeneipkan soal keadilan. Bahkan sikap sebegini boleh membawa kezaliman yang besar.

HAMKA ternyata merupakan seorang pejuang keadilan yang teliti terhadap anasir yang boleh merosakkan keadilan iaitu sikap pilih kasih dan taasub. Justeru itu, beliau berusaha mengingatkan bahawa sikap pilih kasih adalah pengkhianatan terhadap penegakan keadilan. Ketaasuban juga akan membawa kepada sokongan membuta-tuli kepada individu atau pihak tertentu tanpa perkiraan betul-salah.

Pilih kasih dan ketaasuban boleh membawa bencana yang lebih besar kepada sesuatu bangsa dan umat. Bangsa yang cuba dibangunkan atas asas ketaasuban dengan

mengenepikan kebenaran dan keadilan tidak akan dapat bertahan lama. Mereka yang taasub kepada sesuatu tidak akan dapat berfikir berasaskan fakta tetapi dikawal oleh emosi. Golongan seperti ini akan mudah terjebak kepada tindakan yang melampau dan zalim.

Mengambil kira latar masa karya kreatif beliau dihasilkan, ingatan HAMKA tentang bahayanya sikap taasub adalah sesuatu yang sangat signifikan. Ketika itu, nasionalisme di Nusantara sedang memuncak dengan perjuangan menuntut kemerdekaan daripada penjajah Barat yang disusuli dengan perjuangan mengisi kemerdekaan. Biar apa-apa pun, memihak kepada bangsa sendiri atas asas taasub tidak dibolehkan.

Penduduk di Nusantara juga terdiri daripada pelbagai kaum. Di Indonesia terdapat etnik seperti Jawa, Minang, Aceh dan Banjar. HAMKA mengingatkan tentang pentingnya perpaduan yang tulin dan bukannya sikap taasub menyokong dan mempertahankan sesuatu atau seseorang hanya kerana dia daripada bangsa yang sama.

Kezaliman adalah fenomena yang ditentang oleh HAMKA melalui penceritaan dalam karya kreatif beliau. Cerita-cerita yang beliau kemukakan banyak memperjuangkan keadilan dan menentang kezaliman. Antara kezaliman yang ditentang ialah penindasan terhadap wanita. Dalam novel *Keadilan Ilahi*, beliau memaparkan pemikiran dan sikap Sutan Marah Husin yang zalim terhadap wanita:

Baginya perempuan itu tidak boleh diletakkan di dalam hati sebab dia tidak akan dibawa mati, tetapi diletakkan di tumit, supaya mudah menyepak kalau tidak berguna lagi.

(HAMKA, 1985: 82-83)

Sutan Marah Husin tidak menghormati wanita bahkan wanita dideranya. Syamsiah yang dipisahkan daripada tunangannya, Adnan dikahwini oleh Sutan Marah Husin yang berakhlak buruk. Pada jangka masa perkahwinan mereka, Syamsiah didera, dihina dan dizalimi dengan tindakan Sutan Marah Husin. Syamsiah dikasari, tidak diberi nafkah yang adil serta tidak dihargai sebagai wanita dan isteri. Setelah berpisah pun, Syamsiah dianiayai dengan tindakan meracuninya oleh pihak Sutan Marah Husin sehingga membawa kepada kematiannya.

HAMKA telah berjaya membangkitkan kesedaran tentang perlunya keadilan diberikan kepada wanita. Wanita diajak supaya bangkit memperjuangkan keadilan untuk diri mereka. Lelaki diingatkan tentang tanggungjawab mereka terhadap wanita dan perlunya para suami memberikan keadilan kepada wanita. Hal ini diingatkan oleh HAMKA dalam novel *Terusir*:

Sesungguhnya bukan sedikit perempuan-perempuan yang menjadi korban kepada kekejaman suami kerana tergesa-gesanya menjatuhkan hukuman.

(HAMKA, 2007: 16)

Amalan memfitnah ditentang oleh HAMKA. Dalam novel *Terusir*, Mariah diceraikan oleh Azhar secara tergesa-gesa akibat fitnah yang tidak diselidiki terlebih dahulu. Bermula dari episod duka inilah Mariah menjadi korban kezaliman. Demi sesuap nasi, dia berjuang untuk hidup sehingga terjerumus ke lembah pelacuran. Mariah adalah korban kekejaman suami yang lemah dan gagal berlaku adil.

HAMKA dapat memadukan antara keadilan Islam dengan keadilan Barat dalam soal hak asasi manusia khususnya hak wanita. Beliau memperjuangkan hak wanita menurut perspektif Islam dan pada waktu yang sama mengangkat hak wanita dalam perjuangan emansipasi wanita. HAMKA bukan sekadar menyentuh keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal, tetapi juga menyentuh soal kemuliaan dan kepentingan wanita dalam pembentukan masyarakat.

Watak-watak wanita seperti Mariah dalam novel *Terusir* menggambarkan keprihatinan HAMKA terhadap hak wanita dan lihatlah kesannya apabila wanita dibiarkan dan diabaikan. Mariah yang asalnya merupakan seorang isteri yang baik terjebak dalam kancuh pelacuran lantaran suami yang lemah. Anaknya, Sofyan membesar tanpa kasih sayang seorang ibu. Suaminya, Azhar tertekan sepanjang hidup lantaran kesilapan yang dilakukan. Lambang-lambang tragik seperti pembunuhan dan penjara ditampilkan oleh HAMKA sebagai akibat daripada hak wanita yang diabaikan.

Salah satu cara untuk memupuk kesedaran terhadap perlunya keadilan menurut HAMKA adalah dengan penzalim itu merasai keperitan hidup yang dialami oleh orang yang kena zalim. Tanpa merasai keperitan hidup, penzalim tidak akan insaf tentang kesusahan dan beban yang ditanggung oleh orang yang dizalimi. Dalam novel *Keadilan Ilahi*, Tuan Direktur yang turut ditahan di lokap polis ingin segera keluar dari tahanan. Walau bagaimanapun, Pak Yasin secara menyindir berkata kepada Tuan Direktur supaya tinggal lebih lama bagi merasai keperitan hidup di dalam tahanan:

“Tidak boleh tuan...sebelum onderzuk polis selesai, walaupun meester dari langit pergi membela ke mari, kita tidak akan keluar...Cubalah dulu barang sehari dua ini, rasalah apa yang

dirasai oleh fakir miskin yang setiap hari hanya tidur di kaki lima toko orang! Cubalah insafkan dan bandingkan dengan kesenangan dan kemegahan yang dirasai setiap hari,” sahut Pak Yasin.

(HAMKA, 1979: 49)

HAMKA telah berjaya membangkitkan kepentingan pembebasan sosial dalam aspek menegakkan keadilan kepada semua. Beliau menegaskan tentang kepentingan keadilan dalam hubungan sosial dalam masyarakat. Penegakan keadilan akan melahirkan masyarakat yang bebas dan sejahtera.

6.2.6 Pembebasan Sosial daripada Adat Minangkabau

Pembebasan sosial melibatkan pembebasan daripada sebarang unsur kemasyarakatan yang membelenggu dan mengongkong. Salah satu unsur tersebut ialah adat Minangkabau yang dalam banyak hal disifatkan oleh HAMKA sebagai menindas kehidupan dan menidakkan hak bagi yang berhak.

Penentangan terhadap adat Minangkabau telah dilakukan oleh HAMKA melalui garapan kreatif beliau dalam novel dan cerpen. Beliau tanpa ragu mengutuk adat Minangkabau yang telah menafikan hak dan kemuliaan manusia. Kemuncak kekesalannya terhadap adat Minangkabau ini diluahkan melalui watak Zainuddin dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*:

Ke dalam masyarakat apakah saya telah terdorong dan kaki saya telah terjerumus?

(HAMKA, 2004b: 74)

Kelemahan dan kekurangan adat Minangkabau didedahkan dengan terperinci oleh HAMKA. Segala kebobrokan dan eksploitasi sistem adat ini dikritik dalam bentuk penceritaan yang menarik, rasional dan realistik. Salah satunya ialah kelemahan adat ini yang dikritik dalam syarahan panjang Poniem terhadap madunya Mariatun dalam novel *Merantau ke Deli*:

Adat! Sedikit-sedikit kami beradat. Sombong! Apakah engkau kira kami yang bukan orang Padang tidak beradat? Ya, itulah macamnya adat. Kalau kelihatan orang kaya yang mampu dan senang hidupnya dengan isterinya, semuanya hendak merampasnya menjadi suami. Itulah adat Padang...Cis! Tak usahlah Upik, dan tak usahlah kau lihatkan adat Padang kepadaku, aku sudah tahu semuanya. Kau datang ke mari dengan mamakmu dan ibumu. Semuanya pulang kembali, ongkos pulang balik mesti suamimu yang menanggung, belikan pula kain bajunya. Itulah adatmu yang engkau puja-puja itu dan itulah alamat bernenek-bermamak, semuanya hendak menghabiskan dan hendak mengupas kulitnya, memakan dagingnya dan kalau boleh hendak mengertuk tulangnya sekali. Adakah kau datang ke mari hendak membelanya? Tidak! Engkau bukan hendak menolongnya tetapi hendak menggulungnya. Katakan juga beradat negerimu itu! Saya sudah tahu engkau mengharapkan dibelikan sawah, dibuatkan rumah dan dibelikan gelang emas berlian, beli kain sepuluh peti. Sampai nanti kering suamimu itu dan dia telah kering, sehingga kembali pula merantau dengan kemelaratannya, engkau akan minta talak dan minta cerai. Sebab engkau masih muda, dan engkau cari pula laki-laki lain. Di negerimu seorang perempuan yang beradat boleh berganti janda sepuluh kali setahun!

(HAMKA, 2004a: 112)

Eksplorasi adat Minangkabau khususnya terhadap orang lelaki didedahkan oleh HAMKA. Lelaki diperas dan diperah semahu-mahunya. Bukanlah kasih sayang yang diutamakan tetapi manfaat harta benda yang dapat dikaut oleh wanita Minangkabau. Semuanya atas nama adat yang direka-reka dan kemudiannya diinstitusikan. Apa yang menarik dalam syarahan di atas ialah ia diucapkan oleh Poniem, seorang wanita Jawa. HAMKA mahu menunjukkan bahawa perubahan perlu dilakukan melalui kritikan dari

luar kerana orang yang sudah lali dengan sesuatu sistem mungkin tidak dapat melihat kelemahan sistem adat tersebut.

HAMKA mengkritik adat Minangkabau yang meminggirkan seseorang yang baik hanya kerana ia bukan daripada suku Minangkabau. Watak Zainuddin, lelaki budiman dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dihina dan disingkirkan hanya kerana keturunan Minangkabaunya tidak mantap dan dipersoalkan. Hayati melahirkan kekecewaannya terhadap layanan yang diberikan oleh masyarakat Minangkabau terhadap Zainuddin:

Bukanlah orang mencela perangnya, hanya yang dipandang orang ialah bangsanya. Alangkah kejamnya adat negeri kita ini sahabatku.

(HAMKA, 2004b: 40)

Karya kreatif HAMKA turut memaparkan betapa terdapat masyarakat Minangkabau yang sanggup hidup dalam kesusahan lantaran mengikut adat. Apa yang lebih penting bagi mereka adalah akur kepada adat meskipun membebankan. Hal ini dipaparkan oleh HAMKA melalui kehidupan Lemman dalam novel *Merantau ke Deli* yang kembali susah dan menderita. Keluhnya kepada Suyono:

Dahulu telah saya pilih hidup secara jadi orang rantau, sudah saya kecap nikmatnya. Tetapi saya lemah hati, saya lemparkan kembali hidup demikian, dan saya pilih pula kembali hidup secara kampung, maka terdampaklah keduanya di hadapan saya, tiada saya tahan menghadapi. Pada kedua-duanya itu saya karam.

(HAMKA, 2004a: 163)

Kehidupan Lemman yang awalnya susah kerana bekerja sebagai buruh kontrak berubah apabila dia menikahi Poniem, seorang wanita Jawa. Poniem yang sabar dan bervisi telah

secara beransur-ansur membantu Leman meningkatkan taraf hidup mereka. Hidup mereka menjadi senang dan ketika inilah kaum keluarga Minangkabaunya mempengaruhi Leman supaya berkahwin seorang lagi iaitu dengan Mariatun, seorang gadis Minang. Cengkaman adat dan kehendak melampau Mariatun serta keluarga menyebabkan kehidupan Leman kembali sukar.

HAMKA menegaskan betapa harga diri yang menjadi kemuliaan seseorang insan turut hilang akibat penguasaan adat Minangkabau. Kedudukan orang lelaki sememangnya rendah dalam adat Minangkabau. Mereka tidak berkuasa dan tidak mempunyai suara dalam membuat sebarang keputusan. Hal ini dicatatkan dalam novel *Tenggelamnya*

Kapal Van Der Wijck:

Mamak-mamak duduk berapat di kepala rumah yang dihilir, perempuan-perempuan duduk di dekat jalan ke dapur, mendengarkan buah muafakat dari jauh. Orang semanda, iaitu suami dari kemenakan-kemenakan, dari pagi sudah sengaja tidak pulang kerana “orang” akan mesyuarat dalam sukunya, padahal mereka hanya urang semanda, mengebat tidak erat, memancung tidak putus, lengau di ekor kerbau, debu di atas tunggul, lecah lekat di kaki. Walaupun kadang-kadang anak sendiri yang akan dipertunangkan atau dikahwinkan. Dia hanya kelak akan diberi kata yang telah masak saja.

(HAMKA, 2004b: 137-138)

Kritikan-kritikan HAMKA terhadap adat Minangkabau menguatkan kesungguhan beliau supaya adat yang menindas ini diubah atau dimansuhkan terus. Ciri-ciri kezaliman yang terdapat di dalam adat ini tidak sepatutnya dipertahankan. Keazaman dan hasrat HAMKA ini dinyatakan dengan jelas dalam novel *Merantau ke Deli* melalui apa yang dinyatakan oleh watak saudagar Abdullah:

Saya lain, saya sudah lama bertukar bulu. Sudah banyak negeri yang saya jejak, sebab itu faham saya sudah lebih luas. Buat saya,

seluruh tanah Indonesia ini tanah air saya, tidak berbeza, dan di mana hidup saya diberi anugerah oleh Tuhan, haruslah anugerah itu saya syukur.

(HAMKA, 2004a: 153)

Pengkaji dapat mengesan dua kualiti penting HAMKA dalam perjuangan pembebasan sosial daripada adat Minangkabau. Pertama, keberanian beliau untuk menegur suatu sistem adat yang telah lama bertapak dan sudah sehati dengan masyarakat tersebut. Sudah barang tentu beliau menghadapi kebencian daripada pemuka adat namun demikianlah sifat pejuang yang bersedia menanggung risiko perjuangan.

Kedua, HAMKA memperkenalkan kaedah berkesan untuk menilai sesuatu sistem. Penilai luar lebih berautoriti dalam membuat penilaian kerana orang dalam yang berkepentingan dan sudah sehati dengan sistem tersebut berkemungkinan besar tidak dapat melihat kelemahannya. Hakikat ini terserlah dalam novel *Merantau ke Deli* apabila pengkritik utama adat Minangkabau adalah Poniem, seorang wanita Jawa. Melalui Poniem, HAMKA mengemukakan pelbagai hujah tentang kelemahan adat Minangkabau.

HAMKA telah menunjukkan kejayaannya membangkitkan persoalan pembebasan sosial dalam aspek membebaskan rakyat daripada adat Minangkabau. Penceritaan beliau telah mendedahkan kepincangan dan kezaliman adat Minangkabau yang diskriminatif, pincang dan menindas.

6.2.7 Pembebasan Sosial melalui Pembelaan Golongan Terpinggir

Karya kreatif HAMKA menumpahkan simpati yang amat sangat terhadap golongan terpinggir dalam masyarakat. HAMKA telah mengangkat dan menonjolkan perjuangan membebaskan golongan ini melalui penceritaan yang realistik dan mengharukan. Golongan miskin, fakir, yatim, gelandangan dan golongan bawahan menjadi sumber penceritaan HAMKA.

HAMKA memperjuangkan hak dan maruah diri golongan terpinggir. Mereka perlu dibebaskan daripada penghinaan yang tidak berkesudahan. Kemiskinan dan kesusahan mereka sering dimanipulasi untuk menghina dan mengeneipkan mereka. Kisah ini dikemukakan antaranya dalam novel *Terusir*:

Kerana kemiskinannya itu sahaja sudah cukup dijadikan orang alasan untuk menyalahkannya.

(HAMKA, 2007: 22)

Mariah dalam novel *Terusir* adalah seorang wanita malang yang miskin dan melarat. Akibatnya, dia disisih daripada masyarakat dan sering dipersalahkan atas apa juga kejadian. Memang mudah menghina dan menyalahkannya kerana dia tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Kedudukan sebagai orang biasa yang tidak berpangkat dan berstatus tinggi telah menyebabkan golongan terpinggir tidak mendapat peluang untuk berjaya dalam hidup. Mereka gigih berusaha untuk mencapai kehidupan yang lebih selesa tetapi sistem sosial tidak mesra terhadap mereka. Hal ini diceritakan oleh HAMKA melalui watak Adnan dalam novel *Keadilan Ilahi*. Dia hanya menjadi buruh yang bekerja keras tetapi hasil

kejayaan kerja itu dinikmati oleh pihak lain sedangkan Adnan hanya mendapat upah yang kecil. HAMKA menceritakan situasi ini:

Sebab itu tidak hairanlah kalau sekiranya yang beroleh untung hanya orang lain, yang beroleh kekayaan hanyalah sesiapa yang bermodal, apapun yang menyambut barang orang lain itu, sebagai Adnan, kerap kali hanya jadi saksi sahaja. Sehabis musim, orang yang beroleh laba bagus sudah dapat pulang ke kampung, sedang Adnan masih mengaji dari “alif ke alif” juga.

(HAMKA, 1985: 23)

HAMKA mengkritik golongan kaya dan mengangkat kedudukan golongan terpinggir. Hal ini dilakukan melalui penceritaan tentang sikap individualistik golongan kaya. Tuan Direktur dikritik oleh Pak Yasin dalam novel *Tuan Direktur*. Tuan Direktur yang mewakili golongan kaya ditegur oleh Pak Yasin:

Jijik mukamu melihat sahabat-sahabat saya yang kelihatan miskin itu, tetapi jauh lebih tinggi budinya daripadamu.

(HAMKA, 1979: 51)

Pukulan Pak Yasin kepada Tuan Direktur yang menghina golongan terpinggir dan memuliakan golongan kaya sedangkan golongan kaya itu tidak pula datang membantunya ketika di dalam penjara. Apabila berada di penjara, sahabat-sahabat Pak Yasin yang terpinggir lebih bersedia membantu Tuan Direktur berbanding kawan-kawan Tuan Direktur yang bebas di luar penjara. Mereka tidak pula datang untuk melawat dan membantu Tuan Direktur di penjara.

Secara sedar, HAMKA telah mengangkat nilai keikhlasan sebagai kualiti penting dalam perjuangan dan persahabatan. Golongan terpinggir mempunyai kualiti keikhlasan yang tinggi walaupun mereka kurang berpendidikan. Golongan kaya dan berkuasa berkawan

kerana kepentingan dan kebendaan. Oleh itu asas hubungan mereka adalah rapuh, penuh kepura-puraan dan kemunafikan.

HAMKA membela golongan terpinggir seperti watak Muluk yang miskin dan serba kekurangan yang dikenali dalam masyarakat Minangkabau sebagai orang Parewa. Walaupun Muluk dianggap rendah nilainya dalam masyarakat, tetapi Muluk mempunyai nilai hidup yang baik seperti yang digambarkan oleh HAMKA dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*:

Mendengar segala cerita yang keluar dari mulut orang tua itu, mata Zainuddin kembali terbuka, lebih-lebih mendengar perempuan itu menceritakan kebaikan hati Muluk yang selama ini hanya berkenalan dari jauh sahaja dengan dia.

(HAMKA, 2004b: 154)

Muluk memperakui nilai baiknya yang terlindung daripada pandangan mata masyarakat lantaran kedudukannya yang terpinggir dalam masyarakat. Antara nilai baik yang dimilikinya ialah keikhlasan, baik hati dan kesetiaan. Muluk kemudiannya mengikut Zainuddin, menjadi pembantu dan kawan Zainuddin yang setia hingga ke akhir hayat.

Kata Muluk:

Namun basa-basi, kami lebih teguh memegangnya daripada orang-orang yang berpangkat sekalipun.

(HAMKA, 2004b: 156)

Walaupun golongan terpinggir dikuasai oleh golongan berkuasa dan berpengaruh, namun jiwa mereka tetap bebas. Dalam episod tragis novel *Keadilan Ilahi*, Syamsiah menangi kematian Adnan, tunangannya yang dipisahkan dengan kejam daripadanya.

Manusia yang berpengaruh telah berlaku kejam memisahkan mereka tetapi cinta mereka tidak dapat digugat. Hakikat inilah yang ditegaskan oleh HAMKA:

Lama sekali Syamsiah menangkupkan kepalanya dekat mayat itu, mayat saudaranya sejak kecilnya dan tunangan yang dicintainya sampai besarnya, yang dipisahkan oleh nasib dan peruntungan oleh kekejaman tangan manusia.

(HAMKA,1985: 79)

Aspek pembebasan sosial iaitu membebaskan golongan terpinggir telah berjaya disampaikan oleh HAMKA dalam penceritaan karya kreatif beliau. Penyampaiannya mengharukan dan menimbulkan kesedaran tentang perlunya golongan terpinggir ini mendapat pembelaan yang sewajarnya daripada masyarakat.

Secara keseluruhannya, HAMKA telah berjaya memperjuangkan tema besar tentang pembebasan dalam karya kreatif beliau. Tema besar pembebasan itu dicerakinkan kepada aspek-aspek pembebasan iaitu persoalan pembebasan akidah, pembebasan pemikiran dan pembebasan sosial. Cerita-cerita HAMKA termuat dalam karya kreatif beliau yang sangat mengesankan dan menyentuh jiwa dan rasa.

6.2.8 Kekuatan Karya Kreatif HAMKA

6.2.8.1 Kemantapan Cerita

Karya kreatif HAMKA mempunyai kekuatan yang sangat ketara dan istimewa dalam aspek cerita. Cerita-cerita HAMKA mantap khususnya dalam aspek mengengahkan tema pembebasan. Mesej yang hendak disampaikan dapat diterima dengan jelas oleh

pembaca. Hal ini demikian kerana HAMKA dapat mengadunkan kebolehan beliau sebagai ulama, pendidik dan sasterawan yang tersohor.

Cerita memainkan peranan penting dalam sesebuah karya kreatif. Perkembangan sastera di rantau ini berlegar di sekitar cerita (Ungku Maimunah, 2012: 5). Demikianlah kritikan sastera juga memberikan tumpuan kepada persoalan cerita. Dalam karya kreatif beliau, HAMKA dapat mengemukakan cerita yang berlatar belakangkan tema pembebasan dengan menarik dan menonjol.

HAMKA menepati cerita yang sewajarnya diangkat dalam karya kreatif kerana karya kreatif ialah tentang keperihalan kemanusiaan (Shahnon, 1994: 1 &17). Cerita dalam karya kreatif HAMKA sememangnya tentang kisah manusia yang beraneka ragam dan persoalan kemanusiaan yang muncul dalam pelbagai dimensi.

Sasterawan Negara, Shahnon Ahmad (1994: 50) meletakkan teras bagi sesuatu karya kreatif ialah cerita tentang manusia dengan segala kompleksitinya. Bagi Shahnon Ahmad (1994: 64), karya kreatif merupakan tafsiran pengalaman dan keperihalan manusia. Oleh yang demikian, kemesraan hubungan antara kesusasteraan dengan kemanusiaan adalah keintiman hubungan yang kekal dan abadi.

Hubungan antara cerita dan kemanusiaan merupakan sesuatu yang sepatutnya menjadi lazim dan wajib dalam karya kreatif. Ungku Maimunah menegaskan tentang kepentingan keperihalan kemanusiaan yang menjadi teras sesebuah cerita. Inti persoalan

di sekitar manusia ini dinamakan “konflik” oleh Shahnnon Ahmad dan “krisis” oleh A. Samad Said (Ungku Maimunah, 2012: 28). Kedua-dua konsep tersebut menjadi alat penceritaan yang penting dalam karya kreatif.

Kekuatan cerita dalam karya kreatif HAMKA adalah kejelasan tema pembebasan yang dikemukakan dalam karya beliau. Tema perjuangan pembebasannya diadun dalam cerita-cerita yang mantap melalui persoalan-persoalan yang menjurus kepada tema pembebasan tersebut. Hakikat bahawa HAMKA memperjuangkan idea-idea besar dalam karya kreatif beliau diakui oleh Mustafa Daud (1992: 91) dalam kajiannya.

Tema pembebasan yang diperjuangkan oleh HAMKA telah disampaikan dengan berkesan. Seperti yang telah diperincikan, tema pembebasan oleh HAMKA merangkumi pembebasan akidah, pembebasan pemikiran dan pembebasan sosial. Mengikut Sartre (Sahlan & Shaiful Bahri, 2005: 123), karya kreatif yang baik mestilah karya yang memperjuangkan sesuatu tema. Hal ini telah dilakukan dan diperjuangkan oleh HAMKA.

Asas karya kreatif yang baik ialah kemantapan ceritanya. Oleh yang demikian, karya kreatif mesti menumpukan perhatian kepada cerita dan kritikan terhadap karya kreatif juga mesti menumpukan perhatian kepada cerita (Ungku Maimunah, 2012: 5). Kemampuan HAMKA mengolah cerita dengan mantap meletakkan karya kreatif beliau sangat istimewa dan bermanfaat kepada umat.

HAMKA berjaya menampilkan tema pembebasan dengan segala persoalan yang menarik di sekitarnya. Beliau mampu menggarap sumber-sumber utama yang diperlukan oleh sasterawan bagi menghasilkan sesuatu karya. Sumber-sumber utama tersebut adalah pengalaman, ilmu dan imaginasi (Shahnon, 1994: vii). Tanpa kombinasi ketiga-tiga elemen ini, karya yang dihasilkan tidak akan memberi impak yang besar kepada pembaca.

Daya penceritaan HAMKA dalam karya kreatif beliau dimantapkan lagi melalui nilai intelektual dan keilmuan yang tinggi. Karya kreatif beliau bukan sekadar cerita rekaan tetapi didasari oleh asas ilmu yang berautoriti. Hal ini diakui oleh Mustafa Daud (1992: 316) yang memperakui bahawa karya ilmiah dan *Tafsir al-Azhar* karya HAMKA turut terkesan dalam karya kreatif beliau.

Karya kreatif HAMKA dapat menarik perhatian khalayak kerana karya-karya tersebut turut membicarakan persoalan cinta. Berbekalkan kenyataan bahawa cinta itu adalah fitrah manusia, HAMKA telah berjaya mengolahnya dengan mantap dan berseni. Apa yang menonjol ialah keupayaan HAMKA mengangkat cinta martabat tinggi iaitu cinta kepada Allah SWT, cinta kepada agama, cinta kepada kemanusiaan dan cinta kepada alam.

Penekanan HAMKA kepada persoalan cinta martabat tinggi ini telah membezakan beliau dengan golongan penulis Balai Pustaka 1917 dan angkatan penulis Pujangga Baru 1933 (Mustafa, 1992: 92-93). HAMKA mengaitkan cinta dengan panduan agama

sedangkan penulis Balai Pustaka 1917 dan Pujangga Baru 1933 mengisahkan cinta muda-mudi berdasarkan kepada keinginan hati dan fikiran serta imaginasi.

Memanglah benar bahawa karya kreatif HAMKA juga mengisahkan cinta antara manusia lelaki dan perempuan. Namun, cinta itu disandarkan kepada cinta kepada Allah SWT berpaksikan keimanan dan ketakwaan. Panduan syarak dan akhlak mulia dipertahankan, bukannya cinta berasaskan nafsu yang dilemaskan oleh kemabukan rasa dan tindakan yang lepas-bebas.

Cinta antara Zainuddin dengan Hayati dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* diolah dengan kekuatan agama. Sepanjang percintaan mereka, mereka tidak pernah berdua-duaan. Suratlah yang menjadi wahana perhubungan mereka. Kalaupun mereka bertemu, pasti ada manusia ketiga yang menemani seperti adik kepada Hayati. Demikianlah pendidikan dan dakwah yang mahu diterapkan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau.

Sebagai ulama dan pendidik, HAMKA sering mengaitkan kehidupan watak-watak dengan kematian. Ramai watak dalam karya kreatif HAMKA mati dalam cerita. Hal ini bukanlah sesuatu yang luar biasa kerana kematian adalah sesuatu yang pasti ditempuhi manusia. Pengarang sememangnya mempunyai hak untuk membunuh sesiapa sahaja dalam karya kreatifnya (Shahnon, 1994: 114). Walau bagaimanapun, HAMKA tidak mematikan sesuatu watak dengan sengaja melainkan untuk memberi pengajaran kepada pembaca.

Suatu hal yang menonjol tentang tema pembebasan dalam karya kreatif HAMKA ialah kritikan dan penentangannya terhadap adat Minangkabau. Penentangannya pula bukan sekadar singgungan yang biasa-biasa tetapi merupakan suatu penentangan yang keras dan bersungguh-sungguh. Hal ini merupakan kekuatan yang istimewa dalam karya kreatif HAMKA.

Karya kreatif yang menyentuh adat Minangkabau menarik untuk disoroti. Umar Junus (1984: 229-248) dalam kajiannya terhadap penulis Minangkabau yang menggarap persoalan adat Minangkabau dalam karya mereka telah mengenal pasti tiga pola pemikiran dan pendekatan.

Pendekatan pertama ialah menyokong adat Minangkabau melalui watak-watak berpendidikan tinggi Belanda. Golongan ini diwakili oleh penulis seperti Selasih. Pendekatan kedua menentang adat Minangkabau melalui watak berpendidikan tinggi Belanda. Penulis Nur St. Iskandar termasuk dalam golongan ini. Pendekatan ketiga diwakili oleh HAMKA yang menentang adat Minangkabau melalui watak orang kebanyakan berpendidikan agama.

Keistimewaan HAMKA dalam persoalan penentangan terhadap adat Minangkabau ini ialah penghayatan beliau terhadap tema pembebasan. Watak-watak yang menentang adat Minangkabau ini dalam karya kreatif beliau terdiri daripada orang kebanyakan. Hal ini menunjukkan betapa HAMKA mahu menggerakkan kesedaran bahawa perjuangan

pembebasan perlu didokong oleh masyarakat teramai yang terdiri daripada orang biasa yang menunjangi sesebuah masyarakat.

Cerita dalam karya kreatif HAMKA turut mengemukakan panduan tentang bidang ekonomi. Banyak karya kreatif HAMKA yang mengisahkan penglibatan watak-watak dalam kegiatan perniagaan yang merupakan kegiatan ekonomi yang dianjurkan oleh Islam. Hal ini dapat dilihat dalam novel-novel *Merantau ke Deli*, *Keadilan Ilahi* dan *Tuan Direktur*. Demikian juga hal yang sama dalam cerpen-cerpen “Penjual Ubat Berkeliling” dalam antologi *Cermin Penghidupan* (HAMKA, 1976: 14-37) dan cerpen “Pasar Malam” (HAMKA, 1982a: 3-7) serta “Penjual Es Lilin” (HAMKA, 1982a: 15-24) dalam antologi *Di Dalam Lembah Kehidupan*.

Kekuatan karya kreatif HAMKA juga terserlah dalam aspek penghujahan pro dan kontra dalam cerita. Apabila HAMKA memberikan hujah tentang sesuatu kebenaran, beliau mengemukakan pula hujah sebaliknya yang sering digunakan orang untuk menolak kebenaran tersebut.

Dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van der Wijck*, telah ditimbulkan isu tentang tanggungjawab wanita dan kebebasan. Zainuddin yang tidak senang dengan pakaian Hayati yang menjolok mata dalam satu majlis di Padang Panjang telah memberikan nasihat dalam suratnya kepada Hayati:

Hayati!...Apa yang saya lihat kelmarin? Mengapa telah berubah pakaianmu, telah berubah gayamu? Mana baju kurungmu? Bukankah adinda orang dusun! Saya bukan mencela bentuk pakaian orang kini, yang saya cela ialah cara yang telah berlebihan, dibungkus perbuatan “terlalu” dengan nama model.

Kelmarin, adinda pakai baju yang sejarang-jarangnya, hampir separuh dada adinda kelihatan, sempit pada gunting lengannya, dan pakaian itu yang dibawa ke tengah-tengah ramai.

Kekanda percaya, bahawa yang demikian bukan kehendak Hayati yang sejati. Hayati hanya terturut kepada kehendak perempuan zaman kini. Mereka katakan itulah kemajuan, padahal kemajuan jauh dari itu. Apakah tujuan kemajuan itu kepada perubahan pakaian sampai begitu, Hayati?

Hayati, kehidupanku! Pakailah pakaianmu yang asli kembali, lekatkan pakaian dusunmu. Maaflah Hayati, bahawa Hayati sangat cantik dan kecantikannya itu bukanlah dibantu pakaian, tetapi ciptaan sejak dia dilahirkan.

(HAMKA, 2004b: 106)

Zainuddin menasihati Hayati supaya mengawasi pakaiannya. Hujah Zainuddin itu telah diberikan pula penentangan oleh hujah kawan Hayati yang bernama Khadijah. Khadijah yang tidak bersetuju dengan hujah Zainuddin telah memberikan hujah bertentangan untuk mempengaruhi Hayati. Kata khadijah:

Kalau demikian memang berlainan sekali pendirian kita tentang cinta, Hayati. Kau terlalu dibuaikan angan-angan. Kalau bagi saya, sekiranya datang malaikat dari langit, mengaku sudi menjadi kecintaanku, dibawanya sangkar dari emas, cukup pakaian dari sutera ainal benaat, bermahkotakan intan baiduri, tetapi kemerdekaan dirampas, dan aku wajib tinggal selamanya dalam sangkar emas itu; jika aku bernyanyi hanya untuk dia, jika aku bersiul hanya untuk didengarnya, aku diikat, dipaksa turut ikatan itu. Maka terima kasih bagi malaikat, selamat jalan bagi sangkar emas, selamat pergi bagi mahkota baiduri. Bagiku, bebas menurutkan kata hati, di bawah perintah diri seorang, itulah tujuan yang paling tinggi dunia ini.

(HAMKA, 2004b: 108)

Hujah yang bertentangan seperti dalam kes Zainuddin-Khadijah ini banyak terdapat dalam karya kreatif HAMKA. Hal ini meningkatkan daya intelektual pembaca untuk berfikir dan membuat keputusan. Pembaca yang cerdas akan dapat mempertimbangkan hujah yang lebih baik yang sebenarnya dibimbing oleh HAMKA dalam karya beliau.

Hujah pro-kontra yang dikemukakan oleh HAMKA telah memperlihatkan kehebatan karya kreatif beliau.

Kemantapan cerita telah memberikan kekuatan yang istimewa dalam karya kreatif HAMKA. Cerita-cerita beliau yang bertemakan perjuangan pembebasan telah memberikan idealisme kepada khalayak. Pengolahan cerita yang mantap membolehkan idealisme pembebasan itu disampaikan dengan cara yang menarik dan berkesan.

6.2.8.2 Kemurnian Nilai

Kekuatan karya kreatif HAMKA dapat dikenal pasti melalui kemurnian nilai yang terpancar di dalamnya. Dalam usaha mendukung tema pembebasan dalam karya kreatif beliau, HAMKA memuatkan segala bentuk nilai yang mulia ketika menyampaikan tema tersebut. Karya kreatif beliau sarat dengan nilai murni yang diperlukan dalam pembinaan insan dan pembentukan masyarakat yang sejahtera.

HAMKA menegaskan kepentingan iman dan takwa kepada Allah SWT. Melalui nilai iman dan takwa, kebahagiaan dan kesejahteraan sejati akan diperoleh. Keimanan dan ketakwaan sebagai nilai teras kebahagiaan diterapkan melalui cerita dan watak dalam karya kreatif beliau.

Watak-watak baik dalam karya kreatif HAMKA dibina atas asas iman dan takwa. Zainuddin dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van der Wijck*, Hamid dalam novel *Di Bawah Lindungan Kaabah* dan Pak Yasin dalam novel *Tuan Direktur* merupakan watak

yang memperlihatkan kekuatan iman dan takwa. Hal ini dapat dikesan melalui keyakinan, sikap dan amalan mereka yang menuju kepada kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Watak-watak jahat dalam karya kreatif HAMKA menunjukkan pertentangan dengan hakikat iman dan takwa. Aziz dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van der Wijck*, Sutan Marah Husin dalam novel *Keadilan Ilahi* dan Jazuli dalam novel *Tuan Direktur* adalah watak yang terbabas dan liar. Mereka hidup dalam kekeliruan dan menempuh hidup yang celaka.

HAMKA menanamkan nilai hidup sebagai pengabdian diri kepada Allah SWT. Karya kreatif beliau mengarahkan penghidupan kepada ketaatan kepada Ilahi. Seluruh penghidupan dengan segala asam garam dan kompleksitinya mestilah menuju kepada Allah SWT. Hal ini bersandarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan
untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.
(adz-Dzaariyaat 51: 56)

Nilai murni kesan daripada pengabdian dan ibadat kepada Allah SWT lahir melalui cerita dan watak dalam karya kreatif HAMKA. Antara ibadah khusus yang diberikan penekanan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau ialah ibadah solat, puasa, haji, zakat, membaca al-Quran, doa dan zikir. Novel *Di Bawah Lindungan Kaabah* memberikan fokus yang istimewa kepada amalan haji.

Melalui karya kreatifnya, HAMKA meletakkan nilai kebahagiaan adalah pada hati seseorang. Hakikat ini diolah oleh HAMKA melalui watak Pak Yasin dalam novel *Tuan Direktur* yang sederhana hidupnya tetapi bahagia kerana hatinya sejahtera. Cerpen “Dirayu Suara Azan” dalam antologi *Cermin Penghidupan* (HAMKA, 1976: 38-58) pula mengisahkan tentang kebahagiaan hati Mardhiah (Elizabeth) yang mendapat hidayah dan seterusnya memeluk Islam.

HAMKA memberikan perhatian yang serius kepada persoalan akhlak dan adab. Akhlak yang mulia dan tingkah laku yang beradab dididik oleh HAMKA melalui karya kreatif beliau. Pengkisahannya menitikberatkan ciri-ciri budi pekerti melalui pendidikan akhlak dan moral.

Individu yang berakhlak lahir melalui pendidikan. Justeru itu, HAMKA menjadikan pendidikan formal dan tidak formal yang dilalui oleh sesuatu watak sebagai prasyarat untuk menjadikan watak tersebut individu beradab. Pendidikan formal ditandai dengan pendidikan di sekolah agama, *thawalib* dan surau. Pendidikan tidak formal diterapkan melalui didikan ibu bapa atau penjaga yang bertanggungjawab.

Seiring dengan individu berakhlak mulia, HAMKA turut menonjolkan mereka yang rendah akhlak dan biadab. Mereka ini terdiri daripada kalangan yang tidak berpendidikan, kurang pendidikan agama dan terpengaruh dengan persekitaran yang liar. Golongan ini berkonflik dengan watak-watak yang baik dan telah menimbulkan kerosakan dalam kehidupan.

Watak yang berakhlak membawa nilai murni dalam kehidupan mereka. Antara nilai murni tersebut ialah ikhlas. HAMKA berusaha mendidik umat dengan sifat ikhlas dalam hidup sebagai syarat kepada amalan dalam kehidupan. Keikhlasan bermaksud melakukan sesuatu tanpa mengharapkan balasan daripada manusia yang lain. Semuanya dilakukan kerana Allah SWT.

Watak-watak seperti Hamid dan Zainab dalam novel *Di Bawah Lindungan Kaabah* memperlihatkan keikhlasan. Demikian juga Muluk dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* yang ikhlas membantu Zainuddin dalam urusan kehidupannya. Keikhlasan juga diperlihatkan oleh Pak Yasin dalam novel *Tuan Direktur* yang menolong dan memberikan perlindungan kepada golongan marhaen.

Nilai-nilai murni lain yang terdapat dalam karya HAMKA adalah nilai-nilai kepercayaan kepada Tuhan, amanah, harga diri, bertanggungjawab, hemah tinggi, toleransi, berdikari, kerajinan, kasih sayang, keadilan, rasional dan kesederhanaan (Yus'aiman, 2006: 28-41). Nilai-nilai ini merupakan nilai yang menjadi teras dalam Pendidikan Moral.

Nilai murni yang sarat dalam karya HAMKA turut melibatkan hal yang berkaitan dengan etika perniagaan. Karya kreatif HAMKA turut memberikan perhatian kepada perniagaan. HAMKA mengenenangkan bidang perniagaan kerana sebagai seorang ulama, beliau menyedari kepentingan perniagaan sebagai sumber ekonomi umat sama ada dari segi sejarah kerasulan mahupun realiti semasa.

Karya kreatif yang banyak memuatkan aspek etika perniagaan adalah novel *Merantau ke Deli* dan *Tuan Direktur*. Antara nilai murni yang penting dalam perniagaan ialah sikap jujur seperti yang ditunjukkan oleh Pak Yasin dalam novel *Tuan Direktur*. Pak Yasin membeli tanah dan berniaga dengan niat yang jujur iaitu untuk beribadat kepada Allah SWT (HAMKA, 1979: 52).

Nilai setia juga merupakan nilai yang penting dalam perniagaan dan kehidupan. Kesetiaan akan memastikan kemajuan dalam perniagaan kerana seseorang peniaga yang setia akan dipercayai apabila berurusan. Kualiti inilah yang ditampilkan oleh HAMKA melalui watak Pak Yasin (HAMKA, 1979: 76). Sebaliknya, Jazuli yang mengkhianati rakan-rakan niaganya mendapat balasan yang buruk iaitu kerugian dalam perniagaan.

Pembebasan diri daripada hutang ditonjolkan oleh HAMKA sebagai nilai murni yang perlu dalam perniagaan dan dalam melayari kehidupan seharian. Leman dalam novel *Merantau ke Deli* menghadapi masalah dan bencana perniagaan kerana amalan menimbun hutang (HAMKA, 2004a: 128-130). HAMKA mengingatkan betapa hutang yang banyak akan menjadi beban dan memusnahkan perniagaan dan kehidupan.

Karya kreatif HAMKA muncul sebagai penciptaan yang kukuh kerana ia sarat dengan nilai-nilai murni yang penting dalam proses membina insan dan umat yang mulia. Nilai-nilai murni tersebut ditampilkan dengan sedar oleh HAMKA kerana misi beliau sebagai pendidik dan pendakwah yang setia dengan perjuangannya.

6.2.8.3 Kekuatan Persembahan

Karya kreatif HAMKA menampilkan kekuatan dari aspek persembahan. Persembahan yang baik dan menarik merupakan elemen yang penting dalam sesebuah karya kreatif. Cerita yang baik tidak dapat menarik minat khalayak jika ia gagal dipersembahkan dengan menarik dan berkesan. Dua unsur kekuatan persembahan dalam karya kreatif HAMKA adalah gaya bahasa dan teknik.

Gaya bahasa yang digunakan oleh HAMKA sangat indah, segar dan memukau khalayak. Bayangkan keindahan bahasa yang digunakan oleh HAMKA 80 tahun lalu masih dan tetap segar hingga kini. Pemilihan kata, pembinaan ayat dan laras bahasa yang digunakan dalam karya kreatif beliau amat berkesan dalam menyampaikan mesej dan cerita yang mahu diketengahkan.

Kesegaran dan keindahan bahasa yang digunakan oleh HAMKA menunjangi setiap karya beliau. Apabila mahu menyampaikan sesuatu, HAMKA berjaya mengemukakannya dengan cara yang paling indah dan mempesonakan. Apabila membicarakan tentang cinta, melalui novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, HAMKA mengungkapkannya sebagai:

Ketahuilah bahawa Allah yang menjadikan matahari dan memberinya cahaya. Allah yang menjadikan bunga dan memberinya wangi. Allah yang menjadikan tubuh dan memberinya nyawa. Allah yang menjadikan mata dan memberinya penglihatan. Maka Allah pulalah yang menjadikan hati dan memberinya cinta.

(HAMKA, 2004b: 61)

Lihatlah bagaimana HAMKA menjelaskan tentang cinta sebagai fitrah atau sifat keinsanan yang asasi. Lari dari kebiasaan menghuraikan cinta secara konvensional, HAMKA memberikan analogi hubungan akrab cinta dengan manusia melalui perbandingan hubungan erat unsur-unsur lain; matahari-cahaya, bunga-wangi, tubuh-nyawa. Tidakkah ini suatu gaya bahasa yang memukau?

Mustafa Daud dalam kajiannya memperakui kekuatan gaya bahasa HAMKA. Beliau mengesani bahasa HAMKA yang bersifat komunikatif dengan pemikiran yang berpusat dan ayat-ayat yang seimbang (Mustafa, 1992: 329). Mesej yang hendak disampaikan oleh HAMKA dapat dilakukan dengan berkesan melalui penguasaan bahasa yang hebat.

HAMKA turut menggunakan gaya bahasa memujuk. Gaya bahasa pujukan ini menurut gaya bahasa al-Quran (Mustafa, 1992: 328). Dalam usaha dakwahnya melalui karya kreatif, HAMKA memujuk pembaca supaya menghayati hakikat keimanan yang sejati dan menyeluruh. Bahasa beliau sopan, beradab dan berusaha meyakinkan pembaca supaya berpegang teguh dengan keimanan dan ketakwaan. Melalui bahasa pemujukan ini, pembaca tidak tersinggung dengan teguran dan kritikan yang beliau kemukakan terhadap budaya hidup yang songsang.

Bahasa yang digunakan oleh HAMKA juga merupakan bahasa alam yang menggambarkan keindahan alam sebagai keajaiban ciptaan Tuhan. Mustafa Daud (1992: 329) mengenal pasti hal ini sebagai pendekatan dan gaya bahasa al-Quran. Keindahan alam dihuraikan dan didedahkan dengan bahasa yang tepat dan mendalam.

Karya kreatif HAMKA sentiasa menceritakan keindahan alam dengan terperinci sehingga menimbulkan kesan yang mendalam terhadap pancaindera pembaca. Hal ini tidak sukar difahami kerana latar belakang HAMKA yang berasal dari Desa Maninjau yang indah, permai lagi mempesonakan. Justeru itu, pengaruh keindahan alam kampung halaman beliau menghiasi karya kreatif HAMKA.

Gambaran keindahan alam dapat diimajinasikan dalam karya kreatif HAMKA. Karya kreatif beliau sentiasa memperihalkan keindahan alam seperti bukit-bukau, tasik, langit, sawah, sungai, matahari dan burung. Hal seperti ini sentiasa dimuatkan dalam karya kreatif beliau seperti pada permulaan novel *Keadilan Ilahi*:

Bagaimana kami takkan cinta kepada tasik yang begitu indah, kepada danau yang begitu permai, padahal di sanalah tertumpah segala kenang-kenangan kami semasa masih anak-anak.

Dari sebelah barat, dari bukit Malalak, kelihatan mata hari mulai naik dan memancarkan cahaya yang indah gemilang, meliputi setiap danau, dan ibunya telah menunggu bawaan mereka di rumah. Setengahnya pula berkemas dan lekas pergi ke sawah, padi di sawah sedang kuning, unggas sedang banyak pula....

(HAMKA, 1985: 1)

HAMKA telah mempamerkan gaya bahasa yang menarik dalam karya kreatif beliau. Hal ini adalah kebolehan HAMKA yang sangat istimewa. Kesegaran dan keindahan perkataan yang dipilih beliau dalam karya telah meletakkan karya tersebut sebagai karya yang berkualiti.

Kekuatan gaya bahasa HAMKA yang teradun dalam karya kreatif beliau ini merupakan unsur yang sangat penting kerana ia mendorong kepada minat pembaca untuk

menghayati karya kreatif yang dihasilkan. Melalui gaya bahasa yang menarik, tema dan mesej karya kreatif beliau dapat disampaikan kepada khalayak.

Teknik yang digunakan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau telah memberikan kekuatan kepada gaya persembahan. HAMKA telah menggunakan pelbagai teknik yang menarik dan berkesan dalam karya kreatif beliau. Teknik yang beliau gunakan telah memberikan kekuatan dan gaya yang mantap dalam menyampaikan tema pembebasan dan persoalan yang melingkarinya. Terdapat tiga teknik yang menonjol dalam karya kreatif beliau iaitu teknik ceramah, surat dan imbas kembali.

Oleh kerana mempunyai latar belakang seorang ulama dan pendidik, HAMKA gemar berceramah dalam karya. Beliau menyampaikan sesuatu perkara dengan penjelasan dan huraian yang panjang lebar di samping contoh-contoh yang sesuai. Perkara baik dan buruk dibentangkan dengan peringatan-peringatan tentang status perkara tersebut di samping keuntungan dan risiko mereka yang melakukannya.

Teknik ceramah tentunya melibatkan didaktisme. Didaktisme difahami sebagai unsur mengajar, amanat, mesej dan kebijaksanaan (Ungku Maimunah, 2012: 44-45). HAMKA mengajar dalam karya kreatifnya tentang yang baik dan yang buruk. Perbuatan yang baik akan mendapat balasan yang baik manakala perbuatan yang buruk akan mendapat balasan yang buruk. Watak protagonis seperti Poniem dalam novel *Merantau ke Deli* menemui kebahagiaan pada akhirnya dan watak antagonis seperti Sutan Marah Husin mengakhiri hidupnya dengan kecelakaan dan kehinaan dalam novel *Keadilan Ilahi*.

Didaktisme memerlukan khalayak membaca cerita dari awal hingga akhir. Apabila ini dapat dilakukan, barulah ia memberi makna dan pengajaran serta ilmu daripada karya tersebut (Ungku Maimunah, 2012: 46). Sememangnya ini proses yang lumrah dalam penghayatan karya kerana sebahagian besar pengajaran daripada cerita diperoleh pada bahagian akhir cerita tersebut. Pembalasan baik dan buruk terkumpul pada bahagian-bahagian akhir sesuatu karya. Mana mungkin sesuatu karya dapat dihayati sepenuhnya tanpa ada kesediaan khalayak untuk membaca karya tersebut dari bahagian awal hingga bahagian akhir.

Teknik surat digunakan oleh HAMKA dengan meluas dalam karya kreatif beliau. Sebahagian besar karya kreatif HAMKA memuatkan teknik surat sehingga ia dapat dikesan dengan ketara. Hal ini bukan sekadar memberikan keunikan kepada karya beliau tetapi juga mempelbagaikan dan mengayakan teknik.

Surat dalam karya kreatif HAMKA adalah cerminan masyarakat Minangkabau khususnya dan masyarakat Melayu umumnya. Surat adalah medium perhubungan pada masa itu kerana ketika itu jalur perhubungan yang lain belum meluas. Masyarakat berutus surat untuk pelbagai urusan sama ada yang berbentuk peribadi atau yang bersifat kemasyarakatan.

Suatu hal yang perlu disedari ialah hakikat bahawa surat adalah perantara terbaik bagi masyarakat Melayu yang sememangnya pemalu. Dalam karya kreatif HAMKA, surat digunakan untuk melahirkan hasrat hati, pendirian, nasihat dan teguran yang tidak

mampu dilahirkan secara lisan ataupun lisan tidak berupaya menyatakan semua yang hendak disampaikan. Perhatikan surat-surat antara Zainuddin dan Hayati yang begitu mengasyikkan dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

Teknik imbas kembali diaplikasikan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau. Teknik ini menyorot peristiwa lalu bagi melengkapkan penceritaan. Ia menggalakkan pembaca berfikir bagi menyusun kronologi penceritaan menjadi suatu cerita yang tersusun dan lengkap. Unsur suspen dapat diterapkan dan dirungkai kemudiannya.

Novel *Di Bawah Lindungan Kaabah* dan novel *Terusir* banyak menggunakan teknik imbas kembali. Banyak kisah Hamid dan Zainab dalam novel *Di Bawah Lindungan Kaabah* diceritakan secara imbas kembali. Demikian juga banyak episod yang memperihalkan kisah penderitaan Mariah dalam novel *Terusir* ditampilkan dalam teknik imbas kembali.

Teknik yang digunakan oleh HAMKA ternyata telah memberikan kesan yang unik kepada karya kreatif HAMKA. Ia telah berjaya mempelbagaikan cara penyampaian cerita yang menarik dan berkesan kepada pembaca. Hal ini menjadikan pembacaan lebih memberangsangkan dengan teknik yang pelbagai.

Karya kreatif HAMKA ternyata memperlihatkan keunggulan dan kekuatan yang istimewa. Kemantapan cerita, kemurnian nilai dan kekuatan persembahan merupakan adunan yang mengungguli kehebatan karya kreatif HAMKA. Adunan kekuatan tersebut

telah menjadikan karya kreatif beliau sangat istimewa dan meletakkannya pada kelasnya yang tersendiri.

6.2.9 Kelemahan Karya Kreatif HAMKA

Karya kreatif HAMKA diakui mempunyai kekuatan dan kehebatan yang mengagumkan. Namun, terdapat aspek tertentu dalam karya kreatif beliau yang dilihat lemah dan boleh ditambah baik. Aspek berkenaan terdedah kepada kritikan. Kelemahan yang dikenal pasti adalah berkaitan dengan watak dan perwatakan.

Perwatakan dalam karya kreatif HAMKA dipersembahkan secara kurang menyeluruh, kurang bersepadu dan kurang holistik. Watak-watak dikembangkan daripada dimensi tertentu sahaja berdasarkan kepada kehendak HAMKA dan tujuan cerita. Ia tidak mendapat pengolahan yang lebih meluas skopnya.

Sasterawan Negara, Shahnnon Ahmad memperihalkan kepentingan perwatakan dalam karya sastera kerana perwatakan memaknakan kesusasteraan (Shahnnon, 1994: 65). Justeru, perwatakan hendaklah dikembangkan secara menyeluruh dalam tiga dimensi iaitu fisiologikal, sosiologikal dan psikologikal (Shahnnon, 1994: 25). Perwatakan yang baik tidak akan mengabaikan mana-mana dimensi yang sepatutnya berkembang dalam sesuatu watak.

Kebanyakan watak dalam karya kreatif HAMKA terlalu menumpukan dimensi sosiologikal, kurang dalam dimensi fisiologikal dan sangat sedikit dikembangkan dalam

dimensi psikologikal. Tumpuan kepada aspek sosiologikal berlaku kerana HAMKA lebih menekankan kepada perhubungan watak-watak sesama mereka atau penglibatan mereka dalam masyarakat yang menjadi latar penceritaan.

Watak Jazuli sebagai Tuan Direktur dalam novel *Tuan Direktur* diolah dari sudut perhubungannya yang angkuh dengan masyarakat. Demikian juga watak Sutan Marah Husin dalam novel *Keadilan Ilahi* yang lebih menonjolkan perhubungannya yang jahat dengan masyarakat sekeliling. Perhubungan sosial watak-watak mendapat perhatian HAMKA berbanding dimensi psikologi dan fisiologi mereka yang kurang diberikan olahan.

Suatu hal yang mengurangi kualiti perwatakan dalam karya kreatif HAMKA ialah kebanyakan watak yang diolah beliau hanya bersifat watak pipih dan bukannya watak bulat. Perwatakan yang menampilkan watak pipih bukanlah perwatakan yang mantap dalam karya sastera.

Watak pipih merupakan watak yang tidak berubah dan tidak berkembang sebagaimana manusia yang sebenar manakala sebaliknya watak bulat adalah watak yang berubah-ubah dan mengalami perkembangan sebagai manusia yang kompleks (Shahnon, 1994: 69). Watak pipih tidak menggambarkan realiti sebenar perwatakan manusia yang sentiasa mengalami naik-turun, pasang-surut dan jatuh-bangun dalam menempuh dan menjalani kehidupan seharian.

Perkembangan manusia pada umumnya dapat dibahagikan kepada empat (Mustafa, 1992: 317). Pertama, manusia yang baik sepanjang hidup. Kedua, manusia yang jahat sepanjang hidup. Ketiga, manusia yang jahat ketika muda berubah menjadi baik apabila tua. Keempat, manusia yang baik ketika muda berubah menjadi jahat apabila tua. Karya kreatif HAMKA hanya mengolah manusia dalam kategori pertama dan kedua sahaja iaitu manusia yang tidak mengalami perubahan.

Terdapat banyak watak dalam karya kreatif HAMKA yang pipih sifatnya. Antaranya ialah watak Hayati dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, Hamid dan Zainab dalam *Di Bawah Lindungan Kaabah*, Poniem dalam *Merantau ke Deli*, Jazuli dan Pak Yasin dalam *Tuan Direktur* dan Syamsiah dalam *Keadilan Ilahi*.

Kelemahan perwatakan yang turut dikenal pasti dalam karya kreatif HAMKA melibatkan watak hitam dan putih. Kebanyakan watak-watak putih dalam karya kreatif HAMKA digambarkan putih seputih-putihnya dan begitulah pula watak hitam digambarkan hitam sehitam-hitamnya. Hal ini berbeza dengan hakikat bahawa manusia yang baik mempunyai sisi lemahnya dan demikianlah pula manusia yang jahat mempunyai sisi baiknya yang tersendiri.

Watak Sofyan dalam novel *Terusir* diceritakan oleh HAMKA sebagai watak baik yang terlalu sempurna. Walaupun membesar tanpa ibu di sisinya, Sofyan mencapai kecemerlangan dalam hidup. Pencapaian akademiknya tinggi, akhlaknya mulia dan hidupnya sempurna tanpa sebarang cacat-cela. Seheinggakan apabila digoda oleh Flora,

nafsunya langsung tidak berkocak. Demikian juga apabila dia menemui ibunya Mariah yang terperosok ke lembah pelacuran lantaran sikap terburu-buru Azhar, Sofyan tidak pula merasa kesal dan kecewa dengan bapanya, Azhar. Watak Sofyan ini terlalu putih sehingga berbeza dengan watak sebenar dalam masyarakat.

Watak Sutan Marah Husin dalam novel *Keadilan Ilahi* merupakan watak hitam yang terlalu jahat. Watak antagonis ini menggunakan kekayaan untuk mempengaruhi masyarakat. Sutan Marah Husin bernafsu buas, memperdaya dan mengahwini ramai gadis termasuklah Syamsiah. Syamsiah dipisahkan daripada kekasihnya, didera, dihina dan diracun sehingga mati. Tidak ada langsung sisi baik Sutan Marah Husin yang menyebabkan dia berbeza dengan hakikat manusia sebagai insan di dunia.

Perwatakan dalam karya kreatif HAMKA memperlihatkan kelemahan apabila berlaku kontradiksi dalam sesuatu watak. Gambaran tentang sesuatu watak pada awalnya berbeza dengan tindakannya kemudian. Wujud tindakan yang tidak selari sesuatu watak dengan latar belakang dirinya.

Kontradiksi boleh dilihat melalui watak Hamid dan Zainab dalam novel *Di Bawah Lindungan Kaabah*. Mereka mendapat pendidikan yang baik termasuklah pendidikan agama. Kata-kata mereka membayangkan keyakinan mereka kepada kuasa Allah SWT termasuklah dalam persoalan takdir. Walau bagaimanapun, tindakan mereka bertentangan dengannya kerana mereka membiarkan diri menderita oleh cinta sesama

mereka. Lebih tragik apabila mereka mati dalam pengharapan cinta antara mereka yang tidak kesampaian. Tidakkah ini merupakan kontradiksi?

Cerpen “Angkatan Baru” dalam antologi *Menunggu Bedok Berbunyi* (HAMKA, 1967b: 85-136) turut menampilkan kontradiksi dalam perwatakannya. Syamsiar, pemegang diploma daripada sekolah agama di Padang mempamerkan tingkah laku yang bertentangan dengan pendidikannya dan kata-katanya tentang agama. Bagaimana Syamsiar boleh berakhlak buruk termasuklah curang dengan suaminya? Hal ini tidak selari antara episod, berkontradiksi dan bersifat paradoks.

Di sebalik kelemahan kebanyakan watak dan perwatakan dalam karya kreatif HAMKA, terdapat satu watak yang menonjol kekuatannya. Watak itu ialah watak Zainuddin dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Zainuddin merupakan watak yang paling bertenaga, dikenal pasti sebagai watak bulat dan paling tepat menggambarkan manusia dengan segala kompleksitinya.

Keperihalan Zainuddin sebagai manusia diceritakan secara menyeluruh yang merangkumi dimensi fisiologikal, sosiologikal dan psikologikalnya. Walaupun dia merupakan watak putih tetapi sisi hitamnya turut kelihatan. Dia juga berkonflik dengan dirinya sendiri sehingga dimensi psikologikalnya berubah-ubah.

Cinta Zainuddin kepada Hayati mungkin tidak pernah berubah tetapi emosi, keyakinan dan harapan Zainuddin melalui pasang-surut. Sekejap dia begitu bersemangat, sekejap

dia menjadi lemah dan tidak berdaya. Zainuddin benar-benar manusia, memetik kenyataan Shahnnon Ahmad (1994: 68) bahawa personaliti manusia itu sifatnya turun-naik dan tidak statik.

Mercu tanda kepada kekuatan watak dan perwatakan Zainuddin ini ditandai oleh episod penolakannya terhadap Hayati sesudah Hayati diceraikan oleh Aziz. Pembaca yang naif akan berpendapat bahawa sepatutnya inilah kesempatan yang wajib dimanfaatkan oleh Zainuddin bagi memanifestasikan perkahwinan sebagai ikatan percintaan mereka sesudah menempuh ujian yang panjang.

Walau bagaimanapun, di sinilah HAMKA menonjolkan wibawa kepengarangannya apabila Zainuddin menolak peluang berkahwin dengan Hayati lantaran kecamuk jiwanya oleh perasaan cemburu bercampur dendam. Penolakan inilah yang telah membawa kepada kecelakaan akibat tenggelamnya Kapal Van Der Wijck yang ditumpangi oleh Hayati. Cinta mereka tidak pernah padam tetapi psikologi manusia sentiasa ada pasang-surutnya.

Mengambil kira hanya aspek watak dan perwatakan sahaja yang merupakan kelemahan karya kreatif HAMKA sedangkan ceritanya amat bermutu, pengkaji berpendapat bahawa novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* merupakan karya kreatif HAMKA yang terbaik. Hal ini kerana aspek watak dan perwatakan dalam novel ini juga mantap dan memaknakan kemanusiaan.

Terdapat kritikan oleh pengkaji yang lain tentang karya kreatif HAMKA. Mustafa Daud (1992: 332) mempertikaikan penggunaan banyak bahasa oleh HAMKA dalam karya kreatifnya seperti bahasa Belanda, Minangkabau, Sunda dan Jawa. Hal ini tidak sepatutnya dijadikan isu kerana penggunaan banyak bahasa melambangkan kekayaan perbendaharaan kata di samping menerapkan latar masa dan latar tempat dalam sesebuah karya.

Dalam hal berkaitan dengan aktiviti perniagaan yang digarap oleh karya kreatif HAMKA, timbul kritikan bahawa HAMKA mengabaikan dunia korporat dan urusan perniagaan antarabangsa (Mustafa, 1992: 324). Hal ini bukanlah soal besar kerana tujuan HAMKA membangkitkan aktiviti perniagaan adalah untuk menerapkan etika dan moral dan bukannya jenis-jenis perniagaan. Tambahan pula, khalayak yang disasarkan oleh HAMKA adalah masyarakat awam yang tidak mempunyai minat khusus terhadap dunia korporat dan perniagaan antarabangsa.

Kelemahan karya kreatif HAMKA hanyalah dalam aspek watak dan perwatakan. Keadaan ini berlaku kerana dalam berkarya, HAMKA lebih menumpukan perhatian kepada tema dan mesej yang hendak disampaikan kepada masyarakat sesuai dengan kedudukan beliau sebagai pendidik dan pendakwah. Watak dan perwatakan yang dilakarkan oleh HAMKA hanyalah untuk memantapkan cerita bukannya untuk menggarap watak tersebut dengan teliti dan mendalam.

6.3 Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer dalam Karya Kreatif HAMKA

Karya kreatif HAMKA mengandungi semua empat gagasan penting yang terkandung dalam teori pembebasan yang telah dikemukakan oleh Asghar Ali Engineer (1999: 1-2) yang diaplikasikan dalam kajian ini. Teori pembebasan ini telah dibincangkan dalam Bab Satu kajian.

Gagasan yang pertama ialah bahawa pembebasan merangkumi persoalan dunia dan akhirat. Gagasan kedua menyatakan bahawa pembebasan bersifat anti kemapanan (*establishment*). Gagasan ketiga menekankan hakikat pembebasan sebagai pembelaan terhadap golongan terpinggir dan gagasan keempat menegaskan bahawa dalam perjuangan pembebasan, faktor takdir dan usaha adalah saling melengkapi.

6.3.1 Gagasan Pertama: Pembebasan Merangkumi Dunia dan Akhirat

Karya kreatif HAMKA telah mengemukakan pembebasan sebagai suatu tema perjuangan yang merangkumi persoalan dunia dan akhirat. Ia bukan sekadar perjuangan yang tamat di dunia sahaja atau perjuangan yang tertumpu kepada soal keakhiratan semata-mata. Ia bersifat lengkap dan sempurna (*syumul*) seperti yang diajarkan oleh Islam.

Pembebasan menurut HAMKA mesti berupaya mengeluarkan manusia daripada belenggu kongkongan dunia dan kejumudan akhirat. Justeru, pembebasan yang bersifat pembebasan akidah dan pembebasan pemikiran daripada taklid buta mengambil tempat yang penting dalam karya kreatif beliau.

Persoalan penting dalam karya kreatif HAMKA melibatkan pergantungan kepada Allah SWT dalam kehidupan dunia dan akhirat. Hal ini digarap oleh HAMKA dalam semua karya kreatif beliau sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung. Dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, Zainuddin telah menegaskan hal ini melalui surat yang ditulisnya kepada Hayati:

Ayahku telah mati, dan ibuku demikian pula. Bakoku tak mengakui aku keluarganya. Di Mengkasar hanya tinggal seorang ibu angkat. Dalam pergaulan, saya disisihkan orang. Saya tak hendak membunuh diri, kerana masih ada pergantungan iman dengan Yang Maha Kuasa dan Ghaib, bahawa di balik kesukaran ada menunggu kemudahan.

(HAMKA, 2004b: 44)

Zainuddin membangkitkan kemungkinan membunuh diri akibat daripada tekanan hidup yang dideritainya. Kemudian dia menegaskan hal membunuh diri itu tidak boleh terjadi kerana hubungannya dengan Allah SWT yang tentunya melibatkan pembalasan Tuhan di alam akhirat. Hal ini seperti ini menunjukkan betapa perjuangan pembebasan melibatkan kehidupan dunia dan akhirat.

Kedudukan HAMKA sebagai ulama terserlah melalui arah tuju karya kreatif beliau. Karya-karya beliau menuju kepada pengabdian yang hakiki kepada Allah SWT. Sehubungan dengan itu, persoalan dunia dan akhirat ditampilkan dengan jelas. Soal hubungan dengan Allah SWT sentiasa menunjangi karya kreatif beliau.

Tema pembebasan yang diperjuangkan oleh HAMKA sentiasa menekankan soal kesepaduan dunia dan akhirat. Dalam novel *Di Bawah Lindungan Kaabah*, cinta Hamid dan Zainab dibebaskan daripada keasyikan cinta uda dan dara yang berpaksikan berahi

dan seks. Sebaliknya, cinta mereka dihubungkan terus dengan keinginan untuk mencapai kebahagiaan di dunia, lebih-lebih lagi di akhirat.

Hakikat pembebasan yang melibatkan kehidupan dunia dan akhirat sering dikaitkan oleh HAMKA dengan kematian. Kubur menjadi simbol kematian dan hubungan dua alam; dunia dan akhirat. Balasan atas segala perbuatan dikaitkan dengan akhirat. Sutan Marah Husin, watak antagonis dalam novel *Keadilan Ilahi* menghampiri episod hukumannya dengan latar tanah perkuburan. Dia disergah oleh Datuk Putih:

Itu, yang dua itu ialah kubur kemanakan kami si Adnan dan kubur Syamsiah, tunangannya yang engkau rampas dengan kekuatan wangmu, yang mati setelah dia kembali dari peralatan kaum kerabatmu.

(HAMKA,1985: 95)

HAMKA berjaya memperjuangkan tema pembebasan yang merangkumi persoalan dunia dan akhirat melalui karya kreatif beliau. Sememangnya pembebasan hanya mempunyai erti apabila ia digerakkan untuk mencapai matlamat dunia dan akhirat. Kesepaduan dunia dan akhirat akan memastikan kesejahteraan dan kebahagiaan hakiki diperoleh melalui perjuangan pembebasan.

6.3.2 Gagasan Kedua: Pembebasan Bersifat Anti Kemapanan

Pembebasan yang dikemukakan oleh HAMKA mempunyai ciri anti kemapanan (*establishment*). Karya kreatif beliau memperlihatkan pertembungan antara usaha pembebasan dengan keadaan sedia ada khususnya pihak yang berkuasa. Tegasnya, jika mahu bebas, apa yang ada perlu berubah atau diubah.

Usaha untuk mencapai kesejahteraan hidup melalui pembebasan memerlukan perubahan kepada pihak yang berkuasa. Hal ini penting kerana asas utama kepada pembebasan ialah usaha mewujudkan keadilan. Ketidakadilan selalunya berlaku kerana pihak yang berkuasa menyeleweng dan bersikap zalim.

Novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* memaparkan dengan jelas sikap anti kemapanan. Sikap tidak adil diperlihatkan oleh Datuk Mantari Labih iaitu mamak (bapa saudara) kepada Pendekar Sutan. Dia telah menggadai harta peninggalan ibu Pendekar Sutan tetapi menghalang pula Pendekar Sutan yang ingin menggadainya untuk tujuan perkahwinan. Pendekar Sutan berkata:

Mamak sendiri juga pernah menggadai, bukan untuk mengahwinkan kemenakan, tetapi untuk mengahwinkan anak mamak sendiri. Berapa tumpak sawah dikerjakan oleh isteri mamak, kami tidak mendapat bahagian.

(HAMKA, 2004b: 5)

HAMKA mengkritik adat Minangkabau yang memberikan kuasa yang terlalu luas kepada golongan yang berkuasa seperti mamak hingga mereka bersifat autokratik, bongkak dan sombong. Apabila Pendekar Sutan mempersoalkan sikap Datuk Mantari Labih yang tidak amanah, Datuk Mantari Labih mengherdik:

“Itu jangan disebut,”kata Datuk Mantari Labih. “Itu kuasaku, saya mamak di sini, menghitamkan dan memutihkannya kalian semuanya dan menggantung tinggi membuang jauh.”

(HAMKA, 2004b: 5)

Apa juga sistem yang memberikan kuasa yang berlebihan apatah lagi yang bersifat mutlak kepada pihak tertentu tentunya akan mengundang masalah. Kezaliman akan

berlaku kerana kuasa dibolot dan tidak boleh dipersoalkan. Tidak adanya instrumen semak dan imbang (*check and balance*) yang berperanan mengawal kuasa dan kepimpinan.

Pihak yang berkuasa terdedah kepada sikap mengutamakan kepentingan diri. Mereka menggunakan kedudukan mereka untuk mencapai maksud dan tujuan peribadi. Ketidakadilan berlaku apabila masyarakat yang lemah membiarkan sahaja tindakan golongan yang berkuasa tetapi sebaliknya menzalimi golongan bawahan. Hal ini dikritik oleh HAMKA dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*:

Seorang anak muda, yang berkenalan dengan seorang anak perempuan, dengan maksud baik, maksud hendak kahwin, dibusukkan, dipandang hina. Tetapi seorang yang dengan gelar bangsawannya, dengan “*title*” datuk dan penghulunya mengahwini anak gadis orang berapa dia suka, kahwin di sana, cerai di sini, tinggalkan anak di kampung anu dan cicirkan di kampung ini, tidak tercela, tidak dihinakan.

(HAMKA, 2004b: 74)

Kritikan HAMKA itu adalah kerana sikap pilih kasih masyarakat yang menghalang perhubungan suci Zainuddin dan Hayati tetapi pada masa yang sama membiarkan sahaja kerakusan dan eksploitasi golongan berkuasa. Kesucian cinta Zainuddin dan Hayati ditandai dengan keluhuran hati dan bukannya atas pertimbangan harta. Zainuddin bermonolog:

Biarpun permintaannya misalnya diterima orang lantaran wangnya banyak, kalau begitu pertaliannya dengan Hayati bukan pertalian hati, tetapi pertalian harta. Harta boleh banyak dan boleh habis. Harta yang banyak bukan menimbulkan cinta yang murni dalam hati kedua belah pihak-menurut taksiran Zainuddin-tetapi semata-mata menimbulkan congkak dan takbur. Bilamana harta itu ditimpa krisis turun jumlahnya, maka turunlah pula darjat penghormatan kedua belah pihak.

(HAMKA, 2004b: 147)

HAMKA telah berjaya memperjuangkan pembebasan yang menepati gagasan anti kemapanan. Beliau memperlihatkan bagaimana pembebasan memerlukan perubahan keadaan sedia ada dan perubahan pada kalangan pihak yang berkuasa. Jika perubahan tidak dapat mereka lakukan, pilihan yang ada adalah menyingkirkan mereka dan membangunkan sistem yang benar-benar bebas.

6.3.3 Gagasan Ketiga: Pembebasan Golongan Terpinggir

Karya kreatif HAMKA memperjuangkan pembebasan melalui usaha pembebasan golongan terpinggir. Golongan terpinggir merupakan kelompok yang sering ditindas dan dieksploitasi dalam masyarakat. Mereka terdiri daripada kelompok seperti orang miskin, fakir, yatim, janda, orang kurang upaya dan gelandangan. Usaha membebaskan mereka menjadi gagasan yang penting dalam perjuangan pembebasan.

HAMKA membela golongan terpinggir dengan menyatakan kekesalan terhadap sikap masyarakat yang bertindak tidak wajar terhadap mereka yang diklasifikasikan sebagai golongan bawahan dalam masyarakat. Sikap dan perspektif yang salah ini dinyatakan oleh HAMKA dalam novel *Merantau ke Deli* sebagai:

...sebahagian besar dari manusia bukan dipandang manusia lagi, tetapi dipandang sebagai alat perkakas sebagai cangkul dan linggis....

(HAMKA, 2004a: 17)

Dalam novel *Merantau ke Deli*, buruh kontrak telah dieksploitasi semahu-mahunya oleh pelbagai pihak khususnya majikan. Mereka dipaksa bekerja kuat untuk kepentingan majikan. Gaji yang dibayar adalah kecil dan kebajikan mereka sebagai pekerja tidak

diberikan perhatian yang wajar. Lebih buruk lagi, ada buruh perempuan yang dijadikan perempuan simpanan oleh mandur dan majikan.

Golongan terpinggir perlu dibebaskan daripada ketidakadilan dalam masyarakat. Orang miskin perlu diberikan hak dan layanan yang adil seperti yang diterima oleh orang kaya. Perasaan dan jiwa mereka mesti dihormati dan dihargai kerana mereka juga manusia yang sama. Tindakan mendiskriminasikan mereka dikecam oleh HAMKA seperti dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*:

Seorang anak muda, yang berkenalan dengan seorang anak perempuan, dengan maksud baik, maksud hendak kahwin, dibusukkan, dipandang hina. Tetapi seorang yang dengan gelar bangsawannya, dengan “title” datuk dan penghulunya mengahwini anak gadis orang berapa dia suka, kahwin di sana, cerai di sini, tinggalkan anak di kampong anu dan cicirkan di kampong ini, tidak tercela, tidak dihinakan.

(HAMKA, 2004b: 74)

Dalam novel yang sama, HAMKA menentang amalan pengenaan adat yang ketat kepada golongan terpinggir tetapi bersikap pilih kasih terhadap golongan yang kaya. Adat tidak menerima menantu dari luar suku diketepikan dengan mudah sekiranya orang luar itu hartawan. Asal kaya semua boleh jadi:

Meskipun adat nan usali tidak boleh menerima menantu di luar kampong sendiri, aturan ini dikecualikan terhadap kepada menantu orang berasal usul, orang berbangsa, atau orang alim besar yang ternama. Bagi golongan yang dua ini, biasa juga dipakai adat.

(HAMKA, 2004b: 139)

Perjuangan pembebasan golongan terpinggir bermaksud memberikan kemerdekaan kepada mereka. Mereka tidak sepatutnya diperhambakan, dieksploitasi dan ditindas.

Mereka mempunyai hak untuk menikmati kehidupan dan kebebasan berteraskan keluhuran nilai dan akhlak. Hal inilah yang dimaksudkan oleh Pak Yasin sebagai kemerdekaan sejati dalam novel *Tuan Direktur*:

Yang saya maksudkan dengan kemerdekaan ialah kemerdekaan budi pekerti, kemerdekaan jiwa dari pengaruh sesama manusia.
(HAMKA, 1979: 56)

HAMKA telah mengangkat martabat golongan terpinggir dengan memperihalkan betapa mereka mempunyai maruah dan harga diri yang tinggi. Dalam novel *Keadilan Ilahi*, watak Syamsiah yang miskin tetap mempunyai maruah dan harga diri. Apabila Syamsiah dihina oleh Sutan Marah Husin yang angkuh dengan kekayaannya, dia minta dihantar pulang demi maruah:

...hantarkan sajalah saya pulang, engkaukan tau bahawa saya seorang miskin, tetapi lebih senang saya di dalam kemiskinan saya...hantarkan saya pulang.
(HAMKA, 1985: 73)

Salah satu penanda kemuliaan diri ialah apabila masyarakat dengan ikhlas dan rela telah memberikan penghargaan kepada seseorang. Begitulah yang terjadi dalam novel *Tuan Direktur* yang mengisahkan tentang watak Pak Yasin; seorang tua yang dipinggirkan dan dihina oleh orang kaya seperti Tuan Direktur. Walaupun dipenjarakan dan dihina, Pak Yasin tetap dimuliakan oleh masyarakat:

Perkara yang telah terjadi itu rupanya bukan menurunkan harga Pak Yasin di dalam pandangan umum, bahkan namanya bertambah semarak. Orang tua yang dahulunya tidak terkenal itu, dan tidak pula mencari supaya namanya terkenal, di luar sukanya sendiri telah menjadi terkenal. Kerana demikianlah nama itu, kalau kita sendiri yang mereklamekannya ke muka umum, alamat akan direndahkan orang orang, tetapi kalau reklame itu tertegak

dengan izin umum, bahkan umum yang menegakkan meskipun siapa menurunkan, ia akan terus mesti tertegak dengan teguhnya.
(HAMKA, 1979: 67)

Perjuangan pembebasan oleh HAMKA menepati gagasan ketiga dalam teori pembebasan oleh Asghar Ali Engineer iaitu gagasan pembelaan terhadap golongan terpinggir. Pembebasan tidak lengkap jika ia tidak mempedulikan golongan terpinggir yang sentiasa memerlukan pembelaan. Sememangnya hal ini diberikan perhatian utama dalam kandungan karya kreatif beliau.

6.3.4 Gagasan Keempat: Pembebasan Melibatkan Takdir dan Usaha yang Saling Melengkapi

Perjuangan pembebasan yang disalurkan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau turut menyentuh persoalan takdir dan usaha. Takdir sebagai ketentuan Ilahi dan usaha sebagai tindakan bersungguh-sungguh manusia untuk mencapai sesuatu natijah yang diharapkan. Penegasan HAMKA dalam karya kreatif beliau adalah bahawa takdir dan usaha ini saling melengkapi antara satu sama lain.

Hubungan saling melengkapi ini dapat dikesan dalam karya kreatif HAMKA. Apabila beliau bercerita tentang peristiwa sama ada yang berbentuk peristiwa bahagia mahupun peristiwa derita, kedua-dua unsur iaitu takdir dan usaha muncul dan saling mempengaruhi sesuatu peristiwa.

Pasang-surut dan onak-duri kisah percintaan Zainuddin dan Hayati dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, mempunyai kaitan dengan takdir dan usaha.

Hayati dinikahi Aziz adalah takdir tetapi ia juga berlaku kerana kurangnya usaha Hayati dan Zainuddin untuk melepaskan diri daripada kongkongan adat yang sememangnya tidak menyebelahi mereka.

Zainuddin yang kecewa dengan perkahwinan Hayati secara beransur-ansur menggilap namanya sebagai penulis yang masyhur. Dia berpangkalan di Surabaya dan berjaya menghasilkan karya tulis yang bermutu. Kejayaannya yang muncul selepas kekecewaannya adalah takdir namun usahanya yang bersungguh-sungguh memainkan peranan yang penting. Beliau tekun menulis dan menggilap bakatnya dengan serius.

Jatuh-bangun Leman dalam perniagaan seperti yang diceritakan oleh HAMKA dalam novel *Merantau ke Deli* mempunyai kaitan rapat antara takdir dan usaha. Ketika tempoh dia bermonogami dengan Poniem, perniagaannya maju kerana usahanya yang bersungguh-sungguh di samping disiplin yang tinggi yang mentakdirkan perkembangan perniagaannya.

Apabila Leman berpoligami dengan mengahwini Mariatun, perniagaannya merosot. Hal ini berlaku kerana kesungguhan yang sudah hilang dan disiplin perniagaannya yang lemah. Perkahwinannya dengan Mariatun telah mentakdirkan kemerosotan perniagaannya lantaran kekurangan usaha dan kerajinan. Hal ini menunjukkan betapa takdir dan usaha itu sifatnya saling melengkapi.

Petikan dalam karya kreatif HAMKA yang terbaik bagi menjelaskan sifat saling melengkapi antara usaha dan takdir dikenal pasti dalam novel *Terusir*. Azhar telah menyalahkan takdir yang menyebabkannya bercerai dengan Mariah. Sahabatnya yang bernama Abdul Halim menasihati Azhar dengan kata-kata yang sangat bermakna:

...takdir itu melalui sebab dan akibat, suatu takdir tidak datang dengan tiba-tiba, tetapi ada garis yang dilaluinya. Takdir yang ada sekarang ini menurut fikiranku adalah buatan manusia. Yang benci kepada Mariah yang dapat mencuri hatimu, tetapi mereka tidak tahu bahawa dengan berbuat begini, mereka sebenarnya mencelakan dirimu sendiri. Mereka mematahkan perjalanan hidupmu supaya hidupmu jangan bergaram.

(HAMKA, 2007:12)

Abdul Halim menasihatkan Azhar supaya tidak menyalahkan takdir tetapi mengkaji sebab-musabab perpisahannya dengan Mariah. Sebabnya ialah kerana fitnah daripada keluarga dan sikap Azhar yang tanpa usul periksa menceraikan Mariah. Melalui nasihat Abdul Halim, HAMKA mahu menegaskan bahawa takdir itu tidak berdiri sendiri dan berlaku tanpa sebab. Sebab dan akibat yang membawa kepada takdir itulah yang dinamakan usaha.

HAMKA memperjuangkan pembebasan dengan gagasan bahawa takdir dan usaha adalah unsur yang saling melengkapi antara satu sama lain. Takdir sebagaimana usaha tidaklah berdiri sendiri dan sentiasa berhubungan. Peristiwa yang berlaku dalam kehidupan terjadi kerana takdir bersama usaha.

Berdasarkan kepada hujah dan huraian yang telah diberikan, dapat ditegaskan bahawa perjuangan pembebasan yang dikemukakan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau

menepati Teori Pembebasan oleh Asghar Ali Engineer (1999: 1-2). Hal ini jelas kerana perjuangan pembebasan oleh HAMKA menepati empat gagasan dalam Teori Pembebasan oleh Asghar Ali Engineer iaitu pembebasan merangkumi persoalan dunia dan akhirat, pembebasan bersifat anti kemapanan (*establishment*), pembebasan sebagai pembelaan terhadap golongan terpinggir dan unsur takdir dan usaha adalah saling melengkapi dalam perjuangan pembebasan.

6.4 Prasyarat Pembebasan

Tema pembebasan diperjuangkan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau. Tema pembebasan itu muncul dalam bentuk pembebasan akidah, pembebasan pemikiran dan pembebasan sosial. Karya kreatif beliau ternyata sarat dengan nilai pembebasan yang tinggi seperti yang terkandung dalam novel-novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Merantau ke Deli*, *Keadilan Ilahi*, *Tuan Direktur*, *Terusir* dan *Di Bawah Lindungan Kaabah*. Demikian juga cerpen-cerpen yang mengemukakan tema pembebasan seperti yang termuat dalam antologi cerpen *Di Dalam Lembah Kehidupan*, *Menunggu Bedok Berbunyi* dan *Cermin Penghidupan*.

Karya kreatif HAMKA menampilkan, mengupas dan mengolah tema pembebasan dengan tuntas. HAMKA menarik perhatian masyarakat tentang perjuangan pembebasan yang perlu diberikan perhatian dalam masyarakat. Aspek pembebasan yang penting ialah tentang pembebasan akidah, pembebasan pemikiran dan pembebasan sosial.

Dimensi pembebasan akidah menegaskan tentang usaha pemurnian tauhid daripada ketaatan kepada yang lain kepada ketundukan kepada Allah SWT semata-mata. Pembebasan pemikiran melibatkan usaha pembebasan daripada amalan taklid buta, pembebasan daripada pengaruh hawa nafsu dan pembebasan daripada kemaruk kebendaan. Pembebasan sosial pula merangkumi perjuangan untuk menegakkan keadilan, pembebasan daripada adat Minangkabau dan pembebasan golongan terpinggir daripada cengkaman penindasan dan tekanan hidup.

Kejayaan HAMKA memperjuangkan tema pembebasan dalam karya kreatif beliau dipengaruhi oleh faktor cerita dan penceritaan yang mantap. Cerita dalam novel dan cerpen beliau juga menarik dan menghiburkan. Selain itu, gaya bahasa yang digunakan beliau begitu indah dan halus. Pemilihan kata dan ungkapan yang digunakan telah melalui proses penelitian yang ketat sehinggakan ia memberi keindahan yang mengagumkan kepada karya.

Keberkesanan tema pembebasan dalam karya kreatif HAMKA tercapai kerana adanya unsur hikmah dalam karya. Kekuatan hikmah dalam karya kreatif HAMKA dapat dikenalpasti melalui penggunaan bahasa yang baik dan medium yang berkesan (Mustafa, 1992: 21). Keindahan bahasa disalurkan melalui medium yang sesuai sehingga mempengaruhi pembaca yang menghayati karya.

Pembebasan dalam karya kreatif HAMKA memerlukan kepada perubahan dan pembaharuan daripada keadaan sedia ada atau amalan yang sedang berlaku dalam

masyarakat. Hal ini selaras dengan apa yang dinyatakan oleh Albert Camus bahawa makna sebenar kehidupan adalah pemberontakan (Shannon, 1994: 90). Pembebasan memerlukan pemberontakan terhadap kongkongan dan penindasan yang sedang mendera dan menekan.

HAMKA telah menggunakan kebolehan dan kemahiran beliau menerapkan tema pembebasan dalam karya kreatif yang beliau hasilkan. Tema pembebasan tersebut dapat difahami dan dihayati oleh khalayak yang serius membaca karya kreatif beliau. Hal ini memberikan inspirasi tentang peri pentingnya pembebasan sebagai perjuangan hidup yang harus didukung oleh setiap golongan masyarakat.

Asghar Ali Engineer (1999) telah mengemukakan teori pembebasan yang sangat menyeluruh dan komprehensif. Teori tersebut diaplikasikan dalam kajian ini. Kajian ini mendapati bahawa semua gagasan dalam Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer terkandung dalam tema pembebasan yang diutarakan oleh HAMKA melalui karya kreatif beliau.

Perjuangan pembebasan hanya dapat difahami dan dihayati oleh mereka yang telah mengalami proses pencerahan. Mereka yang berada dalam kegelapan pasti tidak dapat memahami kepentingan perjuangan pembebasan kerana mereka lebih sedia hidup dalam kegelapan dan kebodohan.

Tokoh awal yang memperkenalkan dan menggagaskan konsep pencerahan adalah pemikir Jerman yang tersohor bernama Immanuel Kant (1724-1804M). Beliau mendefinisikan pencerahan sebagai pembebasan seseorang daripada ketidakmatangan ciptaannya sendiri. Ketidakmatangan muncul akibat daripada ketidakupayaan seseorang menggunakan kefahamannya sendiri tanpa perlu bergantung kepada orang lain (Kant, 2006: 16). Dalam konteks ini, Immanuel Kant dengan jelas mengaitkan pencerahan dengan usaha pembebasan.

Bagi Immanuel Kant, ketidakmatangan yang berlaku adalah ciptaan sendiri apabila ketidakmatangan itu bukanlah disebabkan oleh ketidakfahaman tetapi kerana kekurangan azam dan keberanian untuk menggunakan kefahamannya tanpa bergantung kepada orang lain. Beliau telah memperkenalkan motto pencerahan iaitu *sapere aude* yang bermaksud “beranilah menggunakan kefahaman sendiri” (Kant, 2006: 16). Ignas Kleden pula menjelaskan motto itu sebagai “beranilah memakai akal budimu sendiri” (Soedjatmoko, 1984: xiii).

Orang yang mendapat pencerahan dikenali sebagai orang yang memiliki apa yang disebut oleh Ali Syariati (2003: 9) sebagai *enlightened souls*. Yusef Progler menjelaskannya sebagai “jiwa yang bebas daripada kejahilan” atau “jiwa yang celik” (Syariati, 2003: 5). Siddiq Fadzil (2006: 19) pula mentakrifkan mereka yang memiliki *enlightened souls* sebagai mereka yang mengalami pencerahan nurani iaitu mereka yang menginsafi diri dan menyedari tanggungjawab sosial mereka lantas memanfaatkan hidup berjuang demi umat bagi merealisasikan cita-cita murni pencerahan.

Pembebasan (*tahrir*) tidak dapat dipisahkan daripada pencerahan (*tanwir*) kerana melalui pencerahan, umat akan dapat membebaskan diri daripada bencana kemanusiaan (Siddiq, 2012: 28). Untuk bebas, individu dan masyarakat itu perlu mendapat pencerahan. Pencerahan akan membolehkan umat membebaskan diri daripada segala bentuk bencana kemanusiaan seperti kebodohan, kejahilan, kesesatan, kebingungan, kekeliruan, kebekuan, kemunduran, kebejatan, kegilaan, kecurangan dan kezaliman.

Manusia bukan sekadar hamba Allah SWT tetapi juga berperanan sebagai khalifah Allah SWT. Amanah kekhalifahan bermaksud manusia bertanggungjawab untuk menegakkan agama Allah SWT dan mentadbir dunia berpandukan ajaran agama. Peranan kekhalifahan bermaksud bertanggungjawab sebagai pemegang dan pengembang amanah Tuhan dan hanya manusia sahaja makhluk Tuhan yang diberi keistimewaan dan dilengkapi dengan kemampuan untuk memikul amanah tersebut. Makhluk lain tidak berdaya melakukannya.

Amanah Tuhan kepada manusia dikaitkan oleh Jalal al-Din Rumi sebagai kehendak bebas (*free will*) manusia (Shariati, 1987b: 11). Kebebasan manusia merupakan unsur penting dalam merealisasikan peranannya sebagai pemegang dan pengembang amanah Tuhan. Justeru, usaha pembebasan merupakan usaha yang sangat penting bagi memaknai diri manusia sebagai manusia secara hakiki.

Kelebihan dan keutamaan manusia berbanding makhluk lain bergantung kepada kekuatan dan keupayaannya mengawal diri dan menentukan tindakan. Manusia adalah

satu-satunya makhluk yang dapat bertindak melawan nalurinya; sesuatu yang tidak mampu dilakukan oleh haiwan dan tumbuh-tumbuhan (Shariati, 1987b: 11-12). Haiwan jika mahu makan, akan terus memburu makanan dan makan dengan lahap. Haiwan jika terangsang seksnya akan terus mengejar pasangan seksnya dan terus melampiaskan kehendak seks tanpa tangguh-tangguh. Manusia tidak begitu. Manusia diberi kemampuan oleh Tuhan untuk berfikir, mengurus dan menyalurkan nalurinya secara terhormat.

Sekiranya manusia mengeneipkan kekuatannya ini bahkan bertindak membuang kualiti kemanusiaan yang dianugerahkan kepadanya oleh Allah SWT, maka dia telah menggugurkan makna manusia daripada dirinya. Walaupun tubuhnya manusia tetapi jiwanya tidak. Jadilah dia seperti haiwan yang diibaratkan oleh Allah SWT dalam firmanNya yang bermaksud:

Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk isi neraka *Jahannam* banyak daripada jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah) dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keEsaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai.

(al- A'raaf 7: 179)

Pencerahan hanya mempunyai makna apabila ia berlaku dalam kerangka Islam. Bahkan proses pencerahan di rantau Nusantara ditunjangi oleh kekuatan Islam. Syed Muhammad Naguib al-Attas mengemukakan hasil kajiannya yang menegaskan betapa kedatangan zaman baru dan permulaan zaman moden di Kepulauan Melayu-Indonesia

ditandai dengan kedatangan Islam (al-Attas, 1984: 4). Islamlah yang telah memberikan pencerahan kepada corak kehidupan, budaya dan sosial masyarakat rantau ini.

Syed Muhammad Naguib al-Attas juga memperkukuhkan dapatnya tentang pengaruh Islam terhadap ketamadunan dunia dengan mengutarakan catatan Henri Pirenne, sarjana teori ketamadunan Sejarah Eropah. Henri Pirenne memperihalkan betapa kedatangan Islam ke Eropah telah merubah tradisi lama kepada tradisi baru sehingga membawa perkembangan sejarah yang menakjubkan (al-Attas, 1984: 10).

Pencerahan akan memberikan kepada manusia sifat kemanusiaannya dan mengembalikan manusia kepada hakikat dirinya yang bebas. Walau bagaimanapun, ia seharusnya berlaku dalam suatu ruang lingkup Islam melalui tauhid yang benar dan sah. Shahnun Ahmad (1994: 104) menghuraikan bagaimana manusia tanpa tauhid adalah manusia yang tidak manusiawi.

Pembebasan mempunyai hubungan yang erat dengan pencerdasan. Selepas cerah, seseorang itu perlu menjadi cerdas. Individu dan umat yang cerdas sahaja mempunyai kemampuan untuk bebas dan memperjuangkan pembebasan. Memiliki kualiti umat yang cerdas merupakan prasyarat kepada pembebasan.

Umat yang cerdas ialah umat yang mempunyai kekuatan dan kemampuan untuk berfikir secara waras dan rasional. Mereka mampu membuat pendirian berpandukan kepada wahyu Ilahi, hujah, angka dan fakta. Mereka berupaya untuk menggunakan akal dan

segala kemampuan diri dalam proses membuat keputusan dan menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi. Pencerdasan tidak mengizinkan pola pemikiran yang dibentuk oleh emosi dan khayalan. Pencerdasan juga menentang pembodohan, kongkongan minda dan pembelengguan sikap.

Pencerdasan memerlukan umat memahami perkara-perkara asas yang berkaitan dengan segala aktiviti dalam kehidupan beragama. Hal ini penting kerana perkara-perkara asas dan teras dalam agama akan dapat membentuk individu dan masyarakat supaya mempunyai kefahaman yang jelas, fokus dan terarah. Salah satu perkara asas tersebut ialah persoalan *maqasid al-syar`iyyah*.

Perkataan *maqasid* merupakan kata *jamak* daripada perkataan *maqsid* yang membawa maksud matlamat atau tempat yang dituju. Syariah pula mengikut penggunaan al-Quran bererti jalan yang lurus dan ia merangkumi persoalan akidah, syariah dan akhlak. Penggabungan kata *maqasid* dan syariah membawa pengertian tentang matlamat atau objektif pensyariaan hukum yang melibatkan hubungan antara manusia dengan Allah SWT, hubungan sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam semesta (el-Muhammady, 2010: 1). Ia merupakan suatu konsep yang mempunyai ruang lingkup yang luas.

Dalam ayat yang lebih mudah dan langsung, *maqasid al-syar`iyyah* boleh difahami sebagai matlamat/tujuan/objektif/hikmah di sebalik setiap peraturan Islam. Sebagai contoh, solat yang disyariatkan dalam ajaran Islam mempunyai matlamat membina daya

tahan mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari al-Quran dan dirikanlah solat (dengan tekun); sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan yang mungkar dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnyanya dan kesannya) dan (ingatlah) Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.

(al-`Ankabut 29: 45)

Para ulama telah mengklasifikasikan *maqasid al-syar`iyyah* kepada tiga kategori iaitu asasi (*daruriyyat*), keperluan (*hajiyyat*) dan pelengkap (*tahsiniyyat*). *Daruriyyat* melibatkan kehendak asas yang mesti dipenuhi dan sekiranya tidak dipenuhi akan menimbulkan masalah, gangguan dan kekacauan. *Hajiyyat* merujuk keperluan dan hajat yang pengabaiannyanya akan membawa kesukaran dan kesusahan. *Tahsiniyyat* merupakan pelengkap yang sekiranya dipenuhi akan membawa kesenangan dan penambahbaikan kepada kehidupan (Mohamad Akram, 2010: 2-3). Apa yang penting ialah setiap individu wajib memperoleh sekurang-kurangnya perkara asasi (*dharuriyyat*) dalam kehidupannya seperti makanan, pakaian dan perlindungan.

Imam al-Ghazali telah merumuskan *maqasid al-syar`iyyah* yang asasi ialah untuk memelihara agama (akidah), jiwa (nyawa), akal (minda), keturunan (kehormatan) dan harta. Terdapat tokoh-tokoh seperti Muhammad al-Ghazali dan Yusuf al-Qaradawi yang menambahkan lagi *maqasid al-syar`iyyah* dengan memasukkan pemeliharaan kebebasan dan penegakan keadilan (Siddiq, 2011: 1-2). Selanjutnya, kedengaran juga saranan supaya pelestarian alam sekitar turut dirangkumkan dalam *maqasid al-syar`iyyah*.

Pemeliharaan akal adalah *maqasid al-syar`iyyah* yang asasi. Penjelasan yang tradisonal dan sering digunakan dalam hal pemeliharaan akal ini ialah akal hendaklah sentiasa berada dalam keadaan waras dan siuman. Perbuatan yang boleh menjejaskan kesihatan akal mesti dihindari dan penegasan yang selalu muncul dalam masyarakat ialah larangan daripada meminum arak kerana arak dan bahan lain yang memabukkan akan menjejaskan akal. Ia terhenti di situ.

Sebenarnya, pemeliharaan akal mesti melibatkan juga aspek bahan penyuburan akal. Akal mesti disuburkan dengan bahan bacaan, bahan pandang, bahan dengar dan bahan fikir yang bermutu. Akal mesti dibimbing supaya memiliki daya fikir (*thinking capacity*) sehingga insan boleh berfikir dengan rasional dan objektif berasaskan wahyu Ilahi, hujah, fakta dan angka yang tepat. Berfikir berpandukan kepada bahan yang tidak bermutu sebenarnya menjejaskan akal seseorang.

Untuk menjadi cerdas, akal mesti dibentengi daripada diperbodohkan. Pembodohan berlaku dalam bentuk pemaksaan jalur pandangan tertentu oleh pihak tertentu melalui cara-cara yang jijik seperti pembohongan, langkah menggelapkan pandangan saingan, memalsukan fakta dan menyembunyikan maklumat. Gejala pembodohan akal berkenaan dijelaskan oleh Fahmi Huwaidy sebagai *al-irhab al-fikriy* atau terorisme pemikiran (Siddiq, 2003: 37; 2009: 25). Pembodohan tersebut menjadi lebih ganas melalui penguasaan undang-undang dan peraturan yang menindas pandangan yang berbeza. Pihak yang memperbodohkan orang lain mungkin dapat mencapai matlamat jangka pendeknya tetapi dia sebenarnya mengganasi generasi dalam jangka panjang.

Pembodohan merupakan musuh kepada pembebasan. Orang yang bodoh atau dibodohkan bukan sahaja rela hidup dalam belunggu, kongkongan dan penindasan, bahkan mereka menentang pula pejuang yang mahu membebaskan mereka. Daya fikir mereka telah dilemahkan dan dilumpuhkan. Hal ini turut dikesali oleh HAMKA sendiri seperti yang dinyatakan oleh beliau:

Bukan sahaja pihak yang berkuasa amat marah kepadanya, rakyat yang hendak ditolong itu sendiri, rakyat yang hendak dilepaskan dari belunggu, menuduhnya pula sebagai pengacau, pengganggu keamanan. Kadang-kadang penggubah itu dibunuh oleh bangsanya sendiri, atau lari dari tempat tinggalnya kerana tiada tahan kena cela dan maki. Dan kadang-kadang pula dia difitnahkan “perkakas bangsa asing,” “menerima wang suap,” bahkan kadang-kadang teman-temannya sendiripun menuduhnya pengecut kalau dia bersikap kendur, atau “diktator” kalau dia keras atau disuruh “undur” kalau dilihat kekuatan lawan!

(HAMKA, 2006b: 3-4)

Biar apa-apa pun, orang-orang cerdas yang berjuang untuk pembebasan sentiasa cekal dan berani mengambil pendirian dan menyatakan sikap. Mereka sanggup berjuang mempertahankan kebenaran dan menentang kepalsuan tanpa perlu disuruh dan diupah. Mereka berupaya memahami hujah agama dan realiti semasa. Mereka juga cerdik menangkap maksud yang tersirat daripada apa yang tersurat. Hati nurani mereka jelas dan mereka setia berjuang untuk pembebasan serta sanggup menanggung risiko perjuangan. Kebahagiaan bagi mereka adalah berpegang kepada kebenaran kerana mereka orang-orang yang cerdas.

Pembebasan hanya akan dapat direalisasikan melalui usaha, program dan sistem pendidikan yang tepat dan berkesan. Malik Bennabi menjelaskan tentang peri pentingnya dua kekuatan yang akan menjadi tonggak ketamadunan umat. Dua tonggak

kekuatan tersebut ialah kekuatan intelektual dan spiritual (Siddiq, 2012: 35). Pendidikan yang tulus, bermakna dan bermutu akan menjadi asas yang penting kepada perjuangan pembebasan ke arah pemberdayaan umat.

Syed Muhammad Naquib al-Attas menegaskan bahawa pendidikan adalah suatu proses menyemai, menanam dan membentuk adab dalam diri individu dan masyarakat. Tegasnya, pendidikan merupakan proses penyerapan adab ke dalam diri. Adab merangkumi proses mendidik individu tentang baik-buruk sesuatu tingkah laku dan penjelasan tentang tanggungjawab kehidupan (al-Attas, 2007: 42). Abu Hamid al-Ghazali menghuraikan bahawa adab melibatkan niat, akidah, perkataan dan perbuatan individu (Asmaa, 2012: 252). Pemahaman dan penghayatan adab akan melahirkan individu yang baik dan berupaya menyumbang kepada masyarakat.

Proses pendidikan adab dinamakan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas sebagai *ta'dib* (Wan Mohd Nor, 2012: 117). Antara ciri adab yang dinyatakan beliau ialah penjelmaan keadilan (Wan Mohd Nor, 2012: 123). Hal ini menunjukkan betapa penegakan keadilan yang juga boleh difahami sebagai pembebasan daripada kezaliman merupakan tujuan penting pendidikan.

Pendidikan mempunyai misi untuk memanusiaikan dan memerdekakan (Siddiq, 2009: 70). Ia bertujuan untuk mengembalikan nilai-nilai kemanusiaan kepada manusia. Sememangnya manusia hanya layak berwatak manusia dengan segala nilai mulia

menghiasi dirinya. Manusia semestinya bermaruah dan berdiri dengan akhlak yang mulia seperti nilai bertanggungjawab, amanah dan hemah tinggi.

Memerdekakan manusia merupakan amanah untuk melepaskan manusia daripada penjajahan sama ada penjajahan itu berupa penjajahan jiwa mahupun penjajahan fizikal. Sememangnya kemerdekaan adalah sesuatu yang dicari-cari oleh manusia. Manusia yang merdeka merupakan manusia yang mulia dan bermakna. Dia mampu berdikari dan tahu menghargai diri.

Misi murni pendidikan seperti yang diketengahkan oleh Siddiq Fadzil itu sememangnya sangat berkait dengan perjuangan pembebasan. Memanusiakan manusia tentunya juga bermaksud membebaskan manusia daripada nilai-nilai yang tidak manusiawi seperti nilai kebinatangan dan kesyaitanan. Memerdekakan pula tentunya tidak terlepas daripada tugas membebaskan manusia daripada belunggu dan kongkongan kejahatan dan kezaliman.

Pendidikan adalah wahana yang akan melahirkan cendekiawan. Syed Husein Alatas mentakrifkan cendekiawan atau intelektual sebagai golongan yang tekun berfikir tentang idea dan masalah yang sifatnya bukan kebendaan dengan menggunakan segala keupayaan akal mereka (Alatas, 2009a: 10). Takrifan beliau menandakan bahawa cendekiawan sejati merupakan mereka yang tidak dipengaruhi oleh matlamat kebendaan dalam melaksanakan tanggungjawab kecendekiawanan mereka.

Banyak yang boleh dipelajari apabila disoroti sejarah pertembungan antara ahli sihir Firaun dengan Nabi Musa a.s. (Siddiq, 2009: 54). Apabila disuruh oleh Firaun untuk menentang Nabi Musa a.s., perkara pertama yang mereka tanyakan ialah apakah dan berapakah habuan yang akan mereka perolehi. Mereka bersetuju apabila Firaun menjanjikan bahawa mereka akan memperoleh kedudukan sebagai *al-muqarrabin* iaitu orang yang hampir atau orang yang rapat dengan Firaun.

Dalam pertarungan bersejarah dengan Nabi Musa a.s., ahli-ahli sihir Firaun telah ditumpaskan. Mereka tercengang dengan kehebatan Tuhan Nabi Musa a.s. Ketika itu, ciri keintelektualan mereka muncul apabila mereka memihak kepada Nabi Musa a.s. kerana yakin dengan kebenaran yang dibawa oleh baginda. Atas nama kebenaran, janji kedudukan dan kebendaan oleh Firaun diketepikan. Ancaman Firaun sudah menjadi remeh kepada mereka. Penderitaan demi mempertahankan prinsip kebenaran dan kejujuran intelektual jauh lebih mulia daripada kemewahan hidup sebagai hamba kepada pihak yang berkuasa.

Bagi melahirkan pejuang pembebasan, mempunyai ilmu sahaja tidak mencukupi. Selain ilmu, manusia juga memerlukan ideologi (Shariati, 1987b: 196). Meyakini ideologi yang suci merupakan aset yang penting kepada cendekiawan dan pejuang pembebasan untuk iltizam dengan perjuangan.

Ideologi berasal daripada kata akar “ideo” yang membawa maksud pemikiran, gagasan, konsep dan keyakinan. Kata akar “logi” pula membawa pengertian logik, ilmu atau

pengetahuan. Oleh yang demikian, ideologi boleh didefinisikan sebagai ilmu yang berkaitan dengan keyakinan dan cita-cita (Shariati, 1987b: 192). Ideologi memberikan kekuatan untuk kelangsungan perjuangan.

Seseorang yang mempunyai ilmu hanyalah mempunyai maklumat tentang sesuatu fenomena. Ilmu menerangkan tentang sesuatu proses seperti fotosintesis iaitu bagaimana tumbuh-tumbuhan membuat makanan. Ilmu juga menerangkan tentang sesuatu teori atau model seperti Model Hirarki Keperluan oleh Abraham Maslow. Orang berilmu akan dapat memberikan penjelasan terhadap sesuatu yang diketahuinya.

Seorang ilmuwan yang tentunya memiliki ilmu mampu memberikan penerangan tentang sesuatu fenomena, proses, teori atau model. Berbekalkan maklumat ilmu yang dikuasainya, dia akan mengajar ilmu tersebut kepada khalayak. Namun, dia tidak akan cuba mempengaruhi khalayak untuk bersetuju atau berkongsi pendirian dengannya. Jika khalayak tidak menerima ilmunya, sebaliknya berpegang dengan kepercayaan lama mereka, hal ini tidaklah penting kepada ilmuwan.

Seorang yang berpegang kepada sesuatu ideologi dan berjuang atas ideologi tersebut dikenali sebagai ideolog. Dia lebih sesuai digolongkan sebagai cendekiawan berbanding ilmuwan kerana ilmuwan belum tentu seorang ideolog. Seorang ideolog bukan sekadar menjelaskan tentang sesuatu tetapi dia akan berusaha sedaya upaya untuk mempengaruhi khalayak supaya bersetuju, menyokong, berpihak dan bersama-sama dengan perjuangan yang didukungnya.

Keyakinan diri seorang ideolog adalah tinggi dan mengagumkan. Dia sentiasa bertanggungjawab terhadap ideologi yang dibawanya. Penglibatannya dalam memperjuangkan ideologi berkenaan berada pada tahap maksimum sehinggakan ada yang sanggup mempertaruhkan nyawa untuk mencapai cita-cita ideologi tersebut. Komitmen dan iltizam seorang ideolog adalah sesuatu yang amat menakjubkan dan sentiasa menginspirasi para pejuang. Ideologi menginspirasi dan memberikan daya tahan kepada cendekiawan dan pejuang pembebasan.

HAMKA sememangnya seorang ideolog. Beliau berpegang kepada Islam dengan segala kesempurnaan yang terangkum di dalamnya. Berbekalkan idealisme keIslaman, HAMKA berjuang untuk meyakinkan umat tentang kemampuan dan kehebatan Islam mengatur sosial manusia dan menawarkan penyelesaian terhadap kemelut kehidupan secara Islam. Beliau menunjukkan iltizam yang tinggi serta tabah menghadapi segala hempas-pulas perjuangan sehingga ke akhir hayat.

Ketika kekaguman umat timbul terhadap mereka yang tampil ke depan untuk berjuang, terdapat pula golongan intelektual yang tidak berperanan dalam perjuangan pembebasan ke arah kehidupan yang lebih sejahtera, adil dan manusiawi. Malik Bennabi menyatakan kebimbangan tentang wujudnya gejala ketidakmampuan golongan intelektual membentuk pemikiran umat (Siddiq, 2012: 36). Mereka gagal mempengaruhi dan meyakinkan umat dengan suatu pola pemikiran yang dapat mengangkat maruah dan martabat umat.

Sesetengah golongan intelektual seolah-olah hidup dalam dunia mereka yang tersendiri. Mereka hanya berpuas hati dengan pencapaian ilmu dan akademik mereka serta mengah mengira habuan kebendaan yang datang bersama. Mereka mungkin menulis tentang masyarakat tetapi semuanya ditulis dari bilik berhawa dingin tanpa terjun dalam kancah dan kemelut masyarakat. Mereka gagal memahami denyut-nadi dan jerit-perih umat yang terpinggir dan tertindas.

Berbeza dengan kebimbangan Malik Bennabi, HAMKA telah muncul sebagai cendekiawan sejati. Beliau terjun ke tengah masyarakat untuk merubah pola pemikiran yang terpenjara kepada pembebasan dan hidup berrmaruah. Pengalaman praktiknya menyebabkan beliau memahami segala liku dan lurah perjuangan. Hal ini dirakamkan oleh beliau:

Selalu kejadian golongan yang diberi Tuhan kelebihan daripada saudaranya sesama manusia, memegang kekuasaan di dalam negeri. Setelah telapaknya teguh di dalam memegang kekuasaan itu, dia melakukan kezaliman dan sewenang-wenang di atas bumi Allah. Dia menghimpit, menindas sesama manusia dan menumpahkan darah. Maka berusaha golongan yang tertindas tadi melepaskan diri daripada himpitan itu.

Usaha melepaskan diri kadang-kadang memakan tempoh yang lama, berpuluh-puluh tahun. Mulanya penindasan itu diterima saja dengan sabar oleh penduduk. Dipandang sebagai suatu takdir atau azab Allah yang tidak dapat dielakkan. Kerana penindasan itu tiada tertahan lagi, maka timbullah manusia yang berani menyatakan fikirannya dan mencela tiap-tiap perbuatan yang tiada adil, atau hendak meminta perubahan yang baru. Maka sangatlah murka pihak kekuasaan kepadanya, dia dituduh hendak mengembangkan kekuasaan, hendak mengacau aturan yang telah lazim, hendak mengubah adat lama pusaka usang. Bukan sahaja pihak yang berkuasa amat marah kepadanya, rakyat yang hendak ditolong itu sendiri, rakyat yang hendak dilepaskan dari belenggu, menuduhnya pula sebagai pengacau, pengganggu keamanan. Kadang-kadang penggubah itu dibunuh oleh bangsanya sendiri, atau lari dari tempat tinggalnya kerana tiada tahan kena cela dan maki. Dan kadang-kadang pula dia difitnahkan “perkakas bangsa asing,” “menerima wang suap,” bahkan kadang-kadang teman-

temannya sendiripun menuduhnya pengecut kalau dia bersikap kendur, atau “diktator” kalau dia keras atau disuruh “undur” kalau dilihat kekuatan lawan!

Tetapi fikiran yang telah dikeluarkan oleh orang yang pertama itu tidak dapat ditahan lagi, di dalam masyarakat mulai tumbuh, kian lama kian subur, walau bagaimana menghambatnya.

Pekerjaan orang pertama belumlah sempurna, nanti datang pula orang yang kedua menambah dan memupuk fikiran itu, mulailah goyang batu sendi susunan lama, datang pula orang yang ketiga, keempat, kelima dan seterusnya, tambah-menambah, sehingga akhirnya menjadi pendirian yang teguh di dalam masyarakat. Akhirnya tibalah aksi serentak. Tak ubahnya dengan air mengalir dari puncak bukit, lalu terhambat pada suatu tempat oleh suatu empangan. Mana air yang dahulu datang, berhenti dahulu di muka empangan itu, menunggu temannya dan mengumpulkan kekuatan serentak. Setelah genap bilangan, ditekannyalah bersama-sama empangan itu, yang di muka mendesak empangan, yang di belakang tak mahu mundur lagi, terus pula mendesak kepada temannya yang di muka. Sehingga dengan sekaligus di dalam sorak-sorai yang riuh-rendah, empangan tadi terjatuh hancur, atau tersingkir ke tepi atau terbawa hanyut?

Maka pagi hari besoknya, kelihatanlah yang lama telah rompak, banyak batang dan pohon tumbang. Kadang-kadang ada orang turut hanyut, tidak bersua bangkainya lagi. Maka dari mulai hari besoknya itu dimulailah menyusun dan membangun yang baru.

(HAMKA, 2006b: 3-4)

Sebagai pejuang, HAMKA yakin bahawa usaha pembebasan akan menempuh kejayaan. Beliau optimis bahawa kebenaran pasti akan menang cuma perlu ada kesabaran lantaran perjalanan panjang yang akan ditempuh oleh perjuangan pembebasan. Lambat laun gerakan pembebasan akan menggapai cita-cita murni mereka kerana pembebasan merupakan fitrah keinsanan yang dihajati oleh setiap manusia.

Cabaran besar yang dihadapi oleh golongan cendekiawan adalah fenomena minda tertawan (*captive mind*). Salah satu ciri minda tertawan ialah sikap menerima pemikiran barat secara tidak kritis dan ketidakupayaan membina dan mengemukakan gagasan,

fahaman dan teori yang asli (Alatas, 2009b: x). Mereka ini muncul sebagai golongan pengagum Barat sehingga gagal menyesuaikan diri dengan latar tempatan. Apatah lagi mahu menghasilkan sesuatu yang asli daripada ilmu, pengalaman dan hikmah yang mereka kumpulkan hasil pengalaman keintelektualan mereka.

Golongan minda tertawan menelan secara membuta-tuli apa sahaja yang datang dari Barat dan mempromosikannya pula kepada masyarakat tempatan. Mereka berasa rendah diri dengan apa yang mereka miliki dan pesimis terhadap masa depan budaya tempatan. Minda mereka tidak berdaya untuk melihat kekuatan sendiri apatah lagi menggali khazanah kekuatan dan kebijaksanaan bangsa.

Kelemahan dunia intelektual kini berpunca daripada sistem pendidikan yang rapuh. Mohd Yusof Othman telah mengkritik sistem pendidikan kini yang disifatkan beliau sebagai pembangunan yang paradoks (Mohd Yusof, 2009: 69-74). Pada sisi tertentu, masyarakat kelihatan membangun tetapi jika dinilai dari sisi yang lain, kelihatanlah keruntuhan dalam masyarakat.

Mohd Yusof Othman menyatakan kritiknya dengan frasa-frasa, “kita memiliki teknologi, tetapi hilang hubungan sosial dan hati budi”, “kita berjaya membangunkan insan tinggi intelek, tetapi rendah nilai keinsanan”, “kita berjaya membangunkan insan celik sains dan teknologi, tetapi buta agama dan budaya”, “kita berjaya membangunkan alam, tetapi mematikan insan”, “kita berjaya memerdekakan negara, tetapi memiliki

jiwa hamba”, “kita kaya dengan harta tetapi miskin dengan hati budi” dan “kita berjaya mengurus dunia, tetapi daif dalam mengurus untuk ke akhirat”.

Kritikan-kritikan terhadap sistem pendidikan kita perlu diberikan perhatian yang serius. Usaha perlu dilakukan untuk merombak dan memantapkannya melalui gerakan pembebasan yang dapat menghilangkan pengaruh budaya materialistik, kapitalistik dan individualistik yang mencengkam dan membelenggu. Pendidikan seharusnya tertumpu kepada usaha memberikan kepada manusia kemanusiaannya dan membentuk manusia yang manusiawi.

6.5 Kesimpulan

Bab ini telah menganalisis karya kreatif HAMKA dengan teliti dan terperinci. Analisis merangkumi aspek-aspek utama dalam kajian ini iaitu tema pembebasan dalam karya kreatif HAMKA, kekuatan karya kreatif HAMKA, kelemahan karya kreatif HAMKA dan Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer dalam karya kreatif HAMKA.

Analisis terhadap tema pembebasan dalam karya kreatif HAMKA mendapati bahawa karya kreatif beliau kaya dan sarat dengan bahan yang memperjuangkan pembebasan individu dan umat. Perjuangan keagamaan dan kemanusiaan tersebut terangkum dalam tiga aspek pembebasan iaitu pembebasan akidah, pembebasan pemikiran dan pembebasan sosial.

Karya kreatif HAMKA didapati dan diperakui memperjuangkan pembebasan yang selari dengan teori pembebasan Asghar Ali Engineer. Gagasan yang pertama ialah bahawa pembebasan merangkumi persoalan dunia dan akhirat. Gagasan kedua menyatakan bahawa pembebasan bersifat anti kemapanan (*establishment*). Gagasan ketiga menekankan hakikat pembebasan sebagai pembelaan terhadap golongan terpinggir dan gagasan keempat menegaskan bahawa dalam perjuangan pembebasan, faktor takdir dan usaha adalah saling melengkapi.

Analisis turut dilakukan untuk mengenal pasti kekuatan karya kreatif HAMKA. Hasilnya membuktikan betapa karya kreatif HAMKA memperlihatkan kekuatan yang jitu. Hal ini dibuktikan berdasarkan hakikat bahawa karya kreatif HAMKA berdiri teguh dengan kemantapan cerita, kemurnian nilai dan kekuatan persembahan. Cerita beliau menarik dan persembahan beliau memukau.

Untuk berlaku adil, analisis juga dijalankan terhadap kelemahan yang terdapat dalam karya kreatif HAMKA. Hanya satu kelemahan yang dikenal pasti iaitu dalam aspek perwatakan. Kelemahan dalam watak dan perwatakan ini berlaku kerana HAMKA lebih menumpukan perhatian kepada cerita bagi menyampaikan mesej yang ingin dikongsi dengan khalayak.

Matlamat pembebasan memerlukan kepada usaha memenuhi prasyarat yang tertentu. Prasyarat yang diperlukan adalah pencerahan, pencerdasan dan pendidikan. Tidak

mungkin seseorang individu dan sesebuah masyarakat dapat menikmati pembebasan tanpa terlebih dahulu mendapat pencerahan, pencerdasan dan pendidikan.

Sesungguhnya, karya kreatif HAMKA merupakan khazanah keilmuan dan kependidikan yang sangat bernilai. Pembebasan sebagai tema perjuangan dikemukakan dengan jelas dan tegas dalam karya kreatif beliau. Ia dikemukakan dengan menyeluruh, mantap dan kemas sebagai dasar perjuangan yang unggul dan seharusnya dipikul bersama oleh individu dan umat yang sedar.

BAB TUJUH

PENUTUP

7.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan bab terakhir iaitu bab penutup yang akan membuat rumusan dan kesimpulan terhadap kajian ini. Rumusan terhadap objektif-objektif kajian akan dikemukakan berdasarkan kepada dapatan kajian yang telah diperoleh. Di samping itu, pengkaji akan mengemukakan cadangan-cadangan yang khusus untuk pihak-pihak tertentu yang berkepentingan dan mempunyai kaitan dengan kajian yang telah dijalankan ini.

Rumusan akan merangkumi aspek-aspek yang menunjangi kajian ini iaitu tema pembebasan melalui analisis terhadap karya kreatif HAMKA serta penerapan Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer dalam karya kreatif HAMKA. Perbincangan tentang tema pembebasan dalam karya kreatif HAMKA merangkumi tiga aspek pembebasan iaitu pembebasan akidah, pembebasan pemikiran dan pembebasan sosial.

7.2 Rumusan

“Pembebasan sebagai Tema Perjuangan: Analisis terhadap Karya Kreatif HAMKA” merupakan kajian kualitatif yang telah menggariskan empat objektif yang hendak dicapai. Pertama, untuk mengenal pasti konsep pembebasan dalam Islam. Kedua, untuk mengenal pasti tema pembebasan dari aspek akidah yang terdapat dalam karya kreatif HAMKA. Ketiga, untuk mengkaji tema pembebasan dari aspek pemikiran yang

terkandung dalam karya kreatif HAMKA. Keempat, untuk menganalisis tema pembebasan dari aspek sosial yang diketengahkan dalam karya kreatif HAMKA.

Kajian ini telah memenuhi objektifnya yang pertama iaitu untuk mengenal pasti konsep pembebasan dalam Islam. Pengertian, ruang lingkup dan dimensi pembebasan telah dibincangkan. Pandangan dan penjelasan para sarjana seperti Siddiq Fadzil dan HAMKA telah diketengahkan. Selain daripada pandangan sarjana Islam, terdapat juga pandangan daripada sarjana bukan Islam yang turut dikemukakan untuk meluaskan lagi pemahaman tentang konsep pembebasan dan persoalan di sekitarnya.

Pembebasan membawa pengertian yang amat signifikan kepada manusia dan kemanusiaan. Ia memberikan makna kepada hakikat dan ajaran Islam yang berpaksikan kepada maruah dan martabat keinsanan. Manusia yang terkongkong, terpenjara dan terkurung adalah manusia yang telah dilumpuhkan serta dimatikan jiwa mereka. Manusia yang berupaya membebaskan diri daripada segala bentuk pemenjaraan adalah manusia yang menikmati kehidupan yang sebenar.

Objektif kedua dalam kajian ini ialah untuk mengenal pasti tema pembebasan dari aspek akidah yang terdapat dalam karya kreatif HAMKA dan objektif ini telah dicapai. Aspek pembebasan akidah merupakan usaha pemurnian akidah daripada segala bentuk keyakinan dan ketaatan kepada apa juga unsur selain Allah SWT. Keyakinan dan ketaatan makhluk hanya ditujukan kepada Allah SWT semata-mata.

Karya kreatif HAMKA sarat dengan bahan-bahan pembebasan akidah. Ia melibatkan 15 perincian pembebasan akidah yang dibincangkan oleh HAMKA iaitu kepercayaan kepada Allah SWT, kekuasaan Allah SWT, pergantungan kepada Allah SWT, kepercayaan kepada malaikat, kepercayaan kepada kitab, kepercayaan kepada rasul, persoalan takdir, ketenangan hati, keampunan, tahyul, persamaan manusia, cinta, rezeki, kesyukuran dan hidup selepas mati.

Kajian ini telah mencapai objektif yang ketiga iaitu untuk mengkaji tema pembebasan dari aspek pemikiran yang terkandung dalam karya kreatif HAMKA. Pembebasan pemikiran adalah usaha membuang dari pemikiran manusia apa juga unsur yang membelenggu mereka daripada keupayaan untuk berfikir secara bebas dan rasional. Hal ini membentuk pemikiran yang merdeka berasaskan wahyu Ilahi, fakta, hujah dan angka.

HAMKA telah memuatkan begitu banyak bahan berkaitan dengan pembebasan pemikiran dalam karya kreatif beliau. Bahan-bahan tersebut telah dikelompokkan dalam tiga dimensi iaitu pembebasan daripada taklid buta, pembebasan daripada hawa nafsu dan pembebasan daripada kemaruk kebendaan. Contoh-contoh yang relevan daripada karya kreatif beliau telah dikemukakan.

Objektif keempat dan terakhir dalam kajian ini ialah untuk menganalisis tema pembebasan dari aspek sosial yang diketengahkan oleh HAMKA dalam karya kreatif beliau. Pembebasan sosial bertujuan untuk mengangkat umat kepada suatu bentuk

kehidupan yang bermaruah dan bermartabat. Ia menjanjikan kesejahteraan hidup sebagai individu dan masyarakat yang berdiri teguh dengan harga diri yang tinggi.

Karya kreatif HAMKA sarat dengan bahan-bahan yang berkaitan dengan pembebasan sosial. Ia dibahagikan kepada tiga bentuk pembebasan sosial iaitu penegakan keadilan, pembebasan daripada adat Minangkabau dan pembebasan golongan terpinggir. Perbincangan tentang ketiga-tiga bentuk pembebasan sosial ini telah mencungkil bahan-bahan yang sangat kaya dalam karya kreatif HAMKA.

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan, dapatlah dirumuskan bahawa kajian ini telah mencapai objektif-objektif yang telah ditentukan. Keempat-empat objektif tersebut telah berjaya dicapai melalui penganalisisan yang mendalam terhadap pembebasan sebagai tema perjuangan dan juga kajian terperinci yang telah dilakukan terhadap karya kreatif HAMKA.

Pencapaian objektif-objektif dalam kajian ini dengan sendirinya menunjukkan bahawa tema pembebasan adalah perjuangan yang penting dalam kehidupan manusia. Ia juga membuktikan bahawa karya kreatif HAMKA merupakan bahan yang sarat dan banyak mengandungi tema pembebasan yang sangat menonjol dan penting. Karya kreatif HAMKA merupakan khazanah yang sangat bernilai dalam mengangkat perjuangan pembebasan sebagai perjuangan yang memberikan makna kepada manusia dan kemanusiaan.

Kajian ini telah menggunakan teori pembebasan yang telah dikemukakan oleh Asghar Ali Engineer (1999: 1-2). Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer telah merumuskan pembebasan kepada empat gagasan penting. Pertama, ruang lingkup pembebasan meliputi kehidupan dunia dan akhirat. Kedua, perjuangan pembebasan bersifat anti kemapanan (*establishment*) kerana kemapanan itu melindungi orang yang kaya dan berkuasa. Ketiga, pembebasan merangkumi pembelaan terhadap golongan yang terpinggir. Keempat, dalam usaha memperjuangkan pembebasan, elemen takdir dan usaha adalah saling melengkapi.

Pembebasan sebagai tema perjuangan dalam karya kreatif HAMKA telah memenuhi keempat-empat gagasan dalam Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer. Hal ini demikian kerana pembebasan yang komprehensif dan bermakna sememangnya akan merangkumi gagasan-gagasan yang telah dikemukakan oleh Asghar Ali Engineer. Teori Pembebasan Asghar Ali Engineer boleh diketengahkan sebagai teori utama dalam kajian-kajian yang bersangkutan dengan tema pembebasan.

Suatu hal yang penting hasil daripada dapatan kajian ini ialah betapa karya kreatif HAMKA telah berjaya menyampaikan tema pembebasan dengan tepat, padat dan menghiburkan. Hal ini membuktikan kerelevanan karya kreatif dalam menyampaikan mesej pendidikan dan kemanusiaan dengan bermakna serta berkesan sehingga memberikan impak yang bernilai kepada pembaca dan pengkaji.

Karya kreatif memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan sesuatu misi perjuangan. Hal ini penting kerana karya yang mempunyai idealisme yang jelas merupakan karya yang unggul (Shahnon, 1994: 105). Selain daripada idealisme, karya atau kesusasteraan yang unggul juga perlu berteraskan kepada wahyu dan ilmu (Shahnon, 1994: 123). Dalam konteks ini, karya kreatif HAMKA menepati ciri-ciri karya unggul seperti yang ditegaskan oleh Shahnon Ahmad kerana ia ditegakkan atas dasar wahyu, beridealisme dan memiliki kekuatan ilmu.

Karya kreatif sebagai sejenis karya sastera berkemampuan dan mempunyai peranan penting untuk mendidik dan membangunkan manusia melalui pembentukan personaliti yang bermoral dan pemikiran yang matang (Misran, 2006: 20-21). Ia bersifat mendidik melalui mesej yang jelas dan teradun secara sistematik. Tema dan persoalan yang baik akan mempengaruhi pembaca. Watak dan perwatakan yang realistik akan menghidupkan karya tersebut.

Karya kreatif mempunyai kelebihan dalam menyampaikan mesejnya. Hal ini kerana karya kreatif yang digarap dengan baik akan dapat menampilkan pendekatan yang menghiburkan melalui cerita dan gaya persembahannya. Hiburan yang bermakna itulah yang mencirikan kesusasteraan (Shahnon, 1994: 138). Karya sastera yang lesu, beku dan membosankan bukanlah karya sastera dalam erti kata yang sebenar. Karya yang lemah tidak akan memberikan impak yang bermakna kepada khalayak.

Islam dengan segala kesempurnaan dan keluasan horizonnya telah mempengaruhi karya sastra seperti yang diterapkan dan digarap oleh karya kreatif HAMKA dalam memperjuangkan tema pembebasan. Pengaruh Islam terbukti apabila karya sastra muncul sebagai media dakwah, pembentuk pemikiran dan peniup semangat jihad (Mustafa, 1992: 54). Karya kreatif juga menyediakan wadah yang membolehkan penerokaan kreativiti kepada pengkarya dan juga pembaca.

Karya kreatif yang bermutu seharusnya terbentuk daripada tiga sumber iaitu pengalaman, ilmu dan imaginasi (Shahnon, 1994: vii). Syed Husein Alatas memperkukuhkan hal ini dengan menyatakan bahawa ciri penting kepada karya yang bermutu dan mempunyai kualiti kecendekiawanan ialah kekuatan imaginasi (Alatas, 2009a: 27). Sememangnya ialah imaginasi adalah kualiti wajib yang mesti dimiliki oleh pengarang supaya dia boleh mengembangkan plot dalam cerita yang ditulisnya.

Tiga sumber karya kreatif iaitu pengalaman, ilmu dan imaginasi diadun dan digarap membentuk cerita. Apa yang penting ialah pembaca dapat memahami dan menghayati cerita. Seseorang pengkritik karya kreatif perlu memahami cerita dan sesiapa sahaja yang memahami cerita boleh menjadi pengkritik (Ungku Maimunah, 2012: 44). Justeru itu, dunia karya kreatif lebih terbuka kepada penglibatan masyarakat terbanyak yang berminat dan tertarik kepadanya.

Betapa apa-apa pun, HAMKA telah berjaya memperjuangkan tema pembebasan dalam karya kreatif beliau. Beliau telah dapat melakukan tugas-tugas pencerahan, pencerdasan

dan pendidikan melalui karya kreatif beliau. Hal ini demikian kerana HAMKA menyampaikan mesejnya dengan jelas dan terarah. Apa yang lebih mengagumkan ialah karya kreatif HAMKA telah dihasilkan melalui adunan dan garapan yang unik lagi istimewa.

7.3 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini telah memberi fokus kepada tema pembebasan dalam karya kreatif HAMKA. Semua karya kreatif beliau telah ditekuni dari halaman ke halaman. Karya kreatif tersebut melibatkan enam buah novel dan tiga antologi cerpen. Hasil penelitian mendapati bahawa karya kreatif HAMKA sarat dengan tema pembebasan. Kandungan karya kreatif HAMKA yang banyak bertemakan pembebasan itu dicerakinkan kepada tiga bentuk pembebasan iaitu pembebasan akidah, pembebasan pemikiran dan pembebasan sosial.

Adalah dicadangkan untuk kajian lanjutan, para pengkaji memperincikan lagi tumpuan kepada salah satu bentuk pembebasan dalam karya kreatif HAMKA. Kajian tersebut melibatkan hanya pembebasan akidah atau pembebasan pemikiran mahupun pembebasan sosial sahaja. Hal ini boleh dilakukan memandangkan bahan bagi setiap bentuk pembebasan itu banyak terkandung dalam karya kreatif HAMKA.

Selain itu, kajian lanjutan boleh juga dilakukan untuk menyelidiki tema pembebasan dalam karya ilmiah HAMKA. Sebagai penulis yang prolifik, HAMKA mempunyai korpus karya yang mengagumkan. Karya ilmiah beliau seperti *Falsafah Hidup*,

Pandangan Hidup Muslim dan Tasawuf Modern sangat menarik untuk dikaji dan penemuan daripada kajian itu nanti tentu akan menambahkan pengetahuan tentang pembebasan dan karya HAMKA.

Semasa menjalankan kajian ini, pengkaji telah menemui aspek pendidikan yang kaya terkandung dalam karya kreatif HAMKA. Justeru itu, kajian tentang dimensi pendidikan dalam karya kreatif HAMKA boleh dilakukan bagi mengenal pasti unsur tersebut. Dapatan daripada kajian tentang pendidikan dalam karya kreatif beliau akan memperkayakan aplikasi kaedah pendidikan yang berkesan khususnya yang melibatkan aspek nilai dan kemanusiaan.

Jika tema pembebasan mahu terus dikaji, adalah dicadangkan supaya kajian dilakukan terhadap tokoh-tokoh lain. Terdapat sejumlah tokoh yang mempunyai koleksi karya kreatif yang berpotensi untuk dikaji dan ditekuni. Karya kreatif tokoh-tokoh ternama seperti Shahnun Ahmad, Usman Awang, A. Samad Said dan Azizi Haji Abdullah menarik untuk dikaji kerana secara umum mereka berkemungkinan turut memperjuangkan pembebasan dalam karya yang mereka hasilkan.

Kajian berbentuk perbandingan boleh juga dilakukan. Tema pembebasan dalam karya tokoh-tokoh tertentu dikaji dan dibandingkan. Perbandingan boleh dilakukan dalam karya yang dihasilkan oleh dua atau tiga tokoh. Dapatannya nanti tentu menarik kerana ia dapat mengengahkan persamaan dan perbezaan aspek-aspek pembebasan yang dikemukakan oleh mereka.

Kajian-kajian lanjutan sudah barang tentu akan memberikan sumbangan yang bermakna kepada dunia ilmu khususnya yang berkaitan dengan pembebasan dan karya kreatif. Mungkin apa yang tidak dapat dikesan sekarang akan muncul dan dihargai selepas kajian ilmiah dilakukan. Maka akan bertambahlah ilmu yang memberikan manfaat kepada semua yang berkaitan.

7.4 Kesimpulan

Kajian ini telah menyelidiki nilai pembebasan sebagai tema perjuangan dengan menganalisis karya kreatif HAMKA. Pembebasan dipilih kerana sifatnya sebagai teras dalam ajaran Islam yang menjanjikan kehidupan yang sejahtera kepada umat. Analisis dilakukan terhadap karya kreatif HAMKA kerana karya-karya tersebut berpotensi mengandungi tema dan persoalan pembebasan di dalamnya.

Pembebasan dalam karya kreatif HAMKA boleh dibahagikan kepada tiga dimensi iaitu pembebasan akidah, pembebasan pemikiran dan pembebasan sosial. Pembebasan akidah merupakan usaha pemurnian tauhid dengan maksud membebaskan individu dan umat daripada ketaatan kepada selain Allah SWT. Pembebasan pemikiran pula dibahagikan kepada tiga iaitu pembebasan daripada taklid buta, pembebasan daripada hawa nafsu dan pembebasan daripada kemaruk kebendaan. Pembebasan sosial juga dibahagikan kepada tiga iaitu penegakan keadilan yang bermaksud pembebasan daripada kezaliman, pembebasan daripada adat Minangkabau dan pembelaan golongan terpinggir yang juga bermaksud pembebasan daripada penindasan.

Dapatan daripada kajian menunjukkan bahawa karya kreatif HAMKA sarat dengan semua dimensi dan bentuk pembebasan yang telah dinyatakan. Kandungan pembebasan dalam karya kreatif beliau adalah tinggi dan ia telah dapat disampaikan melalui cerita yang bermutu dan gaya persembahan yang menghiburkan. HAMKA benar-benar seorang manusia bersepadu yang dianugerahkan dengan pelbagai kebolehan yang teradun dalam karya kreatif beliau.

Kajian terhadap karya kreatif HAMKA sama sekali tidak bertujuan untuk mendewadewakan beliau. Sebagai ulama, pendidik, pejuang, cendekiawan dan sasterawan yang mengenali diri dan meyakini Tuhan, HAMKA ketika hayat beliau pernah mendidik umat supaya tidak bangga diri dengan jasa dan bakti. Ketika berucap pada suatu sambutan memperingati ulama terdahulu, HAMKA berkata:

Andainya para ulama pendahulu kita itu ikut hadir dalam pertemuan ini, dan mendengar jasa mereka disebut-sebut, tentunya mereka gelisah, kerana para ulama itu tahu betul bahawa amal bakti apabila dihebah dan diheboh, akan menurun nilainya di sisi Tuhan.

(Siddiq, 2006: 3)

Kata-kata HAMKA itu tentunya bukan dengan tujuan untuk menghalang amal bakti seseorang tokoh itu dikenang. Ia lebih kepada pernyataan sikap merendah diri kerana menginsafi kekerdilan manusia dan kebesaran Allah SWT. Menyoroti jasa dan sumbangan tokoh perlu dilakukan supaya generasi terkemudian akan dapat mengambil segala pengajaran dan kebijaksanaan daripada tokoh terdahulu.

Kesimpulannya, pembebasan sebagai nilai teras dalam misi keagamaan, kemanusiaan dan ketamadunan mesti diperjuangkan dengan setia oleh mereka yang mengabdikan hidup kepada kebenaran dan kebaktian. Sebagai pejuang yang sadar, HAMKA telah mengangkat pembebasan sebagai tema perjuangan yang mendasari karya kreatif beliau. Sumbangan beliau telah memperkayakan korpus ilmu khususnya genre kesusasteraan Islam Nusantara. Semoga generasi kini dan mendatang akan dapat menimba khazanah serta hikmah daripada generasi terdahulu dalam memperjuangkan pembebasan sebagai penanda maruah dan martabat keinsanan.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

A. Aziz Deraman. (2001). HAMKA : Hukama' Melayu yang ulung. *HAMKA dan transformasi sosial di alam Melayu* (hlm. 13-16). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abd. Rahim Abd. Rashid. (2001). *Nilai-nilai murni dalam pendidikan: Menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdullah. (2011). *Pemikiran dan perjuangan dakwah HAMKA dan M. Natsir: Kajian terhadap dakwah kultural dan struktural*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Abdul Rahman Abdul Aziz. (2002). *Pemikiran etika HAMKA*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Rahman Napiah. (1996). Teori bacaan idealistik. Dalam Othman Puteh (Ed.), *Pengajaran sastera* (hlm. 122-139). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abu Hassan Abdul. (2008). *Strategi retorik dalam autobiografi Melayu: Perbandingan karya HAMKA dengan Shahnnon Ahmad*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Ahmad Azam Abdul Rahman. (2001). HAMKA : Ulama tersohor di alam Melayu. *HAMKA dan transformasi sosial di alam Melayu* (hlm. 101-107). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Alatas, Syed Hussein. (2009a). *Intelektual masyarakat membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Alatas, Syed Hussein. (2009b). *Mitos peribumi malas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

al-Asqalani, Ibnu Hajar. (2009). *Fathul Baari: Penjelasan kitab Shahih al-Bukhari (jilid 33)*. (Terjemahan Amir Hamzah). Jakarta: Pustaka Azzam.

al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1984). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2007). *Tinjauan ringkas peri ilmu dan pandangan alam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

- al-`Aqil, Muhammad A. W. (2009). *Manhaj `aqidah imam asy-Syafi`i*. (Terjemahan H. Nabhani Idris & Saefudin Zuhri). Jakarta: Pustaka Imam asy-Syafi`i.
- al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad bin Ismail. (2011). *Shahih al-Bukhari 1*. (Terjemahan Masyhur & Muhammad Suhadi). Jakarta Timur: Penerbit Almahira.
- al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad bin Ismail. (2012). *Shahih al-Bukhari 2*. (Terjemahan Subhan Abdullah, Idris & Imam Ghazali). Jakarta Timur: Penerbit Almahira.
- al-Ghazali, Muhammad. (1994). *Peribadi muslim*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- al-Ghazali, Abu Hamid. (1995). *Peringatan imam al-Ghazali*. (Terjemahan Nor Azan Abdullah). Pulau Pinang: Dewan Muslimat Sdn. Bhd.
- al-Ghazali, Abu Hamid. (2000). *Intisari falsafah al-Ghazali*. (Terjemahan H Rus'an). Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- al-Ghazali, Abu Hamid. (2000). *Intisari falsafah al-Ghazali*. (Terjemahan H Rus'an). Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- al-Ghazali, Abu Hamid. (2007). Ringkasan ihya' `Ulumuddin. (Terjemahan Fudhailurrahman & Aida Humaira). Jatiwaringin: SAHARA Publishers.
- Ali Abri. (2007). *Manhaj akidah menurut HAMKA*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- al-Jauziyah, Ibnu Qaiyim. (2011). *Menyelamatkan hati dari tipu daya setan*. (Terjemahan Hawin Murtadho & Salafuddin Abu Sayyid). Solo: al-Qowan.
- al-Mubarakfuri, Syaikh Shafiyurrahman. (2006). *Shahih tafsir Ibnu Katsir*. Bogor: Pustaka Ibnu Katsir.
- an-Naisaburi, Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi. (2012). *Shahih Muslim 1*. (Terjemahan Ferdinand Hasmand, Yumrani A, Tatam Wijaya & Zainal Muttaqin). Jakarta Timur: Penerbit Almahira.
- Asmaa Mohd. Arshad. (2012). Konsep ta'dib: Teras falsafah pendidikan Islam. Dalam Mohd. Zaidi Ismail & Wan Suhaimi Wan Abdullah (Ed.), *Adab dan peradaban* (hlm. 249-258). Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi Hj. Abdullah. (2011). *Mustadh'afin yang tertindas*. Pulau Pinang: Persatuan Pengguna Pulau Pinang.

- Azzam, Abdullah Yusuf. (1996). *Aqidah asas wawasan ummah*. (Terjemahan Ahmad Nuryadi Asmawi). Batu Caves: Pustaka Ilmi.
- Choudhury, G. W. (1993). *Islam and the modern muslim world*. Kuala Lumpur: WHS Publications Sdn Bhd.
- el-Muhammady, Abdul Halim. (2010). Maqasid syariah sebagai asas membina khayra ummah. *Seminar maqasid syariah : Menggagas ekonomi berkeadilan*. Anjuran Wadah Pencerdasan Umat Malaysia, Angkatan Belia Islam Malaysia dan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia. Kajang. 7-8 Ogos 2010.
- el-Muhammady, Muhammad `Uthman. (2001). Beberapa aspek dari pemikiran HAMKA tentang pendidikan. *HAMKA: Transformasi sosial di Alam Melayu* (hlm. 69-92). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Engineer, Asghar Ali. (1994). *Islam dan cabaran masa kini*. (Terjemahan Khadijah Abdullah). Petaling Jaya : Ikraq.
- Engineer, Asghar Ali. (1999). *Islam dan teologi pembebasan*. (Terjemahan Agung Prihantoro). Yogyakarta; Pustaka Pelajar.
- Feldman, R. S. (2011). *Understanding psychology. (10th ed.)*. New York: Mc-Graw Hill.
- Fraenkel, J. R. & Wallen N. E. (2009). *How to design and evaluate research in education. (7th ed.)*. New York: McGraw Hill Publishing Company.
- Gay, L.R., Mills, G. E., & Airasian, P. (2009). *Educational research: Competencies for analysis and applications. (9th ed.)*. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Gray, J. & Smith, G. W. (Eds.) (1991). *J.S. Mill on liberty in focus*. London: Routledge.
- Hakim, A. B. (2011). *Understanding morality*. New Jersey: Pearson Education Inc.
- HAMKA. (1967a). *Kerana fitnah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- HAMKA. (1967b). *Menunggu bedok berbunyi*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- HAMKA. (1976). *Cermin penghidupan*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Melayu Baru.
- HAMKA. (1979). *Tuan direktur*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- HAMKA. (1982a). *Di dalam lembah kehidupan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.

- HAMKA. (1982b). *Kenang-kenangan hidup*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Melayu Baru.
- HAMKA. (1983). *Tafsir al-Azhar (juzu' 13-14-15-16)*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- HAMKA. (1985). *Keadilan Ilahi*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- HAMKA. (1986). *Di bawah lindungan Kaabah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- HAMKA. (2004a). *Merantau ke Deli*. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd.
- HAMKA. (2004b). *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd.
- HAMKA. (2006a). *Islam & adat Minangkabau*. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd.
- HAMKA. (2006b). *Islam: Revolusi ideologi & keadilan sosial*. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd.
- HAMKA. (2007). *Terusir*. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd.
- HAMKA. (2008). *Dari lembah cita-cita*. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd.
- HAMKA. (2009). *Falsafah ketuhanan*. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd.
- HAMKA. (2010). *Teguran suci & jujur terhadap Mufti Johor*. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd.
- Haron Din. (2000). *Manusia dan Islam (jilid 1)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Henderson, G., Day, W., & Waller, S. (1994). *Literature and ourselves: A thematic introduction for readers and writers*. New York: Harpercollins College Publishers.
- Hennelly, A. T. (1995). *Liberation theologies: The global pursuit of justice*. USA: Twenty-Third Publication.
- Hesse-Biber, S. N. & Leavy, P. (2011). *The practice of qualitative research. (2nd ed.)*. California: SAGE Publications Inc.
- H. Rushdi Hamka. (2001). HAMKA : Keperibadian, sejarah hidup dan perjuangan. *HAMKA dan transformasi sosial di alam Melayu* (hlm. 1-12). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- H. Rusydi Hamka. (2002). *HAMKA pujangga Islam kebanggaan rumpun Melayu: Menatap peribadi dan martabatnya*. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd.
- Ismail Mohd Ariffin. (1988). *Kajian perbandingan antara di bawah lindungan kaabah dan anak yatim*. Kuala Lumpur: al-Rahmaniah.
- Jawas, Yazid Abdul Qadir. (2011). *Syarah `aqidah ahlus sunnah wal jama`ah*. (Terjemahan pasukan Pustaka Imam asy-Syafi`i). Bogor: Pustaka Imam asy-Syafi`i.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2011). *Dasar akidah muslim*. Skudai: Penerbit UTM Press Universiti Teknologi Malaysia.
- Kant, I. (2006). *Apa itu pencerahan?* (Terjemahan Pauline Fan). Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Lowy, M. (1999). *Teologi pembebasan*. Yogyakarta: Penerbit Insist dan Pustaka Pelajar.
- Mana Sikana. (1986). *Kritikan sastera: Pendekatan dan kaedah*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- M. Arief Halim. (2007). *HAMKA dan tafsir al-Azhar: Suatu kajian kualiti hadith*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- MacKinnon, B. (2012). *Ethics: Theory and contemporary issues. (9th ed.)*. USA: Wadsworth cengage learning.
- Merino, G. G. (1988). *A theology of liberation: History, politics and salvation*. (Trans. Caridad Inda & John Egleson). Maryknoll: Orbis.
- Misran Rokimin. (2006). *Isu pendidikan & pembangunan insan menerusi novel*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Akram Laidin (2010). Maqasid syariah sebagai dasar sistem ekonomi berkeadilan. *Seminar maqasid syariah: Menggagas ekonomi berkeadilan*. Anjuran Wadah Pencerdasan Umat Malaysia, Angkatan Belia Islam Malaysia dan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia. Kajang. 7-8 Ogos 2010.
- Mohammad Redzuan Othman. (2001). HAMKA : Sumbangan HAMKA dalam penulisan sejarah Islam di alam Melayu *HAMKA dan transformasi sosial di alam Melayu* (hlm. 17-36). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Asri Zainul Abidin. (2010a). *Bicara buat pemimpin dan rakyat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Mohd. Asri Zainul Abidin. (2010b). *Mengemudi bahtera perubahan minda*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd. Khalid Taib. (1984). *Pengantar kesusasteraan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd. Yusof Othman. (2009). Pendidikan sebagai wahana pentamadunan ummah. *Pasca sidang seminar pendidikan tinggi Islam I-V*. Kajang : Kolej Dar al-Hikmah.
- Morris, A. C., Walker, B. & Bradshaw, P. (1983). *Imaginative Literature. (4th ed.)*. USA: Harcourt Brace Jovanovich Inc.
- Muhammad Natsir (1980). *Fiqhud Da'wah*. Singapura: Himpunan Belia Islam Singapura.
- Mustafa Daud. (1992). *Sastera dakwah: Satu analisis kritis terhadap karya kreatif HAMKA*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Mustafa Daud. (2001). Pemikiran kesusasteraan dalam karya HAMKA: Keunikan dan sumbangan. *HAMKA: Transformasi sosial di Alam Melayu* (hlm. 47-67). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nadwi, Sayed Abul Hasan Ali. (2012). *Manusia & kemaruk kebendaan*. (Terjemahan Syed Putra Syed Ahmad). Kuala Lumpur: Unit Buku Harakah.
- Nurul Huda. (2006). *Perihal teologi pembebasan*. Capaian 13 Oktober 2010 daripada <http://nurulhuda.wordpress.com>.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia. (2000). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral*.
- Rahman Shaari. (1989). *Berkenalan dengan kritikan sastera*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ramadan, Tariq. (2013). *Jejak-jejak Rasulullah: Iktibar daripada kehidupan Nabi Muhammad*. (Terjemahan Noor Suraya Adnan Sallehuddin & Harny Abu Khair). Bandar Baru Bangi: JS Adiwarna Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ramli Awang. (2005). *Akidah: Penghayatan tauhid al-Quran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Rustam A. Sani. (2011). *Tinta Rustam A. Sani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Sarwan. (1996). *Profesor Dr. HAMKA dan sumbangannya terhadap perkembangan dakwah Islamiah di Indonesia*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sahlan Mohd. Saman. & Shaiful Bahri Md. Radzi (Eds.) (2005). *Persuratan Melayu: Tradisional ke moden*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Segundo, J. L. (1976). *Liberation of theology*. (Trans. John Drury). Maryknoll: Orbis
- Shahnon Ahmad. (1994). *Sastera: Pengalaman, ilmu, imaginasi dan kitarannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shariati, Ali. (1987a). *Syahadah: Kebangkitan dan kesaksian syahid* (Terjemahan M. Hashem). Lampung: Penerbitan Yapi.
- Shariati, Ali. (1987b). *Tugas cendekiawan Muslim*. (Terjemahan M. Amien Rais). Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Shariati, Ali. (1998). *Membangun masa depan Islam: Pesan untuk para intelektual muslim*. (Terjemahan Rahman Astuti). Bandung: Penerbit Mizan.
- Shariati, Ali. (2003). *Pemikir reformasi dan masyarakat revolusioner*. Pulau Pinang: Citizens International.
- Shimogaki, Kazuo. (1993). *Kiri Islam antara modernisme dan postmodernisme: Telaah pemikiran Hassan Hanafi*. Yogyakarta: Penerbit LKiS.
- Shukri Ahmad. (2011). *Pengaruh pemikiran ulama di Semenanjung Malaysia akhir abad ke-20*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Siddiq Fadzil. (2001). HAMKA : Mengangkat martabat umat dan tamadun Melayu: Tinjauan apresiatif terhadap pemikiran HAMKA. *HAMKA dan transformasi sosial di alam Melayu* (hlm. 1-20). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siddiq Fadzil. (2003). *Perspektif Qur'ani: Siri wacana tematik*. Kajang: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Siddiq Fadzil. (2006). *Kaum ilmuwan dan misi pencerahan*. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Siddiq Fadzil. (2009). *Pendidikan al-Hikmah dan misi pencerahan; Himpunan pidato kependidikan*. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan.

- Siddiq Fadzil. (2010). *Jaringan amal Islami di Alam Melayu: Menelusuri jejak pengaruh da'i Indonesia di Malaysia*. Kertas kerja Seminar PraSilaturrahim Nasional (SILATNAS) anjuran Dewan Dakwah Islamiah Indonesia (DDII). Jakarta. 25 September 2010.
- Siddiq Fadzil. (2011). Maqasid al-syari`ah : Aktualisasinya di ranah kemasyarakatan dan kemanusiaan. *Seminar maqasid syariah*. Anjuran Wadah Pencerdasan Umat Malaysia cawangan Negeri Perlis dan Angkatan Belia Islam Malaysia cawangan Negeri Perlis. Kangar. 19 Februari 2011.
- Siddiq Fadzil. (2012). *Islam dan Melayu: Martabat umat dan daulat rakyat*.Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Soedjatmoko. (1984). *Etika pembebasan*. Jakarta: Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial.
- Tafsir Pimpinan ar-Rahman*. (2013). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Umar Junus. (1984). *Sastera Melayu moden: Fakta dan interpretasi*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2012). *Kritikan sastera Melayu: Antara cerita dengan ilmu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. (2012). *Falsafah dan amalan pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas: Satu huraian konsep asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Wan Sabri Wan Yusof. (2001). Tafsir al-Azhar : Suatu gambaran perubahan sosial di Indonesia abad ke-20. *HAMKA: Transformasi sosial di Alam Melayu* (hlm. 21-46). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yus'aiman Jusoh @ Yusoff. (2006). *Nilai Perkembangan diri dalam pendidikan moral; Analisis terhadap novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Laporan kajian yang tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- ZA'BA. (2009). *Perangai bergantung pada diri sendiri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.